

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGKAL KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

**Tarikh** : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)

**Masa** : 9.30 Pagi

**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

| Bil. | Nama                                       | Jawatan/Ahli Kawasan                                       |
|------|--------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| 1    | Y.A.B. Lim Guan Eng                        | Ketua Menteri / Air Putih                                  |
| 2    | YB. Dato' Law Choo Kiang                   | Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri                       |
| 3    | YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon      | Tim. Ketua Menteri I/Pantai Jerejak                        |
| 4    | YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy   | Timbalan Ketua Menteri II/Perai                            |
| 5    | YB. Chow Kon Yeow                          | Padang Kota                                                |
| 6    | YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim | Batu Maung                                                 |
| 7    | YB. Chong Eng                              | Padang Lalang                                              |
| 8    | YB. Lim Hock Seng                          | Bagan Jermal                                               |
| 9    | YB. Law Heng Kiang                         | Batu Lancang                                               |
| 10   | YB. Phee Boon Poh                          | Sungai Puyu                                                |
| 11   | YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh     | Datok Keramat                                              |
| 12   | YB. Dr. Afif Bin Bahardin                  | Seberang Jaya                                              |
| 13   | YB. Dato' Haji Maktar Bin Haji Shapee      | Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap |
| 14   | YB. Wong Hon Wai                           | Air Itam                                                   |
| 15   | YB. Ong Kok Fooi                           | Berapit                                                    |
| 16   | YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin        | Penanti                                                    |
| 17   | YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man        | Permatang Pasir                                            |
| 18   | YB. Tanasekharan A/L Autherapady           | Bagan Dalam                                                |
| 19   | YB. Yeoh Soon Hin                          | Paya Terubong                                              |
| 20   | YB. Teh Yee Cheu                           | Tanjong Bunga                                              |

|    |                                              |                    |
|----|----------------------------------------------|--------------------|
| 21 | YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji       | Seri Delima        |
| 22 | YB. Ong Chin Wen                             | Bukit Tengah       |
| 23 | YB. Lau Keng Ee                              | Pengkalan Kota     |
| 24 | YB. Cheah Kah Peng                           | Kebun Bunga        |
| 25 | YB. Lim Siew Khim                            | Sungai Pinang      |
| 26 | YB. Teh Lai Heng                             | KOMTAR             |
| 27 | YB. Yap Soo Huey                             | Pulau Tikus        |
| 28 | YB. Soon Lip Chee                            | Jawi               |
| 29 | YB. Lee Khai Loon                            | Machang Bubuk      |
| 30 | YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa       | Batu Uban          |
| 31 | YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid             | Telok Ayer Tawar   |
| 32 | YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad     | Pulau Betong       |
| 33 | YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin             | Pinang Tunggai     |
| 34 | YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria            | Sungai Acheh       |
| 35 | YB. Datuk Mohd Zain Bin Ahmad                | Penaga             |
| 36 | YB. Omar Bin Haji Abd Hamid                  | Permatang Berangan |
| 37 | YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor             | Sungai Dua         |
| 38 | YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah | Telok Bahang       |
| 39 | YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman           | Bertam             |

## **TIDAK HADIR**

|                      |             |
|----------------------|-------------|
| YB. Nordin Bin Ahmad | Bayan Lepas |
|----------------------|-------------|

## **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

| <b>Bil.</b> | <b>Nama</b>                           | <b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>    |
|-------------|---------------------------------------|--------------------------------|
| 1           | YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus | Setiausaha Kerajaan Negeri     |
| 2           | YB. Dato' Hajah Aliza Binti Sulaiman  | Penasihat Undang–Undang Negeri |
| 3           | YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait  | Pegawai Kewangan Negeri        |

## **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri  
 Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan disambung semula pada jam 9.30 Pagi***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri:**

“Doa.”

**Setiausaha:**

Soalan Lisan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Sungai Aceh.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan No. 19.

19. Yang di-Pertua Majlis Agama Islam sekarang dipegang oleh YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man yang akan tamat kontrak beliau pada penghujung tahun 2015. Apakah kontrak beliau akan disambung semula atau akan ada lantikan baharu bagi menggantikan beliau?
  - (a) Jika tidak, adakah akan dilantik dari kalangan Ahli PAS Negeri Pulau Pinang ataupun Kerajaan Negeri akan mengguna pakai desakan Ahli Mesyuarat Kerajaan untuk memilih Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dari kalangan YB. PKR memandangkan DAP telah memutuskan hubungan dengan PAS.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaruhkatuh*, YB. Dato' Yang di-Pertua, menjawab soalan Sungai Aceh. Pelantikan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, 1993. Di bawah Seksyen 6 Enakmen tersebut diperuntukkan bahawa Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Majlis hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi suatu tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah pun mengemukakan cadangan keanggotaan Ahli Majlis Agama Islam bagi tahun 2016 hingga 2017 seperti yang dikehendaki oleh enakmen berkenaan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Oleh kerana ia termaktub kepada perkenan Tuanku maka keanggotaan tersebut tidak dapat dimaklumkan.

YB. Sungai Aceh telah membuat pertanyaan berhubung dengan tentang pelantikan dan dikatakan di sini yang menyebut pelantikan di kalangan Ahli PAS ataupun PKR ataupun DAP dan sebagainya. Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, iaitu pelantikan cadangan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kita tidak mengambil kira parti-parti. Kalau kita dapat lihat Yang di-Pertua Majlis Agama Islam yang pertama selepas YB. Shahabudin dahulu adalah Ustaz Elias Zakaria yang beliau tidak di bawah parti mana-mana. Oleh demikian, keanggotaan parti bukanlah menjadi perkiraan dalam pelantikan Yang di-Pertua ataupun mana-mana ahli majlis. Ia adalah di atas cadangan budi bicara Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk dihantar, untuk diperkenankan oleh Tuanku. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Terima kasih. Maksudnya Dato' Speaker, maksud Batu Maung tadi nama-nama telah dicadang oleh Kerajaan Negeri kepada Agong, betul? Jadi boleh dapat jawapan yang pertama, adakah nama Yang di-Pertua Majlis Agama Islam yang lama yang sekarang ini Dato' Mohd. Salleh daripada Permatang Pasir dicadangkan semula?

Yang kedua. Kalau ianya dicadangkan atas tiket apa? Sedangkan dia adalah mewakili PAS dan hubungan PAS dengan Pakatan Harapan telah pun terputus. Yang ketiga, kalau YB. Permatang Pasir tidak dilantik, siapa pula akan dilantik? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Dato' Yang di-Pertua, saya ingat Sungai Aceh tadi terlelap tidur kot saya rasa. Semasa saya jawab tadi, saya dah kata di sini tidak ada perkiraan parti, satu. Yang kedua, saya kata oleh kerana ia tertakluk kepada perkenan Tuanku maka keanggotaan tersebut tidak dapat dimaklumkan lagi. Yang ketiga, di bawah Akta Rasmi, apabila keputusan EXCO dibuat maka ia termaktub di bawah Akta Rahsia, so kalau pihak EXCO belum lagi mengeluarkan minit itu di bawah Akta Rahsia, saya tidak dapat mengemukakan di dalam Dewan ini. Terima kasih Yang di-Pertua.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Respon itu tak apalah. Soalan *you* dah tanya habis.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Respon Batu Maung. Saya sebenarnya bukan tidur, yang tidur YB. Batu Maung pasal itu dia nampak kejutannya berbeza. Bila bangun dari tidur dia terkejut pula.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat berhati-hati menggunakan perkataan. Seterusnya saya persilakan YB. Pulau Tikus. Seterusnya silakan YB. Sungai Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

YB. Yang di-Pertua Dewan, soalan saya soalan No. 21.

21. Sila nyatakan:

- (a) Status TP1M di Pulau Pinang.
- (b) Status APDL yang tertunggak daripada pemaju di Pulau Pinang.
- (c) Langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membekalkan rumah mampu milik kepada warga Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Sungai Pinang. YB. Dato' Speaker ke atas soalan YB. Sungai Pinang begitu sekali kepada saya di mana ada tiga bahagian kepada soalan beliau iaitu:

- (1) Apakah status Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di Pulau Pinang?
  - (2) Apakah status APDL ataupun Advertising Permit and Developer License or permit iklan dan lesen pemaju? YB. Speaker yang tertunggak daripada pemaju di Pulau Pinang.
  - (3) Langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membekalkan rumah mampu milik kepada warga Pulau Pinang.
- (3) Saya ingat pada tempoh hari saya telah pun jawab ke semua soalan ini tetapi memandangkan ada soalan lisan saya akan memberi butir-butiran secara ringkas, Dato' Speaker.

Berkenaan yang pertama, Dato' Speaker. Status Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang permohonan-permohonan untuk peruntukan penyelenggaraan di bawah tabung ini dibuat melalui Persuruhjaya Bangunan di kedua-dua belah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). *The COB of both local authority ...*(dengan izin) dan di kedua-dua MBPP dan MPSP sejak diperkenalkan tabung ini, kita ada 144 permohonan ke semuanya menurut rekod kita dan daripada ke semua 144 permohonan ini daripada kedua-dua PBT, 26 sahaja yang telah diluluskan. Saya telah pun nyatakan di Dewan ini sebelum ini dan masih tertunggak 118 permohonan. Itu jawapan kepada soalan pertama.

Nombor dua (2), berkenaan status APDL yang tertunggak daripada pemaju di Negeri Pulau Pinang. Seperti mana saya telah pun nyatakan sebelum ini berdasarkan maklumat ataupun secara khusus surat daripada Jabatan Perumahan Negara yang bertarikh 27 Julai 2015. Dari tempoh Ogos tahun dahulu 2014 sehingga Julai tahun ini, tahun 2015 sebanyak 81 permohonan APDL telah diterima oleh kementerian dan daripada ini 34 permohonan telah pun diluluskan yang menjadikan tertunggak 47 permohonan, Dato' Speaker.

Berkenaan soalan yang ketiga daripada YB. Sungai Pinang iaitu berkenaan isu apakah langkah kerajaan untuk membekalkan rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Dato' Speaker, secara ringkas saya memastikan usaha membangun dan membekalkan rumah mampu milik kepada warganegara Pulau Pinang maka Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun merancang dan meluluskan pembinaan sebanyak 22,512 unit rumah mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang yang merangkumi 787 unit rumah kos rendah, 7,874 unit rumah kos sederhana rendah dan 13,851 unit rumah mampu milik.

Di samping itu, Dato' Speaker, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan Garis Panduan Rumah Mampu Milik 100% untuk pemaju swasta yang telah pun diluluskan pada 26 Ogos 2014. Garis panduan ini diperkenalkan sebagai inisiatif untuk menggalakkan pemaju swasta membina rumah mampu milik 100% di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Datok Keramat, setahu saya yang akan menguruskan tabung ini, permohonan ini adalah dibuat oleh JMB kepada COB. Adakah dalam keadaan tertentu di mana pemaju tidak mahu menyerahkan projek yang lama itu kepada JMB ataupun JMB tidak ditubuhkan. Boleh tak persatuan penduduk membuat permohonan kerana ini berlaku di tempat saya di mana tidak ada JMB dan kerana pemaju tidak memberi kerjasama dan kita akan membuat permohonan melalui persatuan penduduk. Boleh atau tak boleh?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Setahu saya YB. Pulau Betong, soalan yang baik ini kerana memang ini bukan keadaan yang berlaku cuma di kawasan keseluruhan Pulau Pinang kerana kita lihat ada banyak skim strata di mana mereka tak laksanakan tanggungjawab mereka di bawah Akta Strata. Akta Strata yang memerlukan, menghendaki mereka menubuhkan JMB. Tapi setahu saya kalau tiada JMB untuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia kerana mereka ada dia punya *term of procedure* dia punya prosedur memerlukan setahu saya supaya ada JMB. JMB membuat permohonan kepada COB, COB pergi ke kementerian. Tetapi untuk makluman YB. Pulau Betong, kerana masalah ini telah timbul sebelum ini untuk tabung yang kita wujudkan di Negeri Pulau Pinang, di peringkat negeri iaitu 80/20 saya sebut dalam sidang Dewan awal tadi. Itu kita ada ruang untuk mempertimbangkan permohonan daripada persatuan penduduk sekiranya JMB tidak ditubuhkan. Jadi saya ajak rakan saya daripada Pulau Betong untuk kes yang disebut tadi, *please come and see me*, kita cuba tengok sekiranya boleh kita pergi melalui 80/20. TP1M bukan dibawah *jurisdiction* ataupun bidang kuasa kita itu di bawah bidang kementerian.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Datok Keramat, boleh kita minta daripada COB dekat MBPP untuk beri penjelasan jawapan kepada persoalan saya tadi ni dalam penggulangan nanti.

### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Boleh dapat pengesahan kerana ini prosedur kementerian tapi setahu saya, saya *have gone through this before, the* kementerian memerlukan melalui JMB, *so only the* JMB yang boleh mohon pada COB, *but I will ask for* pengesahan kalau mereka boleh setuju memang kita pun mengalu-alukan kerana ada banyak kes di mana cuma ada persatuan dengan tiada JMB, Dato' Speaker....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Jawapan daripada Datok Keramat. Tentang program penyelenggaraan 80/20 iaitu 'HAPPY' sebabkan di kawasan saya ada beberapa rumah pangsa telah memohon program TP1Malaysia tetapi tidak ada jawapan lagi. Jadi tidak layan lagi. Jadi saya ingin memohon supaya program 'HAPPY' iaitu penyelenggaraan seperti bumbung, tangki air yang bocor dan lif dan yang ini yang kritikal dapat dilonggarkan syaratnya sebab bukan sahaja kos rumah rendah dan kos rumah sederhana rendah sahaja yang menghadapi masalah sedemikian. Di kawasan Sungai Pinang ada banyak flat-flat yang melebihi harga RM72,500, yang seperti bila harga belian RM78,000 atau RM80,000. Adakah boleh ada kelonggaran syarat atau pertimbangan daripada Kerajaan Negeri supaya mengizinkan permohonan ini juga dipertimbangkan. Lagi satu (1) ialah selain daripada untuk pembaikan lif atau tangki yang bocor, ada permintaan juga untuk mengecat semula flat-flat yang begitu lama dan begitu usang, warna sudah *fade*, sudah begitu usang. Jadi boleh tak juga melonggarkan syarat supaya flat-flat sedemikian juga boleh membuat permohonan, *maybe* bukan 80:20, *maybe* 50:50, 60:40 dan ini juga selaras dengan *Penang Cleaner Greener, it's look more* cantik. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dato' Speaker, sebenarnya saya tidak mahu dengar soalan ini kerana soalan ini memang kalau nak jawapan, senang sahaja. Soalan tanya sama ada boleh atau tidak. Kalau tanya saya, saya memang kata ya, boleh. Tapi hakikatnya kita hendak tahulah apakah dana yang ada dengan Kerajaan Negeri dan apakah hasrat dan matlamat ataupun tujuan dan objektif tabung ini. Sebelum saya jawab secara ringkas, ingin saya nyatakan terlebih dahulu di sini bahawasanya, semua projek-projek skim berstrata sebenarnya di bawah undang-undang, memerlukan semua penduduk membayar caj penyelenggaraan bulanan. Sekiranya yang optimum di capai, 100% membayar caj penyelenggaraan bulanan, kita perlu pun ada tabung ini Dato' Speaker, kerana mereka dapat membiayai kos penyelenggaraan secara sendiri dan itu adalah hakikat dan keadaan di bidang kuasa ataupun di negara lain.

Kita pergi ke Singapura, Dato' Speaker, / bagi satu contoh, apabila saya pergi ke Singapura, antara lain perkara yang kita hendak belajar ataupun dapat tahu lebih maklumat daripada bidang kuasa itu, kita lihat kepada rumah mampu milik, bagaimana mereka buat rumah mampu milik dan sebagainya. Tapi saya selalu nyatakan selepas kita bekalkan rumah itu, yang isu dia yang kedua yang penting adalah penyelenggaraan. Dan kita lihat di Malaysia juga ada dari Pusat, Tabung Penyelenggaraan. Saya pergi ke sana, saya tanya *Housing Development Board* Singapura, satu soalan, *actually* bagaimana *you* uruskan penyelenggaraan kamu? Adakah kamu ada apa-apa cara untuk memastikan kutipan itu optimum? Apakah keadaan di sini? Singapura HSDB jawab kepada saya, kita tak ada masalah. Saya pergi ke Singapura untuk dapat satu jawapan kepada soalan, tapi

saya tak boleh dapat jawapan itu kerana di situ minda mereka berlainan. Semua penduduk bayar 100% kutipan mereka, Dato' Speaker. Jadi saya pun hairan, pergi Singapura nak dapat jawapan kepada soalan itu tak dapat. Mungkin saya perlu tunggu pergi ke satu *third world country* untuk dapat jawapan itu. Tapi, *I'm very serious about this issue, why I admire raising this because* kita sepatutnya keluar daripada belenggu minda ini di mana kita selalu ingat ada tabung tak payahlah, kerajaan, wakil rakyat akan bayar. *Actually that is the beginning we must start from that. They must be* lebih pendidikan. Lebih kesedaran mengapa dan apa tujuan bayar caj penyelenggaraan, bukan untuk pergi ke dalam poket sesuatu orang tetapi pergi kepada dana skim strata itu supaya skim itu boleh berfungsi dengan sendiri, *self sustainable* Dato' Speaker, *if I can say that*, dengan kata-kata itu saya balik kepada YB. Sungai Pinang. Malangnya di negara ini, *like I said*, TP1Malaysia *is the* pusat program.

Saya harap suatu hari di Pulau Pinang kita boleh memupuk kesedaran ada pendidikan, tak perlu lagi kita ada tabung sebegini kerana boleh *self sustainable*. Kita, *Penang must educate and raise the level of awareness why it is important to pay this maintenance charges*, Dato' Speaker. Tapi malangnya seperti mana saya nyatakan, itu bukan ataupun keadaan di mana kita ada pada hari ini. Jadi kita sedar, rumah-rumah kos rendah, projek-projek berskim strata kos rendah dan kos sederhana rendah, mereka ini, penduduk perlu bantuan kita. Kita sedar, dan kita sebagai Kerajaan Negeri merupakan salah satu Kerajaan Negeri yang mempunyai Skim HAPPY! ataupun *Housing Assistance Programme For Penang Yes* untuk meringankan beban di bahu penduduk-penduduk rumah-rumah berskim strata kos rendah dan kos sederhana rendah ini. Di mana kita membiayai, menampung baki yang perlu dibayar oleh penduduk-penduduk di bawah TP1M kalau diluluskan iaitu 10% mereka perlu bayar untuk projek kos rendah, 30% untuk kos sederhana rendah.

Berbalik kepada soalan rakan saya YB. Sungai Pinang tadi, sama ada kita boleh pertimbangkan untuk memperluaskan pemberian peruntukan ini, luar daripada kos rendah dan kos sederhana rendah, kita boleh pertimbangkan Dato' Speaker kerana saya percaya ada banyak skim strata yang mungkin melebihi had kos rendah, kos sederhana rendah dengan tidak begitu banyak kerana kos rendah *is* 42,000 Dato' Speaker, *today*. Kos sederhana rendah *is* 72,000 *today*, *so if you look at the project*, kalau kita ada projek 10 tahun dahulu, mungkin ia RM70,000 *actually it's not* kos sederhana rendah pada tarikh itu tapi kita masih pertimbangkan *as long as it is RM42,000 and 72*, the question that Sungai Pinang is asking, *whether it is RM90,000 or RM100,000*. Mungkin kita boleh pertimbangkan tapi di peringkat ini kalau saya nak kata ya, ia mungkin membuka *flood gate* dan kita perlu mungkin buat satu kajian, lihat kepada berapa skim strata yang wujud dan berapa harga rumah-rumah tersebut dan juga dikatakan tadi berkenaan *critical is* 80/20 di Pulau Pinang, tabung kita. Iaitu lif, tangki air, pendawaian, *critical issues*, ada permintaan untuk pengecatan, kita tidak benarkan pengecatan di bawah 80:20 kerana kita lihat itu sebagai bukan kritikal. Tapi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia membenarkan pengecatan. Kita haraplah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia, saya minta rakan-rakan saya di sebelah sana, mintalah Pusat luluskan RM30 juta yang diminta daripada 118 skim ini yang juga termasuk skim yang dikatakan Sungai Pinang itu. Itu *actually is the answer to it all*. Tapi di Pulau Pinang kerana dana kita tidak begitu besar, kita perlu kaji sama ada ia boleh dibenarkan dan ada satu cadangan yang baik dari Sungai Pinang, mungkin kalau bukan 80:20 untuk kes-kes seperti pengecatan, mungkin kita boleh buat suatu kuota yang berbeza seperti 50:50, 60:40. Saya akan pertimbangkan Dato' Speaker. Sekian.



## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua, silakan.

## **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan saya, soalan 22.

22. (a) Berapa ramaiakah usahawan belia yang telah berjaya dilahirkan oleh Kerajaan Negeri dari tahun 2008 hingga 2015? Senaraikan.
- (b) Berapakah peruntukan yang disediakan untuk membantu usahawan-usahawan belia dari tahun 2008 - 2015? Senaraikan.
- (c) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk membangunkan usahawan dan apakah bentuk program yang telah, sedang dan akan disusun? Senaraikan.

## **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Dua di atas soalan lisan. Dia ada tiga (3) bahagian. Pertama, tentang berapa ramai usahawan, kedua, berapa peruntukan, ketiga, tentang perancangan usahawan muda.

Kerajaan Negeri amat serius dalam memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang mendapat peluang meningkatkan pendapatan mereka dengan galakan menceburi bidang perniagaan. Sejak 2008 hingga 2015, selama 7 tahun ada 1,328 orang usahawan belia telah dilahirkan melalui Projek PTSR Negeri Pulau Pinang. Manakala dalam tabung yang terbaru, yang baru dilancarkan pada tahun lepas, seramai 24 orang usahawan belia tani dirujukkan dalam Skim Pinjaman Mikro Kredit (TUTM) Negeri Pulau Pinang. Ini secara langsung dikendali di bawah EXCO YB. Dr. Afif.

Kemudian yang kedua, Kerajaan Negeri melalui PDC dari segi jumlah peruntukan melalui PTSR, sebanyak RM9,165,630 secara langsung dan yang mendapat manfaat sejak 2008 hingga 2015, 2,119 orang. Jadi kalau ditolak dengan usahawan belia tadi, 1,328 jadi yang di luar belia ialah 791 orang. Manakala jumlah TUTM ialah RM250,000.00 diperuntukkan untuk mereka. Sebenarnya 24 orang peruntukan diterima dari 25 cuma seorang telah pun ditolak ataupun di *reject* dalam permohonan TUTM tersebut. Ketiga tentang perancangan, Kerajaan Negeri melalui program peningkatan dan pemulihan ekonomi telah disalurkan kepada pejabat-pejabat daerah turut memfokuskan kepada peniaga-peniaga kecil yang pendapatan mereka kurang daripada RM3,000.00 sebulan dan telah beroperasi sekurang-kurangnya setahun. Ia lebih pendek jangka masanya jika dibandingkan PTSR iaitu tiga (3) tahun dan perlu ada premisnya sendiri. Bantuan ini adalah dalam bentuk peralatan bagi perniagaan sedia ada bertujuan untuk meningkatkan kapasiti *output* perniagaan mereka. Maknanya bukan *beginners* .... (dengan izin).

Seterusnya bagi usahawan-usahawan perancangan untuk belia wanita, Perbadanan Pembangunan Wanita (PWDC) dengan kerjasama Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita Seberang Perai Tengah telah menganjurkan Program Wanita Pemangkin

Ekonomi, Fiesta Keusahawanan Wanita Seberang Jaya pada tahun 2013 dengan penglibatan 200 peserta. Program tersebut dengan kerjasama MPSP, Bahagian Perlesenan Perniagaan Kecil, PDC, PTSR, bank-bank yang memberi pinjaman kepada usahawan serta *consultant-consultant* pemasaran. Tujuan program tersebut adalah untuk mendedahkan usahawan khususnya wanita setempat kepada agensi dan jabatan yang selama ini memberi bantuan dari segi pinjaman bagi memulakan perniagaan mereka. Program terkini yang dianjurkan bagi membantu usahawan wanita juga pada 16 hingga 19 Mac 2015 sempena sambutan Hari Wanita Sedunia.

MMK Perhubungan Masyarakat dan MMK Pembangunan Wanita dengan kerjasama PWDC telah menganjurkan sebuah Karnival Usahawan Wanita di Pulau Pinang berlangsung empat (4) hari di ruang legar KOMTAR. Matlamat karnival ini adalah untuk mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh usahawan wanita dalam ekonomi negeri di samping menggalakkan pembangunan ekonomi mereka serta memberi *platform* untuk memperkenalkan produk serta *service* atau perkhidmatan dalam memperluaskan bidang perniagaan mereka.

Selain daripada pelaksanaan program Skim Mikro Kredit, TUTM, PDC telah memasarkan program keusahawanan bagi membantu membangunkan usahawan termasuk belia-belia melalui program pembudayaan dan bimbingan usahawan seperti kursus dan juga seminar. Program ini diwujudkan bagi membantu usahawan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi mengembangkan perniagaan. Ini kita panggil daripada orang ramai dan setakat 2008 hingga 2015, tujuh (7) tahun telah menganjurkan 85 kursus-kursus dengan penyertaan seramai 2,793 orang. Maknanya, satu kali program lebih kurang 30 hingga 32 peserta. Jadi, ini memberikan peluang kepada semua untuk jaringan perdagangan dan pepadanan perniagaan di peringkat tempatan dan juga ASEAN melalui perniagaan wilayah IMTGT, dewan-dewan perniagaan untuk menjalin rangkaian bagi menembusi pasaran luar terutama Indonesia dan Wilayah Selatan Thailand. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan. Kerajaan Pusat menjalankan pelbagai usaha di Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan belia menjadi usahawan dan terlibat dalam bidang perniagaan dan IKS. Antaranya daripada pihak TEKUN, MARA, Agro Bank, TERAJU, PUNB, NCIA, PERDA dan Focus Group dan sebagainya. Pihak Kerajaan Pusat menyediakan kemudahan dari segi pinjaman modal, peralatan, kursus, lot-lot perniagaan dan juga kilang-kilang bimbingan.

Soalan saya, bolehkah pihak Kerajaan Negeri menyediakan lot-lot perniagaan yang sesuai serta menyediakan mungkin satu karnival, satu macam pasar, pasar macam di PERDA itu, khas untuk belia berniaga ataupun menyediakan kemudahan lot-lot perniagaan untuk belia-belia. Soalan yang kedua, bagi mengelakkan penggangguran di kalangan graduan muda, bidang yang perlu diberi peluang adalah bidang keusahawanan dan juga perniagaan. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam melibatkan graduan dalam sektor keusahawanan selain daripada langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Pusat. Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih di atas makluman tentang peluang-peluang lebih besar daripada Kerajaan Persekutuan. Kita tidak nafikan bahawa peserta yang telah saya sebutkan jumlah mereka tadi, mereka juga sebenarnya dimaklumkan melalui *consultant-consultant coacher* ataupun program-program *coaching* ini ....(dengan izin) di mana mereka juga didedahkan dengan peluang-peluang selain daripada apa yang Kerajaan Negeri sediakan. Jadi di sini sememangnya kita mengambil kira peluang-peluang yang ada dan apabila disebut tentang adakah sana satu (1) tempat yang khusus? Setakat ini kita tidak ada spesifik tidak ada tempat yang khusus. Tetapi sememangnya kita menganjurkan melalui MMK saya karnival-karnival yang bergerak daripada satu tempat ke satu (1) tempat yang mengambil masa tempoh 10 hari. Contohnya buat masa ini ada Karnival Orkid pernah buat di Bertam, kemudian baru-baru ini buat di Seberang Perai Tengah di Jalan Baharu. Jadi ini memberikan galakkan peluang kepada mereka. Tetapi tidak ada tempat yang khusus buat masa ini.

Tentang graduan muda ini, kita juga melalui seminar-seminar yang telah saya sebutkan tadi dengan kursus-kursus yang kita buat, kita buka dan sebenarnya dalam MMK saya juga, saya akan menghimpunkan mana-mana organisasi yang boleh membantu untuk berdialog dengan mereka dan kita mengambil kira peserta daripada pelbagai peserta termasuk graduan-graduan yang sementara mencari pekerjaan. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

### **Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya tertarik dengan soalan oleh Sungai Dua dan juga jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pantai Jerejak. Soalan saya ialah walaupun Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat memberi bantuan dan juga mengadakan program untuk membantu golongan belia. Saya dapati kadang-kadang mungkin berlaku program ataupun seminar-seminar ataupun bantuan-bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri mungkin sama. Jadi soalan saya ialah bagaimana Kerajaan Negeri mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa seorang belia tidak mendapat faedah daripada kedua-dua bantuan yang diberikan. Maksud saya kita tidak mahu seorang saja yang mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Untuk memastikan bahawa bantuan yang diberikan oleh kedua pihak ini dimanfaatkan dengan sebaiknya. Bagaimana caranya untuk memastikan supaya lebih ramai lagi yang mendapat bantuan dan juga manfaat daripada program-program ini. Terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri I:**

Terima kasih soalan tambahan daripada Ahli Kawasan Penaga. Di dalam pemilihan bakal-bakal usahawan ataupun usahawan yang ingin menyertai program-program yang kami sediakan, sebenarnya diatur dia ataupun diurusetikan khususnya oleh PDC unit Pembangunan Usahawan di mana ada panel yang akan menerima permohonan-permohonan mereka. Jadi dari segi borang permohonan yang mereka

mohon itu maka kita akan teliti dan mereka akan menemubual dan menemuduga mereka. Jadi sekiranya mereka telah pun mendapat contohnya sumbangan ataupun telah menerima bantuan daripada pihak Persekutuan kita bagi *less priority* kepada mereka yang contohnya baru dua (2) tahun ataupun tiga (3) tahun memang tidak ada rekod bahawa mereka telah menerima bantuan daripada mana-mana pihak jadi kita beri keutamaan kepada mereka jadi *prioritization* itu kita buat melalui panel yang telah kita sediakan melalui PDC. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri soalan saya ialah nombor 23.

23. Senaraikan projek-projek yang dijalankan di atas bukit yang mempunyai 25 *degree slope* atau lebih 250 *degree slope* yang diluluskan oleh MBPP sejak tahun 2008.

Senaraikan bagi pengondolon bukit-bukit secara tidak sah sejak 2008 dan apakah tindakan yang telah diambil.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB. Batu Uban. Sebanyak 56 projek yang dijalankan di atas bukit yang mempunyai kecerunan 25 darjah atau ketinggian lebih dari 250 kaki atas paras laut diluluskan oleh MPPP sejak tahun 2008. Manakala pengondolan bukit secara tidak sah atau tanpa kebenaran merancang sejak tahun yang sama adalah sebanyak 68 kes. Butir-butir bagi dua (2) soalan ini akan diberikan kepada Yang Berhormat. Tindakan yang telah dan boleh diambil oleh MBPP terhadap penerokaan bukit bukau secara haram adalah seperti berikut.

- (i) Mengenakan notis menghentikan kerja tanah di bawah seksyen 70(a) Akta Jalan Parit Dan Bangunan. Pemilik tanah diminta menjalankan atau dikenakan syarat-syarat untuk mengemukakan perancangan kerja-kerja pemulihan tanah.
- (ii) Memberhentikan segala aktiviti kerja tanah di tapak dengan serta-merta.
- (iii) Menutup tebing-tebing cerun dengan kepingan *geotech star* sebagai langkah sementara dan menanam rumput secara rapat sebagai langkah panjang.
- (iv) Mengarah pemilik tanah mengemukakan pelan spesifikasi kerja tanah melalui Jurutera Perunding bertauliah untuk kelulusan Majlis. Pemilik tanah juga boleh di dakwa di mahkamah mengikut seksyen 70(a) Akta yang sama. Sekian.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila YB. Kebun Bunga.

## **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker soalan saya soalan No. 24.

24. Apakah yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah jerebu di negeri ini? Apakah inisiatif Kerajaan Negeri agar memastikan Kerajaan Persekutuan akan mencari jalan penyelesaian dalam masa yang tersingkat supaya negara kita akan bebas daripada masalah jerebu ini?

## **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya mencadangkan untuk menjawab soalan 24 bersama dengan 27 daripada Seri Delima. Kerosakan kualiti udara yang membawa kepada kejadian jerebu boleh berlaku dalam dua (2) keadaan iaitu akibat daripada punca tempatan dan pencemaran rentas sempadan. Secara amnya pencemaran merentas sempadan seperti jerebu yang melanda Malaysia dan fenomena yang sering berlaku setiap tahun disebabkan pembakaran terbuka hutan dan ladang tanpa kawalan oleh negara jiran.

Punca-punca tempatan yang memburukkan lagi keadaan jerebu adalah disebabkan pembakaran secara terbuka, pelepasan asap kenderaan serta kilang yang melebihi tahap yang dibenarkan. Justeru itu langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesan jerebu adalah lebih bertumpu kepada usaha-usaha domestik seperti berikut:

- (i) Mengaktifkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan serta perwakilan kuasa bagi menangani masalah pembakaran terbuka di peringkat negeri seperti dalam Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa) (Penyiasatan Pembakaran Terbuka) 2000, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;
- (ii) Menjalankan rondaan secara berkala melibatkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di kawasan-kawasan yang berpotensi untuk berlaku pembakaran terbuka seperti tapak pelupusan sampah haram, tapak-tapak pembinaan dan kawasan pertanian. Sekiranya terdapat aktiviti pembakaran terbuka dikesan semasa rondaan tersebut, tindakan undang-undang sama ada kompaun atau tindakan mahkamah akan diambil ke atas pihak yang menjalankan pembakaran terbuka tersebut; dan
- (iii) Sekiranya terdapat aktiviti terbuka kesan semasa rondaan tersebut tindakan undang-undang sama ada kompaun atau tindakan mahkamah akan di ambil ke atas pihak yang menjalankan pembakaran terbuka tersebut dan pemeriksaan dan ujian berjadual dilakukan oleh JAS bagi memastikan pelaksanaan asap dan aktiviti perindustrian dan kenderaan bermotor sentiasa memantau had yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peralatan-peralatan dibawahnya bagi memastikan kualiti

udara setempat sentiasa ditahap bersih dan sihat serta tidak menyebabkan berlaku jerebu yang di akibat oleh punca tempatan. Tindakan penguatkuasaan yang tegas termasuk notis letak larangan kompaun dan tindakan mahkamah akan diambil terhadap pihak yang melakukan kesalahan.

Isu jerebu merupakan isu nasional melibatkan negara jiran. Sehubungan itu, maklum balas jerebu kepada pihak Kerajaan Republik Indonesia yang dikendali di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri juga mengambil inisiatif dengan kemukakan memorandum kepada pihak Konsulat Indonesia masa jerebu yang semakin kritikal di Malaysia dan Pulau Pinang pada 23 Oktober 2015. Cadangan mengenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan terhadap syarikat-syarikat Malaysia yang berpangkalan di Pulau Pinang yang bertanggungjawab menyumbangkan jerebu melanda Pulau Pinang perlu di teliti ke atas kebolehan pelaksanaannya. Sebarang tindakan undang-undang yang berbangkit berkaitan dengan isu jerebu yang melanda negara hanya boleh dilaksanakan berasas kepada hubungan diplomatik di antara Kerajaan Republik Indonesia Dan Kerajaan Pusat Malaysia. Sekiranya ada sebarang tindakan undang-undang terhadap syarikat-syarikat yang terlibat maka ia akan berasas kepada perhubungan dan kemampuan tersebut dikendali oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri pada masa yang sama juga telah main peranan mengambil inisiatif untuk mengeluarkan memorandum isu-isu ini kepada Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Sungai Puyu atas penjelasan yang diberikan. Soalan saya juga telah dijawab iaitu soalan nombor 27. Saya ingin bertanya beberapa soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan di mana kita lihat inisiatif yang di ambil Kerajaan Negeri untuk menghantar memorandum kepada kedutaan Indonesia itu adalah satu tindakan proaktif berbanding dengan Kerajaan Persekutuan di mana saranan yang di buat oleh Timbalan Perdana Menteri kita lihat dan juga telah diberi liputan adalah pendirian Kerajaan Persekutuan untuk tidak beri apa-apa tekanan kepada Kerajaan Republik Indonesia untuk menyelesaikan pasca jerebu yang melanda negara dan negeri kita setiap tahun.

Saya ingin bertanya kepada YB. Sungai Puyu kalau kita boleh menghalusi undang-undang untuk mengambil tindakan-tindakan. Pertamanya mengesan syarikat-syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang yang beroperasi di Indonesia dan bila syarikat-syarikat ini dikenal pasti sebagai bertanggungjawab menyumbang secara langsung atau tidak langsung, kita boleh mempertimbangkan mengambil tindakan-tindakan seperti tidak mengeluarkan apa-apa lesen, sama ada melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Itu adalah perkara pertama.

Kedua, saya juga ingin mencadangkan satu kelas *action* dipertimbangkan. Saya percaya YB. Datok Keramat yang juga seorang peguam boleh menyumbang kepada perkara ini di mana *class action* itu di ambil oleh rakyat Pulau Pinang terhadap mana-mana syarikat-syarikat tertentu kerana apabila isu jerebu ini dibangkitkan sering kali Kerajaan Indonesia ataupun pihak berkuasa Indonesia mengeluarkan kenyataan bahawa yang bertanggungjawab menyebabkan masalah jerebu ini adalah syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di Indonesia.

Jadi soalan saya adakah perkara ini benar? Kedua jikalau syarikat-syarikat ini berpangkalan di Pulau Pinang bolehkah apa-apa tindakan *class action* diambil oleh Kerajaan Pulau Pinang mewakili rakyat Pulau Pinang kerana tiap-tiap kali masalah ini berlaku yang menerima kesan terus daripada masalah jerebu ini adalah pertamanya yang mengalami masalah resdung dan asma dan tiap-tiap kali kita lihat di Hospital Besar Pulau Pinang dan di mana-mana klinik banyak sangat pesakit-pesakit yang terpaksa pergi menerima rawatan untuk masalah asma dan perkara ini sudah menjadi teruk, kalau dulu kita lihat dalam masa dua (2), tiga (3) minggu ia akan berakhir. Sekarang ia berlanjutan selama lebih kurang tiga (3) ke empat (4) bulan di mana semua aktiviti-aktiviti luar terpaksa ditangguhkan. Ini adalah persoalan saya kepada Yang Berhormat bolehkah diberi sebarang penjelasan atau diberi pertimbangan?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Terima kasih, memang daripada segi undang-undang harus ditelitikan kerana apabila satu kejadian di Indonesia jika hendak ambil tindakan kepada syarikat di Malaysia. Ini harus kami bagi perhatian dari segi undang-undang bukan nak buat apa-apa yang kita suka. Ini Kerajaan Negeri bukan Kerajaan Pusat. Kerajaan Persekutuan bila-bila masa dia boleh main dengan undang-undang, Kerajaan Negeri tak boleh, dia kena hormat undang-undang. Kedua saya ada peluang hadiri ke forum-forum *International* khususnya pada tahun 2014 semasa saya ada di Surabaya. Pada masa itu dalam forum dan *panel discussion* saya juga bangkit perkara ini dengan Menteri Alam Sekitar di sana. Dalam di forum itu dia kata nanti saya beritahu dalam satu *personal conversation*. Dia kata kalau *your excellency* hendak kawalkan keadaan minta Kerajaan Pusat ambil tindakan kepada syarikat-syarikat di Malaysia yang terlibat di sana. Dan jawapan saya pada dia dan saya berharap bahawa penguatkuasaan daripada Kerajaan Indonesia terhadap syarikat-syarikat tak kira sesiapa pun boleh. Dan dia berkata satu sahaja *we are fighting corruption...(gangguan)* *As long as there a corruption...(gangguan)*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Puyu, saya peringatkan Sungai Puyu, Peraturan 25(i) dengan (k) tidak boleh mengandungi perkara yang tidak sopan terhadap sebuah negara asing yang besar...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Bukan ini saya ada kata....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya peringat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ini adalah *private conversation*, *private conversation he also appeal to be* dia ada kata *let's us fight for corruption*, jika ada *corruption*, jika ada rasuah tidak akan selesaikan masalah ini. Jika seorang yang berasuah macam mana boleh minta lain orang jangan rasuah. *That is one a major problem*.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Sungai Puyu, saya rasa untuk Sungai Puyu sebagai Ahli Dewan mengatakan yang Kerajaan Pusat boleh bermain dengan undang-undang saya rasa ini adalah satu (1) tuduhan yang cukup tak baik lahir dari Sungai Puyu. Setahu saya YB. Sungai Puyu ada undang-undang yang diperingkat provinsi di Indonesia yang membenarkan pembakaran hutan. Itu yang saya tahu sebab susah nak *control*, sebab ada peruntukan yang macam itu, membenarkan pembakaran hutan ikut undang-undang di provinsi itu. Saya juga merana, saya juga sengsara kerana jerebu sampai hari ini saya batuk lagi. Saya tahu susahnya kesan jerebu ini kepada kita semua dan kita berharap yang pihak Kerajaan Pusat mengambil pendekatan yang proaktif dan serius tentang perkara ini kerana ianya memang memberi kesan yang teruk kepada seluruh rakyat Malaysia. Cuma saya nak tahu dari YB. Sungai Puyu. Ada atau tidak kes-kes di mana individu-individu rakyat Malaysia melalui undang-undang antarabangsa mengambil tindakan terhadap peniaga di Malaysia? Ada tak?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ini saya tidak ada apa butiran kerana ini tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Indonesia tidak dimaklumkan. Tetapi jikanya Kerajaan Pusat memohon mereka boleh bagi tetapi saya akan cuba secara peribadi perhubungan dengan saya akan mendapat maklumat yang selanjutnya. Bila saya dapat saya akan panjangkan kepada Ahli Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Dato' Speaker, penjelasan ini soalan tambahan...(gangguan) ini adalah untuk mencari satu resolusi kepada perkara ini, boleh?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis soalan tambahan...(gangguan). Bukit Tengah silakan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, soalan saya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah sudah habis soalan tambahan.



**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Soalan tambahan, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya yang ketiga YB. Dato' Speaker...(gangguan). Tadi ada dua (2) saja...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB Ong Chin Wen):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri soalan saya soalan no. 25.

25. Apakah langkah yang telah dan/atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan DUN Pulau Pinang menjadi institusi perundangan yang bebas dan berwibawa yang mempunyai ciri-ciri yang disenaraikan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* dalam *Recommended Benchmarks for Asia, India and South-East Asia Regions' Democratic Legislatures*.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

YB. Dato' Speaker. Jawapan kepada soalan lisan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kawasan Bukit Tengah. Untuk makluman Yang Berhormat, Commonwealth Parliamentary Association (CPA), melalui ...(dengan izin) *Recommended Benchmarks for Asia, India and South-East Asia Region's Democratic Legislatures* telah mencadangkan beberapa langkah yang perlu diambil oleh sistem perundangan untuk memartabatkan demokrasi, akauntabiliti dan universalisme.

Walaupun Sistem Perundangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mematuhi atau tidak rujuk secara sedar ciri-ciri yang telah disenaraikan oleh CPA dalam *Recommended Benchmarks*, tetapi banyak aspek-aspek yang disarankan telah diguna pakai dalam Sistem Perundangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Antaranya ialah :

- (a) Pelantikan ahli secara universal;
- (b) Pilihan raya yang bebas, adil dan telus;
- (c) Kelayakan seseorang calon yang tidak mengira agama, jantina, etnik, kaum dan kecacatan;
- (d) Tidak menjadi ahli kedua-dua Dewan;
- (e) Konsep imuniti semasa perbahasan walaupun tidak mutlak; dan
- (f) Syor-syor mengenai perbahasan, pengundian, jawatankuasa dan lain-lain juga memang telah sedia ada di Sistem Perundangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Walaupun Sistem Perundangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah institusi perundangan yang mencirikan aspek-aspek CPA dan *Recommended Benchmarks*, tetapi perubahan secara adil, dinamik, dan demokrasi mesti dilaksanakan mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

Perubahan ataupun *sustainable challenges* ini adalah penting supaya ia sistem perundangan ini boleh diterima oleh rakyat jelata. Saya rasa walaupun apa-apa yang telah disyorkan oleh CPA ini tidak ada masalah tapi apa yang bermasalah adalah undang-undang negara tempatan. Sama ada seorang yang dipilih boleh berbahasa dalam Dewan Undangan secara adil dan bebas. Ini mungkin tertakluk kepada undang-undang negara seperti di Malaysia. Di mana seperti imuniti kekebalan, ini saya rasa kita tidak mempunyai 100%. Mungkin ada kes-kes yang tertentu. Jadi walau bagaimanapun saya rasa, sama ada kita mengikuti CPA ini atau tidak ini menentukan bahawa sistem perundangan kita ini bebas atau tidak bebas, saya rasa undang-undang dalam negara, peraturan-peraturan juga kita ambil kira untuk menentukan sistem perundangan ini bebas, adil dan saksama.

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Soalan tambahan, di sini saya ada dua (2) soalan tambahan. Pertama lebih *straight forward* iaitu dalam *benchmark* tersebut telah dinyatakan bahawa ia adalah lebih baik secara praktisnya sekiranya Jawatankuasa Kira-Kira Awam iaitu *Public Account Committee* di Ketuai oleh Parti Pembangkang dan ini soalan pertama saya iaitu sama ada Kerajaan Negeri mengorak langkah situ, yang pertama. Yang kedua adalah berkenaan dengan proses perbincangan dalam sidang Dewan terutamanya dari segi yang berlaku sekarang iaitu semasa proses membentangkan belanjawan untuk tahun seterusnya, sama ada prosedur ataupun yang ada sekarang ini adalah satu prosedur yang berkesan untuk kita berbincang tentang belanjawan untuk tahun seterusnya. Itu saja.

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Bukit Tengah. Saya tidak ada jawapan yang tepat ini mungkin saya rasa boleh dibincangkan tapi walaupun ia *good practice* yang terkandung dalam CPA ini harus diteliti yang merupakan satu bahan rujukan. Itu memang kita terima kita tak ada sebarang masalah CPA, sama ada jawatankuasa ini merujuk kepada CPA *recommended benchmark* ini saya rasa ini satu perbincangan di antara perwakilan dan juga sama ada siapa-siapa lah yang telah dipilih ADUN-ADUN ini membawa perkara untuk dibahas ataupun satu resolusi dalam Dewan ini. Kemudian adalah proses perbincangan prosedur berkesan sama ada prosedur yang kita ada sekarang adalah efektif atau tidak ini saya merupakan satu tanggungjawab semua wakil rakyat dalam Dewan. Jadi kalau rasa ada halangan, ada yang perlu kita ubah, saya rasa ini merupakan satu tanggungjawab semua wakil rakyat dan ini boleh dikemukakan secara resolusi sama ada pembangkang ataupun sama ada wakil rakyat daripada sebelah sini untuk dikemukakan sebelum mungkin dalam sesi akan datang, terima kasih.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Perai yang mengemukakan dengan terperinci yang diberikan. Saya ingin tanya sama ada apa-apa rundingan yang dibuat oleh *Commonwealth Parliamentary Association*. Memang saya percaya akan diterima oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan lagi tahap kewibawaan Dewan Undangan Negeri. Tetapi persoalan saya adalah cadangan ini juga turut mengikat persidangan Parlimen kerana tiap kali kita lihat perlakuan Speaker di Parlimen begitu tidak adil dan tidak menurut peraturan. Saya ingin menarik perhatian kepada kejadian baru-baru ini yang menimpa Ahli Parlimen Gelang Patah Lim Kit Siang yang telah saya boleh katakan di halau keluar daripada Parlimen tanpa menurut prosedur merujuk beliau kepada *The Rights And The Privilege Community* .....(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

Jadi persoalan saya adalah tiap kali kita lihat salah laku oleh Speaker berlaku di Parlimen sama ada apa-apa rundingan dengan *Commonwealth Parliamentary Association* ini boleh digunakan juga bukan saja mengikat prosiding di Dewan Undangan Negeri ini tapi juga mengikat prosiding di Parlimen, kerana kita lihat Kerajaan Persekutuan tidak menghiraukan dengan cadangan-cadangan yang dibuat. Persoalan saya ini wujud kerana baru-baru ini juga terdapat cadangan-cadangan oleh jawatankuasa *United Nation* .....(dengan izin) menyarankan supaya Dato' Seri Anwar Ibrahim dibebaskan walaupun cadangan itu telah dibuat dengan begitu kuat oleh *United Nation*, Kerajaan Persekutuan tidak menghiraukan cadangan ini. Jadi saya risau dan khuatir bahawa apa-apa saranan yang dibuat oleh *Commonwealth Parliamentary Association* ini mungkin tidak akan dihiraukan oleh Parlimen Persekutuan dan tiap kali yang akan mangsa kepada perkara ini adalah Ahli-ahli Wakil Rakyat daripada Pembangkang, terima kasih.

### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Seri Delima atas soalan tadi bahawa sama ada CPA dan *recommended benchmarks* ini bukan sahaja *relevant* kepada Dewan Undangan Negeri tetapi *relevant* untuk Parlimen. Saya memang bersetuju bagaimana Dewan dalam Perundangan sama ada Dewan Undangan Negeri, Parlimen saya rasa ini memang *relevant*. Tetapi soalan ini sama ada CPA sangat senang diikuti di peringkat Parlimen. Dan itu memang saya tidak boleh jawab sebab saya rasa, saya tidak boleh jawab ataupun mungkin tidak diikuti secara sedar walaupun mereka mungkin adalah rujukan-rujukan tertentu yang sebenarnya mengaturkan perjalanan perbahasan di Parlimen dan aktiviti-aktiviti lain.

Jadi Ahli Kawasan Seri Delima telah membawa dua (2) atau tiga (3) kes menunjukkan bahawa apa yang terjadi kepada saudara Parlimen Gelang Patah saudara Lim Kiat Siang baru-baru ini, tetapi ini bukan sesuatu yang baru ini kerana telah berlaku zaman lampau di mana beberapa Ahli Parlimen kena gantung oleh kerana ini yang menentukan adalah pihak pemerintah majoriti dan pihak Pembangkang ini adalah dia punya bilangan adalah minoriti. Jadi apa yang menentukan perjalanan Parlimen nampaknya bahawa adalah kekuatan majoriti sama ada majoriti ini mengikut prinsip-prinsip yang telah bersedia atau tidak saya rasa terpulang kepada keputusan Speaker dan kita merasa bahawa Speaker di Parlimen telah dipersoalkan oleh beberapa Ahli Pembangkang bahawa Speaker ini tidak melakukan satu yang adil.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Berat sebelah.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Berat sebelah dan sebagainya. Inilah yang menjadi masalah di Parlimen dan saya rasa proses ini akan berterusan dan saya rasa macam walaupun kes Dato' Seri Anwar Ibrahim walaupun Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengeluarkan dan kenyataan bahawa beliau perlu dibebaskan tetapi saya rasa ini perlu dapat perhatian oleh pihak yang berkuasa lah saya rasa, saya pun rasa mereka tidak boleh mengeluarkan seorang seperti Dato' Seri Anwar atau lain-lain oleh sebab mereka dapat arahan kita ada undang-undang dan sebagainya.

Saya rasa bahawa berbalik kepada soalan saya tadi bahawa peraturan sendiri tidak menentukan perjalanan sama ada dia adil tidak adil dalam sistem perundangan negeri sama ada di negeri atau di Parlimen. Saya rasa kita mesti mahu lihat kepada isu majoriti *power*, isu undang-undang yang terdapat di peringkat kebangsaan dan juga relevan kepada Dewan Undangan di sini isu imuniti dan sebagainya. Jadi ini merupakan satu proses politik yang berterusan tapi akhir sekali sama ada pihak Pakatan Harapan boleh tawan Putrajaya dan menentukan satu agenda baru atau politik baru di Malaysia. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Penanti, Silakan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

YB. Dato' Speaker, soalan saya no. 26

26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membendung masalah lambakan warga asing khususnya di Pulau Pinang kerana didapati warga asing ini bukan sahaja bekerja secara makan gaji malah mempunyai perniagaan sendiri terutamanya di kawasan Permatang Pauh dan Bukit Mertajam.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih kepada soalan oleh Ahli Kawasan Penanti. Kerajaan Negeri dengan kerjasama Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang sentiasa mengadakan operasi di semua daerah di Negeri Pulau Pinang bagi membentaras isu kedatangan warga asing tanpa izin yang semakin meningkat. Operasi yang dijalankan adalah berdasarkan aduan yang telah dilaporkan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti JPN, AADK, RELA, JPM, JKM dan lain-lain.

Sepanjang tahun Januari 2015 sehingga Oktober 2015 sebanyak 398 operasi yang telah dijalankan melibatkan seluruh kawasan di sekitar Negeri Pulau Pinang. Perincian skop operasi melibatkan kawasan di sekitar Daerah Seberang Perai Tengah yang melibatkan kawasan di sekitar Permatang Pauh dan Bukit Mertajam ialah sebanyak 616 tangkapan warga asing telah dilakukan sehingga Oktober 2015. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua dahulu.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Yang di-Pertua, cuma saya melihat masalah dari segi warga asing ini yang berniaga makanan termasuklah di kedai nasi kandar, tomyam dan sebagainya. Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri, PBT dan sebagainya dalam mengatasi masalah pekerja kedai makan yang tidak ada keselamatan terutama dari segi kesihatan? Mungkin tak diambil suntikan dan sebagainya. Ini merupakan masalah yang saya rasa cukup kritikal kerana terlampau banyak warga asing yang berniaga tanpa ada suntikan vaksin dan sebagainya ini minta penjelasan. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Ahli Kawasan Sungai Dua terima kasih. Saya rasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun mana-mana badan PBT, MPSP ataupun MBPP tidak mengeluarkan lesen untuk warga asing. Kalau warga asing ini meniaga mungkin dia gunakan lesen orang tempatan. Itu memang jelas. Walaupun dia buat perniagaan secara haram. Jadi dari segi kesihatan ini adalah tanggungjawab Kerajaan MBPP, kedua-dua PBT juga apa Jabatan Kesihatan, ini merupakan satu peranan yang perlu dikongsikan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga. Jadi saya rasa dua-dua PBT ini dia telah mengikut mereka tunggu aduan dan juga di samping itu mereka juga buat beberapa tindakan supaya memastikan tempat-tempat ini adalah bersih dan mungkin sihat. Jadi apabila wujudnya *illegal* ini saya rasa susah mahu kawal dan saya rasa soalan sekarang kenapa pekerja asing ini warga asing ini sering meningkat. Ini persoalan kita mahu tanya kepada kawan-kawan di Putrajaya minta Ahli Kawasan Sungai Dua tanya mereka. Sekarang saya rasa tersilap sekarang pekerja asing di Malaysia ini sudah melebihi 30%. Ini merupakan satu *danger level* bahaya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Satu soalan sudah ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya berbahas kepada satu kenyataan merujuk kepada laporan surat khabar Sinar "Hantar Rohingya ke Pulau Pinang". Kenyataan oleh Ketua Polis Negara dan Yang Berhormat sendiri pernah ada mengeluarkan satu kenyataan dalam surat khabar bertanyakan, kita semua tahu, umum mengetahui Projek IC di Sabah. Soalan saya adalah bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memastikan bahawa satu (1) lagi Projek IC tidak berlaku di Pulau Pinang dengan menggunakan pendatang-pendatang asing. Umum mengetahui ianya berlaku di Sabah. Satu *Royal Commission Inquiry* telah pun menyiasat dan mengesahkan bahawa warga negara Filipina banyak sangat diberikan IC bagi tujuan menumbangkan Kerajaan PBS di sana ketika itu. Ini adalah kerisauan saya. Jadi saya mengulangi persoalan saya bagaimana perkara ini dapat di atasi? Bagaimana Kerajaan Pulau Pinang Projek IC ini tidak berulang Pulau Pinang.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih YB. Seri Delima tentang soalan tadi. Ini isu adalah baru-baru timbul di mana kenyataan daripada Inspektor Polis bahawa mungkin dia akan tempatkan pelarian dari Rohingya ke Pulau Pinang tetapi Ketua Mnteri sendiri telah mengeluarkan kenyataan kalau siapa-siapa Kerajaan Pusat ini mengambil satu langkah untuk menempatkan pelarian. Sebelum ini dari segi perikemanusiaan kita tidak apa-apa masalah kalau ini betul-betul mereka pelarian, sama ada menempatkan di Pulau Pinang rundinglah dengan Kerajaan Negeri dulu. Jangan buat dasar serta merta. Mahu hantar Rohingya di sini hantar Rohingya di sana. Walaupun saya sudah katakan di sini kita sudah ada dasar kita tidak menentang pelarian. Kita rasa pelarian mesti diperlindungi oleh pihak tertentu. Tetapi *you* tidak boleh, macam di Pulau Pinang tolonglah walaupun saya rasa isu pelarian bagaimana kita menguruskan pelarian ini adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat tetapi saya minta bahawa Kerajaan Pusat ini khususnya pihak Polis atau Kementerian Dalam Negeri runding dengan Kerajaan Negeri dulu. Macam mana mungkin kita boleh bantu, itu sama ada mereka akan gunakan ini sebagai saya sendiri ada bangkit cuma jangan gunakan isu pelarian ini ataupun warga asing ini membuat apa pengalaman di Sabah dulu Projek IC kedua. Ini cuma kita bangkit untuk menunjukkan Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Pusat sendiri tidak ada kawalan. Sendiri tidak ada kawalan terhadap pekerja asing ataupun pelarian. Sama ada soalan ini sama ada Rohingya adalah betul-betul pelarian adakah mereka yang datang daripada Bangladesh cuma apa dibawa nama pelarian ini Rohingya saya rasa tak ada beza antara Rohingya dengan Bangladesh sebenarnya. Jadi itulah banyak isu yang perlu kita bincangkan dan secara dasar, kita tidak menentang, kita tidak ada pelarian sebab mereka perlu dapat perlindungan daripada badan-badan yang tertentu. Jadi apa yang saya rasa tidak senang ialah kenyataan daripada pihak Polis ataupun Kementerian Dalam Negeri membuat sesuatu tindakan serta merta sesuatu rundingan dengan Kerajaan Pusat. Terima kasih.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan daripada Ahli Kawasan Penanti dia nak tanya.

## **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya tanya soalan ini disebabkan oleh masalah ketakutan oleh penduduk di Penanti seperti bila budak-budak hendak pergi ke sekolah, itu masalahnya dan pihak Polis juga mengatakan mereka mengalami kekangan dari segi staf dan adakah Kerajaan Negeri mempunyai langkah yang lebih proaktif berdasarkan kepada kekangan bilangan pihak Polis dan kalau nak buat operasi itu sekali sekala. Tetapi ini adalah satu masalah yang memang berterusan, kalau pergi ke Pekan BM pun kita nak pergi ke bank pun, semua orang dalam bank pun bukan orang Malaysia. Kalau kita pergi ke Summit pun kebanyakannya orang Myanmar. Hari itu bila berlaku satu ( 1) rumah jumpa 50 *body parts* saya tanya dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dan apakah tindakan Polis akan buat jadi masalah ini adalah masalah ketakutan oleh penduduk.

Saya amat berharap Kerajaan Negeri mempunyai penyelesaian bukan Polis sendirilah, tapi penyelesaian memikirkan mungkin secara inovatif bagaimana dalam keadaan Polis sendiri tidak mempunyai cukup kakitangan. Apakah langkah-langkah yang boleh dibuat untuk membuatkan penduduk berasa selamat? Terima kasih.

## **Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih Ahli Kawasan Penanti, saya rasa peranan Kerajaan Negeri ini adalah terhad. Terhad ini bermakna bukan kita tidak mengambil tanggungjawab ataupun bukan kita tidak melihat perkara ini secara serius. Taip-tiap bulan kita adakan Mesyuarat Keselamatan Negeri, dalam mesyuarat ini kita bersama dengan Polis dengan beberapa wakil daripada badan-badan kerajaan. Di sini saya rasa Kerajaan Negeri mendapat maklumat yang terperinci mengenai isu keselamatan khususnya daripada warga asing dan sebagainya. Tapi kita juga minta kerjasama Polis supaya tangani masalah. Selain daripada itu kita tidak boleh minta, kita tidak boleh arah Polis. Itu bukan kawalan Kerajaan Negeri. Kita tidak boleh arah Polis, dan kita tidak boleh minta Polis meningkatkan, kita boleh minta, kita boleh menasihati tetapi sama ada Polis akan buat itu untuk meningkatkan bilangan Polis itu saya rasa satu yang kita serahkan kepada pihak Polis sendiri atau kepada Kementerian Dalam Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan.

Jadi saya rasa memang ada masalah yang dihadapi oleh tempatan tentang pekerja asing tetapi kenapa mereka datang sini, itulah berbalik kepada soalan asal ini, siapa yang punca, siapa yang menyebabkan kedatangan, beribu-ribu, berjuta-juta pekerja asing? Siapa sumber dan dari mana? Kenapa hendak ambil lagi 1.5 juta Bangladesh? Ini adalah satu kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri Dalam Negeri, Timbalan Perdana Menteri. Ini saya rasa yang khususnya dalam peluang pekerjaan. Kita bayangkan lah 1.5 juta orang Bangladesh datang ke Malaysia, berapa jumlah, bagaimana jumlah pekerja asing akan meningkat dan apakah implikasi terhadap pekerja-pekerja? Sekarang kita dapat maklumat bahawa pekerja-pekerja tidak mahir di Malaysia tidak dapat peluang pekerjaan. Ia lebih minat ambil pekerja asing sebab pekerja asing boleh kerja 15 jam, 18 jam manakala *you* tidak boleh buat kepada pekerja tempatan. Ini adalah isu-isu yang saya rasa yang di mana Kerajaan Negeri sendiri tidak boleh kawal atau menentukan. Ini perlukan satu dasar oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi saya faham perasaan Ahli Kawasan tetapi ini satu yang saya rasa kita telah dilanda dan ini perlu penyelesaian dari Kerajaan Pusat. Terima kasih.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Pengkalan Kota.

## **Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya soalan 28.

28. Selepas sidang Dewan yang lalu, telah hampir enam (6) bulan cadangan mengenai Penang Apps telah dibentangkan di dalam Dewan. EXCO yang berkenaan masih belum mengadakan mesyuarat perbincangan yang seperti yang telah dijanjikan.

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan Penang Apps untuk memudahkan dan membantu rakyat dan pelancong yang berada di negeri ini agar maklumat dapat diperolehi dengan lebih mudah?

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan YB. Pengkalan Kota. Kerajaan Negeri sememangnya bersetuju untuk mengadakan aplikasi Penang Apps bagi tujuan *Penang Intelligence Traffic and Transport Systems* atau PITS. Perkara ini telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri, MMK pada 6 Januari 2015 dan disahkan keputusan pada 14 Januari 2015. Pada ketika ini usaha sedang ditumpukan untuk mencari penyelesaian terhadap beberapa masalah teknikal terutama dari segi model pembangunan fasa pertama dan data yang akan diguna pakai untuk aplikasi ini. Setelah berbincang dengan pihak operator bas dan Jabatan Teknikal ICT yang lain, barulah pembangunan aplikasi ini dapat diteruskan.

Selepas Jawatankuasa Perolehan ICT Negeri yang bermesyuarat pada 17 Jun tahun ini meluluskan proses pembangunan ini. Pembangunan aplikasi ini dijangka dapat disiapkan untuk fasa pertama sebelum penghujung tahun 2015. Pembangunan aplikasi fasa pertama ini merangkumi penyampaian data dan maklumat bukan sahaja kepada rakyat Pulau Pinang malah meliputi semua pelancong yang datang ke sini. Maklumat yang disalurkan dapat disampaikan dengan mudah dan cepat. Aplikasi ini akan dipantau dari semasa ke semasa agar mengambil kira perubahan persekitaran dan beberapa model baru akan diperkenalkan pada fasa berikutnya. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Soalan saya nombor 29.

29. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meningkatkan kualiti kehidupan seperti rancangan-rancangan rumah mampu milik bagi pemuda-pemudi serta belia yang baru bekerja atau berkahwin untuk memiliki rumah pertama?
- (a) Apakah rancangan projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Seberang Perai Tengah pada masa hadapan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih YB. Berapit untuk soalan yang ditujukan kepada saya iaitu berkenaan apakah tindakan Kerajaan Negeri daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meningkatkan kualiti kehidupan seperti rancangan-rancangan rumah mampu milik bagi pemuda-pemudi serta belia yang baru bekerja atau berkahwin untuk memiliki rumah pertama dan apakah rancangan-rancangan projek pembangunan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di Seberang Perai Tengah pada masa hadapan.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri yang mementingkan kesejahteraan rakyat sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat 'satu keluarga satu rumah'. Bagi tujuan ini secara keseluruhannya sebanyak 22,512 unit rumah merangkumi kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik sedang dan akan dibina di seluruh Negeri Pulau



Pinang dari tahun 2013 hingga 2020. Kerajaan Negeri telah melancarkan juga Skim Talent Group pada 2 Jun 2015 ini yang bertujuan untuk membantu pemohon-pemohon terutamanya golongan profesional dan golongan pemuda-pemudi yang bekerjaya untuk memiliki rumah pertama mereka, Dato' Speaker. Melalui skim ini, pemohon-pemohon yang bermastautin kurang daripada lima (5) tahun di Pulau Pinang adalah layak untuk diberi pertimbangan memiliki rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Pihak Invest Penang akan bertindak sebagai penyelaras untuk pemohon-pemohon di bawah kategori baru ini.

Untuk makluman Dewan, projek pembangunan pada masa hadapan yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:

- (i) 408 unit kos sederhana rendah dan 408 unit rumah mampu milik, lot 13-40 Seksyen 2, Bukit Mertajam.
- (ii) 800 unit kos sederhana rendah dan 800 unit rumah mampu milik, Lot 1014, Mukim 12, Juru.
- (iii) Projek asrama pekerja asing di atas Lot 14750, Mukim 13, Seberang Perai Tengah.
- (iv) Taman Perindustrian Utara Penang, Science Park seluas 419.23 ekar.
- (v) Taman Perindustrian Selatan Penang, Science Park seluas 165.56 ekar, Dato' Speaker.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fook):**

Tambahan saya, Datok Keramat. Selain daripada projek rumah mampu milik yang disebutkan oleh Datok Keramat, saya tidak dapat satu (1) jawapan yang betul, yang saya tanya iaitu di Bukit Mertajam sebab di Bukit Mertajam, di KADUN Berapit, kita ada dapat pembangunan rumah yang pesat oleh *private sectors* tetapi tiada rumah mampu milik di Bukit Mertajam dan saya selalu ditanya rakyat di seluruh Bukit Mertajam, bermula pada *term* yang lalu sampai hari ini dan pada kalau tak salah 2011 ada satu (1) projek di Tanah Liat yang disebutkan dalam Mesyuarat EXCO tetapi tidak dilancarkan sampai hari ini. Saya harap EXCO Perumahan dari Datok Keramat dapat memulakan projek ini sekali lagi dan saya harap rakyat di Bukit Mertajam dapat memiliki rumah mampu milik di Bukit Mertajam sebab rayuan daripada rakyat ialah mereka tidak mampu membeli semua rumah mewah-mewah di Bukit Mertajam yang *the terrace*, berkembar, banglo yang bernilai lebih daripada RM300,000. Dan kebanyakan pemuda-pemudi di kawasan Bukit Mertajam mereka baru keluar daripada universiti, baru bekerja, mereka tidak mampu membeli rumah yang bernilai lebih daripada RM300,000 itu.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dato' Speaker, saya cuba ringkaskan. Sememangnya kita ada garis panduan 100% mampu milik sepertimana saya nyatakan bukan sahaja di peringkat Pulau tetapi juga di Seberang juga ada yang telah pun disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan sekarang sedang disemak semula untuk memperhalusi dan untuk makluman

Dewan ini, selain daripada jawapan saya *infact* Berapit, jawapan saya tadi, sememangnya saya menyatakan secara khusus ada 408 unit kos sederhana rendah dan 408 unit rumah mampu milik, di lot 13 hingga 40 Seksyen 2, Bukit Mertajam yang telah dipohon sekarang. Tetapi untuk makluman Dewan ini saya ingin menyatakan di sini, ada banyak projek-projek mampu milik yang bakal akan dibina dan dibangunkan di kawasan seberang. *Infect the lion shared of* mampu milik sekarang adalah di kawasan seberang di mana had siling harga rumah adalah RM250,000 tetapi kita cuba galakkan mampu milik di dalam lingkungan RM200,000 dan antara lain juga ada di Bukit Mertajam selain dari apa yang saya nyatakan tadi.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Soalan tambahan. Sebab di Berapit, setahu saya Tanah Liat, tanah Kerajaan Negeri itu pernah disebutkan untuk membina rumah mampu milik dan ini khabar sudah disiarkan kepada semua rakyat di Bukit Mertajam tetapi sampai hari ini pun tidak ada di Town Bukit Mertajam. Sebab kalau *you* bagi rakyat jelata, mereka lebih suka tinggal di tempat asal mereka daripada kalau Datok Keramat membina rumah mampu milik di luar daripada Bukit Mertajam. Macam di Juru ke, di Bukit Tengah ke, orang Bukit Mertajam, dia tidak begitu minat dan tadi YB. Penanti bagitahu saya yang projek di Tanah Liat itu sudah ditolak. Saya harap Datok Keramat dapat mencari jalan untuk, dapat membina balik, mempercepatkan semua projek ini dan saya harap ada satu *time frame* sebab kalau janji kita tidak dikotakan, rakyat di Bukit Mertajam memang tidak begitu senang hati. Awal bulan ini ada satu penduduk Bukit Mertajam naik ke *service center* saya marah sampai teruk-teruk sebab dia kata, sudah tunggu tiga (3) tahun dah untuk dapat membeli rumah mampu milik di Bukit Mertajam tetapi sampai hari ini masih belum dapat dikotakan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya tidak mahu ulangi cuma berkenaan Tanah Liat, *infact* untuk makluman Berapit, semalam Penanti juga telah sebut tentang isu ini. Saya akan semak apa keadaan status tetapi menurut Penanti sendiri lah ada dalam lebih 70 setinggan yang perlu ditempatkan semula. Tetapi saya akan semak semula. Itu *no issue* tetapi sepertimana yang saya nyatakan, Dato' Speaker, kalau ada penduduk yang perlu ditempatkan semula maka itu akan menjadi *priority*, jadi projek itu tidak boleh dibangunkan sehingga dan setelah itu diuruskan. Saya ingat berkenaan dengan rakyat Bukit Mertajam yang datang ke *service center* Berapit, sila hantar beliau kepada saya dan saya akan uruskan beliau. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan tambahan, *last*.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Projek ini, Pejabat Daerah sudah berjumpa dan membuat *census* dengan semua penduduk di situ dan ada beberapa projek di situ. Jadi bila Pegawai Daerah telah membuat *census* dan penduduk di situ semua telah bersetuju sebab mereka menunggu-nunggu rumah mampu milik, rumah kos rendah di Tanah Liat dan untuk Bukit Mertajam sebab berhampiran sebab berhampiran juga dengan Berapit. Jadi semua proses itu telah

dilakukan. Jadi bila saya dengar daripada PDC dia kata isu untuk dapat lesen *advertising* permit, jawapan yang saya terima kenapa projek itu ditolak adalah disebabkan tidak dapat permit *advertising* dan juga masalah penduduk. Tetapi penduduk semua sudah bersetuju dengan projek ini. Sebab itu saya katakan kelmarin, tidak ada alasan dan juga polisi Kerajaan Negeri untuk projek pembangunan perumahan Kerajaan Negeri memang sudah ada polisi untuk membayar RM42,000 satu rumah. Jadi saya tidak fikir ada alasan lagi untuk menolak projek ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya akan semak tetapi kalau memang APDL yang jadi isu, itu di luar bidang kuasa kita *but anyway* Dato' Speaker, saya akan semak dan saya akan, APDL Penanti, *infact* saya sudah sebut banyak kali, ini adalah lesen iklan, permit iklan dan lesen pemaju yang perlu diperolehi oleh setiap pemaju dalam semua pembangunan yang dijalankan dan ini diperolehi daripada Kementerian, KPKT. Untuk makluman Penanti, saya telah ulangi berulang kali nyatakan bahawasanya daripada 81 APDL yang dipohon oleh pemaju daripada Pulau Pinang, setakat ini 47 masih tertunggak. Jadi saya akan semak sama ada ini adalah satu daripadanya. Kalau ini betul maka beritahu Tanah Liat, penduduk di situ, ini adalah angkara Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Betong.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Soalan saya nombor 30.

30. Penang Transport Master Plan adalah projek yang besar. Nyatakan jadual dan kaedah perlaksanaannya, status terkini dan kaedah pembiayaan.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh YB. Pulau Betong, Kerajaan Negeri telah dikeluarkan surat lantikan kepada Konsortium SRS pada 14 Ogos tahun ini bagi melaksanakan strategi-strategi yang terkandung dalam Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang. Pada masa kini Kerajaan Negeri sedang memuktamadkan semua projek bersama dengan konsortium bagi fasa pertama pelaksanaan yang akan dijangka bermula pada tahun 2017. Setelah mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan memuktamadkan perjanjian bersama pihak konsortium SRS dalam masa enam (6) bulan dari tarikh perlantikan itu pun tertakluk kepada kelulusan. Kaedah pembiayaan adalah daripada pemberian hak untuk menambak laut untuk dibangunkan dan hasil jualan tanah tebus guna akan diberikan sebagai kos pembiayaan kepada projek-projek yang dilaksanakan. Tanah tebus guna tersebut kekal milik Kerajaan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 31.

31. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Polis terhadap kumpulan-kumpulan yang melakukan protes/demonstrasi yang mengancam keamanan dan perpaduan komuniti sejak tahun 2008?

(a) Sila berikan laporan lengkap tentang tindakan-tindakan yang telah diambil.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Terima kasih ya Ahli Kawasan Komtar. Polis Diraja Malaysia (PDRM) menggunakan peruntukan Undang-undang Akta Perhimpunan Aman 2012 Akta 736 di mana Undang-undang ini dilihat lebih demokratik dan memberi peluang kepada mana-mana pihak untuk menjalankan perhimpunan secara aman asalkan mereka mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Undang-undang ini adalah bagi memastikan satu-satu perhimpunan awam dapat dipantau oleh pihak Polis dan keamanan, keselamatan orang awam dapat dikawal.

Tanggungjawab Polis untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur dan dinyatakan di bawah Seksyen 8 Akta 376 di mana pihak Polis boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkan perlu mengikut Akta ini. Selanjutnya di bawah *section 15 (2)* Akta 376 pihak Polis berkuasa untuk membuat sekatan dan syarat-syarat bagi tujuan menjaga keselamatan dan ketenteraman awam sewaktu satu-satu perhimpunan. Mana-mana orang yang terbiar yang tidak patuh kepada sekatan dan syarat-syarat, di bawah Seksyen 15 (2) tersebut, apabila disabitkan dengan kesalahan, boleh dikenakan denda dengan jumlah tidak melebihi RM10,000 sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 15 (3) Akta 376 seksyen 20 Akta 376, seterusnya memperuntukkan kuasa kepada pihak Polis untuk menangkap penganjur, peserta yang enggan patuh kepada sekatan syarat di seksyen 30, 15 (2) Akta 376 yang memiliki apa-apa senjata semasa perhimpunan atau merekrut atau membawa kanak-kanak ke perhimpunan, kecuali perhimpunan yang dibenarkan di bawah Jadual 2 tanpa waran.

Oleh yang demikian tertakluk dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta 376 ini, pihak Polis akan mengambil tindakan, membuat siasatan terlebih dahulu terhadap penganjur, dan ahli-ahli perhimpunan sekiranya didapati ada pihak yang tidak patuh kepada peruntukan undang-undang ini. Sejak undang-undang ini diluluskan terdapat 52 kes kesalahan disiasat dibawah Akta ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Perai. Bila saya di kantin tadi dengar Yang Berhormat berucap tentang perkara ini, saya terus bergegas masuk balik. Kita umum mengetahui tentang undang-undang, tetapi persoalannya adalah mengapakah ia selalunya dikuatkuasakan terhadap orang-orang tertentu. Seperti kita lihat baru-baru ini, satu perhimpunan baju merah yang berlangsung di Kuala Lumpur, sehingga sekarang tidak ada seorang pun daripada kumpulan tersebut diheret ke mahkamah, ditangkap dan disiasat. Umum mengetahui bahawa perhimpunan itu, mengeluarkan banyak kenyataan yang berbaur hasutan. Umum mengetahui juga bahawa, pemimpin-pemimpin tertinggi

daripada Parti UMNO menyertai perhimpunan ini sambil mengeluarkan kenyataan-kenyataan berbau hasutan. Saya ingin tanya, kalau undang-undang begitu jelas, mengapakah ia tidak dikuatkuasakan secara *Across The Board* terhadap semua yang terlibat? Dan kita lihat baru-baru ini, penganjur BERSIH...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan pendekkan, sampai masa dah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya pendekkan. Jadi soalan saya adalah bagaimana kita ingin memastikan bahawa undang-undang negara ini digunakan secara adil terhadap semua pihak yang terlibat. Dan bila ia melibatkan pemimpin-pemimpin parti tertentu terutamanya UMNO, kita lihat bahawa undang-undang itu tidak dikuatkuasakan seperti yang diperuntukkan. Terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri II:**

Soalan daripada YB. Seri Delima, dan memandangkan masa pun saya rasa sudah sampai, saya rasa kita ini memang kita saya rasa saya tidak perlu ulangi apa yang telah diperkatakan. Tapi inilah bukan masalah sekarang, masalah selepas beberapa tahun, beberapa dekad di mana kita rasa bahawa sistem walaupun ada undang-undang, ada peraturan-peraturan boleh digunakan terhadap siapa-siapa yang melanggar undang-undang tapi ini tidak dilakukan. Oleh itu, saya rasa bahawa untuk apa ini bagi satu jawapan yang pendek kita perlulah tukar Kerajaan Pusat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jawapan yang tepat sekali.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat 1 jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat.

**Y.A.B. Ketua Menteri:**

YB. Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab akan diletak atas meja ahli-ahli yang bertanya pada tengah hari ini ketika Dewan Undangan Negeri berhenti rehat dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Yang di-Pertua, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri selaras dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat 6A (1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 17 haribulan November 2015 (Selasa) dilanjutkan sehingga jam 11.00 malam.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato Speaker, boleh saya beri cadangan? Sebab saya rasa kalau 11.00 malam itu terlampau panjang sangatlah. Kita keletihan sebab esok ada sesi lagi, saya minta dipendekkan jam 10.00 memadai saya rasa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila ahli-ahli Yang Berhormat ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I:**

Yang Berhormat, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 17 November 2015 hari Selasa sehingga jam 11.00 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

**Ahli-ahli Kerajaan:**

"Ya."

**Ahli-ahli Pembangkang:**

"Tidak."

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Mesyuarat bersetuju usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita sambung dengan sesi perbahasan. Semalam masih ada Yang Berhormat yang perlu disambungkan. Saya minta Pulau Tikus 15 minit dari sekarang.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Okey, terima kasih Yang di-Pertua. Masa saya di sekolah, guru-guru saya berpendapat selepas sekolah saya harus jadi peguam, jadi saya pun menulis surat kepada *Presgrave And Matthews* jadi *interm* satu (1) bulan dan selanjutnya membuat keputusan menjadi Ahli Saintis. Perbezaannya, antara peguam dan saintis saya rasa satu peguam pakai hitam putih, saintis pakai putih sahaja. Tapi, ada persamaan adalah bahawa kedua-dua bidang sains dan peguaman saya rasa menitik beratkan proses atau *method* dan bukti. Proses dan bukti, jadi demi izin *reinforced* kan hujahan saya semalam, saya ingin memberi kepada YB. Bagan Jermal dan YB. Padang Kota emel saya pada masa itu kepada wakil *Astro Spectrum* berkenaan pandangan saya kepada *Progress Group Discussion* yang tidak cukup mewakili *community* untuk rujukan Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya tidak membuat apa-apa susulan, Saya tidak membuat apa-apa susulan, kerana pada masa itu tak lama lagi *Astro Supreme* pun menyatakan bahawa mereka tak nak buat kerja ini lagi dan akan tukar *consultant*.

So, sebenarnya saya nak bincang tentang perumahan. Saya rasa banyak program yang amat baik sekali termasuk program HAPPY, wujudnya Akaun Amanah Penyelenggaraan, ke semua perumahan-perumahan mampu milik yang telah dibina. Hari ini saya nak menarik perhatian bahawa, pada pemantauan saya, saya rasa adalah juga perlu untuk memperbanyakkan perumahan PPR, perumahan PPR yang di sewa. Selain

daripada rakyat-rakyat yang masuk kepada pejabat saya untuk mencari bantuan untuk memohon PPR, dan sebenarnya kebanyakan adalah mereka yang berkeperluan dan saya telah terperasan kebanyakan adalah ibu tunggal. Ada juga dua (2) mungkin alasan lagi untuk menyokong cadangan ini untuk memperbanyakkan PPR, boleh dilihat bahawa sejak tahun 2009 data yang saya ada hanya sampai sejak tahun 2009, kecuali tahun 2011 setiap tahun setiap satu (1), dua (2), tiga (3), empat (4), lima (5), enam (6) setiap tujuh (7) tahun ini, bilangan unit kos rendah yang ditawarkan adalah melebihi kos sederhana rendah. Bilangan unit kos rendah adalah jauh melebihi bilangan kos sederhana rendah yang ditawarkan, namun kebanyakan yang terpaksa menolak tawaran kos rendah dan juga kos sederhana rendah kebanyakannya adalah mereka yang menerima pendapatan kurang daripada RM1,500. *Actually* peratusan besar yang menolak adalah mereka yang kurang daripada pendapatan RM1,500. Jadi, saya rasa sebenarnya bilangan peratusan orang yang perlukan perumahan, tetapi tidak mempunyai gaji yang mencukupi untuk membeli adalah banyak juga dan mungkin bukan kesemuanya menampilkan keluar kerana banyak yang sekarang terpaksa menumpang di rumah orang dan sebagainya kerana tak ada *option* lain. Jadi hanya saya nak bangkitkan berkenaan ini, dan saya rasa sebenarnya dua (2) unit untuk tujuan kecemasan pada pengalaman saya dalam dua (2) tahun lebih ini adalah tidak mencukupi biasanya mereka yang mengalami kecemasan, tengah cari mana ada kekosongan.

Sebagai Wakil Rakyat Kawasan Pulau Tikus, saya juga terpaksa berkongsi dengan Yang Berhormat Perumahan Dan Perancangan juga tentang sentimen-sentimen rakyat terutama sekali berkenaan dengan pembangunan-pembangunan baru-baru ini termasuk 32 tingkat *The Cantonment*, 27 tingkat *Moment Rise*, 48 tingkat dan 43 tingkat *Setia Resident*, 57 tingkat 1 hotel yang dicadangkan dan 27 tingkat Sunrise Tower II. Setiap kali, setiap pembangunan ini diberi secara notis kepada penduduk-penduduk di lot-lot bersebelahan, mereka cuba menolak, mereka cuba membantah. Dan setiap kali penduduk-penduduk terpaksa membantah permohonan mereka akan tanya saya, mengapa kami yang perlu membantah? Pada pendapat mereka adalah tidak logik bahawa pembangunan yang begitu tinggi boleh dibangunkan di tepi bangunan mereka yang satu (1) ataupun dua (2) tingkat sahaja. Jadi bagi mereka, mereka berasa tidak logik dan mereka berasa bahawa Kerajaan haruslah mempunyai peranan yang lebih, tinggi lebih berat untuk cuba memperseimbangkan pembangunan-pembangunan ini. Kerisauan mereka adalah berdasarkan *event-event* tertentu yang memang telah berlaku. Misalnya dua (2) orang pekerja pembinaan jatuh daripada *the cantonment* semasa pembinaan dan jatuh masuk kepada kompaun rumah bersebelahan.

Semasa *the cantonment* dibina ada peralatan pembinaan yang jatuh pecah jatuh masuk bumbung rumah bersebelahan. Semasa *Moment Rise* sedang dibina, simen jatuh mengakibatkan kerosakan teruk kepada lima (5) biji kereta dan pada hari itu ada seorang yang hampir mati kerana dia baru sahaja keluar dari kereta menyeberangi jalan. So dia bukan matilah tapi dia akan tercedera jika dia tidak sempat menyeberangi jalan. Pada hari kedua atau beberapa hari kemudian sahaja sekali lagi angin meniup dan papan jatuh dan pada pembinaan iaitu ditiup daripada pembinaan dan menghempas masuk ke skrin belakang sebuah kereta dan juga masuk ke kedai-kedai berhampiran merosakkan stok-stok mereka. Jadi apabila situasi-situasi ini berlaku, persoalan keselamatan apabila pembangunan yang begitu tinggi berlaku ke atas pembangunan yang lebih rendah dan ada dibangkitkan bahawa sebenarnya isu-isu sama ada ketumpatan ini adalah wajar adalah diperlukan dalam tempat tersebut seharusnya dijawab dalam rancangan tempatan.

Jadi saya rasa apabila dilihat secara keseluruhan dengan contoh-contoh saya berikan semalam dengan 2,000 unit perumahan, 1,500 unit perumahan yang tidak ada *access* kepada pengangkutan awam dan apabila kami lihat bersama dengan penduduk-penduduk yang berasaskan *striated* apabila menerima notis tentang pembangunan yang begitu tinggi di sebelah mereka dan begitu risau dan takut disebabkan insiden-insiden yang sudah pun pernah berlaku. Sebenarnya tidak hairan mereka bertanya tentang rancangan tempatan dan saya hanya ingin menegaskan kepentingan rancangan tempatan ini dan logik sama ada rancangan tempatan harus disiapkan dahulu atau perlukah kami tunggu sehingga *strata master plan* dan sebagainya. Berkenaan dengan saya rasa yang paling *exciting*, yang paling menarik bagi rakyat Pulau Pinang dan Kerajaan Pulau Pinang antaranya adalah pelaksanaan *Transport Master Plan* tersebut dan semalam saya pun sudah membangkitkan kerisauan saya tentang kadangkala *gape* yang perlu diberi perhatian.

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya hanya ingin *remind* bahawa projek misalnya projek *Hizaat* di Selangor dan setiap kali bandar-bandar lain di luar negara yang cuba melaksanakan, mengimplementasikan pengangkutan awam secara besar-besaran. Tentu ada masalah. Dan banyak ahli-ahli politik yang tidak dapat *survive* situasi tersebut... (dengan izin). Jadi memang kerana saya mengambil berat ke atas perkara ini dan *throw caution into the wind*. Semalam juga YB. Telok Ayer Tawar telah meminta Barisan Nasional untuk bangun saya ingin menjawab tindakan dia semalam kerana saya rasa kami sebagai Ahli Pakatan Harapan akan membela kebajikan dan hak rakyat Malaysia sehingga ke akhir-akhirnya tanpa mengira kaum dan agama. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Pulau Tikus. Sila Pulau Betong.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut serta dalam membahaskan bajet tentang bajet dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga pada kali ini. Saya cuba meringkaskan perbahasan saya. Yang pertama saya merujuk kepada soalan-soalan bertulis yang telah saya kemukakan kepada Kerajaan. Yang pertama adalah soalan nombor 3, saya minta supaya senaraikan nama-nama kakitangan PDC dan anak-anak syarikat yang telah ditamatkan dan menamatkan jawatan sejak tahun 2013 dan kakitangan baru yang telah diambil kedua-duanya. Nyatakan kelayakan, gred gaji dan jawatan yang disandang sekarang ini serta jawatan yang ditawarkan dalam surat tawaran.

Saya tidak mendapat jawapan yang diberikan kepada saya. Tidak ada nama, tidak ada sebagainya, cuma saya dimaklumkan bahawa semenjak tahun 2013 seramai 258 kakitangan PDC dan anak-anak syarikat dari pelbagai gred telah tamat perkhidmatan sama ada kerana bersara, berhenti manakala seramai 304 orang kakitangan baru dilantik sejak 2013 bagi PDC. Dalam masa 2013, 2014, 2015, tiga (3) tahun sahaja seramai 258 dikatakan telah pun berhenti. Dan diganti dengan 304 orang kakitangan. YB. Dato' Speaker, ini *staff turn over* yang cukup tinggi dalam tiga (3) tahun. Saya tertanya mengapa jadi demikian. Baru-baru ini sahabat karib saya arwah Idris daripada Bahagian Harta tak silap saya telah meninggal dunia. Saya difahamkan kawan saya juga Derani juga telah meninggal dunia. Dan saya ada seorang lagi nama Ballen dari *finance* telah



meninggal dunia. Tiga (3) orang telah meninggal dunia dalam masa terdekat ini. Adakah kerana berlakunya tekanan di sana dan sebagainya. Sebab itu saya nak tahu kenapa, sebab staf *turn over* terlalu tinggi. Saya difahamkan bahawa PDC Consultancy yang merupakan *profit centre* kepada PDC telah pun hampir ditutup. Tidak pasti sama ada dua (2) atau seorang staf tetapi PDC Consultancy anak syarikat yang memberi keuntungan kepada PDC telah ditutup atau hampir ditutup, *dormant* sehingga ke hari ini. Saya nak tahu kenapa jadi sedemikian. Ke mana perginya *engineer* nya, arkiteknya yang hebat-hebat belaka. Mana mereka pergi. Saya berharap supaya pihak PDC memastikan perkara ini dan mengambil staf dan menempatkan mereka di jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelayakan mereka.

Seterusnya soalan nombor 4. Tentang penyakit Penyakit Layu Bakteria Pisang (MOKO). Saya tanya jelaskan status terkini penyakit MOKO yang telah menyerang tanaman pisang di Balik Pulau dan Pulau Pinang dan tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Negeri. YB. Dato' Speaker, terima kasihlah kepada YB. Seberang Jaya kerana telah memberi jawapan. Tetapi saya rasa peruntukan adalah terlalu sedikit. Saya tidak lihat bagaimana Kerajaan Negeri membantu mereka-mereka yang mendapat nafkah melalui tanaman pisang ini. Saya difahamkan secara purata satu ekar mereka boleh dapat RM500.00. Hari ini tidak ada lagi pendapatan mereka. Bagaimana mereka hendak meniti kehidupan mereka dengan tidak ada pendapatan. Hanya 10 hektar daripada 154 hektar di bangunkan iaitu 6% sahaja. Apa berlaku kepada yang selainnya. Dulu kata nak tanam sebagainya akhirnya diubah kepada nak tanam pokok nangka di Titi teras dan juga benih pisang jambu di Kampung Perlis. Itu pun hanya 10 hektar sahaja. Saya meminta perhatian yang serius daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan usaha-usaha untuk membantu mereka ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Minta Penjelasan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Dan saya mendapati peruntukan untuk ini juga tidak ada dalam Bajet 2016. Sila.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, penyakit MOKO ini bukan sahaja di Pulau Betong di kawasan saya juga hampir lapan (8) hektar dan sampai sekarang bantuan dari segi Jabatan Pertanian Negeri, walaupun ada pegawai yang datang tapi petani tidak tahu alternatif tanaman apa untuk jangka pendek. So saya minta langkah-langkah pro-aktif patut diambil dan tindakan segera sebab perkara ini telah berlaku enam (6), tujuh (7) bulan yang lepas. Sekian Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Telok Bahang. Soalan saya nombor 5. Saya bertanya jelaskan jenis dan *charges premier penalty* dan lain-lain berkenaan yang dikenakan oleh Majlis Perbandaran, kedua-dua Majlis Perbandaran dan Majlis Bandaraya ke atas pemaju yang membuat pembangunan hartanah. Saya melihat YB. Dato' Speaker, pendapatan yang diperolehi melalui bayaran infrastruktur dan pemajuan yakni premiun semula adalah

tinggi terutamanya bagi kawasan-kawasan di bawah MBPP. Ini bermakna kawasan-kawasan yang dahulunya bukan dalam zon sama ada dalam RSZ ataupun Kerajaan Tempatan hari ini telah pun diminta untuk dibuka. Dan sebab itu mereka dikenakan bayaran premium dan sebagainya. Dan jumlah yang besar itu menunjukkan bahawa telah begitu banyak sekali kawasan-kawasan baru dibuka.

Sebab itulah saya melihat YB. Dato' Speaker, di kawasan Balik Pulau tempat saya Dato' Speaker, tiba-tiba ada sebuah kampung telah pun diberi keizinan untuk membuat bangunan. Apa akibatnya Dato' Speaker. Kawasan-kawasan baru itu telah ditambun dengan tinggi mengakibatkan bila ada hujan lebat kawasan sekitar itu menjadi mangsa, tak adil. Kemudian kita tidak ada masa *drainage* untuk kawasan Balik Pulau. Apabila mereka membuat perparitan, perparitan itu terencat. Tidak ada *discharge point* yang sesuai. Dan inilah benda-benda yang saya rasa perlu RSN, saya tekankan perlukan RSN atau pelan untuk kita lihat bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang masa depan kita. Ini menunjukkan bahawasanya apa ini telah banyak kawasan-kawasan yang dimajukan dan diluluskan oleh pihak SPC terutamanya ia melibatkan kawasan-kawasan baru dibuka dan ini telah menimbulkan masalah kepada masyarakat kita.

YB. Dato' Speaker, saya juga bertanya soalan nombor 9. Bariskan projek RFP yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dan nyatakan syarikat yang mengambil borang yang diberikan surat setuju terima dan yang menjalankan projek sekarang ini. YB. Dato' Speaker, saya telah pun diberi senarai ini. Dalam ketelusan sistem tender yang saya tahu Dato' Speaker, kalau kontraktor A membuat tawaran, maka A lah yang akan diberikan projek itu, bukan B bukan C. Dia mesti menyertai tender itu baru boleh tawarkan. Itu pun ketelusan dalam tender.

Tetapi YB. Dato' Speaker, saya melihat ada beberapa contoh di sini, yang saya boleh kod. RFP pembangunan bersama tanah seluas 4.3 hektar di atas PT330 Sandiland Foreshore, Jalan C.Y. Choy yang mengambil bahagian adalah Geo Valley Sdn. Bhd., Aishem Builders Sdn. Bhd. dan Real Billion Holdings Sdn. Bhd. tetapi yang berjaya adalah Syarikat Tanjung Villa Development Sdn. Bhd. Tidak ada kena mengena. Kemudian saya juga terkejut apabila mendapati RFP untuk International Theme Park dan Golf Resort di Bandar Cassia hanya ditawarkan *golf resort* sahaja kepada *Eco World* tetapi untuk *theme park* telah pun dibatalkan.

Dato' Speaker, saya mintalah dalam ketelusan kita membuat tawaran, begitu juga dengan satu (1) lagi projek Unit Pengurusan Sisa Pepejal di KT, *request for proposal approach maintenance of sedimentary landfill and recovery facilities MRF for Penang*. Yang mengambil bahagian Iris Eco Power, VST Waste Management, Idaman Bersih, AGTR Malaysia, Shence, International (M) dan D'Nonce tetapi yang mendapat adalah PLV Terang Sdn. Bhd. yang tidak ditender. So ini adalah nama-nama yang diberikan soalan kepada saya. Saya hairan mengapa diberikan kepada kontraktor yang tidak mengambil bahagian. Di mana ketulusan di pihak Kerajaan Negeri. Soalan seterusnya, nombor 13. saya tanya...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Maksud Yang Berhormat bagi Pulau Burong, syarikat yang berjaya tidak mengambil bahagian...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ya. Ada dua (2) tadi. Nanti Yang Berhormat boleh gulung nanti.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya rasa memang tak betullah.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Ini adalah jawapan dia.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya rasa maklumat tak betul.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Maklumat tak betul. Ini kena ambil balik dah ni. Jawapan oleh Ketua Menteri mungkin kata jawapan tak betul, YB. Padang Kota betul, nanti betulkan dalam penggulungan nanti.

Soalan no. 13. “Berapakah jumlah bayaran fi yang telah dikutip daripada tetamu yang telah menginap di hotel dan ke manakah telah dibelanjakan”. YB. Dato' Speaker, jawapan yang saya terima bagi keseluruhan kutipan bagi fi Kerajaan Tempatan ini adalah sebanyak RM10,685,455.00 di mana dibelanjakan hanyalah berjumlah RM35,000 sahaja dibelanjakan. Daripada RM10.6 juta hanya dibelanjakan RM35,000 sahaja. Saya nak minta penjelasan daripada EXCO Pelancongan ke manakah? Apakah yang telah dibuat dengan baki yang banyak itu?

Ini adalah jawapan yang diberikan kepada saya dan saya nak lihat sebenarnya perbelanjaan ini adalah menjurus balik kepada pembangunan pelancongan kita di Pulau Pinang ini dan bukannya digunakan untuk tujuan yang lain.

YB. Dato' Speaker, saya juga bertanya soalan no.14.

Jelaskan status membaik pulih Bukit Gambir dan Bukit Laksamana. Senaraikan skop kerja yang telah dilaksanakan dan status semasa. Berapa kos untuk membaik pulih setiap satu?

Saya boleh terima kerana saya minta kos memang kali ini memang tidak tahu berapa kosnya tetapi yang mengejutkan saya ialah insiden ini ataupun tindakan memotong bukit atau mengondolkan bukit ini adalah satu (1) benda yang serius di Bukit Laksamana Telok Bahang terdapat ada lapan (8) tapak yang saya diberikan sini ada lapan (8) tapak, daripada lapan (8) tapak itu Lot 811, 812 kerja mitigasi belum dijalankan walaupun arahan untuk kerja dikeluarkan pada 9.4.2014.

Lot 8567 notis berhenti kerja 9/10/2014 kerja telah pun siap dijalankan.

Lot 616 kerja mitigasi belum dijalankan.

Lot 195 Mukim 2 kerja mitigasi belum dilaksanakan.

Lot 805 hingga 809 kerja mitigasi belum dilaksanakan.

Lot 644 Mukim 2 kerja mitigasi belum dilaksanakan.

Lot 645, 646, 647, 648, 649 dan 651 juga kerja mitigasi belum dilaksanakan.

Daripada lapan (8), enam (6) belum dilaksanakan YB. Padang Kota dan ini adalah perkara yang serius lebih-lebih lagi hari ini hujan yang sangat lebat, tanah menjadi dan begitu senang sekali berlaku banjir lumpur, dan tanah runtuh dan saya berharap pihak Padang Kota mengambil perhatian serius, bukan sahaja daripada segi membaik pulih bahkan pemantauan. Saya dah berhujah atau bercakap tentang hal ini semasa soalan lisan, saya minta kalau boleh ada pemantauan berskala seperti menggunakan helikopter ataupun menggunakan *drone* dan sebagainya bagi memastikan yang kita dapat melihat di mana sahaja ada perubahan-perubahan yang berlaku kepada seluruh tanah-tanah bukit di seluruh Pulau Pinang termasuklah mengambil gambar *satellite images* dari semasa ke semasa.

YB. Dato' Speaker saya juga ingin menyentuh soalan No16. Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah banjir di Balik Pulau. Terima kasih Jawapan yang diberikan hanya tiga (3) projek. Kampung Nelayan Telok Bahang 40,000, Parit sedia ada Kampong Paya Kongsu 10,000, Parit Konkrit Sedia ada di Kampung Titi Teras 10,000. Saya juga cuba melihat ada tidak ada peruntukan untuk membaik pulih atau mengatasi masalah banjir di Lintang Pondok Upeh.

Untuk maklumat Padang Kota pihak JPS dan pihak JKR telah pun membuat lawatan ke tapak di mana di situ terdapat lebih kurang dalam enam (6) buah rumah setiap tahun kurang-kurang tiga (3) kali akan mengalami banjir dan telah melibatkan kerosakan harta benda yang cukup serius. Mereka dah *give up* dan saya minta supaya dalam bajet ini ataupun saya tak tahu macam mana bajet dapat disediakan supaya diperuntukkan, kalau tidak salah saya lebih kurang RM2 juta diperlukan untuk menaik taraf balik perparitan dan juga sedia ada bagi mengatasi masalah banjir ini dan saya minta Padang Kota mengambil serius tentang masalah yang dihadapi di kawasan Lintang Pondok Upeh.

YB. Dato' Speaker, soalan no. 18, "Jelaskan kenapa bantuan ke Sekolah Agama Rendah Permatang Pasir ditarik balik berapakah jumlah yang telah diberikan kepada setiap tahun sejak tahun 2008". Jawapan diberikan:

Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum Permatang Pauh dan Sekolah Rendah Al-Ansar Balik Pulau tidak disenaraikan sebagai penerima bantuan pada tahun ini kerana keperluan yang lebih mendesak di enam (6) buah sekolah agama pondok yang tidak pernah mendapat bantuan sebelum ini. So bermakna ada pilih-pilih jugalah, tak semua dapat bukan semua dapat, sebab saya selalu difahamkan daripada YB. Batu Maung kata semua dapat, ini bermakna ada pilihan-pilihan tertentu yang dapat okey. Ini jawapan yang diberikan kepada saya, tambahan pula kedua-dua sekolah ini telah menerima bantuan sejak 2008 dan keseluruhnya berjumlah RM276,500 bagi Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum dan RM111,000.00, untuk sekolah Rendah Islam Al-Ansar agihan bantuan mengikut tahun adalah seperti 8A. Ulang sekali lagi tambahan pula kedua syarikat ini, kedua sekolah ini telah menerima bantuan sejak tahun 2008 saya melihat di sini, 2008 tak ada pun, 2009 tak ada pun.

Mungkin YB. Batu Maung tidak semak jawapan yang diberikan kepada saya, untuk memastikan yang bahawasanya lampiran yang diberikan *tally* dengan jawapan yang di depan ini. Saya minta YB. Dato' Speaker, Batu Maung cuba melihat kembali soalan ini dan jawab dengan betul dan tepat dan juga saya minta Yang Berhormat dalam penggulungan nanti jika benar bahawa ada sekolah yang dapat dan tidak dapat saya minta YB. Batu Maung tolong senaraikan kepada saya ke semua sekali sekolah-sekolah yang mendapat dan sekolah-sekolah agama yang tidak mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima Dato' Speaker, terima kasih. Saya inginkan penjelasan daripada YB. Pulau Betong, sama ada setuju atau tidak, bantuan yang tidak diberi kepada dua (2) sekolah yang disebutkan tadi iaitu Sekolah Rendah Agama Al-Ansar dan Sekolah Rendah Agama Bahrul Ulum SRIBU ataupun SRAIA, yang pertama disebutkan SRAIA dan kedua disebut SRIBU. Bantuan yang disebutkan tadi tidak diberi baharu-baharu ini. Saya nak tanya sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak bantuan tersebut dihentikan disebabkan hubungan di antara DAP dan PAS renggang. Saya katakan demikian disebabkan terdapat dalam keratan surat khabar di mana bertajuk PAS negeri kesal tindakan Kerajaan Pulau Pinang. Kesal kerana bantuan-bantuan tersebut tidak diberi kepada dua (2) sekolah yang disebutkan tadi dan itulah sebab saya rasa mungkin boleh kalau boleh diberikan penjelasan sedikit, terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan Yang Berhormat sikit sahaja nak tambah. Saya ingat Yang Berhormat sepatutnya kita pergi lebih dalam sikit masa yang akan datang dan kita ambil profile sekolah-sekolah ini, dari segi latar belakang politik dan sebagainya supaya kita tidak teragak-agak di sini, berkawan, kawal perhubungan sihat, tidak sihat. Saya rasa untuk pembangunan ummah, Islam dan agama saya rasa kita kena mengelakkan perselisihan politik. Itu pendapat saya dan cadangan supaya saya kita tidak buang masa terus kita boleh kata ini sebab dia parti, ini amalan itu kita tidak mahu dilaksanakanlah, itu cadangan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nak lagi? Penjelasan sahaja?

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Nak tanya, setuju tak YB. Pulau Betong tidak lulusnya peruntukan ini kerana politik yang berlainan?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Said):**

YB. Batu Maung akan menjawab saya rasa, tidak sabar-sabar saya ingat gulung kena jawab tapi saya minta...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Nak perbetul fakta jawapan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Said):**

Ya. Kenapa fakta jawapan tak betul?

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Betul, cuma ayat dia sebab kita kata adalah bantuan-bantuan ke Sekolah Agama Rakyat semenjak 2008 hingga 2014 okey, adalah seperti berikut:

Ini menunjukkan yang kalau yang kita tengok ini dia *okay that mean* betullah dari 2008, 2009 tidak ada. Tapi rekod daripada 2008 hingga 2014 menunjukkan yang sekolah ini mendapat apa ini, *total* yang ada. Betul tak yang ini?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Said):**

Tak betul. Tambahan pula kedua sekolah itu telah menerima bantuan sejak tahun 2008 so mana dia, tak ada, tak ada. Yang Berhormat pergi *check* balikkah.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):**

Ini bukan silap fakta, ini silap ayat kerana bila *table* ini menunjukkan kata faktanya betul cuma ayatnya itu saja, dia punya ayat *construction of sentence* saja tidak betul. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Said):**

Saya pun *confuse* apa *table* yang betul, nanti YB. Batu Maung betulkan jawapannya kepada saya. Dan untuk menjawab penjelasan daripada Sungai Acheh, Telok Bahang dan juga daripada Penaga saya nak lihat, saya nak dengar Permatang Pasir *defence*, tak apa dalam hansard ada, kita minta dia *defence* apa yang ketidakadilan berlaku kepada kedua-dua sekolah agama ini kerana mereka daripada parti yang sama.

Dato' Speaker seterusnya saya ingin masuk ke bajet. Saya ingin membawa pemerhatian Dewan kepada Bajet 2016, Buku ini, saya *go page by page* yang saya nak sebutkan.

Muka surat 131. Maksud Bangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Pegawai Pengawal Setiausaha Kerajaan Negeri. Saya nak tahu kenapa perlu beri pinjaman kepada PDC sebanyak RM100 juta, saya minta penjelasan. Muka surat 131. Yang juga kedua saya hendak tahu apakah yang dimaksudkan dengan bekalan air yang diperuntukan di bawah item 45 Projek Bekalan Air pada tahun 2014 sebanyak RM10 juta tetapi pada tahun 2016 hanya RM210,000 sahaja. Mohon penjelasan yang itu.

Yang kedua. Maksud Pembangunan P01 Pejabat Ketua Menteri dan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan sambungan *page* 132 perkara 58 Dewan Undangan Negeri. Untuk makluman YB. Dato' Speaker kita telah bermesyuarat di bawah Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri di mana susulan daripada ucapan Tuan Yang Terutama Tun tempoh hari, kita telah pun berbincang mengenal pasti apakah kekurangan, kelebihan, kebaikan dan masalah yang dihadapi oleh di Dewan ini dan minta cadangannya adalah supaya dibuat bangunan baharu. Tetapi dalam Bajet 2016 saya tidak nampak satu sen pun yang diperuntukkan, token pun tidak ada, kalau token itu ada duit niat, tapi token pun RM10 atau RM1 tapi ini token pun tidak ada. Apakah ini langsung tidak mendapat perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri tentang usul ataupun syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa Dewan ini.

Saya juga ingin melihat, mendapat penjelasan tentang P.50, *page* yang sama muka surat 132 Perkara 54. Pembelian dan Penyediaan Ruang Pejabat KOMTAR sebanyak RM1.9 juta, satu (1) jumlah yang besar saya minta penjelasan.

Begitu juga muka surat 133 Perkara 68 Pembangunan K-ICT dan E-Kerajaan kalau tahun 2014 hanya RM634,000 tetapi pada tahun 2016 sebanyak RM7.0 juta, 13 kali ganda daripada tahun sudah, tahun 2014. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Seterusnya muka surat 136. Maksud Pembangunan P.09 - Jabatan Perhutanan, Pegawai Pengawal - Pengarah Hutan Negeri Pulau Pinang. Saya hairan, untuk Perkara 8 Rangkaian Kawasan Hutan Perlindungan;

Perkara 9 Publisiti dan Peningkatan Kesedaran;

Perkara 10 Pengurusan Tanah Lembab Bersepadu; dan

Perkara 12 Bio-Teknologi Hutan.

Langsung tidak ada peruntukan, sebab ini ada kena mengena dengan teguran audit yang saya akan bacakan sekejap lagi. Saya minta penjelasan kenapa dan kalau benar kita hendak mewujudkan sebuah negeri berkonsep *Cleaner and Greener Penang*, saya rasa perkara-perkara sebegini perlu diberi perhatian oleh pihak Kerajaan Negeri dan saya juga melihat angka ini tidak banyak berubah.

Maksud P10, Jabatan Taman Botani. Perkara 03

Program Pengindahan dan Landskap dan 05 - Program Pembangunan Saintifik dan Konservasi Landskap, Horticultural dan Sumber Manusia juga tidak langsung diberikan peruntukan, sudah dua tahun berturut-turut. So di mana hilangnya, di mana perginya *Cleaner, Greener Penang* dan saya rasa untuk mengindahkan Pulau Pinang di Taman Botani terutamanya untuk menggamit kehadiran pelancong inilah benda-benda yang perlu dilaksanakan di kawasan tersebut.

Saya juga melihat di bawah Perkara P12

Jabatan Kerja Raya Pengawai Pengawal - Pengarah Kerja Raya. Perkara 26 - Jalan-jalan Negeri. Peruntukan kalau 2015 RM7.4 juta tetapi untuk tahun depan hanya RM2.75 juta sahaja.

Untuk makluman YB. Dato' Speaker, kalau kita pergi hari ini ke bawah jalan-jalan negeri ini jika sekiranya ada lubang mereka hanya *patch* hanya sedikit-sedikit sahaja dan ini telah menimbulkan rungutan daripada mereka yang menggunakan motosikal banyak *accidents* berlaku kerana ada tompokan-tompokan tar di kawasan tertentu yang tidak sekata dan boleh mengakibatkan kemalangan untuk mereka yang menaiki motosikal.

Maksud Pembangunan P.16

Jabatan Kewangan Negeri, Pengawai Pengawal YB. Pegawai Kewangan Negeri. Pekara 04 muka surat 140, saya hendak tanya kalau tahun 2015, RM70 juta diperuntukan hari ini ditambah RM110 juta, tambahan sebanyak RM40 juta. Saya hendak tahu untuk apa maksud ini?

Seterusnya Pertanian. Maksud Pegawai Pembangunan P.18 Jabatan Pertanian – Pegawai Pengawal - Pengarah Pertanian. Perkara 12, *sorry*. Perkara 6 dan 7, Pembangunan Pusat Teknologi Genting tak ada, Pembangunan Pusat Khidmat Teknologi Genting di Balik Pulau. Tidak ada peruntukan. Pembangunan Pusat Khidmat Teknologi Telok Bahang tidak ada peruntukan. Tetapi yang memusykilkan saya ialah Perkara 12 Program Pembangunan Taman Pertanian Relau. Dari apa yang saya perhatikan kawasan itu adalah merupakan hari ini merupakan kawasan tumpuan masyarakat. Ada yang pergi berniaga di situ, beriadah di situ, melihat pokok-pokok dan sebagainya. Ada yang bertanam di situ, kenapa tidak ada satu (1) sen pun peruntukan di situ? Bahkan token pun tidak ada. Saya minta penjelasan kenapa tidak ada satu (1) peruntukan pun. Apakah benar yang saya dengar. Ini saya minta penjelasan Kerajaan Negeri tanah ini telah pun diberikan kepada satu (1) pemaju. Jika ini berlaku saya bagi pihak pembangkang, bagi pihak ADUN BN semuanya membantah sekeras-kerasnya projek ini diswastakan untuk tujuan yang lain kerana daripada dahulu lagi pihak BN telah mempertahankan pusat ini adalah untuk pengurusan pertanian semata-mata.

YB. Sungai Puyu juga pernah membantah cadangan-cadangan yang dibuat untuk memajukan Taman Sungai Relau, betul YB. Sungai Puyu? Jangan lupa kita semua tidak setuju, BN pun tidak setuju tetapi hari ini saya difahamkan tidak ada peruntukan untuk tujuan itu. Ini kerana telah pun ada cadangan telah pun diterima untuk membangunkan pusat tersebut. Sebelum ianya berlaku lebih teruk lagi kami membantah sekeras-kerasnya Pusat Pembangunan Pertanian Relau ini diberikan untuk apa-apa tujuan pembangunan perumahan dan sebagainya melainkan dengan tujuan asal ianya ditubuhkan.

YB. Dato' Speaker saya beralih kepada laporan audit. Bukit Bendera yang lepas pun saya yang bangunkan hari ini pun selepas saya melihat laporan audit ini komenya tetap sama. *No improvements*, Pihak Perbadanan tidak mematuhi piawaian-piawaian perakuanan dan pekeliling-pekeliling yang berkuat kuasa dalam merekodkan aset tetap. Terdapat kesilapan di dalam rekod aset tetap baik yang menjejaskan nilainya terhadap penyata kewangan yang dahulu. *Same thing happen again and again ....*(dengan izin).



So apakah yang telah dibuat oleh Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera. Perkara ini serius, telah pun kita tegur mereka, telah pun kita bawa mereka ke PAC *meeting* tetapi benda itu masing berulang lagi. CAT di mana kamu?

Seterusnya Laporan Audit Ketua Audit Negara YB. Ketua Pembangkang telah pun mengutarakan beberapa isu sebenarnya dan laporan audit yang dibuat terutamanya dalam Pengurusan Pembangunan Sumber eko-Perlancongan. Banyak perkara yang disebutkan di sini, antaranya penemuan audit, kemudahan yang disediakan tidak digunakan, kemudahan papan tanda tidak disediakan, penyelenggara secara berkala tidak dilaksanakan, renjer taman tidak diwujudkan, infrastuktur desa flora dan fauna yang sedia ada masih terbiar dan tidak digunakan. Sehingga YB. Ketua Pembangkang kata dah jadi kawasan tarikan hantu. Ini yang berlaku kepada program-program di bawah Jabatan Hutan Negeri Pulau Pinang saya minta keseriusan daripada pihak jabatan untuk melihat perkara ini, teguran ini supaya tidak berulang lagi dalam laporan audit yang akan datang.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Penemuan audit.

- (1) Proses perolehan tidak mematuhi peraturan.
- (2) Prestasi projek kurang memuaskan.
- (3) Kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi, kualiti dan syarat.
- (4) Projek siap tidak digunakan langsung. Saya rasa langsung bercanggah dengan CAT. Saya minta setelah dinaikkan status kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Muka surat Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Muka surat 18. Saya ingat setelah dinaikkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang, teguran-teguran audit seperti ini dan seperti yang Ketua Pembangkang tempoh hari diambil perhatian oleh pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Seterusnya Perbadanan Pulau Pinang tajuk bawah PIHH Developement Sdn. Bhd. Batu Maung seorang EXCO yang begitu bersemangat tinggi untuk memajukan Penang International Halal Hub. Penemuan Audit, saya baca pun saya terkejut. Penemuan Audit yang dilaksanakan pada Disember 2014, Mac 2015 tahun ini mendapati secara keseluruhannya pengurusan PIHH dari segi kewangan, pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat adalah di tahap kurang memuaskan dengan kelemahan-kelemahan yang seperti berikut:

Nak saya baca, tak payah baca. So banyak teguran-teguran yang telah dibuat YB. Batu Maung selalu cakap dengan begitu hebat tentang prestasi PIHH dan sebagainya tetapi apabila laporan audit dibuat ianya amat mendukacitakan. Sila ambil perhatian terhadap teguran yang telah di buat oleh YB. Telok Ayer Tawar dalam perbahasan beliau.

Cuma saya nak menegur sahaja di muka surat 45 dan muka surat 44 di mana sebanyak RM639,917 telah pun dibelanjakan dan audit berpendapat pencapai pameran dan misi perdagangan adalah kurang memuaskan kerana tiada tindakan susulan yang dibuat terhadap kemajuan aktiviti berkenaan. Saya ulangi pada pendapat audit pencapai pameran dan misi perdagangan adalah kurang memuaskan kerana tidak ada tindakan susulan dibuat terhadap kemajuan aktiviti berkenaan.

YB. Batu Maung jalan ke hulu ke hilir belanja RM639,000 tetapi tidak ada tindakan susulan. Ini laporan audit, perkara ini serius YB. Dato' Speaker dan kita minta supaya pihak EXCO bertanggungjawab untuk beri perhatian serius kepada perkara ini. Dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Ketua Menteri...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima Kasih YB. Pulau Betong. YB. Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyarankan beberapa kali di dalam ucapannya di Oxford, dalam *Facebook* nya dalam ucapan bajetnya mantra bahawa ....(dengan izin) *the business of government is not to get into business, Okay very good*. Memang prinsip yang cukup mantap dan seharusnya di pegang dan kita dapati Ahli-ahli Yang Berhormat EXCO ini memang dah sibuk sangat dah dengan aktiviti, program, mesyuarat yang mungkin yang mana tidak membenarkan mereka menumpukan perhatian kepada menjalankan perniagaan oleh sebab itu pelantikan pegawai-pegawai penting, CEO apa ni Pengurus Besar dan sebagainya dan adalah tidak bukan menjadi satu urusan korporat yang baik. Pengerusi juga menjadi CEO pengerusi juga menjadi pengurus besar, pengerusi juga meluluskan perbelanjaan dan sebagainya dan ini bukan satu urusan korporat yang baik dan ia seharusnya diambil iktibar bahawa ianya tidak seharusnya di ulang-ulang lagi. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Said)**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Dalam ucapan bajet hanya dua (2) perkara yang saya hendak sentuh. Saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Perkara 26 yang menyatakan "Bahawa selain daripada Bayan Mutiara tanah tebus guna baharu adalah di Bayan Bay. Tebus guna tanah Bayan Bay oleh Tetuan Ideal Gim Ventures Sdn. Bhd. dengan keluasan 24.79 ekar akan digunakan untuk pembinaan 2,100 buah unit perumahan seluas 11.74 ekar. 11 ekar sebagai rizab Kerajaan dan 2 ekar lagi untuk kegunaan infrastruktur. Bagi kelulusan ini, Kerajaan Negeri akan menerima satu kompleks sukan moden yang bertaraf antarabangsa seperti berikut : -

- i) Velodrome Semi Covered, bertaraf antarabangsa dengan trek basikal sepanjang 250 meter serta tiga (3) unit gelanggang bola keranjang dan gelanggang bola tampar;
- ii) Kolam renang bertaraf antarabangsa berserta *living pool*; dan
- iii) Sebuah padang bola sepak di Persiaran Bayan Indah, petak "A" bersebelahan Lot 15739, Mukim 12, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.

Saya cuba membuat sedikit perkiraan berdasarkan apa yang telah dibuat ini. Pertama *reclamation* seluas 25 ekar diberi kepada pemaju. Sebanyak hampir 12 ekar dan baik 13 ekar diberi kepada Kerajaan Negeri 50:50 lebih kurang. Kalau dalam program dalam tanah E&O, 20% dikembalikan kepada Kerajaan Negeri tetapi dalam kes ini diberikan hampir 50% kepada Kerajaan Negeri. Kalau ini benar kenapa ini tidak di *apply* kepada E&O, penjelasan.

Yang kedua, untuk menambun tanah ini *reclamation* sebanyak 25 ekar ini kalau berdasarkan kepada harga yang ditawarkan kepada CCM untuk STP II dalam keratan akhbar yang saya baca yang berjumlah RM1.03 billion. Kalau saya bahagikan dengan 384 ekar ianya berjumlah RM62 setiap kaki persegi. Ini bermakna untuk menambun kesemua 67, 20 ekar ini akan berjumlah dengan harga RM62 kaki persegi berjumlah RM67 juta ditambah dengan *velodrome*, kolam renang, padang bola sepak kalau ikut surat akhbar Kwong Ming 10 November bernilai RM80 juta. Ini bermakna kos keseluruhannya untuk bina velodrome dan tambun tanah RM67 campur RM80 juta, RM147 million. Satu tanah ini akan diberikan kepada pemaju ini untuk membina 2,100 buah rumah. Saya bahagikan dengan 11 ekar ini bermakna pemaju ini dibenarkan untuk membina 175 unit per ekar. Satu jumlah yang cukup tinggi. Saya rasa dulu apabila pihak Kerajaan Negeri memberi kepada Zenith Edwin Consortium untuk memajukan tanah mereka itu telah menjadi 125 per ekar. Itu dah tinggi dah ini 175 unit per ekar satu (1) jumlah yang cukup tinggi.

Yang kedua saya juga mengira balik apakah bentuk rumah yang akan dibuat kerana tidak dinyatakan di sini dengan jelas 2,100 ini perumahan. Kalau saya ambil contohnya satu (1) rumah untung RM100.00 baru berjumlah RM210 juta, kalau saya ambil RM200.00 berjumlah RM420 juta, kalau saya ambil satu (1) rumah unit keuntungannya RM300 juta akan nilai semua RM620 juta. So ini bermakna tanah ini tidak langsung diperuntukkan untuk rumah-rumah kos rendah dan kos yang rendah tetapi ada rumah-rumah mewah kos tinggi. Yang ini saya nak minta penjelasan daripada YB. Dato' Speaker pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tentang komposisi pembangunan yang diberikan yang terlalu *special* kepada pemaju ini Ideal GYM Venture Sdn. Bhd.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussein Shah):**

Penjelasan Yang Berhormat, saya nak tanya sikit sahaja. Kos *reclaim* sekarang untuk satu kaki berapa ringgit dan kalau pada pandangan Yang Berhormat rumah berapa nilai yang dibuat boleh *cover cost* itu?

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad)**

Terima kasih kalau ikut STP II harga tender yang ditawarkan oleh CCCM adalah berjumlah RM1.035 billion untuk 384 kalau bahagi 43,560 kaki persegi satu hektar ianya akan bernilai RM62.00 satu kaki persegi. Itu harga yang dimaklumkan dalam dalam pengumuman kepada Bursa Saham.

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan sikit. Ini tanah *net* kah atau tanah ini diskaun jalankah? Ada tolak tak benda tu?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

*No, no.* Ini menambun kesemua itu. Kos *per square fit*, kos menambun, okey? Dan tadi saya kata, saya cuba ambil kalau kata rumah kos rendah, bagaimana *handle cover* keuntungan atau kos pembinaan yang tinggi iaitu sebanyak RM80 juta untuk bina *velodrome*, kolam renang dan juga padang bola sepak dan RM60 juta untuk *reclamation* dan RM140 juta. Saya tengok apakah jenis rumah yang akan dibangunkan. *Calculation* yang saya buat menunjukkan bahawasanya tidak mungkin ianya dibina rumah kos rendah kerana untuk menjadikan benda itu *viable* dia mesti mendapat keuntungan satu rumah melebihi RM200,000 satu atau RM300,000 Telok Bahang.

Seterusnya, kita semua berbangga dengan pencapaian oleh Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang, cuma kita 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014, kita punya pencapaian merundum. Sepatah pun tidak disebut langsung ataupun motivasi yang diberikan oleh Ketua Menteri kepada Pasukan Bola Sepak kita dengan pula tercorot. Bila menang sekali sahaja terus tanpa dadah, tanpa *bookie*, tanpa rasuah. Ini yang tujuh (7) tahun selepas ini, adakah penurunan bukit, penurunan rasuah? Kata kita berlaku adil kepada mereka masa mereka *down*, mereka berada di tahap bawah, kita tidak beri semangat kepada mereka, dan apabila mereka berjaya, kita beri pujian tetapi tidak dalam bentuk yang keterlaluan. YB. Speaker, saya kembali kepada isu-isu semasa sedikit. Saya ingin bertanya kepada EXCO Batu Maung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Sebelum ke tajuk yang lain. Terima kasih Pulau Betong. Sebelum itu, kita memang setelah ketandusan begitu lama. Pulau Pinang bangga yang FAP dah masuk Liga Super. Dan kita dapati di sini kos, kos untuk mengurus dan membeli, membayar gaji dan semuanya begitu tinggi sekali dan saya rasa kalau dengan penglibatan Dato' Seri Nazir Arif saya rasa yang jadi Pengerusinya sekarang dah nampak dah cahaya. Tahulah, kita semua dah tahukan? Jadi di sini kita semua dapati untuk *sustain*, untuk mengekalkan dan melonjakkan sukan bola sepak ini, perlu satu perancangan yang mantap. Sayang sekali kita dapati bahawa pemain-pemain Pulau Pinang yang seharusnya diambil untuk masuk dalam pasukan Negeri Pulau Pinang dijemput ke negeri-negeri lain. Dan kita pula kena beli pemain-pemain daripada luar. Kita ada di sini pemain tahap satu (1) bermain di skuad Negeri Johor, Kelantan, Sarawak contohnya Shariful Rahim dan S. Chanthuru bermain dengan pasukan JDT, Johor Darul Takzim. Kenapa lepaskan pemain-pemain jaguh Pulau Pinang ini pergi ke negeri lain. Jadi kita punya *talents supporting* ini tidak baguslah.

Saya nak tanya, ada tak Jawatankuasa Pemilihan ditubuhkan untuk mengenal pasti bakat-bakat dari Pulau Pinang yang dah terlepas ke negeri lain dan sekarang ada empat (4) yang tadi yang termasuk tadi Shariful dan Chanthuru juga Sekolah Mutiara Impian, Sekolah Guar Perahu dan Penang Free juga merupakan sekolah-sekolah sukan mencernakan pemain-pemain yang baik, tapi tak diambil untuk pelapis pasukan bola sepak Pulau Pinang. Sikit lagi. Isunya di sini bakat baru ini boleh di kenal pasti untuk menjadi pelapis dan kita dapati jawatankuasa pemilihan tidak mencungkil bakat-bakat untuk tempatan ini untuk diketengahkan. Satu (1) lagi tentang permainan bola sepak ini. Bila nanti Liga Super dengan negeri-negeri lain buatlah di Stadium Batu Kawan berbanding dengan Stadium Bandaraya. Stadium Bandaraya boleh memuatkan 14,000 sahaja penonton, Batu Kawan 40,000. Jadi kita hendaklah supaya permainan ini menarik

perhatian ramai, duit *collection* pun tinggi. Dahulunya bila kita buat pertandingan bola sepak peringkat akhir di Batu Kawan, Sultan Kedah pun turun. Begitu ramai sekali peserta dan peminat di Pulau Pinang. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih atas pandangan Ketua Pembangkang. Walaupun dia memakai kain, tapi semangatnya untuk bola begitu tinggi sekali. Dan saya minta Penang FA ini mengambil perhatian tentang teguran yang dibuat oleh Dato' Jahara tadi. Cuma sedarkah YB. Telok Ayer Tawar bahawa pihak Kerajaan Negeri telah mengenakan caj air mentah kepada PBA sebanyak RM10 juta dan juga PBA juga di minta untuk memberi sumbangan sebagai *sponsor* kepada *team* Penang Football Association (Penang FA). Adakah ini juga ada kena mengena disebabkan bayaran yang banyak dikenakan oleh Kerajaan Negeri kepada PBA dan sebagainya? Akhirnya rakyat Kerajaan Pulau Pinang pula yang terpaksa membayar surcaj yang dikuatkuasakan oleh pihak PBA.

YB. Speaker, saya ingin teruskan kepada isu-isu yang lain tak payah lagi dah. Yang pertama kepada Batu Maung. Saya cuba meneliti Enakmen Pentadbiran Agama Islam cawangan di Pulau Pinang 2004 yang telah pun diwartakan. Tentang penubuhan Jawatankuasa Fatwa. Seperti yang kita tahu bahawa di Pulau Pinang ini, Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agung adalah Ketua Agama. Ini bermakna kesemuanya harus merujuk kepada Yang di-Pertuan Agung. Pelantikan Mufti adalah dibuat disyorkan Oleh Kerajaan Negeri tetapi direstui oleh Yang di-Pertuan Agung sebagai Pengerusi, maka mereka akan menubuhkan Jawatankuasa Fatwa. Jawatankuasa Fatwa ini hendaklah atas perintah yang di-Pertuan Agung dan boleh atas kehendak sendiri atau atas permintaan oleh mana-mana pihak melalui surat yang dinamakan kepada Mufti yang menyediakan fatwa. Selepas fatwa disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa, Mufti hendaklah bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa membuat syor kepada Yang di-Pertuan Agung untuk mendapatkan perkenan bagi penyiaran fatwa itu dalam warta. Ini tugas Jawatankuasa Fatwa yang telah pun bersidang mesti di angkat kepada Yang di-Pertuan Agung.

Soalan saya, dalam kes Azan, baru-baru ini isu Azan. Adakah ia telah pun di angkat kepada Yang di-Pertua Agung sebelum digazetkan, sebelum disiarkan. Kalau ini tidak berlaku bermakna ianya telah bercanggah dengan Klausu 48(iii) yang saya sebutkan tadi. Saya minta penjelasan daripada Batu Maung untuk memberi penjelasan kepada saya kerana ia berkaitan dengan soalan-soalan rakan-rakan saya sebelum ini.

Yang ketiga, mana dia Pulau Tikus? Pulau Tikus masuk. Boleh ke? Saya minta sepertimana yang telah di sebut oleh YB. Telok Ayer Tawar baru ini, semalam tentang terdapat 131 hektar tanah yang akan di *reclaim* ataupun di tambak di depan Gurney Drive. Betul? YB. Dato' Speaker, pihak Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini telah menjadikan prasarana yang cantik di Gurney Drive. Kita meletakkan tembok penahan ombak. Kita meletakkan jalan yang cantik sehingga ia menjadi apa yang ada pada hari ini, menjadi tumpuan pelancong. Dengan cara itu kita telah menaikkan premium, premis-premis, rumah kediaman, kondominium, banglo, hotel dan sebagainya yang berada di sepanjang dengan Gruney Drive. Hari ini sepertimana yang telah di tunjukkan oleh YB. Telok Ayer Tawar bahawa kawasan ini akan di tambun. Kalau ini di tambun dan dibangunkan maka akan hilanglah pandangan kondominium, *apartment* yang berada disepanjang jalan ini. Pandangan mereka akan tersekat oleh kerana pembinaan yang

baru. Kalau ini berlaku, saya amat bersimpati dengan Pulau Tikus dan juga mereka yang tinggal di kawasan itu. Saya rasa pihak Kerajaan Negeri atas apa alasan sekali pun kita minta supaya tidak membangunkan tanah ini kerana ia memberi pencemaran pandangan kepada mereka-mereka yang telah lama menikmatinya di kawasan Gurney Drive.

YB. Dato' Speaker, satu isu lagi. Tentang *reclamation work*. Ini isu panas. CAP kata Guan Eng *must explain alleged land reclamation work*. Dalam apa ini keratan akhbar *Free Malaysia Today*, saya baca sedikit YB. Dato' Speaker. *"Checks by CAP have shown that a survey and measuring works as well as markings of the area and digging of the seabed was currently being carried out there"*. Banyak lagi tulisan dia. Kemudian dalam Malayday Online, *"In this respond Lim's said any party could conduct surveys but added that he does not know what was being done on site now"*. Itu adalah kenyataan beliau pada November, 12.

Kemudian pada dalam akhbar The Star, Saturday, 14. YB. Padang Kota menjawab, *"A feasibility study to reclaim land off Permatang Damar Laut in Bayan Lepas is being undertaken by a company. State Local Government, Traffic Management and Flood Mitigation Committee chairman Chow Kon Yeow said a feasibility study had to be conducted before reclamation was allowed. The reclamation project has not been approved. We will study the report to see whether reclamation is suitable"*. Ini kata YB. Padang Kota. Dalam jawapan dalam soalan pada jawapan saya tentang projek RFP muka surat apa ini, ID 22/5 Bilangan 11. Dalam RFP ini, *"Penang government request for a proposal (RFP) could LGD/RFP-PDP/1-2014 Rules and Transport Project in Penang. (Penang Transport Multiplan Strategies 2013-2030 TMP)"*. Ini bermakna sebab saya tidak dapat laporan dia, tapi ini bermakna *Penang Multiplan* telah siap pada tahun 2013 dan RFP telah pun dikeluarkan kepada pertender semua yang mengambil bahagian sebanyak ada lima (5) orang telah pun dibuka pada Ogos 2015 dan di tutup pada 16 Februari 2015 dan surat tawaran telah pun dikeluarkan pada 12 Ogos 2015. Ini bermakna apa yang berlaku di Permatang Damar Laut semuanya adalah di bawah pengetahuan Kerajaan Negeri. Dari apa yang saya katakan tadi dan ini sebagai buktinya ianya telah pun di *award* dilaksanakan. Tentunya lah untuk membolehkan mana-mana *developer* atau pemaju membuat kajian kemungkinan dia harus turun ke tapak. Membuat kajian tentang *solidification* dan sebagainya dan *investigate* atau sebagainya. Ini perlu dilaksanakan. Kenapa pihak Kerajaan Negeri tidak boleh dan saya rasa perlu tahu di manakah ianya akan di tambak kerana ini sebahagian daripada pihak Kerajaan Negeri. Dan tentunya, jika sekiranya pihak *surveyor* telah turun ke tapak membuat kajian yang tapak tentunya dengan pengetahuan pihak Kerajaan Negeri. Persoalannya kenapa bila pihak apa ini masyarakat bertanya kepada Kerajaan Negeri kita buat tak tahu dan sebagainya. Kami orang Pulau Pinang. Air Putih orang Melaka, Pantai Jerejak orang Kedah. Kita orang Pulau Pinang tinggal di Pulau Pinang. Apa yang berlaku di Pulau Pinang ia akan menyentuh ke hati kami. So kami nak tahu, orang Pulau Pinang nak tahu apa yang sebenarnya yang berlaku untuk membiayai projek 27...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tidak cakap habis lagi. Bila saya dah habis nanti *you* cakap. Boleh?

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan. Saya nak tanya apakah sebabnya Yang Berhormat beri penekanan kepada apa bahawa Air Putih daripada Melaka dan Pantai Jerejak daripada Kedah? Itu adalah seolah-olah menyindir. Saya rasa tidak baiklah menyindir. Saya minta boleh jelaskan perkara ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya katakan Air Putih daripada Melaka? Tak betulkah? Fakta.

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Seolah-olah mencadangkan Air Putih dan Pantai Jerejak tidak prihatin tentang rakyat Pulau Pinang. Adakah itu maksudnya?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Okey. Tak apa, duduk dulu, okey. Dalam menunjukkan keprihatinan Air Putih dan Pantai Jerejak berterus teranglah kepada orang Pulau Pinang. Di manakah hendak di buat tambakkan itu. RM27 billion dalam projek *Transport Master Plan* adalah satu (1) angka yang cukup besar. Jika lihat hari ini, pihak Kerajaan Negeri akan memberi tanah untuk di *reclaim* bagi pembiayaan projek. Kalau terowong hanya RM6 billion tapi ini RM27 billion. Di mana sumber pembiayaannya? Dan kalau ucapan saya dengar ianya akan melalui kaedah tambakkan laut. So nyatakan dengan jelas kepada rakyat Pulau Pinang di manakah tempat itu akan dilaksanakan, mudah. Nanti gulunglah.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Dato' Yang di-Pertua. Memandangkan YB. Pulau Betong telah pun, saya minta Speaker...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya tak bagi jalan pun Padang Kota. Saya yang *on the floor*.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Saya minta Speaker, Speaker yang putuskan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya *on the floor* YB. Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Akhirnya Speaker yang putuskan. *You may have the floor but Speaker make the decision*. Memandangkan YB. Pulau Betong telah kemukakan satu (1) usul untuk membahas isu ini. Kita menunggulah memberi penjelasan apabila usul ini dibahaskan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Usul ini ditimbulkan....(gangguan).

**Timbalan Ketua Menteri I**

Minta izin sekejap. Kalau fakta saya dari mana pun tak tahu, mungkin fakta-fakta lain pun mungkin tidak betul. Minta maaf.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Orang Johor. Lagi jauh orang Johor. Saya difahamkan oleh orang Pantai Jerejak yang Yang Berhormat daripada Kedah, rupanya daripada Johor, isteri orang Kedah, mungkin, mungkin daripada Johor. Begini, saya timbulkan usul itu kerana kekhuatiran kita, tetapi apabila ada isu timbul begini sepatutnya masyarakat di Pulau Pinang diberitahu. Ini yang saya kata, perlu RSF dan sebagainya. Diberitahu tentang apa yang akan berlaku kerana ini akan memberi perubahan kepada kehidupan mereka. Kerana kesan-kesan itu adalah tinggi, banyak dan amat serius dan itu kita akan bahaskan dalam usul nanti.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan sekali lagi. YB. Yang di-Pertua, selama ini wakil-wakil Barisan Nasional yang buat banyak kenyataan. Kita memang menunggu sebab cadangan memang diberikan oleh konsortium yang dilantik tetapi kita pun banyak kali sebut corak untuk membiayai *Transport Master Plan* memang melalui tanah yang sedia ada, kalau ada, atau kalau tak ada memang melalui tebus guna laut. Tetapi, sekadar mana, berapa keluasannya semua tertakluk kepada kelulusan. Dan sebelum kelulusan boleh dipohon memang kerja-kerja awalan termasuk *soil investigation* dan sebagainya perlu dilakukan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Terima kasih Padang Kota. Nanti minggu depan, Padang Kota saya nampak keikhlasannya. Jadi minggu depan masa pemilihan parti, saya harap Padang Kota akan dapat undi yang tinggi. Sebab ada, ada keikhlasan. Saya memang *respect* Padang Kota ini. Tapi yang penting Padang Kota, apabila ada nelayan nampak, apabila CAP kata macam itu, kita berterus terang macam mana yang disebutkan oleh YB. Padang Kota dalam surat khabar. Ada kerja ini dibuat. Kan lebih mudah macam itu dari menafikan tak tahu apa-apa berlaku. Ini yang diperlukan daripada pihak Kerajaan Negeri. YB. Dato' Speaker, saya rasa... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan. Sikit, sedikit, sedikit. Bagilah *chance*, orang kawasan sebelah, sebelah. Saya lagi kuarat apabila dengar pembayaran kita sistem tebus tanah. Saya tidak boleh *imagine* masa akan datang rumah yang bentuk yang macam yang kita nak buat. Pembeli daripada mana yang kita nak panggil. Saya mintalah perkara ini akan jadi lebih panas lagi pada kerusi EXCO Perumahan sebab *reclamation* harga yang tinggi, bangunan, kos akan tinggi. So, kita kena buat kajian kemampuan penduduk Pulau Pinang. Kemampuan penduduknya, berapa ramai orang Pulau Pinang yang bergaji RM20,000 berapa peratus, RM10,000 berapa peratus untuk kita *justified* kan pembeli-



pembeli rumah masa akan datang. Saya minta kita harus lebih berhati-hati dalam membuat sesuatu perkara yang akan meminggirkan anak jati Pulau Pinang atau rakyat Malaysia itu sendiri di negeri ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

YB. Dato' Speaker, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ada beberapa aduan daripada penduduk di Balik Pulau. Satu, tentang anjing liar yang masih banyak. Yang kedua, sampah sarap yang tidak dikutip oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang di kawasan Balik Pulau, gambar saya lupa nak bawa dan juga perparitan yang tersumbat sama ada di bawah pihak JKR atau pihak MBPP, saya minta mendapat perhatian sewajarnya daripada Padang Kota dan saya rasa itu saja perbahasan saya untuk pagi ini. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Pulau Betong. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi perbahasan. YB. Jawi, sila.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi ucapan dalam Dewan yang mulia ini. Tahun 2016, adalah satu tahun yang mencabar bagi Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat. Setelah Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Barisan Nasional menguatkuasakan pelaksanaan GST mulai 1 April 2015, harga barangan di pasaran telah naik dengan mendadak. Nilai ringgit menjadi lebih rendah dan juga insiden 1MDB menjadi satu (1) isu di kalangan seluruh dunia. Rakyat jelata boleh merasakan duit yang sedia ada telah tidak mencukupi untuk belanja. Rakyat jelata hidup dalam keadaan yang lebih susah. Walaupun begitu, rakyat Malaysia masih berharap agar Bajet Tahun 2016 Kerajaan Persekutuan boleh membawa berita baik kepada mereka. Malangnya sebelum Bajet 2016 dibentangkan, rakyat telah dimaklumkan berita yang buruk terdahulu iaitu kenaikan harga tol *highway* ...(dengan izin).

Jadi, persoalannya adakah Kerajaan Barisan Nasional berkemampuan untuk menjaga rakyat di Malaysia. Sesebuah kerajaan perlu mempunyai kapabiliti dan strategi yang betul untuk penyediaan Bajet 2016 terutamanya dalam keadaan ekonomi seluruh dunia yang tidak begitu baik. Sesebuah Kerajaan yang baik mesti mempunyai sistem pentadbiran yang baik seperti CAT, untuk rakyat dan juga sentiasa berusaha untuk mendapatkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat. Contoh yang bagus adalah sejak tahun 2008 sehingga 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan bajet defisit tetapi masih berjaya mendapat lebih setiap tahun secara tujuh (7) tahun berturut-turut. Lebihan yang terkumpul selama tujuh (7) tahun telah dapat meningkatkan jumlah rizab Kerajaan Negeri daripada RM373.59 juta pada akhir tahun 2007 kepada RM880.75 juta pada akhir tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak RM507.16 juta bersamaan dengan peningkatan sebanyak 135.75% selama tujuh (7) tahun ini. Ini adalah contoh urus tadbir CAT yang baik di mana Negeri Pulau Pinang di bawah pentadbiran CAT oleh Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya membuktikan dan memberi keyakinan kepada rakyat Pulau Pinang bahawa keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat boleh dijaga pada masa yang sama.

YB. Dato' Speaker dan tuan-tuan, puan-puan sekalian, izinkan saya memberi ucapan dalam Dewan ini dengan beberapa isu. Pembangunan, Pertumbuhan dan Pencapaian Ekonomi (3P). Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama tujuh (7) tahun ini bukan sahaja dapat membangunkan Negeri Pulau Pinang dengan peningkatan dalam rizab tetapi juga dapat memberi banyak keyakinan kepada pelabur tempatan dan luar negara supaya mereka terus datang ke Negeri Pulau Pinang untuk melabur. Kalau kita bandingkan dalam tempoh tujuh (7) tahun ini, bermula dari tahun 2008 sehingga 2014 jumlah pelaburan telah meningkat sebanyak 93% atau sebanyak RM48.2 billion berbanding dengan jumlah pelaburan RM24.9 billion yang dicatatkan dari tahun 2001 sehingga 2007. Ini adalah satu perbezaan yang baik di mana ia dapat membuktikan pembangunan pertumbuhan dan pencapaian ekonomi yang bagus di bawah pimpinan Kerajaan Pakatan Harapan.

Di samping itu, pelabur-pelabur yang membuka kilang-kilang di Negeri Pulau Pinang juga mendapat memanfaatkan rakyat Pulau Pinang kerana ia akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Dalam tempoh 2008 hingga 2014, sebanyak 109,592 peluang pekerjaan telah bertambah. Di kawasan DUN Jawi, saya mendapati bahawa kebanyakan anak-anak muda adalah bekerja di luar negeri kerana sebelum ini kekurangan peluang pekerjaan yang baik ditawarkan di Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya pertambahan peluang pekerjaan ini, anak-anak muda kita yang baru habis sekolah, kolej dan universiti boleh bekerja di tempat lahir mereka dan tidak perlu bersusah payah mencari peluang pekerjaan di tempat lain.

Selain itu, pertambahan peluang pekerjaan ini juga memberi peluang kepada penduduk Pulau Pinang yang sedang bekerja di luar negeri atau luar negara untuk balik bekerja di Pulau Pinang. Ini bukan sahaja dapat mengurangkan pengaliran keluar pakar tempatan tetapi juga dapat menarik pakar-pakar tempatan untuk balik berkhidmat di negeri asal mereka. Saya percaya ibu bapa paling gembira apabila mereka dapat tahu berita yang baik di mana kilang-kilang yang baru dibuka kerana anak-anak mereka dapat bekerja di *hometown* ...(dengan izin) serta dapat menemani mereka di samping juga dapat menjimatkan kos sewa rumah dan perbelanjaan harian dan perjalanan. Jika dibandingkan mereka bekerja di luar negeri atau luar negara di mana kos yang ditanggung adalah lebih tinggi.

Baru-baru ini saya juga berpeluang mendapat tahu bahawa sebuah kilang yang baru akan dibuka pada tahun 2016 di Batu Kawan Industrial Park di mana ia akan mengambil semua kakitangan tempatan. Buat sementara waktu, ia telah mengambil lebih kurang lebih 200 pekerja tempatan, *engineer* dan lain-lain dan ia juga akan ambil lebih ramai pekerja tempatan dalam masa yang akan datang. Ini hanya satu contoh di mana pertumbuhan kilang baru mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Apabila lebih banyak kilang baru dibuka di Batu Kawan Industrial Park, saya percaya lebih banyak lagi peluang pekerjaan akan diwujudkan untuk penduduk tempatan. Bukan saja mendatangkan manfaat peluang pekerjaan kepada kawasan SPS, daerah SPS di kawasan seluruh Seberang Perai di Negeri Pulau Pinang. Saya percaya Sungai Acheh juga akan memanfaatkan, setujukah Sungai Acheh?

Setakat suku akhir tahun 2014, kadar penyertaan tenaga buruh di Pulau Pinang telah meningkat kepada 70.6% dengan kadar pengangguran yang paling rendah di Malaysia iaitu 1.7% bagi tahun 2013. Negeri Pulau Pinang adalah satu (1) negeri yang mempunyai urus tadbir dan baik yang betul-betul menjana peluang pekerjaan dan

pertumbuhan ekonomi. Ini adalah satu pencapaian yang baik dan akan diteruskan dengan tambahan kilang-kilang di kawasan perindustrian Batu Kawan. Kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan, penjelasan. Dalam ucapan bajet, Y.A.B. Ketua Menteri ada menyebut yang kilang-kilang yang sekarang fokus dalam bahagian perkilangan adalah *front-end*. Kilang-kilang *front-end* bermakna kilang-kilang ini akan membuat aktiviti reka bentuk, *design*, *analog design* dan lain-lain *mold and dye*. Ini memerlukan tahap, dan juga disebutkan dalam ucapan bajet, yang mereka ini mempunyai ijazah dan *especially* ijazah dalam *design* dan *engineering* yang lebih tinggi. Jadi, soalnya kilang-kilang di Batu Kawan yang akan datang, adakah kilang-kilang ini juga *front-end design companies*? Jadi bermaksud, apakah akan jadi kepada anak-anak muda yang tidak ada, yang bukan graduan, yang bukan dalam bidang ini. Kebanyakannya saya tengok di kawasan Penanti dan NGO di tempat saya, *Penang Youth Organization* yang mempunyai 52 kelab, rata-ratanya mereka memberitahu saya susah dapat pekerjaan. Jadi, saya nak tahu Pulau Pinang menuju kepada kilang-kilang yang *front-end* tetapi apakah nasib anak-anak muda yang tidak ada ijazah sedemikian?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Sebenarnya kita dah beritahu bahawa Industrial Park di Bukit Minyak di Batu Kawan, Bukit Minyak, Science Park dan juga lain-lain tempat. Ini kesemuanya adalah kilang-kilang yang besar dan juga kilang-kilang tempatan yang masuk. Saya percaya setiap kilang memang memerlukan tenaga buruh dari segi pekerjaan *normal standard* dan juga sampai *engineer* dan sampai ke tahap yang *expert*. So di mana pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi dan kilang-kilang yang sedia ada dan juga akan datang saya percaya dia merangkumi semua golongan kategori untuk pekerja-pekerja. Bukan sahaja yang *expert-expert* kena juga ada juga pekerja-pekerja seperti normal kilang-kilang.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dengan izin Yang Berhormat, saya minta pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan apa yang telah dinyatakan tadi iaitu peluang pekerjaan yang diberikan kepada orang kampung kalau di kawasan Jawi kepada anak-anak muda kita untuk bekerja di kilang-kilang sebagai permulaan,.....(dengan izin) sebagai operator pengeluaran pada masa yang sama belajar dan meningkatkan pendidikan mereka dan pada masa yang sama meningkatkan tahap pekerjaan tapi apakah pandangan Yang Berhormat dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk membawa masuk banyak lagi pekerja daripada Bangladesh dan kecenderungan majikan-majikan daripada kilang-kilang besar ini untuk menggaji warganegara Bangladesh kerana memberi gaji yang lebih kurang daripada mereka di samping itu memaksa mereka bekerja lebih masa ini akan merampas peluang daripada anak-anak Pulau Pinang untuk peluang pekerjaan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

YB. Dato' Speaker saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Seri Delima. Memang saya sebagai orang tempatan yang berasal dari Seberang Perai, sejak saya kecil saya melihat sampai sekarang memang banyak pekerja asing yang dipersetujui

dasar Kerajaan Persekutuan untuk mengimport masuk dan merampas peluang pekerjaan orang tempatan. Seperti satu contoh yang baik di mana kita dapat tahu memang dulu kerja-kerja *construction* memang orang tempatan yang buat, tetapi kini kita lihat semua tempat ada pekerja-pekerja warga asing dan mereka datang bekerja dan duduk di rumah dengan penuh sesak dan juga menjadi masalah kepada penduduk-penduduk di kawasan perumahan yang berhampiran.

Saya memang bersetuju bahawa Kerajaan Tempatan dan juga kilang-kilang yang sekarang bekerjasama ingin mengambil pekerja tempatan kerana ini adalah satu permulaan yang baik memberi peluang kepada orang-orang tempatan untuk bekerja. Saya berharap Kerajaan Persekutuan kena ambil kira nasib anak-anak muda, cucu kita adakah mereka masa depan mereka terjamin? Kalau terlalu banyak pekerja warga asing datang dan satu contoh yang bagus ini juga saya akan jawab kepada Penanti iaitu Syarikat Guppy adalah satu syarikat tempatan dan beliau memerlukan pekerja tempatan. Di pusat khidmat saya mulai tahun lepas bulan November hingga sekarang saya sudah banyak memberi borang yang ada penduduk tempatan kerana mereka memerlukan pekerjaan di kilang Bayan Lepas dan juga di Bukit Tengah. Syarikat Guppy dan mereka telah mengambil pekerja-pekerja tempatan seperti normal selepas *graduate* daripada SPM.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apakah pandangan Yang Berhormat sama ada kepada Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan boleh menetapkan satu (1) kuota sebelum memberikan apa-apa kelulusan kepada mana-mana syarikat sebelum memulakan operasi bahawa sepatutnya atau wajib sekurang-kurangnya mempunyai 90% pekerja tempatan dan mungkin kalau cadangan kedua sesuatu pekerjaan itu tidak mempunyai telah pun diiklankan dan tidak ada sebarang calon yang datang untuk temu duga tersebut ataupun tidak mempunyai sesuatu kepakaran untuk pekerjaan barulah dibenarkan untuk mengambil seorang pekerja daripada luar negara. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan tersebut untuk mensyaratkan perkara ini sebelum Pihak Berkuasa Tempatan memberikan kelulusan kepada syarikat itu untuk beroperasi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Memang saya setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Seri Delima. Memang dalam ucapan saya pun ada sentuh isu ini. Kerajaan Negeri patut membuat satu (1) dasar ataupun mengkaji macam mana dasar ini dapat dilaksanakan supaya kilang-kilang yang datang melabur di Negeri Pulau Pinang dapat memberi lebih banyak peluang dan jaminan terntu kepada pekerja-pekerja tempatan.

Saya sambung Negeri Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang mempunyai urus tadbir yang baik dan betul-betul menjana peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah satu pencapaian yang baik dengan pertumbuhan kilang-kilang di kawasan perindustrian di Batu Kawan. Kini Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC telah pun menandatangani perjanjian *joint venture*....(dengan izin) dengan pihak Sime Darby Bhd. Untuk membina SME Industrial Park di kawasan Byram dan Changkat di Seberang Perai Selatan dengan jumlah keluasan tanah lebih kurang 2,000 hektar. Saya percaya masa depan di Kawasan DUN Jawi terutamanya di kawasan Byram dan Changkat akan dijadikan salah satu SME Industrial Park yang paling besar di Kawasan DUN Jawi kerana

buat sementara waktu di kawasan DUN Jawi cuma ada satu (1) tapak kawasan perindustrian di Bukit Panchor yang bersaiz kecil. Ini adalah seperti yang saya bangkitkan pada tahun 2013 di mana kita perlu memberi lebih banyak ruang atau *rezoning* untuk kawasan-kawasan menjadikan industrial supaya dapat memberi peluang pekerjaan kepada orang tempatan dan juga dapat menjana lebih banyak penduduk di kawasan perumahan akan dibangunkan di kawasan DUN Jawi ini.

Dengan adanya Perindustrian SME yang besar ini, maka pembangunan ekonomi di sekitar Byram dan Changkat termasuk Nibong Tebal dan Jawi kemungkinan termasuk juga Sungai Acheh akan menjadi lebih pesat lagi perindustrian yang besar bukan sahaja akan menambah peluang pekerjaan tetapi juga industrial perumahan dan juga perniagaan-perniagaan di seluruh kawasan Nibong Tebal. Ini adalah satu pergerakan yang baik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana rancangan masa depan adalah amat penting supaya dapat menuju ke arah teknologi tinggi, inovatif dan bernilai tinggi dan dapat membantu membangunkan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Walaupun ekonomi untuk tahun 2016 mungkin akan menjadi perlahan tetapi kita dapat melihat Negeri Pulau Pinang telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM43.4 bilion pada separuh tahun pertama 2015 melalui 67 projek yang diluluskan. Sebanyak 13,199 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada separuh pertama tahun semasa ini. Maka dengan adanya kesemua ciri-ciri ini rakyat di Negeri Pulau Pinang memang agak berasa bertuah jika dibandingkan dengan negeri yang lain dan juga jika dibandingkan di masa pimpinan Barisan Nasional di Negeri Pulau Pinang sebelum 2008.

Isu kedua, pendidikan. Pendidikan adalah salah satu faktor yang penting untuk memajukan sesebuah negara dan sesebuah negeri. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM2.0 juta untuk menajankan program latihan berkembar vokasional Jerman di Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang, PSDC. Peruntukan ini digunakan untuk menampung kos tuition dan juga *allowance* kewangan pelajar yang berjumlah RM900.00 untuk mengikut kursus diploma. Ini adalah salah satu cara untuk mendidik dan memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk kursus Diploma mereka supaya masa depan mereka lebih terjamin. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan program biasiswa diberi nama *Penang Future Foundation* .... (dengan izn) PFF yang telah dilancarkan pada 1 April 2015 dengan dana sejumlah RM20 juta untuk dipohon. Ini juga salah satu cara untuk membantu pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang tetapi tidak dapat meneruskan pengajian mereka kerana kemiskinan keluarga. Tambahan pula Setiap tahun mulai tahun 2009 Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberikan peruntukan sebanyak RM12 juta kepada Sekolah Cina, Sekolah Rendah Tamil, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Mubaligh persendirian untuk membantu sekolah-sekolah untuk menambah baik infrastruktur dan keperluan mereka. Ini adalah kali pertama...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tumpang lalu. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai *Penang Future Fund Foundation*. Tabung itu RM20 juta ada persoalan dari surat khabar mungkin ini soalan yang saya terima dari penduduk dari Penanti. Disebabkan 85% adalah orang-orang Melayu. Mereka menanyakan adakah sumbangan Tabung PFF ini dari sumber yang halal. Dan setakat ini berapakah jumlah penerima biasiswa di *Penang Future Fund Foundation* dan pecahan kaum? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ini saya serah kepada EXCO yang berkenaan untuk jawab.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang ini biar EXCO gulung. YB. Jawi percepatkan perbahasan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih YB. Dato' Yang di-Pertua. Ini adalah kerana Pulau Pinang adalah negeri pertama yang memberikan peruntukan sekolah setiap tahun dan bukan seperti Kerajaan Barisan Nasional sampai hari ini masih tidak boleh memberikan peruntukan tetap kepada setiap sekolah. Ia juga berlainan dengan janji yang diberi oleh pemimpin MCA bahawa akan terus menembus balik peruntukan kepada beberapa sekolah Cina di Malaysia untuk tahun 2015 tetapi sampai hujung tahun 2015 masih belum dapat bayaran Sekolah-sekolah tersebut. Inilah salah satu titik permulaan yang dapat menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang menitikberatkan pendidikan. Pendidikan haruslah dimulai sekarang tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Setakat ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menguruskan hal ehwal pendidikan dengan baik. Cuma saya di sini ada satu cadangan yang dapat menambah baik lagi urusan hal ehwal pendidikan lagi. Buat sementara waktu ini terdapat sebelas ahli dalam Jawatankuasa Penyelaras Hal Ehwal Sekolah Cina Pulau Pinang di mana ahli-ahli jawatankuasa itu tidak dilantik mengikut daerah. Kebanyakan ahli jawatankuasa terdiri daripada wakil Seberang Perai Tengah, manakala tiada wakil daripada kawasan SPS. Saya berpendapat dan ingin mencadang bahawa jawatankuasa ini akan bertambah baik dan lebih memahami masalah-masalah sekolah di ke semua lima (5) daerah Negeri Pulau Pinang sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya seorang wakil dari setiap daerah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya jelaskan sekarang. Ahli-ahli di dalam Jawatankuasa ini ialah untuk mengagih peruntukan itu. Yang untuk semua daerah ataupun semua kawasan, Ahli-ahli Yang Berhormat akan dilantik pergi ke sekolah untuk *verify* juga berikan cadangan manakah satu yang perlu, manakah satu permohonan yang lebih *urgent* jadi di situlah tentu ada wakil di situ. Sekiranya ada apa-apa yang hendak beritahu atau cadangkan, kepada jawatankuasa ini boleh buat teruskan. Kalau tidak ada dalam jawatankuasa ini pun boleh buat cadangan secara terus. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya memang faham cara ini kerana setiap kali *procedure* akan untuk bermesyuarat dalam jawatankuasa tersebut tetapi saya sendiri berpengalaman saya yang masuk jawatankuasa itu saya tidak mahu sebut ahli tersebut semasa saya untuk mengurus dan meminta lebih banyak peruntukan untuk sekolah-sekolah di kawasan SPS DUN Jawi ini, ahli tersebut menyatakan *you* tak tahu apa-apa, mengapa ahli tersebut boleh mengatakan sebegitu punya perkataan. Saya sebagai ADUN mengatakan kalau bezakan 10 tahun atau 20 tahun yang lepas, hari ini *you* datang balik ke SPS keadaan tak sama...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Boleh beri namakan orang itu di Dewan ini?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya tidak mahu namakan orang tersebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tidak perlu.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Dia bukan ADUN. Di sini saya merasai bahawa kalau jawatankuasa tersebut ada wakil ahli daripada SPS maka Ahli-ahli Dewan Undangan di kawasan SPS ini boleh memberikan pandangan kepada beliau dan beliau boleh wakil di kawasan daerah SPS ini untuk menyuarakan apa pandangan beliau kerana beliau boleh lebih memahami isu-isu sekolah yang ada buat sementara waktu di kawasan SPS tersebut itu.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Jawi, saya tidak tahu apa yang telah berlaku ini tapi saya rasa semua Yang Berhormat yang pergi turun padang saya minta di dalam borang itu pun jelaskan manakah *urgent* yang mana dicadangkan oleh ADUN-ADUN. Sekiranya ada buat semua perkara ini saya rasa untuk menjimatkan masa ADUN, ADUN pun ada banyak kerja jadi ADUN tak payah datang kepada mesyuarat lagi dan ini untuk tahun depan kita pun akan kalau...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Padang Lalang nanti gulung. ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kalau saya di dalam jawatankuasa saya *chairman* saya tidak akan kalau tak Padang Lalang saya mesti keluar dari *meeting* supaya *there is less convert of interest* sangat susah banyak ADUN semua datang nak minta banyak kita pun susahlah. Jadi saya harap Jawi jangan marah ya, faham semua kita akan adil ya, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti Padang Lalang nanti yang lain gulung. Teruskan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Saya tak marah Pengerusi Jawatankuasa tersebut. Cuma saya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Perlu habis di sini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Sikit sahaja kerana / kena jawab. Saya wakili kawasan sekolah saya kerana mereka memang rasai bahawa sama ada, ada wakil SPS dalam jawatankuasa tersebut. So di sinilah saya harapkan cadangan saya dapat diambil maklum dan dapat dikaji supaya dapat mempertingkatkan lagi apa yang saya telah cadangkan tersebut.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ada lagi. Izinkan di sini, saya mendapati bahawa ini isu perpustakaan di samping itu saya mendapati bahawa koleksi bahan bacaan di Perpustakaan Negeri Pulau Pinang cuma terdapat 106 buah perpustakaan termasuk perpustakaan bergerak dan desa. Mengikut pecahan bahasa adalah tidak seimbang. Isu ini pernah saya bangkitkan pada tahun bulan Mei 2014 dalam sidang Dewan ini di mana koleksi bahan bacaan di perpustakaan adalah sebanyak 49.5% bagi bahasa Melayu, 38.9% bagi bahasa Inggeris, 6.3% bagi bahasa Cina dan 5.2% bagi bahasa Tamil. Memang bilangan bahan bacaan bahasa Cina dan bahasa Tamil kurang dan pada masa itu saya pernah cadangkan koleksi bahan bacaan setiap bahasa bagi perpustakaan awam sepatutnya mencapai sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah bahan keseluruhan koleksi bahan bacaan.

Untuk memenuhi keperluan kelompok masyarakat yang berlainan, cadangan saya diterima dengan pembelian lebih banyak bahan bacaan bahasa Cina dan bahasa Tamil bagi mencapai 10% bagi tahun 2014 dan tahun 2015. Memang itu ada satu sikit permulaan yang baik. Walau bagaimanapun, statistik menunjukkan bahawa tambahan pembelian bahan bacaan bahasa Cina dan Tamil sebanyak 10% tidak semestinya akan meningkatkan peratusan keseluruhan bahan bacaan mengikut bahasa. Statistik sehingga 30 September 2015 yang dibekal oleh PPAPP iaitu bahan bacaan bahasa Melayu adalah sebanyak 589,199 naskah dengan peratusan 48.22%, bahasa Inggeris pula 538,473 naskah dengan peratusan 44.17%, bahasa Cina 56,938 naskah dengan peratusan 4.66%, dan bahasa Tamil pula 36,780 naskah dengan peratusan 3.01% setelah mengambil kira pembelian baru dan juga pelupusan buku lama. Kalau mengikut statistik ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan sikit. Berkenaan dengan perpustakaan dan perbekalan buku-buku bahasa Inggeris. Saya nak menjemput Yang Berhormat juga memberi pandangan di atas satu perkembangan yang agak mengejutkan di mana baru-baru ini disiarkan dalam surat khabar The Star, bahawa satu (1) pengakuan oleh seorang guru di mana diakui bahawa murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah juga selepas itu kebanyakan doktor pakar tidak mempunyai penguasaan ke atas bahasa Inggeris dan dua (2) perkara menjadi perkara utama kalau kita lihat dahulu semua guru-guru yang mengajar bahasa



Inggeris ini adalah....(dengan izin) *curl be train teachers* yang mempunyai tauliah ataupun pengiktirafan untuk mengajar.....(dengan izin) Oxford English. Sekarang kita lihat bahawa kebanyakan guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris ini menggunakan *manglish* dalam mengajar bahasa Inggeris iaitu campuran Bahasa Malaysia dan English dalam mengajar bahasa Inggeris dan buku-buku yang terdapat juga...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima, penjelasan apa yang nak.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Buku-buku yang terdapat di perpustakaan ini juga tidak menurut piawaian-piawaian yang terdapat di sekolah-sekolah *International school* .....(dengan izin) saya nak menjemput Yang Berhormat sama ada memberi pandangan kalau Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin dengan penguasaan Bahasa Inggeris oleh rakyat Pulau Pinang perlu mengambil langkah-langkah yang proaktif berbanding dengan Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan Bahasa Inggeris pada murid-murid sekolah di seluruh Pulau Pinang .....(dengan izin).

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih cadangan yang baik oleh YB. Seri Delima kalau mengikut statistik ini koleksi bahan bacaan Cina dan Tamil memang masih jauh lebih rendah daripada koleksi bahan bacaan bahasa lain. Berbanding dengan tahun 2014 dengan itu di sini saya ingin mencadangkan bahawa mulai tahun 2016 pembelian bahan bacaan bahasa Cina dan Tamil perlu dipertingkatkan lagi kepada peratusan yang lebih tinggi daripada 10% supaya ia dapat mencapai 10% daripada jumlah koleksi bahan bacaan di perpustakaan dan bukan pembelian baru mencapai 10% sahaja.

Pada masa yang sama saya memaklumkan untuk tahun ini saya telah menggunakan peruntukan DUN Jawi untuk membuat pembelian buku-buku dan letak diperpustakaan daerah Jawi. Saya difahamkan bahawa setiap tahun Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan atau geran tahunan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang, PPAPP, dan kita lihat peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah lebih banyak daripada Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 dan 2015. Kerajaan Negeri menyalurkan RM8.0 juta setiap tahun kepada PPAPP sebagai geran tahunan manakala Kerajaan Persekutuan hanya menyalurkan RM5.2 juta bagi tahun 2014 dan RM5.7 juta bagi tahun 2015.

Saya di sini nak tanya sama ada Kerajaan Persekutuan sama ada rakyat-rakyat 1.6 juta yang ada di Negeri Pulau Pinang ini yang bayar cukai tidak berhak mendapat peruntukan yang seimbang ataupun setaraf yang apa yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun soalan kedua saya kepada Kerajaan Persekutuan sama ada Kerajaan Persekutuan tidak menitikberatkan isu pendidikan di Negeri Pulau Pinang kerana peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan masih kurang dan tidak mencukupi jauh kita bezakan dengan Negeri Pulau Pinang. Sesungguhnya geran tahunan yang diberi oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan ini adalah tidak mencukupi dengan kenaikan kos lanjutan daripada pelaksanaan GST dan kos lain. Walaupun pembelian buku tiada caj GST, pembayaran lain seperti utiliti masih dikenakan

caj GST, kepada PPAPP, serta pelaksanaan GST mulai *first of April* 2015.....(dengan izin) sehingga bulan Ogos 2015 PPAPP perlu membuat bayaran tambahan sebanyak RM33,458 untuk caj GST mulai *first of April* sehingga Ogos ke atas bil TNB, PBA dan Telekom. Disebabkan adanya caj GST *amount* yang sepatutnya yang boleh digunakan untuk pembelian lebih banyak bahan bacaan ataupun penambahbaik ke atas perkhidmatan perpustakaan telah berkurang. Ini tidak mengambil kira lagi kenaikan gaji minimum kepada RM1,200 yang dibentangkan dalam Bajet 2016 yang akan dibayar mulai bulan Julai 2016...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, berapa lama lagi?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ada enam (6) muka surat lagi. *I finish the last sentence and continue.* Terima kasih. Okey, serta pengumuman kadar baru terendah Imbuhan Tetap Perumahan kakitangan awam Gred 41 ke bawah daripada RM180.00 sebulan kepada RM300.00 sebulan yang berkuatkuasa pada November 2015. Satu *paragraph* untuk isu ini.

Dengan itu saya ingin mencadangkan di sini bahawa peruntukan atau geran tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terutamanya haruslah ditambah dengan mengambil kira kos-kos yang ditanggung oleh PPAPP untuk memastikan perpustakaan dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat sebab Kerajaan Pusat mengutip GST Kerajaan Persekutuan lagi patut memberi lagi lebih banyak lagi geran tahunan kepada PPAPP setelah pelaksanaan GST kerana tujuan asal hasil kutipan GST adalah untuk menambak baik kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Jawi. Kalau sambung esok maksud tak ada. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan bersidang semula pada jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 Petang.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan disambung semula, Jawi.

## Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih, Timbalan Speaker. Isu yang saya nak *highlight* kedua adalah pelancongan. Ketiga. Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengadakan banyak program baru yang bertaraf antarabangsa sempena menyambut Tahun Melawat Pulau Pinang 2015, 2017. Dalam Bajet 2016, peruntukan sebanyak RM31.93 juta disediakan untuk projek dan program tarikan pelancongan dan warisan. Pelancongan adalah sebenarnya adalah salah satu punca pendapatan yang penting untuk Negeri Pulau Pinang terutamanya kini Negeri Pulau Pinang telah menjadi satu (1) tempat pelancongan yang terkenal di seluruh dunia.

Pada tahun 2014, Pulau Pinang disenaraikan oleh Lonely Planet destinasi dunia nombor satu (1) untuk pencinta makanan. Pada tahun ini pula, panduan pelancongan yang terkenal di seluruh dunia ini menyenaraikan George Town sebagai bandar raya keempat yang terbaik untuk dilawat pada tahun 2016. Mengikut statistik, pelancong-pelancong asing yang datang melawat ke Negeri Pulau Pinang adalah daripada negara Indonesia, Singapura, China, Jepun, Amerika Syarikat, Taiwan dan negara-negara lain. Saya ingin cadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh membuat promosi di negara-negara lain supaya dapat menarik lagi banyak pelancong-pelancong dari Negara Eropah dan Negara Asia ke Negeri Pulau Pinang. Bagi membantu sektor pelancongan saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh menubuhkan *Tourist Information Centre* ....(dengan izin ) YB. Dato' Speaker di Negeri Pulau Pinang untuk memudahkan pelancong-pelancong yang datang melawat Pulau Pinang membuat pertanyaan di pusat tersebut. *Tourist Information Centre* ini sebenarnya adalah sangat biasa di negara lain seperti di Australia, New Zealand, Korea dan Jepun di mana pelancong-pelancong asing boleh mendapatkan maklumat pelancongan dengan lebih mudah di kiosk yang didirikan di tepi jalan ataupun tempat pelancongan yang terkenal.

Tempat-tempat pelancongan di beberapa lokasi utama di sebelah Pulau Negeri Pulau Pinang sudah lama terkenal di kalangan pelancong asing tetapi di kawasan Seberang Perai masih kekurangan tempat pelancongan dan juga pelancong. Saya berpendapat Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh memberikan lebih tumpuan untuk mencari lokasi dan tempat yang boleh dijadikan tarikan pelancong di kawasan Seberang Perai supaya pelancong tidak tertumpu kepada sebelah pulau sahaja. Saya percaya jika ada tempat atau aktiviti yang boleh dijadikan tarikan pelancong di kawasan Seberang Perai, ekonomi di kawasan Seberang Perai juga akan dipertingkatkan lagi.

Di sini saya ingin berkongsi satu pengalaman saya di DUN Jawi pada tahun ini, buat kali pertama Pesta Durian Peringkat Negeri Pulau Pinang diadakan di kawasan Seberang Perai iaitu di kawasan Seberang Perai Selatan DUN Jawi, atas sokongan daripada Kerajaan Negeri, EXCO Pelancongan Negeri Pulau Pinang. Memang di kawasan Nibong Tebal, SPS terkenal dengan durian 'Ochee' dan ia telah menjadi juara durian pada tahun 2012 dan 2013. 2014 tidak bertanding kerana sempena bulan puasa. Jadi apabila dihebahkan durian 'Ochee' akan dijual dalam Pesta Durian Peringkat Negeri Pulau Pinang. Tahun ini, ia berjaya menjadi satu tarikan yang kuat selama sebulan bukan sahaja kepada pelancong tempatan tetapi juga kepada pelancong negara asing. Sepanjang tempoh pesta durian yang berlanjutan dari 1 Julai sehingga 31 Julai 2015, sebanyak 13,000 anggaran, 13,000 pelancong tempatan dari Johor, Perlis, Kuala Lumpur, Perak, Kedah, Sarawak, Melaka dan lain-lain telah tertarik ke kawasan DUN

Jawi untuk menikmati durian 'Ochee' dan lebih kurang 2,000 pelancong dari negara asing dari Singapura, Hong Kong, China, Taiwan, Korea, Australia dan Amerika Syarikat juga tertarik dengan Pesta Durian ini. Apa yang saya ingin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Bercakap tentang durian ini, saya juga berminat dengan durian. Saya minta pandangan Yang Berhormat mengenai perkara kenaikan harga buah-buahan durian kerana kita dapati bahawa semua pengusaha-pengusaha, pekebun-pekebun yang mengusahakan perniagaan durian ini lebih cenderung untuk mengeksport buah-buahan ini ke luar negara dan sering kali kita dapati bila beli sesebuah harganya lebih kurang RM50 hingga RM60 dan ini sungguh tidak munasabah jadi apakah pandangan Yang Berhormat kalau kita boleh dan kita lihat mereka lebih cenderung untuk menjual buah-buahan ini kepada orang-orang yang datang daripada luar negeri, Singapura, Taiwan, Korea dan sebagainya. Jadi orang-orang yang tinggal di Pulau Pinang ini rupa-rupanya tidak dapat menikmati khasiat buah-buahan di sini. Apakah cadangan Yang Berhormat supaya kita dapat mengekalkan harga ini ataupun mengenakan apa-apa tahap, limit kepada penjualan buah-buahan yang ada? Apakah ada apa-apa cadangan yang boleh dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk memastikan bahawa peniaga-peniaga ini tidak mengambil kesempatan untuk mencari keuntungan banyak. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih kepada soalan daripada YB. Seri Delima. Pandangan saya seperti contoh tahun ini kita menganjurkan Pesta Durian Peringkat Negeri Pulau Pinang. Memang kita ada memberitahu kepada pekebun-pekebun, penjual-penjual durian 'Ochee' ini mereka kena jual dengan harga yang tertentu tak boleh harga yang lebih tinggi. Seperti 'Ochee' tahun ini mereka jual di kawasan DUN Jawi ini, Nibong Tebal ini dengan sempena Pesta Durian ini, mereka jual sekilo RM30, maka kalau berbanding dengan kawasan Balik Pulau memang harga bukan RM30 perkilo. So pandangan saya mungkin kita boleh, Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh berjumpa ataupun mengajak penjual-penjual durian-durian tersebut supaya mengadakan satu jawatankuasa *task force* untuk berjumpa dengan penjual-penjual durian itu sebelum musim durian tersebut bincangkan dan mereka akan cari satu cara penyelesaian. Mungkin EXCO Pelancongan dan EXCO Pertanian, kedua-dua EXCO boleh membantu dalam isu tersebut....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):**

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, sikit saja. Saya rasa untuk makluman semua, harga yang mahal memang ada spesis yang tertentu ada yang bernama macam 'Ochee', 'Musang King'. Ini memang satu biji lebih kurang RM50 hingga RM70 dan ada yang tak ada namanya mungkin hanya RM10 sebiji sahaja. So, macam udanglah, udang besar, udang bagus mahal. Udang kecil murah sikit. So tengoh mana yang *you* pilih, mana yang suka makan. Satu lagi untuk durian di Pulau Pinang memang tidak cukup untuk orang ramai di Semenanjung Utara dan tidak dieksport ke luar negara. Mungkin di Negeri Pahang, Johor sana ada dieksport dalam bungkusan tapi di Pulau Pinang spesis durian ini di Balik Pulau, di Nibong Tebal ini memang ada ternama dan selalu ditempah oleh orang kaya di Pulau Pinang dan juga ada orang kaya yang *book* dulu. Orang yang biasa

pun ada yang makan tapi yang mereka sudah belum jatuh sudah *book*. So jadi tak cukup untuk dieksportlah, maksud saya. Tak ada eksport untuk durian di Pulau Pinang.... (gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ....(dengan izin), minta laluan. Saya kurang bersetuju dengan EXCO katakan tadi. Saya tahu durian ini ada dua biji....(gangguan). Dua jenis, jangan silap faham. Ada yang ada biji, ada yang tak ada biji. Dalam bahasa Hokkian kata "*ohoot, bohoot*." Tapi masalahnya saya tak bersetuju, tidak boleh benarkan hanya orang-orang luar negara yang makan yang khasiat. Adakah EXCO maksudkan yang durian 'Musang King, atau 'Ochee' kah dan yang khasiatnya, yang harga tinggi hanya diberikan kepada orang-orang daripada luar daripada Pulau Pinang, tak boleh. Kita harus memastikan bahawa orang-orang di Pulau Pinang juga boleh mampu dan dapat menikmati khasiat buah-buah durian ini. Jadi sebab itu saya minta supaya YB. EXCO memberi perhatian kepada perkara ini kerana saya lihat mereka, ini adalah kesimpulan saya sendiri. Bila saya bawa keluarga saya pergi ke Balik Pulau, berhenti kenderaan. Peniaga-peniaga itu tak mahu layan. Mereka lebih cenderung melayan kenderaan-kenderaan yang mempunyai nombor plat Singapura ataupun orang-orang yang datang menaiki bas persiaran. Ini menunjukkan kecenderungan mereka untuk menaikkan keuntungan. Jadi bayangkanlah kalau kita orang kampung ataupun yang ingin membawa anak-anak bersiar ke Balik Pulau makan durian sekali bila musim durian. Tak dapat mampu, jadi kita minta supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan supaya memastikan bahawa harga durian ini tak melambung dan peniaga-peniaga tidak mendapat cuba mendapat keuntungan yang tidak berjustifikasi. Terima kasih. Itu pandangan saya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Penjelasan lagi, Timbalan Yang di-Pertua...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti YB. Jawi terus buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Saya rasa untuk nasihat kepada kawan-kawan semua. Kita ada durian kampung yang tak ada nama itu pun berkhasiat juga bau bagus. Macam D2 kampung durian. So itu pun kita boleh makan tapi yang mahal-mahal yang memang ada terkenal semua orang tahu durian itu spesies saja. Kita tak perlu ikut ada durian yang bernama. Kita boleh makan kampung durian juga yang berkhasiat.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kepada kepada EXCO dan Seri Delima. Saya sambung. Apa yang tekankan di sini adalah selagi ada aktiviti-aktiviti yang boleh menjadi tarikan pelancongan, ia boleh diuar-uarkan untuk menarik pelancong mengunjungi kawasan

yang berdekatan juga. Seperti contoh yang saya berikan tadi, biasanya pelancong tempatan atau asing, pelancong dari negara asing akan datang dari jauh ataupun dari jauh ke DUN Jawi tidak akan singgah di Pesta Durian setakat untuk menikmati durian 'Ochee' sahaja. Mereka tentu akan mengambil kesempatan ini untuk melawat ke kawasan berdekatan seperti melawat kelip-kelip di kawasan Kampung Sanglang dan Sungai Kerian dan menikmati makanan tempatan lain seperti ketam, udang galah dan makanan laut lain yang sedap dan enak yang terkenal di kawasan SPS juga termasuk KADUN Timbalan Speaker, Sungai Bakap, Sungai Acheh nasib dia tak ada di sini. Dia tak dapat dengar apa yang kita ceritakan dan juga di kawasan Bukit Tambun.

Atas peluang dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Nibong Tebal berjaya didedahkan kepada pelancong-pelancong tempatan dan dari negara asing. Saya percaya pendedahan ini boleh sekurang-kurangnya menarik segelintir pelancong balik melawat ke kawasan Nibong Tebal lagi pada masa yang akan datang. Selain daripada Pesta Durian Peringkat Negeri Pulau Pinang, saya sebagai Adun Jawi juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana memberi peluang kepada saya mengadakan Pesta Durian Peringkat Negeri Pulau Pinang di kawasan DUN Jawi, Nibong Tebal. EXCO Pelancongan juga telah mengumumkan Pesta Durian Peringkat Negeri Tahun 2016 juga akan diadakan di kawasan DUN Jawi, Nibong Tebal. Pesta Durian Peringkat Negeri Tahun 2016 akan lebih berjaya lagi dengan pengalaman yang ada pada tahun 2015 dan hebahan yang dibuat oleh pelancong asing yang pernah datang menikmati durian ochee kepada kawan-kawan mereka di negara asal mereka.

Saya percaya ADUN dan penduduk-penduduk di kawasan Sungai Acheh, Sungai Bakap, Bukit Tambun dan Batu Kawan juga akan berasa gembira kerana pelancong-pelancong ini juga akan turut menikmati makanan-makanan tempatan yang enak dan lazat dan melawat tapak-tapak pembelaan ikan di kawasan itu. Perniagaan *homestay* di kawasan Sungai Acheh juga akan bertambah baik kerana kemungkinan ada pelancong yang ingin bermalam di Sungai Acheh setelah aktiviti seharian yang letih itu.

Di Negeri Kedah, ada sebuah Muzium Padi, di Negeri Johor pula ada Muzium Nenas, jadi pada pandangan saya, kenapa di Negeri Pulau Pinang, KADUN Jawi tidak boleh diwujudkan satu Muzium Durian? Semua koleksi, sejarah dan maklumat berkaitan dengan durian boleh dipamerkan dalam muzium tersebut. Sekali dengan peluang untuk menikmati pelbagai jenis durian, mengikut musim durian masing-masing seperti durian ochee, musang king dan lain-lain jenis termasuk durian-durian tempatan. Saya percaya ia akan menjadi suatu tarikan kepada pelancong...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Penjelasan, Dato' Yang di-Pertua, saya setuju dengan cadangan YB. Jawi tetapi saya rasa memandangkan sejarah yang lebih panjang, Balik Pulau menjadi tempat yang lebih sesuai.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Ada sedikit cadangan di sini, sebab kalau mengikut sejarah di Berapit, dulu Berapit di panggil Durian Kang. Durian berasal daripada Berapit, Mengkuang Dam, untuk pengetahuan Padang Kota.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan Jawi.

## **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Tak kira durian dari mana, asalkan durian dari Malaysia dan terkenal di Negeri Pulau Pinang. Asalkan di Negeri Pulau Pinang, kita dapat wujudkan satu Muzium Durian tak kira di mana tempat, ini dapat menjadi satu tarikan kepada pelancong terutamanya peminat durian kerana ia tidak boleh didapati, kerana buat sementara waktu di Negara Malaysia tidak ada satu Muzium Durian setakat ini.

Isu yang keempat yang saya nak sentuh di sini adalah pembangunan perumahan. Saya mendapati Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang memberi perhatian kepada rakyat yang mendiami di rumah bertingkat kos rendah dan kos sederhana rendah swasta kerana Kerajaan Negeri memang sedia dan turut membantu meringankan beban dan selesaikan masalah-masalah penduduk-penduduk yang mendiami rumah kos rendah dan sederhana rendah dengan menanggung kos pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan asas seperti pembaikan lif, bumbung dan tangki air.

Di kawasan DUN Jawi, Kerajaan Negeri telah menanggung sebanyak RM6,960 untuk kos pembaikan tangki air di Flat Taman Bistari pada tahun 2013, RM4,560 sebagai kos pembaikan tangki air di Flat Taman Nibong Tebal Jaya dan RM10,600 sebagai kos pembaikan bumbung di Flat Taman Bistari pada tahun 2015. Ke semua ini adalah di bawah Projek 80:20 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika tanpa bantuan, Projek 80:20 ini akan terus menunggu kos pembaikan daripada Program HAPPY. / ingat jadi tak *happy* daripada Kerajaan Persekutuan, maka saya percaya penduduk-penduduk tidak akan *happy* dan akan menduduki rumah pangsa ini dan masih tidak dapat selesaikan masalah mereka, dan mereka akan berasa lebih kecewa atas Program HAPPY tersebut.

Di sini saya ingin ambil kesempatan untuk puji dasar 80:20 yang memang baik untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah pembaikan kemudahan-kemudahan asas di rumah kos rendah dan sederhana rendah. Saya ingin cadangkan bahawa Projek 80:20 ini boleh diperluaskan lagi kepada bantuan pembaikan lampu jalan di kawasan flat, kerja-kerja mengecat bangunan flat, dan membaiki jalan tar di kawasan kompaun rumah pangsa tersebut serta membaiki lampu di kaki lima rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah swasta di mana kebanyakan JMB atau MC yang telah tidak dapat ditubuhkan. Ini adalah kerana di kawasan DUN Jawi ada beberapa rumah pangsa kos rendah dan sederhana rendah swasta yang menghadapi masalah ini.

Dengan itu, saya berharap agar RM2.8 juta yang dicadangkan dalam Bajet Tahun 2016 untuk Projek 80:20 mungkin boleh diperluaskan lagi untuk kegunaan kos pembaikan yang saya cadangkan tadi ataupun tambah peruntukan pada tahun yang akan datang. Isu perumahan adalah amat penting kerana saya percaya ada lagi banyak penduduk-penduduk yang miskin ingin membuat permohonan kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik. Masalah yang timbul sekarang adalah statistik sehingga September 2016 terdapat 12 projek perumahan iaitu tiga (3) projek rumah kos rendah sebanyak jumlah 339 unit, lima (5) projek kos sederhana rendah

sebanyak 1,937 unit dan empat (4) projek rumah mampu milik sebanyak 3,005 unit telah memperoleh kelulusan pelan kebenaran merancang dan juga kelulusan pelan bangunan daripada Kerajaan Tempatan tetapi sampai hari ini mereka masih tidak mendapat *Advertising Permit and Developer's License (APDL)*....(dengan izin) Dato' Timbalan Speaker Ini akan menyebabkan penduduk-penduduk yang ingin membeli rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan rumah mampu milik tidak dapat membeli rumah-rumah tersebut.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mengeluarkan APDL kepada pemaju-pemaju dan menyebabkan pemaju-pemaju ini tidak boleh bina dan jual rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik kepada rakyat yang betul-betul miskin dan memerlukan rumah untuk mendiami. Mengapa isu ini boleh timbul? Saya nak tanya kenapa Kerajaan Persekutuan tidak boleh membela nasib golongan yang miskin ini. Jadi di sini saya ingin memohon jasa baik daripada Ahli-ahli Dewan Undangan Barisan Nasional, maka hari semua tak hadir, tak ada dalam Dewan, saya mohon Ahli-ahli Dewan Undangan Barisan Nasional memberi perhatian ke atas isu-isu ini kerana saya minta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional juga untuk membantu dan membela nasib golongan miskin, penduduk miskin, pengundi miskin di kawasan mereka masing-masing ini serta tanya kepada Menteri mereka, bos mereka Perdana Menteri bila pemaju-pemaju ini boleh mendapat APDL mereka untuk membina rumah-rumah yang diperlukan oleh rakyat Pulau Pinang ini? Mengapa tindakan yang begitu kejam kepada pemaju-pemaju yang ingin bina rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana rendah serta rumah mampu milik ini tidak dapat dilaksanakan?

Isu perumahan, selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah melaksanakan Skim Pemilikan Bersama atau *Share Ownership Scheme* .....(dengan izin) SOS, untuk membolehkan rakyat berpendapatan rendah berpeluang memiliki rumah pertama dengan bantuan pinjaman tanpa faedah yang merupakan inisiatif julung kali diadakan di Malaysia. Di bawah skim ini, pemohon hanya perlu mendapatkan pinjaman bank dengan faedah bank sebanyak 70% daripada harga rumah, manakala baki pinjaman sebanyak 30% lagi akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri tanpa faedah. Inisiatif ini telah dilaksanakan dengan pembelian 104 unit rumah kos rendah di Taman Sungai Duri Permai di Daerah SPS dan di sini saya nak tanya apakah status untuk projek-projek Taman Sungai Duri Permai dan juga Taman Seruling Emas, Daerah SPS ini. Saya amat bersetuju tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar ini untuk membantu golongan-golongan yang miskin supaya mereka dapat memiliki rumah dan hidup dengan selesa.

Isu kelima, mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam. Kerajaan Negeri amat kecewa bahawa pihak Kerajaan Persekutuan telah meminggirkan Pulau Pinang dalam bajet 2016 seperti yang ditunjukkan dalam Buletin Mutiara ini. Bajet 2016 Pusat abai rakyat Malaysia di Negeri Pulau Pinang. Tidak ada satu projek pun disediakan untuk Negeri Pulau Pinang. Saya nak tanya di sini, rakyat di Negeri Pulau Pinang sebanyak 1.6 juta adakah mereka tidak bayar cukai kepada Kerajaan Pusat? Adakah hak-hak untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang patut dipinggirkan sebegitu? Jangan lupa bahawa Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Malaysia dan rakyat Negeri Pulau Pinang telah membayar cukai sekurang-kurangnya RM6.3 billion setahun kepada Kerajaan Pusat. Kita sama-sama rujuk balik apa yang telah dijanji oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membantu mangsa-mangsa banjir kilat di Pulau Pinang semasa sambutan Hari



Raya Haji, malangnya kita lihat keadaan sekarang di mana pengumuman daripada Pejabat Ketua Menteri untuk projek mitigasi banjir di Pulau Pinang sebanyak RM805 juta telah ditolak. Adakah janji-janji ini ditepati atau cuma janji kosong sahaja?

Bagi tahun 2016, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM38 juta berdasarkan jadual pelaksanaan projek-projek impak tinggi dan RM14.28 juta kepada JPS untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan infrastruktur pengairan dan saliran amnya. Saya berpendapat bahawa untuk menangani isu banjir, peruntukan-peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat adalah sangat penting terutamanya di kawasan-kawasan yang rendah seperti di Kawasan DUN Jawi yang merupakan salah satu kawasan yang rendah dan berhampiran dengan sungai. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti kemudahan awam demi memastikan rakyat menikmati kualiti hidup yang lebih baik, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM5.16 juta melalui MBPP dan RM5.13 juta melalui MPSP dalam bajet 2016 bagi tujuan menaik taraf kemudahan penjaja dan pasar. Ini adalah satu tindakan yang bagus kerana keperluan dan kemudahan asas seperti pasar dan kompleks makanan adalah penting untuk kegunaan masyarakat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk minta sekali lagi di mana peruntukan negeri Kerajaan Tempatan MPSP untuk mempertimbangkan permohonan saya untuk menaiktarafkan Kompleks Makanan di Taman Sentosa, Nibong Tebal kerana kompleks makanan ini telah wujud lebih 10 tahun tidak dinaiktarafkan dan memang ada keperluan untuk menaiktarafnya untuk memberi keselesaan kepada pengguna kompleks makanan ini. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga amat prihatin ke atas aspek lampu jalan melalui Kerajaan Tempatan, di mana MBPP telah memperuntukkan RM2.02 juta untuk penyelenggaraan lampu jalan dan MPSP telah memperuntukkan RM3 juta untuk kos pemasangan dan penyelenggaraan lampu jalan dalam Bajet Tahun 2016. Saya amat menghargai usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam keprihatinan ke atas keselamatan pengguna jalan raya. Sesungguhnya lampu jalan adalah amat penting terutamanya di kawasan-kawasan yang sering berlaku kemalangan.

Di sini saya juga ingin mencadangkan supaya lawatan malam dibuat oleh Pegawai Teknikal Jabatan Kejuruteraan MPSP adalah amat penting dan memerlukan kerana ia dapat memantau sama ada lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi pada waktu malam dan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan lebih cepat. Sekiranya lampu jalan berlaku sebarang kerosakan. Bagi jalan-jalan yang diselenggarakan oleh pihak JKR di kawasan DUN Jawi, tambahan pemasangan lampu jalan juga harus dilakukan oleh pihak JKR. Saya di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada JD JKR Daerah SPS yang telah memperuntukkan RM77,000 untuk pemasangan lampu jalan di sepanjang Jalan Changkat setelah permohonan saya yang dibuat pada tahun 2014. Kalau boleh saya ingin juga mendapatkan bantuan sekali lagi daripada pihak JKR supaya memasang lagi lebih banyak lampu jalan di tepi-tepi jalan yang masih gelap di kawasan DUN Jawi tersebut sepanjang Jalan Changkat dan Byram.

Di kawasan DUN Jawi dan Daerah SPS terdapat Kompleks Sukan untuk permainan badminton, bola sepak, futsal dan lain-lain tetapi tiada kolam renang awam setakat ini. Penduduk-penduduk di kawasan SPS yang ingin berenang terpaksa pergi ke Kolam Renang di Jalan Betik ataupun Seberang Jaya. Baru-baru ini Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM5.0 juta untuk membina dan menaik taraf kolam renang awam di Seberang Jaya. Maka saya di sini ingin meminta agar Kerajaan Negeri memberi

pertimbangan untuk membina satu kolam renang awam di kawasan SPS Daerah Jawi untuk memudahkan penduduk-penduduk di kawasan SPS dan sebagai satu galakkan kepada anak-anak muda supaya belajar berenang untuk menyihatkan badan.

Isu lain yang saya ingin berikan pandangan di sini adalah seperti masalah kenderaan berat yang sering diletak di kawasan perumahan dan menyebabkan ketidakselesaan kepada penduduk setempat. MPSP bersama agensi yang lain seperti agensi SPAD, JPJ dan PDRM haruslah menangani isu ini supaya keselamatan pengguna jalan raya terjamin dan bukan saja aduan yang di buat kepada MPSP dia akan tolak kepada SPAD, JPJ dan PDRM. Maka sampai akhirnya masalah ini tidak dapat diselesaikan. Saya berharap MPSP dapat menangani isu ini bersama dengan agensi-agensi SPAD, JPJ dan PDRM. Kenderaan berat yang ditunda oleh MPSP ada kurang yang lemah. Masalah-masalah ini tidak dapat diselesaikan selama ini walaupun telah beberapa kali saya hantar surat kepada MPSP. Mengikut statistik, kenderaan berat yang ditunda oleh MPSP hujung tahun 2015 cuma tiga (3) sahaja. Memang satu tindakan yang agak lemah. Setelah keseluruhannya kesimpulan saya, satu kerajaan yang bertanggungjawab patut menggunakan duit yang diserahkan oleh rakyat daripada cukai dengan cara yang lebih betul dan menjaga kebajikan rakyat. Walau bagaimanapun Bajet Tahun 2016 yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan kurang memuaskan dan tidak menunjukkan aspek ini berbanding dengan Bajet Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang berjaya mendapatkan keseimbangan antara pembangunan dan kebajikan rakyat, cuma ada sedikit penambahbaikan seperti yang saya cadangkan tadi boleh dipertimbangkan. Cadangan saya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyempurnakan Bajet Tahun 2016. Sekian. Terima kasih saya memohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Berapit.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Timbalan Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengucap di Dewan yang mulia ini perbahasan di atas ucapan Bajet 2016 Negeri Pulau Pinang oleh Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri. Pulau Pinang.

Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri sebagai sebuah Kerajaan Pakatan bermula pada 2008, *8 of March* sampai hari ini tujuh tahun kita nampak ada perbezaan kalau berbanding dengan kemajuan sebelum 2008, sebab ini adalah pertanyaan daripada kawan saya sebagai seorang wakil rakyat *two term* dan sebagai EXCO yang pertama di Dewan ini wanita EXCO. Saya nampak perbedaannya banyak. Kalau di segi pembangunan kita nampak banyak struktur yang dibangunkan rumah, kondominium, jalan raya yang baru dan juga Jambatan Kedua. Kalau dari segi *servis line* pelancongan pun ada tambahan bagus.

Sebelum 2008 sektor-sektor hotel memberitahu saya data pelancong yang duduk di hotel kalau *pick season* cuti sekolah tidak sampai 80% tetapi sekarang kalau di Gurney Drive umpamanya G Hotel penempatan pelancong yang lebih daripada 100 peratus, kadang-kadang 120 peratus. Ini memang satu kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dari segi *environment* dan kita nampak slogan Kerajaan Negeri iaitu *cleaner greener*

*penang* pun dapat sikit bukan banyak sebab ini memang kerja yang panjang dan berat ada perubahan. Di sini sebagai seorang wakil rakyat yang pernah menjadi EXCO saya ingin membangkitkan soalan di bajet iaitu di bawah Y.A.B. mengenai sukan dulu.

Saya rasa bangga dan senang hati sebab *term* yang baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang sudah dapat lihat pentingnya pembangunan sukan sebab di waktu 2008 itu memang sukar untuk saya mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Pada waktu itu kerajaan baru pakatan memang kekangan dalam kewangan untuk mendapat peruntukan, tidak payah cakap, peruntukan daripada Kerajaan Pusat memang tidak ada, kita mula dengan zero. Jabatan pun tidak bekerjasama dengan kita, kita bersama dengan NGO dan persatuan-persatuan di Negeri Pulau Pinang. Sekarang banyak yang akan dibina oleh kerajaan seperti kolam air dengan *dry gym* dan juga *basket ball court* yang diminta oleh Persatuan Basket Ball Pulau Pinang selama tujuh tahun tetapi masalahnya *time frame* itu bila sebab dari 2008 kita minta sampai hari ini tujuh tahun kita tidak nampak ada lagi *basket ball court* yang boleh memberi *training* yang pesat kepada atlet-atlet *basket ball* kita.

Kalau cakap kolam renang kita memang ada satu di SPICE dulu panggil PISA *International Olympic swimming pool* dan *dry gym* tetapi selepas 2009, 2010 sudah berhenti diguna di bawah portfolio saya. Saya tidak berhenti untuk memberi pesanan kepada MSN untuk terus menjaga atlet kita terus berlatih dan pada waktu itu kita hantar atlet kita yang bernama Eun Shi Liang Rumah Sukan Negara iaitu di KL di Bukit Jalil dan sekarang bangga dengan pencapaiannya sebagai seorang atlet yang bertaraf olimpik, dia sudah dapat tiket ke Olimpik yang akan datang dan dia sudah dianugerah *the best Olympian* dua (2) hari yang lalu di KL disebabkan tidak putus asa persatuan berenang dan atlet sendiri.

Bagi badminton yang *world junior champion* iaitu Goh Jin Wei juga menghadapi masalah ialah kerajaan tidak bagi banyak peruntukan kepada atlet-atlet yang belum lagi bernama seperti pelapis-pelapis atlet dan di bawah kekuasaan saya itu, saya minta MSN bagi sikit elaun iaitu elaun atlet yang *special* kepadanya untuk memegangnya balik di Pulau Pinang. Kalau tidak ada, dia sudah pergi Singapore dan hari ini kita nampak kejayaannya. Ini bukan kita seorang sahaja boleh buat, tetapi persatuan ibu bapa atlet dan atlet sendiri ingin memaju ke hadapan. Saya harap Kerajaan Negeri memandang penting dari segi menolong atlet-atlet di Pulau Pinang dan bukan hanya nampak *the big picture* mahu bina lagi banyak stadium-stadium yang canggih dan tidak melihat kepentingan keperluan atlet-atlet yang ada di Pulau Pinang yang baru yang akan datang *the star will be born* atau atlet di masa sekarang atau atlet yang sudah bersara. Kalau atlet yang bersara itu memang mereka hadapi kehidupan yang sukar sebab dia tidak ada pencen atau peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk memberi bantuan kepada mereka sebab banyak berita yang terkeluar tahun lepas ada atlet sampai dia demam, sakit pun tidak ada persatuan atau kerajaan yang menghulurkan bantuan.

Di sini kalau Kerajaan Negeri ingin membina kolam renang atau stadium yang canggih-canggih, saya pesan kepada panel, yang penting itu *maintenance* kita punya sifat sikap *maintenance* itu mesti ada, sebab semenjak 2008 bila saya diberitahu Stadium Batu Kawan tidak dijaga dengan baik. 2009 saya mengambil alih daripada MPSP untuk menjaga Stadium Batu Kawan dan saya minta peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membaiki Batu Kawan itu dan saya memberi hidup kepada Stadium Batu Kawan sebab tidak banyak aktiviti di sana dan waktu itu saya bagi

silambam untuk *training* pusat *training* dia di sana dan olahraga-olahraga di seberang tidak payah datang ke stadium di Bandaraya. Ini memang perlu Kerajaan Negeri untuk melihat mengenai *maintenance* dan *how to increase* aktiviti di stadium itu. Bagi sektor wanita...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)**

Mohon soalan tambahan. Ya. Penjelasan. Saya hendak tanya dari segi sukan yang kita sudah melihat adalah untuk bola keranjang, bola sepak tetapi di kampung-kampung ramai anak-anak muda yang berminat dengan sukan *motor cup* jadi saya ingin terutamanya di antara anak-anak muda yang Melayu kalau kita tengok sebagai contohnya di Berapit pun mempunyai masalah Berapit dengan Penanti. Kita sama-sama tidak ada pengangkutan awam, jadi ramai anak-anak muda dan budak-budak sekolah pergi naik motor, jadi minat kepada motor itu dari zaman persekolahan dan juga ini juga akan meningkatkan aktiviti mat rempit jika mereka tiada tempat untuk membuat sukan ini secara selamat dan secara profesional ataupun secara aktiviti sukan supaya mereka boleh masuk dalam pertandingan litar dan sebagainya. Jadi saya mohon agar Kerajaan Negeri untuk membina litar lumba *motor cub* untuk anak-anak muda atau mat motor bagi mengurangkan aktiviti haram di jalan raya.

Sebagai contohnya boleh digunakan di bekas tapak pelupusan sampah dan bekas tapak *motor cross* di kampung Tun Sardon. Ada lapan (8) ekar di situ kalau di Selangor dia hanya menggunakan dua (2) ekar dan anak-anak kampung terutamanya anak-anak orang Melayu yang berminat dengan sukan motor boleh bersukan di situ, terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih YB. Penanti pada masa dahulu saya pernah mencadangkan menggunakan stadium Batu Kawan dan ia akan dijalankan oleh Cub Prix Petronas itu *company* yang menjalankan pertandingan Cub Prix di Pulau Pinang di Batu Kawan. Tetapi cadangan itu tidak diteruskan dan saya tidak tahu apa yang berlaku selepas itu dan saya harap kalau boleh minta PDC sekarang ialah jabatan yang menguruskan stadium Batu Kawan itu melihat balik permintaan YB. Penanti. Kalau boleh guna yang sedia ada, sebab yang sedia ada itu memang tiada aktiviti yang banyak dan kita tak perlu lagi membelanjakan wang yang besar untuk mendapatkan lagi satu *track* motor yang baru, terima kasih.

Untuk sektor wanita, PWDC ialah satu-satunya badan di bawah Kerajaan Negeri Pakatan sebagai satu *machinery* untuk menolong pembangunan wanita di Pulau Pinang dan ia diberi RM1.5 *million* semenjak 2011 saya mewujudkan PWDC ini dan sebagai EXCO yang dulu saya pernah pesan selepas sudah membuat polisi atau langkah-langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan Negeri sebagai seorang EXCO atau *decision maker* dengan pasukannya harus turun padang ke akar umbi untuk menolong wanita di Negeri Pulau Pinang untuk menjayakan karier mereka untuk menolong mereka menambahkan pendapatan mereka.

Memandang ekonomi yang merosot dan lembab selepas 2015 awal April yang GST bermula sampai hari ini, kita nampak semua keluarga yang berpendapatan rendah memang menghadapi masalah kekangan kewangan. Dan saya bercadang kalau boleh

PWDC bekerjasama dengan PDC di bawah projek Titian Saksama ada sedikit peruntukan wang kecil untuk wanita atau peniagaan kecil untuk bermula berniaga dan menambahkan pendapatan mereka. Sebab nampak bajet Negeri Pulau Pinang itu belanjawan ke atas Kerajaan ialah kebanyakan urusan Kerajaan dan juga pembangunan tapi tiada peruntukan yang lebih, untuk menolong rakyat yang menghadapi masalah kekangan kewangan dan saya harap Kerajaan yang selalu kita cakap, bela nasib rakyat itu boleh memandangkan cadangan saya ini dan meningkatkan *test grant* untuk menolong keluarga yang pendapatan rendah, wanita-wanita atau ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan kecil untuk menambahbaikkkan kehidupan mereka.

Sememangnya di bawah PWDC mereka selalu menjalankan banyak forum *workshop*, *training* untuk meningkatkan pengetahuan wanita tentang hak sebagai seorang manusia, tetapi juga kena menjaga keperluan mereka sebab di KADUN Berapit saya selalu menghadapi rakyat saya yang selalu minta pertolongan disebabkan mereka menghadapi masalah kewangan apabila waktu seperti sekolah mahu bermula, mereka meminta pertolongan dan kadang-kadang kemalangan yang berlaku tidak diketahui seperti ada satu kes di KADUN Berapit, bapanya mati sebab kemalangan selepas itu ibu dia meninggal dunia sebab sakit kronik kanser dan tiga-tiga anak itu menjadi anak yatim piatu dan kita perlu menolongnya.

Dalam segi kebajikan itu saya tidak nampak yang sempurna untuk dengan segera mahukan pertolongan dan ini memang satu kecacatan dalam kebajikan Negeri Pulau Pinang dan selalu saya menghadapi ialah penerimaan kebajikan golongan orang tua atau golongan yang susah, yang tidak tahu baca iaitu buta huruf mereka tidak dapat menyambung mendapat kebajikan mereka sebab mereka perlu pergi mengisi borang *re-register again* untuk mendapat tahun hadapan peruntukan daripada kebajikan dan mereka selalu datang ke *office* saya. Apa yang berlaku ialah minggu yang lepas seorang tua yang datang dari Simpang Empat jauh kalau datang ke Berapit *service centre* saya untuk minta pertolongan sebab dia tak tahu mahu pergi *re register*. Dan ini ialah satu birokrasi dari Jabatan Kebajikan kalau dalam pandangan saya kalau dah bagi peruntukan kepada orang yang susah dalam memberi RM300.00 sebulan untuk orang tua atau orang miskin yang tegar sila teruskan bagi, *until* kalau *you* dah dapat tahu dia meninggal dunia atau dia sudah tak dapat berikan baru berhenti kalau tidak mereka menghadapi masalah ialah kalau mereka tidak *re-register* mereka akan hilang mendapat wang kebajikan mereka, kadang-kadang tiga (3) bulan lepas itu baru mereka dapat, dalam tiga (3) bulan itu mereka susah so ini ialah satu permintaan daripada saya kepada kebajikan.

Mengenai belia, belia ini memang saya rasa amat menyesal dan sakit hati sebab di Dewan yang dijalankan pada tahun 2016 ini kali pertama dan sekarang kali kedua tidak pernah disebutkan di Dewan ini mengenai pembangunan Belia. Ini kalau tak salah penggal yang lepas tahun 2008 bila dalam ucapan T.Y.T. tidak sebut wanita, saya dimarahi oleh semua sebab terlupa Dewan menyebut pembangunan wanita, tetapi di Dewan ini sudah dua (2) kali, Kerajaan Negeri tak sebut pembangunan belia langsung dan ini memang pembangunan sektor belia di Pulau Pinang ini penting sebab kalau tahun 2008 sebagai EXCO Belia kita mula dengan bekerjasama dengan semua NGO-NGO Pulau Pinang untuk memulakan Kerajaan Pakatan untuk menjalankan polisi dan berfungsi, dan pada waktu itu saya meminta pihak USM membuat kajian, apa belia mahu di Negeri Pulau Pinang sebab sebagai seorang suri rumah tangga, sebagai seorang ibu, kita berfikir sebagai seorang ibu, kita tidak fikir apa yang pemuda-pemudi mahu.

Seperti rumah, saya mahu anak buat begini, tetapi anak saya tak mahu, so kita sebagai seorang *policy maker*, kita sepatutnya berdiri bersama mereka dan memikir apa yang mereka perlu dan kita buat sesuatu polisi yang dapat menolong pembangunan belia. Pada tahun lalu saya memang berjalan sebegitu, *I work above politic*. Saya bekerja dengan semua pihak belia dan memberi mereka geran setahun dari RM150.00 kepada RM300.00 dan saya percaya belia ini mereka boleh menjalankan tugas mereka dengan baik. Kalau kita minta belia berdikari untuk mencari wang sendiri untuk menjalankan semua program atau aktiviti untuk bangkit atau menjalankan semua forum atau *workshop* atau pendidikan belia itu memang sukar sebab semua NGO atau persatuan-persatuan belia itu ialah murid-murid kebanyakan atau pemuda-pemudi yang baru *graduate* dari universiti atau baru keluar bekerja, mereka tiada *power of* kewangan untuk menjalankan aktiviti mereka dan saya bermula dengan konsep *smart partnership*.

Saya akan bagi sesuatu amaun yang kecil tetapi persatuan belia itu mesti pergi mencari *sponsorship* dengan sendiri, tetapi selepas 2013 dan 2014 memang sukar untuk NGO-NGO di Pulau Pinang mendapatkan peruntukan atau *sponsorship* dari *private sector* sudah kurang sebab banyak persatuan aktiviti-aktiviti atau kebajikannya NGO-NGO yang beritahu saya mereka mendapat kurang daripada 50% sumbangan daripada sektor-sektor perniagaan *even* dari Kerajaan pun kurang. So ini memang satu cabaran kepada persatuan-persatuan belia di Pulau Pinang mereka mesti berdikari dan mencari jalan untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan saya harap sebagai kerajaan yang prihatin rakyat memang sepatut sebagai Kerajaan Negeri yang ingin menolong semua lapisan rakyat menghulurkan tangan untuk menolong mereka yang meminta dan bukan terlalu birokrasi seperti kerajaan bagi peruntukan yang spesifik untuk sekolah-sekolah dan sekarang sekolah-sekolah agama, Cina atau *independence high school* boleh pesat membangun. Ini perlu dibuat di sektor belia juga.

Saya memandangkan pembangunan belia sekarang di Pulau Pinang masalah kita ialah menghadapi masalah belia menceburi mereka ke dalam kegiatan tidak sihat. Ini memang satu (1) masalah yang besar, menyalah guna dadah. Banyak budak budak kecil darjah satu, darjah dua (2) sudah merokok, rokok elektrik sekarang menjadi masalah yang besar dan judi selalu mereka membuang masa dengan komputer, menghabiskan masa di pusat permainan komputer, internet dan ini adalah masalah di kawasan perkampungan, kebanyakan budak-budak membuang masa di sana dan tak payah cakap lagi mencari *assignment* melalui mat rempit dan ini mengorbankan banyak nyawa belia beliawanis di Pulau Pinang.

Saya juga Ahli MMK Keselamatan Lalu lintas dan saya terbaca dari surat khabar kelmarin, kita punya YB. Bagan Jermal ada memberi satu (1) statik iaitu pada tahun yang lepas di seluruh Negara Malaysia ada 69,015 orang mati disebabkan kemalangan. Kebanyakannya adalah pemuda-pemudi di bawah umur 29 tahun sampai 15 tahun. Ini memang satu kerugian yang besar kepada negara dan negeri. Di Pulau Pinang banyak *target* Pulau Pinang sebagai MMK Keselamatan Lalu Lintas ialah mengurangkan kes-kes *accident* maut 10% tetapi rancangan kita atau *target* kita sampai hari sukar mencapai kalau katakan di negara kita sehari ada 19 orang mati disebabkan kemalangan, di Pulau Pinang itu satu (1) nyawa sehari. Itu memang satu kerugian yang besar kalau seorang budak yang baru besar, sedang belajar atau keluar bekerja dan sebagai seorang ibu bapa kita membela anak itu sampai boleh keluar bekerja, boleh berdikari kita perlu 100,000 sampai 200,000 dan kalau kira satu (1) nyawa 100,000, 200,000 sehari satu nyawa setahun 365 nyawa itu memang satu kerugian besar dan memang membawa

kekuatiran saya sebab *mindset* pengguna jalan raya itu tidak dapat ditingkatkan tidak bertolak ansur memberi jalan kalau di jalan raya yang sibuk dan mereka ingin membawa dengan laju tidak mengikut undang-undang.

Saya harap di bawah JKR atau lalu lintas pentingkan *road design* di tempat kita seperti di KADUN Jalan Berapit itu. 2008 saya sudah sebut dan saya telah beritahu jabatan Jalan Berapit ini terlalu bahaya sebagai satu (1) *hots spot, red spots, black spots* kemalangan di Bukit Mertajam sebab kalau kemalangan berlaku maut yang banyak ialah di SPT dan yang kedua ialah di Daerah Timur Laut. Tetapi kemalangan yang banyak berlaku banyak di DTL, SPT nombor dua (2). Tetapi kemalangan maut yang terbanyak di SPT. Dan di Jalan Berapit setahun sedih saya mahu cakap sekurang-kurangnya dua (2) sampai tiga (3) kadang-kadang empat (4). So sebagai wakil rakyat di sana saya selalu berdoa jangan apa-apa berlaku dan saya selalu ada bertemu dengan penduduk di sana panggil mereka pakai helmet ada Program-program Keselamatan Jalan Raya bagi mereka *helmet free* tetapi tidak mengurangkan kemalangan berlaku.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Beri laluan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Biar saya habis dulu ya Penanti. Dan pada tahun ini awal tahun Februari satu pakcik berumur 70 telah meninggal dilanggar mati di Jalan Berapit dan baru dua (2) minggu lalu seorang 18 tahun juga dilanggar mati dan saya tidak boleh biarkan perkara ini berlaku lagi. Saya dah minta MMK Keselamatan Lalu Lintas, JKR turun padang untuk melihat jalan itu dan kita perlu buat sesuatu walaupun dia ditutup sebagai jalan JKR, *dictated* jalan JKR Kerajaan Negeri kita tidak dapat buat *speed level* atau apa-apa pun tapi itulah hanya satu (1) halangan atau satu (1) cara untuk mengurangkan kereta yang membawa dengan laju untuk mengurangkan kemalangan berlaku. *You want to sambung? Okey.*

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya hanya nak menambah satu (1) perkara, baru-baru ini saya ada masalah Penanti tidak ada, seperti Berapit, pengangkutan awam. Dan itu salah satu sebab kenapa motorsikal ini menjadi *the only transport* untuk pergi ke sekolah ataupun beli barang dan macam-macam. Tetapi kalau kita tengok fakta dari 2014 dan sebagainya berdasarkan Pelan Keselamatan Jalan Raya, 43 penunggang motosikal berusia 25 tahun di kawasan pendalaman tidak memiliki lesen dan juga kematian seperti contohnya di sekolah Guar Perahu, taman di situ ada 4,000 orang dan tiga (3) sekolah tetapi situ tidak ada pengangkutan awam walaupun kita dah minta dari SPAD tapi di situ dia dah kata bagi lesen kepada Syarikat Rangkaian Setia Sdn. Bhd, dia tidak boleh beri lesen kepada syarikat lain. Masalahnya disebabkan banyak sangat budak bawah umur dan juga di kampung-kampung, mereka tidak mampu untuk membayar lesen dan membeli topi keledar yang betul. Bila saya bangkitkan isu ini, kalau pakai topi keledar cara betul dan *insya-Allah* kita dapat *save life*. Jadi apa yang saya cuba buat baru-baru ini saya bawa *group* mat rempit bawah Penang Youth Organization mereka suka hendak tengok *Transformer Robot* tetapi yang saya sedihnya dan saya bawa mereka ramai-ramai, saya buat program bawa ikon-ikon yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya saya bawa mereka tiga (3) ikon untuk memberi *talk*.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Penanti telah cakap perkara itu.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tidak, belum lagi saya nak cakap macam ini jangan salah tanggapan apa yang saya dapat dari rakan-rakan ADUN dan EXCO di Pulau Pinang khususnya mereka merasakan budak-budak Melayu dan Mat-mat rempit ini sangat negatif bila saya buat satu program untuk menyedarkan mereka bagaimana kena ada lesen baru pakai motosikal.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sepatutnya masuk dalam ucapan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya tak sempat hari itu sebab dekat sejam saya cakap. Saya *just* nak cakap bila ini berlaku saya harap rakan-rakan dalam Dewan ini memberi sokongan bukannya merasa takut kenapa saya buat program bawa Mat rempit bawa ramai-ramai datang ke Padang Kota. Saya nak sebut itulah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta maaf dan saya rasa ini satu mungkin salah tafsiran sendiri oleh YB. Penanti. Bukanlah merupakan pandangan Yang Berhormat-Yang Behormat *backbenchers* mahupun kerajaan atau EXCO persepsi tentang apa yang dikatakan oleh Ahli Kawasan Penanti kita galakkan perkara ini sebenarnya saya sendiri mengusahakan banyak program-program seperti futsal dan sebagainya, jadi kurang senang hati dengan kenyataan YB. Penanti bahawa kita menyalah tafsir bahawa kita tak mahu menggalakkan pemuda pemudi Melayu dan bahawanya kita tak mahu menggalakkan mereka hadir aktiviti-aktiviti. Saya rasa itu adalah satu perkara yang mungkin...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih sila teruskan Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan boleh? Saya amat bersimpati dengan Ahli Kawasan Berapit dan Ahli Kawasan Penanti mereka ini keseorangan tidak mendapat dokongan dan sokongan dari EXCO dan juga *backbenchers*.



**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tadi Ahli Kawasan Seri Delima sudah cakap.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Tadi dari Ahli Kawasan Seri Delima ini dari kami dari Barisan Nasional ... (gangguan). Cuma saya nak cadangkan kepada Berapit....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini batu api, kipas ni. Saya minta supaya....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya minta semua sila duduk.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya ada hal tentang pengangkutan awam tadi dengan Ahli Kawasan Berapit tadi, cuma saya nak cadangkan kepada Ahli Kawasan Berapit kalau di pekan ini kita boleh menyediakan bas pengangkutan secara percuma kenapa tidak dibuat oleh Berapit dan Penanti untuk mengatasi masalah kekurangan bas pengangkutan awam. Adakah permohonan telah dibuat atau macam mana? Sebab perkara ini banyak kali berulang.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Berapit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Ahli Kawasan Pulau Betong. Ini telah dibangkitkan oleh MMK Lalu Lintas dan saya percaya MMK Lalu Lintas di bawah Ahli Kawasan Padang Kota akan mengambil berat mengenai permintaan kita dan memandangkan *private sector* yang ingin mengambil tempat ini untuk menjalankan sebab tiada keuntungan langsung kalau mereka buat. Tidak banyak pelanggannya ini kena diteliti. Tadi saya cadangkan YB. Penanti iaitu PYDC adalah satu badan di bawah Kerajaan Negeri yang menjalankan semua perancangan aktiviti untuk belia. Pergi berbincang dengan mereka dan saya percaya dulu saya pernah berkerjasama dengan *cup prix. Company* ini dia ada satu *training* untuk budak dan beliawanis ingin *rider*, menaiki motorsikal dengan profesional dengan selamat dan mereka boleh menjalankan *training* ini dan kos ini kalau YB. Penanti menulis surat dan meminta mereka dan boleh mendapatkan semua info ini daripada MSN mereka masih ada menjalankan program di Batu Kawan.

Menyentuh kawasan saya iaitu satu (1) tempat yang sudah dibiarkan selama tujuh (7) tahun sebagai Kerajaan Pakatan di Bukit Mertajam di KADUN Berapit iaitu *DO rest house*. *DO rest house* sayang kalau dibiarkan begitu. Kalau tidak salah kita pernah bercadang untuk Hospital Bukit Mertajam untuk menjadikan wad *emergency* tetapi sudah ditolak sekarang dan masih kosong. Dan pada 2012 saya pernah meminta kerajaan *transform DO rest house* ini kepada *multi level car park* kepada perpustakaan awam

yang canggih dan *ICT centre* kepada semua belia dan budak-budak dan orang awam di Bukit Mertajam untuk menggunakan melihatkan *peak hour convent school* Jalan Kulim itu memang semua ibu bapa *parking* kereta mereka sepanjang jalan sampai hospital menyebabkan *traffic jam* yang teruk di Bukit Mertajam dan bila waktu bekerja atau sekolah semua rakyat di Bukit Mertajam kena menghadapi masalah ini. Dan untuk membangun *multi level car park*, *library* atau *ICT Centre* ini memang tidak untung sebab pada waktu itu PDC Pengarah dia memberitahu saya ini tidak akan untung Kerajaan Negeri sebab tidak ada *revenue*, *we are spending money at that moment* saya beritahu Pengarah ini, Kerajaan Negeri ini semua telah cakap untung macam mana nak jaga kebajikan rakyat ini untuk kebajikan rakyat. Ini perlu Kerajaan Negeri perlu mengeluarkan sesuatu bajet untuk memberi kebaikan pulangan kepada rakyat, sebab di Bukit Mertajam di Pekan itu kita tidak ada perpustakaan yang boleh memberi kemudahan kepada orang awam dan budak-budak pergi membaca atau *ICT centre*.

Kalau ada building ini budak-budak balik sekolah tidak perlu berebut-rebut naik kereta mereka boleh berhenti di perpustakaan menunggu ibu bapa mereka datang dan parking di *multi level car park* dan ini akan mengurangkan kesesakan jalan raya di Bukit Mertajam dan bukan yang di *suggest* PDC untuk membangun lagi banyak lagi kondominium atau *shop lot-shop lot* terlalu banyak di Bukit Mertajam. Ini satu lagi KADUN Berapit kita perlu satu *community centre* yang boleh membawa kebaikan kepada semua penduduk di Bukit Mertajam.

Lagi satu (1) tadi sudah sebut rumah kos rendah yang tergendala disebabkan tidak dapat lesen pengiklanan. Ini memang satu masalah besar dihadapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kalau disebabkan politik kadang-kadang saya rasa sedih Tuan Yang di-Pertua. Kita sebagai wakil rakyat di Negeri Pulau Pinang disebabkan macam Ahli Kawasan Pulau Betong mewakili UMNO dan saya mewakili DAP dan disebabkan tak sama parti dan kita bercanggah dalam pembangunan kerajaan untuk membawa kebaikan kepada rakyat jelata dan ini memang yang menghadapi masalah ialah rakyat jelata. Kalau Kerajaan Negeri ingin membina rumah kos rendah, rumah mampu milik tetapi disekat di bawah Kementerian Perumahan dan tidak dapat dijalankan atau dilaksanakan memang satu kejayaan yang tidak bagus untuk rakyat Negeri Pulau Pinang dan saya minta kalau boleh kawan-kawan di sana bercakap atau berbincang dengan Kementerian Perumahan, jangan buat sebegitu sebab ini memang tidak bagus untuk pembangunan Negeri Pulau Pinang. Kalau Negeri Pulau Pinang tidak dibangunkan ini juga *effect* Negara kita Malaysia. *We are in the one country* sebagai selalu kawan-kawan di sana kita kena tengok *big picture and nott a small picture*.

Saya harap Kerajaan Negeri Pulau Pinang pun terus bekerja dengan telus dan ingin membawa Kerajaan Negeri dan Negeri Pulau Pinang dan rakyatnya ke tahap lagi bagus dan melihat jangan hanya pembangunan infrastruktur atau bangunan atau *hard core* dalam pembangunan *soft element* itu tidak dipentingkan. *Soft element* ialah sebagai YB. Tanjong Bunga cakap pendidikan moral belia, beliawanis, penghargaan kepada warga emas bukan hanya RM100.00 yang diberi setiap tahun kepada warga emas itu tetapi kebajikan mereka sebagai warga emas.

Di Pulau Pinang sekarang kita menghadapi umur rakyat warga emas itu meningkat, lagi banyak warga emas akan berada di Pulau Pinang dan mereka menghadapi sara hidup mereka kalau anak-anak mereka seperti YB. Jawi cakap keluar negara untuk bekerja atau warga emas tiada keluarga kebanyakan di kawasan Padang Kota yang kehidupan mereka kebajikan mereka dapat dijagakah? Sebab kalau cakap

rumah orang tua yang kita panggil rumah untuk menyara, *old folks home*, kebanyakan dijalankan oleh *private sectors*. Kerajaan Negeri macam tidak ada satu (1) pun, semua *private sectors* atau NGO-NGO kebajikan. Kalau di kawasan SPT semua *private* dan perbelanjaannya tinggi. Kalau macam di Bukit Tengah, seorang orang tua yang dimasukkan ke dalam *old folks home* mesti ada RM1,000 atau RM1,600.00 dan bukan semua keluarga boleh menanggung dan ini memang masalah yang besar dalam keluarga. Macam mana Kerajaan Negeri boleh memikirkan satu rancangan yang bagus untuk menolong keluarga yang berpendapatan rendah dan memberi satu tempat yang sesuai untuk warga emas mereka yang perlu dijaga. Dan bukan selalu kita cakap kalau keluarga sendiri itu mesti kena jaga dengan baik, tetapi kadang-kadang mereka menghadapi, Kerajaan Negeri boleh mengambil langkah atau membuat sesuatu polisi yang bagus untuk menolong rakyat yang perlukan pertolongan.

Lagi satu pandangan saya ialah dengan senangnya Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan kebajikan ini, menolong mereka membesarkan lagi tempat mereka untuk menolong lagi banyak warga emas untuk diambil di tempat mereka sebab mereka sudah sedia ada tempat itu, tetapi tidak cukup wang untuk meneruskannya. Kerajaan Negeri boleh memberi geran kepada mereka untuk menolong lagi banyak warga emas yang perlu diberi pertolongan. Sebagai yang saya pernah cakap pada tahun yang dulu-dulu, memang sekarang ialah satu tahap yang hidup tidak begitu senang, semua rakyat menghadapi masalah sendiri dan terpenting sekali ialah kewangan untuk hidup dan ini memang satu taraf hidup yang boleh membawa banyak tragedi kepada rakyat, kerana kekangan hidup dan tekanan jiwa berlaku, banyaknya kes bunuh diri atau keluarga yang pecah belah dan sebagai sebuah Kerajaan, patutnya membuat satu teliti untuk mencari macam mana menolong rakyat kita menghadapi masalah ini dan bukan *you open the center* dan kita tunggu orang datang, seperti di negeri lain di Hong Kong, Taiwan dan di Jepun, dalam Kerajaan mereka ada Jabatan Psikologi dan jabatan kerja sosial, pekerja sosial yang di bawah kerajaan mereka. Mereka masuk ke semua kawasan untuk meneliti keluarga-keluarga yang menghadapi masalah dan menghulurkan pertolongan atau kaunseling. Sebab di Malaysia, mana-mana pun kerajaan, *mind set* kita ialah kita buka pusat itu, kita tunggu orang datang dan bukan kita proaktif, kita turun padang pergi menyelesaikan masalah yang disebut-sebutkan oleh orang awam. Jadi saya harap ini akan *change* dalam masa yang akan datang, Kerajaan Negeri lagi proaktif, turun padang dan melihat apa masalah di kawasan itu dan menghulurkan bantuan kepada mereka. Itu lagi penting...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih. Isu warga emas.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua belum cakap lagi kan? Nanti cakap dah dalam...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Sedikit sahaja. Saya hendak minta pandangan daripada pihak YB. Berapit. Kita sedia maklum di Jabatan Kebajikan ada satu kumpulan sukarelawan iaitu *Home Care Service* yang memberikan khidmat kepada orang-orang sakit. Tua, OKU di rumah masing-masing. Saya cadangkan supaya pasukan sukarelawan ini diwujudkan di setiap

KADUN ataupun di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri untuk dia turun bagi servis kepada rakyat. Ianya sudah ada cuma minta diperkemaskan di peringkat Kerajaan Negeri supaya kumpulan ini boleh turun ke semua peringkat, rumah orang-orang yang sakit, orang tua-tua yang uzur, kita ada bagi bantuan tetapi kadang-kadang anak yang ambil bantuan itu. Bagi RM300.00 bantuan terlantar, anak ini kadang-kadang dia tidak bagi kepada emaknya, dia ambil lagi. Jadi kita kemaskan, apa pandangan. Terima kasih YB. Seri Delima.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):**

Terima kasih Ahli Kawasan Sungai Dua. Memang YB. Sungai Dua banyak beri perhatian kepada rakyatnya. Dia banyak projek di bawah KADUN dia sendiri tetapi saya tidak tahu dari mana peruntukan dia datang. Tetapi dia memang penjaga kawasan dia dengan banyak cara. Dia ada pertanian, dia ada *business sector* untuk rakyatnya. Ini memang bagus, saya kena belajar banyak dengan dia juga. Dan di bawah Jabatan Kebajikan, kita perlu mengemaskannya, mendapatkan lagi banyak orang yang bekerja di Jabatan Kebajikan dan turun padang bersama Yang Berhormat. Sebab sekarang pusat khidmat saya seperti *multi task*, kita bukan hanya menyelesaikan masalah, membangkitkan masalah KADUN di Dewan ini, kita sebagai *psychologist*, sebagai orang yang menjadi pertengahan dalam pergaduhan keluarga pun ada, orang yang hutang Ah Long cari kita tolong pun ada, orang yang hilang anak, hilang sesiapa pun cari kita tolong. *So this is very heavy task* dan saya nampak jabatan-jabatan yang menjalankan tugas ini tidak berfungsi kadang-kadang, saya nampak tidak berfungsi. Saya minta jabatan-jabatan yang berkenaan meningkatkan lagi kekurangan ini.

Akhir sekali adalah soalan bertulis saya. Soalan bertulis saya kepada Kerajaan ialah nombor dua (2) iaitu selalu saya sebut dari soalan lisan saya sampai sekarang, iaitu mengenai Jalan Kampung Besar sebab tahun yang lepas, bulan 12 saya dapat satu (1) surat daripada YB. Bagan Jermal menyatakan Jalan Kampung Besar ini akan dinaik taraf atau diperbaiki. Dan waktu itu saya memang suka hati sebab jalan ini memang memberi masalah kepada kawasan saya dan selepas itu, saya selalu bertanya dalam tindakan daerah atau kepada Pejabat Tanah, bilakah kerja naik taraf ini akan berlaku dan jawapan daripada YB. Padang Kota bukan daripada YB. Bagan Jermal yang menyatakan projek ini mendapat peruntukan RM43,000 tetapi disalurkan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Berapit. Ini mengelirukan saya sebab sepanjang pengetahuan saya, JKKK Berapit tidak menjalankan apa-apa projek ini langsung sebab Ketua Kampung saya, JKKK Berapit itu, Puan Ang pun kata, dia tidak tahu langsung mengenai ini projek dijalankan sampai bila saya menanya dalam *thru email* kepada *District Office* atau JKR SPT, mereka tidak dapat bagi saya jawapan dan saya bertanya kalau projek ini diberitahu saya, peruntukannya dari Ketua Menteri untuk membaiki, melalui tiga (3) sebut harga tetapi di sini jawapannya ialah kerja-kerja pengorekkan dan mendalamkan longkang tanah adalah menyalur peruntukan sebanyak RM43,000 kepada JKKK Berapit itu memang tidak betul.

Saya perlu jawapan yang betul dan siapakah kontraktor yang buat longkang itu sebab saya menghadapi masalah sampai hari ini belum selesai iaitu bila hujan lebat, Jalan Kampung Besar masih banjir, masih berlubang-lubang dan longkang yang dikorek itu longkang tanah yang sekarang ini berlalang dan bila hujan air bertakung di sana. Saya minta jawapan yang betul daripada Yang Berhormat yang bertanggungjawab. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, Sungai Pinang.

## **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Salam sejahtera dan Salam Bersih kepada Dato' Timbalan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang berada dalam Dewany yang mulia ini. Terima kasih kepada Dato' Timbalan Speaker kerana diberi peluang untuk menyertai sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2016. Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker, Bajet Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang pada minggu yang lalu adalah satu (1) bajet yang dikatakan berjiwa rakyat dan akan membawa manfaat kepada kalangan rakyat. Ia juga dapat kepujian, ada tujuh (7) kepujian daripada komen surat khabar Nanyang. Sebanyak RM979.53 juta diperuntukkan untuk Perbelanjaan Mengurus dan RM346.12 juta pula untuk Perbelanjaan Pembangunan. Peningkatan sebanyak 53.44% iaitu RM120.54 juta untuk pembangunan adalah satu jumlah yang besar. Ini akan memberi kesan yang baik kepada peningkatan ekonomi khususnya peniaga-peniaga dan kontraktor-kontraktor di Negeri Pulau Pinang. Sekali gus juga akan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat.

Namun kebergantungan kepada tenaga kerja asing juga perlu dikurangkan agar rakyat tempatan dapat menikmati hasil daripada pembangunan ini. Sebanyak RM979.53 juta telah diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus, di mana ia adalah lebih banyak daripada perbelanjaan tahun lepas yang berjumlah sebanyak RM887.24 juta sahaja. Sehubungan dengan itu, diharapkan jum`

lah yang dicadangkan itu dimanfaatkan sebaiknya dalam belanja mengurus tadbir yang baik dengan menyediakan peluang pekerjaan baru dan penambahan kakitangan dalam sektor penguatkuasaan.

Saya ingin merujuk kepada soalan bertulis nombor satu (1) saya iaitu berkenaan dengan aktiviti pencerobohan tanah kerajaan yang dilihat semakin menjadi-jadi. Persoalan saya, adakah kemungkinan disebabkan ketiadaan atau kekurangan pemantauan yang ketat daripada penguatkuasaan di peringkat daerah? Dalam soalan bertulis saya juga bercadang supaya mewujudkan sebuah pasukan khas *task force* untuk menangani isu pencerobohan tanah kerajaan. Jawapan yang diberi adalah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan pasukan khas *task force* tersebut kerana kaedah pemantauan dan penguatkuasaan serta kekuatan kakitangan yang ada sekarang adalah memadai dan mencukupi.

Walau bagaimanapun, saya berharap penguatkuasaan yang lebih tegas dan tindakan dapat diambil dengan serta merta supaya aktiviti pencerobohan tanah kerajaan tidak akan berlaku lagi pada masa hadapan yang mungkin mendatangkan kesan-kesan yang boleh menjejaskan alam sekitar serta keharmonian komuniti. Dengan ini saya amat berbesar hati, jikalau Kerajaan Negeri dapat mewujudkan satu unit pemantauan yang lebih efisien sejajar dengan motto Kerajaan Negeri iaitu 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus'.

Penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap pencerobohan tanah kerajaan tidak hanya tertumpu kepada Pejabat Daerah, Majlis Bandaraya atau Majlis Perbandaran tetapi juga pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, iaitu JPS. Saya

menyarankan supaya tindakan tegas diambil ke atas pencerobohan tanah-tanah kerajaan berikutan kerja-kerja yang bakal dilaksanakan seperti mitigasi banjir, rumah pam, penaiktarafan sungai-sungai dan sebagainya dapat diimplimentasikan demi kebajikan rakyat. Saya bangkitkan tentang isu penguatkuasaan, sebab saya nampak memang ada pencerobohan, banyak pencerobohan tanah kerajaan di kawasan saya. Dan saya rasa adalah kekurangan dan kelemahan, masih ada *improvement* ada ruang untuk menambahbaikkan dalam bidang penguatkuasaan.

Selain penguatkuasaan terhadap pencerobohan, yang ini rizab sungai pula. Penguatkuasaan terhadap penyumbang kepada pencemaran sungai juga perlu diberi perhatian. Seperti yang dimaklumkan melalui teknologi IQPR yang dilaksanakan sejak Jun 2014, untuk di Sungai Pinang, dilihat tidak *consistent* dalam pencapaiannya setakat ini. Saya ingin tahun apakah keputusan yang telah dicatat dengan pelaksanaan teknologi IQPR ini? Adakah sumber-sumber pencemaran telah dikesan dan adakah tindakan diambil? Kalau tidak, saya rasa cuma bazirkan wang sahaja kalau kita di sini melaksanakan teknologi IQPR dengan memakaikan wang. Tetapi di sini pencemaran masih diteruskan.

Dato' Timbalan Speaker, terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mengambil perhatian cadangan saya pada sidang yang lepas, berkenaan keperluan dalam pendidikan vokasional kepada belia dengan memperuntukkan sebanyak RM2.0 juta bagi menjayakan program latihan berkembar Vokasional German. Diharapkan program latihan ini dapat diperkembangkan lagi dari masa ke semasa. Pendidikan Vokasional ini tidak hanya tertumpu kepada golongan belia sahaja malah golongan ibu tunggal juga perlu diberi perhatian dengan mewujudkan latihan dalam bentuk separa kepada mereka ini. Pelaksanaan ini boleh dibuat melalui PWDC atau entiti-entiti lain yang berkemampuan.

Untuk maklumat, kalau tidak silap telah ada satu (1) program melalui Pusat Urus Zakat yang melibatkan ibu tunggal iaitu program bengkel latihan jahitan yang menyediakan baju-baju persekolahan kepada Pusat Urus Zakat. Mengapakah program yang bermanfaat ini tidak....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):**

Dato' Pembetulan sikitlah. Dia bukan Pusat Urus Zakat, sekarang ni Zakat, (ZPP) Zakat Pulau Pinang.

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Zakat Pulau Pinang, saya cuma nak tanya mengapakah program yang bermanfaat ini tidak diperkembangkan lagi supaya ia lebih berperanan dalam masyarakat? Begitu juga program-program kesedaran berkaitan kebersihan dan kesihatan, pihak PBT, PWDC, PSDC dan sebagainya seharusnya lebih berkehadapan dalam memberi maklumat berkenaan gaya hidup sihat yang perlu diadaptasikan.

Saya ingin merujuk kepada soalan bertulis nombor empat (4) saya tentang jumlah kompaun yang telah dikeluarkan oleh PBT terhadap *Litter Bugs* yang mengotorkan alam sekitar dari tahun 2013 sehingga September 2015. Jawapan yang diterima itu, saya rasa amat aneh sekali sebab untuk makluman semua soalan ini pernah saya bangkitkan pada DUN yang lepas. Jawapan yang diperolehi oleh saya nampaknya perbezaan yang begitu

ketara. Untuk jawapan DUN lepas, tahun 2013 sebanyak 1,647 kompaun dikeluarkan berbanding dengan cuma 920 untuk jawapan kali ini. DUN yang lepas, jawapan yang diberi ialah 1,647 tetapi kali ini, cuma 920 dan untuk tahun 2014 pula sebanyak 4,003 kompaun, tetapi kali ini cuma 1,702 kompaun yang dikeluarkan untuk tahun yang sama. Tahun 2015 sehingga September sebanyak 830 tetapi untuk jawapan DUN yang lepas, kompaun yang dikeluarkan sehingga Mac sehingga bulan tiga (3) sahaja telah mencatat 949. So, saya rasa adakah jawapan yang diberi itu ada data kesilapan ataupun betul tak rakyat kita sedar, dan lebih prihatin tentang kebersihan alam sekitar.

Kes-kes denggi yang berbahaya juga janganlah diambil ringan dan tindakan serius terhadap tahap kebersihan di kawasan-kawasan perumahan bertingkat perlu diberi. Banyak kes-kes denggi melibatkan kawasan perumahan bertingkat yang padat dengan penduduk. Oleh itu kesedaran sivik tentang kebersihan mestilah dipupuk di kalangan semua lapisan masyarakat di peringkat pendidikan awal mahupun dari rumah atau di sekolah. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana berjaya melaksanakan kempen pemeriksaan mamogram yang sememangnya berjaya dan maklum balas baik berkaitan program tersebut. Umum mengetahui, kos untuk pemeriksaan mamogram sememangnya mahal, dengan terlaksananya program ini adalah diharapkan dapat diteruskan pada tahun 2016 dan diperluaskan lagi ke tempat-tempat bagi pemeriksaan.

Kesedaran berkaitan kebersihan dan kebertanggungjawapan berkenaannya perlu diperluaskan lagi melalui peranan wanita sebagai ibu, seperti penyertaan golongan ibu dalam kempen atau bengkel-bengkel berkenaan kesihatan dan kebersihan. Bagaimana ia akan dilaksanakan? Ia perlu penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan dalam komuniti masyarakat dan adalah diharapkan satu (1) modul baru dapat diwujudkan bagi mendekati golongan ibu. Memperbanyakkan lagi pusat-pusat asuhan atau TASKA yang membantu ibu-ibu yang berkerjaya, sepertimana sasaran Kerajaan Pusat sebanyak 55%, tetapi Pulau Pinang mensasarkan sebanyak 65% dan sepertimana yang telah dinyatakan oleh Telok Ayer Tawar berkaitan geran yang telah diperuntukkan kepada program yang berkaitan mewujudkan TASKA- TASKA baru tetapi tidak mendapat sambutan. Mengapa dan berapakah jumlah yang telah diperuntukkan? Agensi mana yang menguruskan dana tersebut? Mengapa tidak diurus bersama geran tersebut bersama-sama Kerajaan Negeri?

Dato' Speaker, DUN Sungai Pinang antara yang sedang pesat membangun. Oleh yang demikian, sudah tentulah penambahan penduduk dan peluang pekerjaan akan berjalan seiring dengan pembangunan yang pesat. Oleh itu, adalah perlu kemudahan-kemudahan asas seperti sekolah, dewan orang ramai, rekreasi, sukan, masjid dan sebagainya dapat dibina dengan terancang dan dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Saya difahamkan bahawa di bawah program 1 DUN 1 Gelanggang Futsal, sebelas buah gelanggang futsal telah dibina di KADUN dan enam (6) permohonan lagi dalam perancangan. Dengan ini, saya amat berharap supaya pembinaan gelanggang futsal untuk kegunaan masyarakat di kawasan Sungai Pinang dapat disegerakan memandangkan permohonan telah dibuat agak lama.

Berkenaan status pembinaan masjid baru di atas tapak cadangan Bandar Sri Pinang. Satu perjumpaan, saya difahamkan satu perjumpaan telah diadakan diantara Qariah Bandar Sri Pinang dengan Tuan Yang di-Pertua Tun berkenaan status pembinaan masjid baru di Bandar Sri Pinang baru-baru ini. Dan difahamkan sejumlah wang telah diperuntukkan untuk pembinaan masjid baru tersebut. Justeru dengan itu, adalah

diharapkan ia menjadi realiti dan disegerakan pembinaannya. Mengikut apa yang telah dimaklumkan kepada saya berkenaan jumlah Tabung Caruman bagi Rumah Ibadat Orang Islam, adalah sebanyak RM4,342,000. Sebanyak RM3.0 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan enam (6) buah surau di lima (5) daerah dalam tempoh 2011 sehingga 2015 dan masih terdapat baki sebanyak RM1,268,000 di dalam tabung tersebut. Dengan ini adalah diharapkan, baki jumlah tersebut dapat diguna pakai dan dimanfaatkan untuk pembaikan masjid-masjid yang kritikal kerosakan seperti bumbung bocor atau penaiktarafan dan pembaikan kerja-kerja kecil dapat disegerakan juga.

Berkenaan dengan Tabung Caruman Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI), suka saya dimaklumkan masih terdapat RM1.3 juta di Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM4.2 juta di MPSP ada terdapat sejumlah dalam Tabung Caruman tersebut. Saya menyambut baik dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan Tabung Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan dan pembinaan untuk RIBI dengan jumlah tabung ini. Legalah saya sebagai seorang wakil rakyat di mana, di kawasan DUN Sungai Pinang terdapat banyak tokong-tokong Cina, kuil-kuil Hindu atau gereja. Jadi dengan tabung ini, memang akan memanfaatkan semua RIBI yang mengalami masalah kewangan untuk penyelenggaraan dan penaiktarafan.

Begitu juga dengan cadangan pembinaan sekolah di Bandar Sri Pinang, di mana Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebidang tanah tetapi sehingga sekarang tiada apa-apa perkhabaran berkenaan pembinaan sekolah tersebut. Tapak tersebut kini dipenuhi dengan semak samun dan kereta-kereta rosak, tong-tong ML besar yang mengundang pemandangan yang tidak elok. Yang ini adalah juga kawasan tanah Kerajaan dan sudah ada pencerobohan. Dengan itu pihak saya yang mewakili suara rakyat di kawasan Sungai Pinang berharap perkara ini dapat diambil perhatian yang sewajarnya.

Seperti mana sidang yang lepas, pernah dicadangkan tebus guna tapak pelupusan sampah untuk dibina ikon Pulau Pinang. Walaupun ada cadangan yang begitu baik dan terancang, adalah perlu dilihat juga keadaan semasa kawasan tersebut di mana keadaan infrastuktur sedia ada perlu dijaga dan dinaik taraf. Contohnya Pusat Pendaratan Ikan Jelutong, setiap kali saya akan bangkitkan tentang isu Pusat Pendaratan Ikan Jelutong. Tetapi sehingga sekarang masih tiada nampak sebarang perkembangan tentang cadangan menaik taraf dan penempatan semula nelayan-nelayan yang sekarang ini berselerakan di sepanjang perairan Sungai Pinang. Nasib nelayan ini memang semakin dihipit dengan pembangunan, aktiviti mereka juga terjejas.

Begitu juga dengan keadaan lebuhraya yang sering digunakan oleh kenderaan besar dan berat yang masuk keluar ke Pusat Pembuangan Sampah yang seringkali merosakkan keadaan jalan. Tambahan pula, keselamatan pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal terancam. Banyak kemalangan telah berlaku yang membabitkan penunggang motosikal. Perkara ini berlaku disebabkan keadaan jalan yang tidak rata, berpasir dan kadangkala berlumpur sebab pasir dan lumpur itu jatuh daripada kenderaan besar. Lori-lori yang masuk ke dalam tempat pembuangan sampah. Saya berharap satu kajian dapat dibuat untuk menyelesaikan masalah ini dan juga menyarankan supaya tindakan diambil terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab yang telah mengakibatkan kerosakan jalan raya dan menyebabkan kemalangan jalan raya secara tidak langsung.



Soalan bertulis saya yang ke-14, berkenaan penambahan liputan perjalanan bas dari Bandar Sri Pinang ke pusat Jelutong. Saya menyambut baik kerana Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah kekerapan laluan bas daripada Bandar Sri Pinang ke Jelutong. Ini bakal mengurangkan kesesakan lalu lintas dan meringankan golongan berkemampuan dan berterima kasihlah kepada Kerajaan Negeri bagi pihak penduduk-penduduk di sekitar Bandar Sri Pinang dan Jelutong. Diharapkan liputan perjalanan bas yang dicadangkan akan direalisasikan secepat mungkin. Seperti mana yang telah dinyatakan berkaitan soalan saya berkenaan bandar kemiskinan, perumahan dan kos sara hidup di bandar. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri di atas inisiatif memperkenalkan kategori pemilikan rumah mampu milik yang berharga RM150,000 di mana had siling pendapatan isi rumah sebanyak RM6,000 dalam kategori ini, bakal menyaksikan banyak golongan muda-mudi yang baru berkeluarga, tinggi komitmen kewangannya boleh menarik nafas lega. Inilah kerajaan yang peduli terhadap keperluan rakyat.

Untuk pengetahuan pihak Dewan, golongan yang berpendapatan isi rumah RM6,000 ini adalah golongan yang telah dinafikan hak menerima bantuan-bantuan seperti BR1M dan mereka-mereka ini adalah pembayar cukai yang konsisten. Mereka ini adalah majoriti golongan terpelajar yang sedang dalam proses membina kehidupan berkeluarga. Oleh yang demikian, seperti yang telah dinyatakan oleh YB. Datok Keramat berkenaan APDL yang tertangguh. Harap-haraplah ia dapat diselesaikan dalam kadar segera bagi melestarikan impian Kerajaan Negeri menyediakan rumah untuk rakyat Pulau Pinang "*Walk The Talk*" .....(dengan izin).

Untuk pengetahuan Dato' Timbalan Speaker dan Dewan, definisi golongan berpendapatan 40% terendah iaitu golongan B40 bermaksud sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan bulanan kurang RM2,300 sebulan. Mereka ini ialah penghuni bandar dan boleh dikategorikan sebagai "Miskin Bandar". Berbeza dengan golongan "Mudah Miskin", sesebuah isi rumah yang mempunyai pendapatan melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang mempunyai pendapatan bulanan kurang RM1,500 sebulan. Kemiskinan bandar ini perlu dilihat semula akan penafsiran dan anggaran isi rumah baru agar segala kemudahan, peluang, bantuan dapat disalurkan kepada golongan ini. Sebagai contoh pemilikan Perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah.

Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri di atas pengecualian cukai pintu untuk tahun 2016 kepada penghuni-penghuni rumah kos rendah dan sederhana rumah dan bakal menyaksikan susut pendapatan Kerajaan Negeri sebanyak RM11 juta lebih, sebab di kawasan Sungai Pinang memang ada banyak Pangsapuri Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah. Walau bagaimanapun, ia adalah tidak mencukupi untuk membantu golongan ini yang semakin tertekan dengan cukai GST, pemansuhan subsidi bahan bakar, peningkatan harga barangan keperluan, kos pendidikan anak-anak, tol dan sebagainya.

Langkah-langkah membantu golongan ini harus diterokai dengan:

- (i) mengurangkan beban kewangan keluarga;
- (ii) membina keyakinan dan jati diri golongan sasar;
- (iii) meningkatkan keupayaan dan kebolehan;

- (iv) meningkatkan golongan kualiti hidup B40 bandar;
- (v) mewujudkan sewa beli rumah yang berpadanan dengan pendapatan; dan
- (vi) memperluaskan lagi skim sewaan rumah kerajaan (PBT) di dalam bandar.

Sememangnya perkara-perkara yang diajukan ini memerlukan masa yang panjang bagi merealisasikan. Maka bermula dari sekarang sepatutnya Kerajaan Negeri menanam azam yang kuat untuk menjayakannya. Apa yang bakal berlaku di masa hadapan terhadap ekonomi negara tidak boleh dipastikan, hanyalah ramalan dalam bentuk unjuran semasa dan kajian-kajian jangka masa pendek.

Dengan keadaan penyusutan mata wang yang kritikal dan skandal-skandal melibatkan transaksi wang yang tidak dapat dijelaskan oleh Kerajaan Pusat antara yang memberi kesan kestabilan ekonomi negara. Justeru, adalah diharapkan Kerajaan Negeri mempunyai perancangan yang lebih mampan dalam melonjakkan prestasi pendapatan Negeri, kebergantungan kepada sektor-sektor yang sedia ada bagi menjana pendapatan Negeri harus diperluaskan kepada sektor-sektor baru.

Kerajaan Negeri harus mengenal pasti sektor-sektor baru yang berpotensi seperti hub pendidikan, *medical tourism* .....(dengan izin), Aeroangkasa dan *interport* .... (dengan izin). Pulau Pinang, Pulau Mutiara. Bersama-samalah kita berganding bahu untuk menjadikan Pulau Mutiara yang dicintai ini lebih hijau, bersih, sihat dan selamat. Sekian ucapan saya. Saya mohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya sebenarnya ingin berucap esok, tapi memandangkan ada yang akan berucap esok dan saya juga mempunyai urusan esok, saya akan berucap pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Tuhan kerana memberikan saya peluang sekali lagi berdiri di sini dan berbahas di atas bajet yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Menteri dan juga semua EXCO di atas .....(dengan izin), *splendid job* yang telah dilakukan, dilaksanakan oleh mereka dalam mentadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan jabatan, agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan-kakitangan bersama-sama saya membantu saya memberikan perkhidmatan kepada pengundi-pengundi kawasan saya.

Pada masa yang sama, saya ingin juga mengucapkan takziah kepada ahli-ahli keluarga yang terlibat dalam insiden letupan bom di Bangkok. Umum maklum bahawa keluarga ini adalah asalnya daripada Bukit Mertajam dan difahamkan lebih kurang lima (5) atau enam (6) orang ahli keluarga telah meninggal dalam kejadian tersebut dan saya

juga ambil perhatian maklum bahawa Kerajaan Negeri telah memberi sumbangan dana dan juga bantuan-bantuan dari semasa ke semasa untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh keluarga ini.

Timbalan Dato' Speaker, banyak buah fikiran dan pendapat diberikan oleh semua pembahas-pembahas di Dewan yang mulia ini. Saya sebagai peguam dalam kerjaya saya minta maaflah tidak begitu cenderung untuk merujuk kepada jumlah-jumlah peratusan ataupun isu-isu kewangan, tetapi saya ingin lebih menumpu perhatian kepada bajet yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri dan di samping itu juga ingin menyatakan penghargaan saya dan juga pujian saya kepada Ketua Menteri dan barisan EXCO. Yang kita lihat mempunyai mandat rakyat. Yang kita lihat masih *command* .... (dengan izin), keyakinan rakyat, kepercayaan kepada rakyat.

Maklumlah ini berbeza daripada apa yang berlaku di Kerajaan Persekutuan. Walaupun pada hari Bajet Persekutuan dibentangkan di Parlimen, siaran langsung dibuat di TV3, dalam radio dan bajet dibentangkan oleh Perdana Menteri itu ditayangkan secara langsung. Rakyat kurang yakin, kurang mempercayai disebabkan oleh skandal RM2.6 billion, disebabkan oleh isu-isu yang melibatkan 1MDB. Ini bukan saja apa yang dikatakan oleh rakyat atau pihak pembangkang kalau tuduhan mengatakan bahawa Ahli-ahli Parlimen seperti Tony Phua dan Rafizi, yang membangkitkan isu-isu ini, kita lihat bahawa mantan Perdana Menteri sendiri iaitu Tun Mahathir dan juga mantan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin, Shafie Afdal yang merupakan mantan menteri telah mempersoalkan isu skandal 1MDB dan juga RM2.6 billion yang telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri.

Sebab apa isu ini menjadi isu penting dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin menarik perhatian YB. Dato' Speaker kepada beberapa petikan akhbar. The Star, saya akan merujuk kepada The Star, *the people's paper*. Petikan pertama ini ialah *EPF invested RM200 millions in 1MDB says the Prime Minister*. Duit ini adalah duit rakyat. Duit ini melibatkan duit caruman kita. Dato' Speaker sendiri tidak ada diskriminasi. Duit ini telah dicarumkan masuk ke dalam 1MDB dan persoalannya adalah dimanakah duit itu sekarang. Bayangkan Dato' Timbalan Speaker, jumlah itu RM200 millions adalah jumlah yang begitu besar. Maklumlah bahawa sekarang terdapat keterangan yang begitu jelas menunjukkan bahawa wang ini telah pun dikeluarkan. Keterangan yang begitu jelas ataupun akaun oleh...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Seri Delima. YB. Timbalan Speaker, kita di sini bukanlah untuk membincangkan 1MDB ataupun beberapa billion yang ada. Kita di sini untuk berbincang bajet yang telah dibentangkan. Sebenarnya 1MDB kita semua dah tahu adalah di bawah siasatan oleh PAC, SPRM dan sebagainya. Apa guna kita bincang benda ini. Kita membuat andaian-andaian sahaja. Dan tak pergi ke mana. Jadi saya rasa oleh Dato' Speaker boleh membuat keputusan sama ada kita nak bincang pasal 1MDB atau bajet yang dibentang oleh Ketua Menteri. Terima kasih.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, saya akan memberi penjelasan. Untuk makluman YB. Telok Ayer Tawar, 1MDB mempunyai kena-mengena di Pulau Pinang kerana terdapat sebidang tanah di Parlimen Bukit Gelugor, di DUN Ayer Itam yang telah pun dijual kepada 1MDB. Keduanya isu ini melibatkan seperti yang saya tunjukkan tadi, ia melibatkan wang sebanyak RM200 juta yang telah dimasukkan oleh caruman pekerja (*Employees Provident Fund*) dalam 1MDB. Ia tidak menyatakan sama ada EPF....(dengan izin), Dato' Speaker, duit kepunyaan semua pekerja, dari Perlis hingga Sabah dan Sarawak. Duit EPF ini juga merupakan caruman pekerja-pekerja di Pulau Pinang. Bila kita berkhidmat di Pusat Khidmat, keratan akhbar ini dibawa oleh seorang yang bekerja sebagai jurutera dan beliau datang ke Pusat Khidmat saya dan bertanya kepada saya, mengapa beliau sekarang menghadapi masalah untuk mengeluarkan wang caruman untuk membeli rumah di mana banyak sangat syarat-syarat yang dikenakan, memberikan persepsi bahawa kemungkinan EPF tidak mempunyai wang ini untuk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Timbalan Yang di-Pertua, ini satu kemungkinan tuduhan yang serius, dah sangkut-paut dengan EPF dan sebagainya. Memang EPF ada syarat-syarat untuk pengeluaran, sesiapa pun kalau memenuhi syarat itu boleh mengeluarkan duit, setakat ini yang saya tahu. Kalau 1MDB betul menggunakan duit EPF memang ini satu hal semua orang hendak tahu termasuk kami di sini. Ini masalah yang semua kita rakyat Malaysia hendak tahu dan perlu diberi penjelasan. Kita pun menunggu hasil siasatan yang sedang dibuat. Bukan masalah kita untuk membincangkan perkara itu di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima sila menjuruskan kepada perbahasan Rang Undang-undang kita sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan merujuk kepada perbahasan. Berbalik kepada isu yang telah dibangkitkan, terima kasih kepada YB. Telok Ayer Tawar. Kita faham bahawa perkara ini sedang disiasat oleh PAC tetapi apa yang berlaku kepada PAC? Lebih kurang dua (2) atau tiga (3) bulan yang lalu, semua yang terlibat dalam siasatan PAC ini telah pun diberi tawaran jawatan sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan ditarik masuk ke dalam kabinet menyebabkan siasatan PAC ini berhenti. Selepas itu apa yang kita lihat, kita lihat bahawa orang-orang atau individu-individu daripada parti UMNO pun sendiri yang membuat laporan polis berkenaan perkara ini ditangkap di bawah SOSMA....(gangguan). *Let me finish first, this is my floor, I will give u a chance*, YB. Bertam kawan saya, jangan risau. Kita lihat Timbalan Perdana Menteri orang yang kedua paling berkuasa di negara ini, bukan menuduh, beliau hanya mempersoalkan Presiden UMNO sendiri tanya dari mana datang sumbangan wang ini, apa yang berlaku? Terus dipecat. Mengapa berlaku begitu? Tun Mahathir, bukan mantan Perdana Menteri dari Parti DAP, PAS, PKR atau Parti Amanah tapi dari UMNO sendiri mempersoalkan perkara ini. Sebab itu saya katakan perkara yang paling penting di Dewan yang mulia ini adalah kita mempunyai seorang Ketua Menteri yang berintegriti, bukan seperti Perdana Menteri, tidak menerima pun sesen dalam akaun peribadi beliau. YB. Bertam, silakan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Seri Delima, saya faham sentimen yang cuba dibawa oleh YB. Seri Delima tetapi saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang bahawa kita pada hari ini sedang berbahas tentang Bajet 2016 Negeri Pulau Pinang. Isu kita adalah isu-isu domestik, saya tidak nafikan YB. Seri Delima yang mempertikaikan beberapa Ahli PAC di Parlimen ditukar, tetapi sedarkah YB. Seri Delima bahawa yang bertukar mungkin seorang ahli atau dua (2), tetapi ahli-ahli PAC dari DAP, PKR masih kekal orang yang sama, masih kekal. Begitu juga dengan siasatan yang sedang dijalankan dan keputusan pun kita sedang menanti. Saya harap kita di dalam Dewan ini tidak membuat sebarang spekulasi dan kami juga YB. Seri Delima memuji YB. Air Putih sebagai seorang Ketua Menteri yang berintegriti, beliau juga adalah merupakan seorang Ahli Parlimen, izinkan beliau melaksanakan tugas beliau di Parlimen. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Minta penjelasan Seri Delima. Terima kasih. Tadi saya mendengar hujah YB. Telok Ayer Tawar, Bertam dan Seri Delima. Saya rasa isu ini ada kepentingan awam yang telah dibangkitkan oleh Seri Delima, isu kepentingan awam tentang akauntabiliti dan juga integriti, memang berkaitan dengan semangat kita membuat belanjawan, semangat bagaimana kita menuntut akauntabiliti. Itu satu contoh, 1MDB bukan jauh, orang ingat isu 1MDB sangat jauh, di KL, Putrajaya, tetapi 1MDB skandal besar, 1MDB ada kaitan besar di Pulau Pinang.

Bagaimana kaitannya, saya cerita sedikit, mungkin Seri Delima tahu tetapi mungkin tidak tahu begitu jelas. Kes 1MDB bukan meletup beberapa bulan ini, bukan meletup pada waktu *Wall Street Journal* atau *The Edge* melaporkan isu ini beberapa bulan ini, kemudian siasat, siasat. Ia sudah bermula sebelum PRU 13, tahun 2013 sudah bermula skandal 1MDB. Apabila kita bertanding pada PRU13, *Welfare Club 1Malaysia going around the town* memberikan makanan percuma, *free dinner*.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Air Itam. adakah ini satu ucapan?

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya tokok tambah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila pendekkan. Nanti boleh cakap semasa penggulungan.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

*Welfare Club* beri wang sana-sini 1Malaysia, dua (2) tahun kemudian ROS siasat dan 1Malaysia ini sudah tutup kedai. Pembelian tanah 1MDB di Air Itam, Air Putih dan Paya Terubong menggunakan wang awam, berbilion-bilion ringgit dengan menggunakan seorang agen menjual tanah, menggunakan wang awam, kemudian memberi arahan dengan wang awam itu untuk *finance* PRU 13 dengan memberi makan percuma, berbelanja makan, memberikan wang untuk orang membeli undi...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Air Itam, nanti Yang Berhormat cakap semasa *floor* Yang Berhormat. Teruskan YB. Seri Delima.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Pinang Tunggal, kawan lama saya, baru masuk. Okey, saya beri lima minit.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Seri Delima. Seri Delima bagi lima (5) minit, saya hendak ambil tiga (3) minit saja. Terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua dan Seri Delima, apa yang disebut oleh Seri Delima, itu adalah hak Seri Delima hendak sebut, semua permasalahan di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat Negeri. Tadi Seri Delima sebut tentang tindakan yang diambil ke atas seorang Timbalan Perdana Menteri, ke atas Menteri tetapi dalam masa yang sama juga saya ingin menyebut dan beritahu kepada Seri Delima dan semua yang di dalam Dewan yang mulia ini, jangan kita melihat hanya di peringkat Kerajaan Persekutuan sahaja, lihat juga di peringkat Negeri ini pun. Kita tahu dan dengar juga ada permasalahan di dalam Pejabat Ketua Menteri sendiri, tindakan ada juga diambil kepada pegawai-pegawai yang bertugas, ditamatkan perkhidmatan, ada juga di dalam Majlis Perbandaran yang melakukan sekian-sekian masalah, juga tindakan, ini pun berlaku di Negeri Pulau Pinang juga. Dalam masa yang sama juga saya suka sebut untuk Seri Delima ini awal tadi, Seri Delima ada sebut apabila berlakunya peristiwa di Bangkok ada ....(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pinang Tunggal sama kes dengan Ayer Itam, sila berucap lain, sila duduk, teruskan Seri Delima. Nanti boleh cakap dalam *floor* Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi, saya hendak bagitahu di Bukit Mertajam, sebenarnya bukan lima (5) orang, dua (2) orang dari kawasan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk, tak apa nanti bagitahu lain. Ada orang yang sedang menunggu sekarang, sila teruskan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tidak, saya hendak sebut di dalam Dewan yang mulia ini bahawa apa yang disebut oleh Seri Delima ini tidak betul, hak yang lima (5) orang ini pun tidak betul, tambah lagi yang hendak sebut ke depan ini lagi tak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk dulu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih. Saya ingin berbalik kepada isu ini.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan berlegar jauh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta maaf tadi kalau tersilap tadi. Okey, dua (2) orang dari kawasan YB. Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Makna kata Seri Delima, main belasah aja. Dua (2) orang dari Kampong Selamat, kawasan saya dia belasah lima (5) orang. Yang itu pun tak betul yang nak sebut ke depan ini *confirm* banyak yang tak betul, percayalah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Teruskan Seri Delima, jangan berlegar jauh.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia, saya membangkitkan isu di Dewan ini kerana saya ingin menambah, terdapat satu watak yang bernama Jho Low dalam isu 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Masih isu ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebab isu ini isu yang penting, Timbalan Speaker. Individu yang bernama Jo Low berkempen di Pulau Pinang di kawasan Air Putih, memberi wang di bawah naungan Kelab 1Malaysia dengan niat supaya Ketua Menteri kita kalah dalam pilihan raya yang lalu. Laporan-laporan polis telah dibuat ketika itu, mendiang Ahli Parlimen Bukit Glugor, YB. Karpal Singh, saya mengiringi beliau ke Balai Polis Datuk Keramat untuk melaporkan tentang perkara ini bersama-sama dengan orang yang menerima wang tersebut. Persoalan diminda rakyat Pulau Pinang dari mana datangnya wang itu kalau bukan dari wang 1MDB. Kita lihat pegawai-pegawai SPRM menghubungi saya, mereka tidak berpuas hati dengan tindakan rakan-rakan mereka yang menyiasat kes ini ditangkap, tidak berpuas hati dengan kakitangan SPRM diheret ke mahkamah, ditahan di dalam lokap dan dilayani sebagai penjenayah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, nanti, sila teruskan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya hendak minta laluan Seri Delima, boleh? Terima kasih Timbalan Speaker, terima kasih Seri Delima, Seri Delima tadi ada nyatakan bahawa rakan daripada SPRM menghubungi Seri Delima, boleh tak Yang Berhormat beritahu di dalam Dewan yang mulia ini siapa orang itu, sila sebut nama.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Itu adalah sulit. Tak perlu.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Sebab itu saya setuju sangat dengan apa yang dikata oleh YB. Pinang Tunggal tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini berapa orang yang hendak berdiri ini?

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Saya hendak minta laluan. Saya dua (2) kali pergi ke SPRM sebelum hari pengundian dan juga selepas hari pengundian. Saya sudah buat dua (2) kali laporan kepada SPRM terhadap aktiviti pemberian wang untuk beli undi, dua (2) kali dilaporkan di dalam semua media masa. Boleh namakan nama saya, dua (2) kali saya buat, tidak ada hasil siasatan, kes tidak ada tindakan langsung walaupun SPRM beritahu saya mereka hantar orang untuk pergi meninjau, ada saksi semua tetapi tidak ada tindakan langsung. Semua media masa laporkan insiden itu, waktu itu saya rasa itu bukti bahawa SPRM juga gagal menjalankan tugas awamnya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya merujuk isu SPRM ini kerana umum mengetahui bila isu 1MDB ini terbongkar terdapat kakitangan SPRM, beberapa Pendakwaraya ditahan dan disiasat dalam kes ini. Perkara ini disiarkan di dalam surat khabar. Persoalannya oleh pegawai-pegawai SPRM dan pendakwaraya-pendakwaraya ini mengapa tidak Jho Low disiasat? Pada hari ini kita lihat berita terkini yang dilaporkan oleh Portal MalaysiaKini, bila ditanya di Parlimen, Menteri Dalam Negeri mengatakan mereka tidak dapat mengesan Jho Low, tidak ada laporan polis untuk mengesan Jho Low.



Saya bangkitkan isu ini adalah kerana adakah Jho Low ini mempunyai kekebalan, Yang Berhormat di Seberang, saya nak tanya. Mantan Perdana Menteri Tun Mahathir disiasat, Timbalan Perdana Menteri dipecat dari jawatan, Menteri Shafie Apdal dipecat dari jawatan, YB. Gelang Patah, Lim Kit siang berbahas atas isu ini, diminta dikeluarkan daripada Dewan. Rakyat ingin tanya apakah begitu rahsia tentang 1MDB di mana Perdana Menteri kita tidak dapat memberi sebarang penjelasan mengenai perkara ini. Sebab itu saya menyatakan berbalik kepada isu ini dan penyalahgunaan undang-undang, saya ingin tanya Yang Berhormat-Yang Berhormat di seberang sana, bukankah Dato' Seri Paduka Khairuddin bekas Ketua Cawangan UMNO Batu Kawan ini dulu rakan anda? Bukankah rakan anda dulu? Yang disiasat di bawah SOSMA kerana membangkitkan perkara ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Haji Roslan Bin Saidin):**

Jawatan dia Naib Ketua Bahagian. Seri Delima ini main belasah saja.... (ketawa). Sebut jawatan pun tak betul.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Okey Pinang Tunggal. Bukankah dia dulu ahli UMNO? Bukankah dia sekarang ditangkap dan disiasat di bawah SOSMA? Bukankah setuju bila SOSMA dibentangkan di Parlimen dulu, Menteri Dalam Negeri memberitahu bahawa undang-undang ini digubal untuk menangani masalah penganas tetapi sekarang disalahgunakan untuk menahan orang-orang yang individu-individu yang membuat aduan tentang 1MDB. Bukan dia sahaja yang menjadi mangsa tetapi rakan kami di Majlis Peguam, seorang peguam juga ditangkap.

Berbalik kepada isu yang sedang saya berbahas, saya ingin tanya pendapat Yang Berhormat-Yang Berhormat. Satu lagi mangsa insan yang selalu dipersalahkan, kononnya skandal 1MDB adalah juga disebabkan oleh Anwar Ibrahim yang sedang merengkok dalam penjara....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Haji Roslan Bin Saidin):**

Boleh minta laluan, sikit saja...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya merujuk kepada satu lagi laporan oleh surat khabar *The Star* ....(dengan izin), *the Opposition leader had key role in smearing the PM and 1MDB*. Anwar Ibrahim juga disalahkan. Orang lain terima sumbangan orang lain yang terima tuduhan. Silakan YB. Pinang Tunggal, sikit saja YB. Pinang Tunggal.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit saja. Terima kasih Seri Delima, terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Kita menghormati di dalam Dewan yang mulia ini, menghormati kepada Y.A.B. Ketua Menteri, bila Yang Amat Berhormat buat teguran kepada Pulau Betong, apabila Pulau Betong sebut selalu mengenai Permatang Pasir, berkenaan ahli PAS, maaf, Permatang Pasir,

saya pun sudah tua, kelabu mata. Pulau Betong menghormati, tidak mengulangi lagi apa yang kena-mengena dengan Permatang Pasir. Kita minta kepada Seri Delima supaya menghormati juga dalam hal ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya rasa YB. Pinang Tunggal tidak membaca bajet yang dibentangkan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Maksudnya kita fokus kepada bajet.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya sedang fokus kepada bajet.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tadi Y.A.B. Air Putih sebut kepada Pulau Betong supaya kita fokus kepada bajet, jangan sentuh lebih-lebih kepada Permatang Pasir, Pulau Betong sahabat saya di sebelah kanan, dia akur dan menghormati, jadi apa salah kepada Seri Delima supaya menghormati YB. Dato' Timbalan Speaker, kita fokus kepada bajet, tak payah merewang-merewang sana sini. Pada awal tadi pun sebut tidak betul, jadi bila yang awal tidak betul, *confirm* yang hujung nanti pun tak betul.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Di sini saya sekali lagi ingin menekankan bahawa apa yang dibentangkan oleh Ketua Menteri mempunyai *substance*, mempunyai ....(dengan izin), keyakinan rakyat kerana Ketua Menteri dan barisan EXCO masih lagi *command* ....(dengan izin), keyakinan rakyat dan ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara yang telah saya nyatakan tadi iaitu integriti seseorang pemimpin bukan sahaja daripada sama ada beliau adalah pemimpin Barisan atau pemimpin Pakatan Harapan di mana rakyat tidak akan mempercayai sesuatu yang dinyatakan jikalau beliau mempunyai keperwatakan atau keperibadian yang kurang dipercayai.

Isu kedua yang ingin saya bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan mengurangkan kadar jenayah dan mengekalkan bandar selamat. Di sini saya ingin menyentuh dengan apa yang dikatakan oleh YB. Telok Ayer Tawar yang merujuk kepada satu (1) kejadian yang berlaku di Dewan ini setahun lalu. Saya dipersalahkan juga tetapi umum tidak mengetahui bahawa saya pada hari itu berbahas dan mengkritik pemimpin-pemimpin daripada UMNO yang mengadakan satu perhimpunan memperingati satu (1) kejadian yang begitu hitam dalam sejarah iaitu kejadian pada Mei 13. Saya mengkritik pemimpin-pemimpin tersebut, mengkritik mereka kerana membawa sepanduk-sepanduk yang begitu berbau hasutan tetapi akhirnya saya sendiri yang dituduh. Tidak ada masalah, saya akan menghadapi perbicaraan itu dengan cekal. Saya yakin sistem perundangan akan membela nasib saya.

Berbalik kepada apa yang dicakapkan oleh YB. Telok Ayer Tawar, kita harus bercakap mengikut peruntukan undang-undang, menghormati peruntukan undang-undang. Saya ingin YB. Telok Ayer Tawar, adakah perkara ini, pendekatan ini diamalkan oleh parti UMNO sendiri? Saya ingin tanya YB. Telok Ayer Tawar, adakah mengetahui bahawa terdapat ugutan daripada Perhimpunan Baju Merah untuk mengadakan perhimpunan di Pulau Pinang. Apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara yang berlaku di Kuala Lumpur. Sedarkah Yang Berhormat ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih YB. Seri Delima. Saya ingin patah balik sedikit sahaja iaitu mengkritik. Mengkritik ini macam-macam cara untuk mengkritik. Tetapi bukan dengan cara membuat provokasi, kita hendak kritik, ada ruangan dalam surat khabar dan macam-macam kita boleh memberi teguran yang positif. Tetapi bila kita mengeluarkan kata-kata yang menyebabkan orang marah, ini menyebabkan satu provokasi yang melampau. Ini yang kita harus elakkan dalam keadaan suasana masyarakat majmuk, keadaan sensitiviti masyarakat.

Sepanjang yang saya sebut dalam ucapan saya itu, sepanjang sejarah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini belum pernah terjadi episod macam itu, walaupun dahulunya semasa saya ingat penggal Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri ini Tun Rahman menjadi Speaker, semasa itu jumlah ahli DAP adalah ramai, jumlah komposisi DUN ini begitu ramai pembangkang, ini baru 10. Dulu begitu ramai tetapi tidak sampai mengeluarkan kata-kata kesat yang menimbulkan kebencian dan kemarahan, jadi ini harus kita elak. Hendak kritik apa salah, *go ahead*, teruskan lah apa salah kritiknya. Jadi di sini, untuk menghormati kedaulatan Dewan ini dan juga menghormati sensitiviti masyarakat kita harus mengelak daripada mengeluarkan kata-kata yang kesat. Satu perkara saya minta Seri Delima, kita semua mendapat perlindungan di bawah Dewan ini, *Parliamentary Privilege*, Keistimewaan Dewan ini ada sempadan iaitu bahawa kita tidak akan mengeluarkan kata-kata yang akan menyebabkan keistimewaan itu tidak meliputi apa yang kita cakap dalam Dewan ini. Saya rasa Seri Delima sebagai seorang peguam tahu maksud saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Baik teguran itu. Tetapi saya ingin tanya pada masa yang sama, adakah YB. Telok Ayer Tawar ini memberi teguran ini kepada individu-individu yang menganjurkan perhimpunan-perhimpunan yang mengeluarkan perkataan dan perkataan-perkataan yang saya ada dalam surat khabar, ini adalah perkataan-perkataan yang digunakan. Disebabkan pemimpin DAP Mei 13 berlaku. Mahu lagikah? Macam-macam yang dinyatakan semasa perhimpunan tersebut. Saya ingin tanya YB. Telok Ayer Tawar, adakah memberi teguran kepada ahli-ahli parti sendiri supaya tidak mengulangi kenyataan-kenyataan tersebut?

Kedua, Perhimpunan Baju Merah lebih teruk lagi. Adakah Yang Berhormat mengamalkan dengan apa yang telah dikatakan tadi? Parti sendiri, baru-baru ini Ahli Parlimen Baling di Parlimen mengeluarkan perkataan balik tong sang kepada YB. Anthony Low dari Seremban, maaf Kota Kinabalu. *What is good for the goose is good for the gander*.....(dengan izin). *It works both ways*.....(dengan izin). Saya akan beri laluan.

Yang Berhormat, semua orang sensitif, jangan terlampau sensitif. Kalau sensitiviti itu kita semua manusia, *it has to work both ways*.....(dengan izin). Bila saya berdebat dan berhujah di sini pada hari tersebut, saya menggunakan hak saya sebagai seorang Yang Berhormat Pulau Pinang, mengkritik perkara ini kerana ia lazim selalu berlaku, banyak kali berlaku, sejak kita menjadi Kerajaan, sejak Pakatan Harapan menjadi Kerajaan, banyak kali demonstrasi diadakan. DAP selalu menjadi mangsa, kita selalu dituduh kononnya mengeluarkan kenyataan-kenyataan berbau hasutan. Jadi saya minta dan saya terima apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat tadi, pada masa yang sama saya ingin sampaikan kalau kita ingin orang lain supaya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan provokasi, pada masa yang sama kita juga harus menghormati orang lain supaya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan begitu. Di sini saya ingin minta rakyat Pulau Pinang bersatu seperti yang disarankan oleh Sultan Johor. Sultan Johor mengatakan *there is no place for racism in Johore, lets be* rakyat Johor. Saya minta rakyat Pulau Pinang bersatu, tak kira sama ada orang Cina, orang Melayu, India, kita semua bersatu, jangan benarkan siapa-siapa sahaja untuk memecah-belahkan kita. Silakan YB. Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Seri Delima dan Timbalan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya tidak ada apa yang hendak cakap ...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kalau tidak ada kita teruskan dengan Seri Delima.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Saya cuma hendak beritahu YB. Dato' Speaker, bahawa saya rasa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Seri Delima itu tidak relevan langsung dengan perbahasan bajet. Saya rasa beliau sudah, sudah diberi masa yang lama untuk beliau berbahas tetapi tidak menyentuh langsung kaitan dengan perbahasan bajet. Saya rasa sudah sampai masanya YB. Timbalan Speaker untuk membuat satu (1) *ruling*, satu (1) keputusan untuk memberi peluang kepada beliau supaya tidak meneruskan dengan perkara yang tidak berkaitan langsung dengan perbahasan bajet ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya baca muka surat 19 bajet. Mungkin YB. Penaga tidak baca. Keselamatan rakyat sememangnya menjadi fokus utama Kerajaan Negeri. Usaha bagi mengurangkan kadar jenayah akan di pertingkatkan. Saya juga ingin menarik perhatian Yang Berhormat yang apa yang saya berbahas ini melibatkan keselamatan. Sebab itu yang saya sarankan tadi, seperti yang telah dititahkan oleh Sultan Johor. *There is no place for racism in Johor Bahru*, saya menyeru rakyat Pulau Pinang supaya sama-sama supaya tidak membenarkan apa-apa percubaan untuk memecah belahkan kita. Kita juga harus ingat. Perkara-perkara ini saya berharap tidak berlaku lagi kerana seringkali Pakatan Harapan di tuduh.

Berbalik kepada isu yang akan saya satu lagi isu yang saya akan bangkitkan. Saya ingin merujuk kepada beberapa perkara yang menarik perhatian saya. Pertamanya laporan-laporan dalam surat khabar The Star dengan cadangan untuk mengembalikan *trend back on trend*. Saya yakin cadangan ini The Star *The People Paper* tak apalah. Ini akan meningkatkan lagi daya tarikan ke Pulau Pinang dan saya yakin bahawa daya tarikan ini akan turut menyumbang kepada memasukkan banyak lagi dana, secara tidak langsung juga akan memberi perkembangan kepada industri pelancongan dan juga menaikkan lagi mutu daya saing Pulau Pinang sebagai sebuah pusat pelancongan.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Pulau Pinang kerana baru-baru ini telah disiarkan dalam surat khabar The Star. Pembinaan satu kuil .... (dengan izin), *Krishna Consciousness*, satu kuil yang sangat besar di Seberang Jaya dan saya di fahamkan, kononnya kuil ini telah dibina dengan struktur yang mirip kepada kuil-kuil yang terkemuka dan dikenali di India. Ini merupakan satu lagi daya tarikan yang akan memberi impak secara tidak langsung kepada Pulau Pinang.

Isu seterusnya adalah berkenaan dengan feri. Baru-baru ini iaitu 27 Mei 2015, terdapat satu liputan dalam surat khabar The Star yang menyatakan bahawa sijil.... (dengan izin), *passenger certificated*, sijil penumpang feri tersebut sudah pun tamat tempohnya. Ini adalah feri Pulau Angsa dan sijil ini telah tamat pada tahun 2014. Jadi saya ingin tanya kepada EXCO berkenaan kalau boleh memberi penjelasan sama ada daripada semasa ke semasa perkara ini diberi perhatian dan sama ada Penang Port Commission boleh di minta untuk mengemukakan salinan sijil-sijil bagi semua feri-feri yang sedang beroperasi daripada Pulau Pinang ke Seberang. Ini adalah sesuatu yang agak merunsingkan. Saya berharap perkara ini diberi perhatian.

YB. Timbalan Dato' Speaker. Isu seterusnya saya ingin bangkitkan di sini adalah berkenaan dengan cadangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk mengenakan penalti RM100.00 *for illegal parking*.....(dengan izin) dan saya telah menerima banyak aduan daripada pengguna jalan raya terutama warga emas yang tidak begitu setuju dengan cadangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk mengenakan kadar kompaun atau penalti RM100.00 untuk kesalahan *illegal parking*.....(dengan izin), meletakkan kenderaan secara haram, dan rungutan ini diterima daripada pengguna-pengguna jalan raya secara amnya. Persoalan saya adalah bolehkah Majlis Bandaraya Pulau Pinang merujuk semula ataupun mempertimbangkan semula tindakan ini, keputusan ini supaya ia tidak membebankan rakyat di Pulau Pinang.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Minta laluan Yang Berhormat. Tahukah Yang Berhormat bahawa di jalan-jalan utama tertentu di Pulau Pinang dalam satu (1) jam boleh ada 1,000 lebih daripada 1,000 kereta menggunakan satu (1) laluan, satu (1) *lane*. Maksudnya kalau tiga (3) lane jalan itu dalam satu (1) jam ada 3,500 lebih kereta yang lalu. Maka jika ada sebuah kereta sahaja yang berhenti secara haram di tepi jalan selebih daripada 1,000 kereta akan terhalang pada satu (1) jam yang dia berhenti. Ada juga pengalaman saya di mana penduduk telefon kerana orang berhenti kereta kerana menghalang pintu keluar dia selama empat (4) jam. Dia berhenti secara haram di depan rumahnya belakang kereta menghalang pintu depan maka tuan punya rumah itu tidak boleh keluar selama empat (4) jam. Jadi saya rasa situasi tak begitu ringkas tidak begitu *simplistic* dan saya sebenarnya bersetuju kalau sebuah kereta yang menghalang 1,000 lebih daripada 1,000 lebih kereta untuk lalu adalah patut dia di denda. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih. Saya setuju dengan pandangan itu tapi kemungkinan apa yang saya boleh fikirkan adalah dalam keadaan kalau ia menghalang 1,000 kenderaan, patut kenderaan itu ditarik terus ke depo kerana ia merupakan ada dua (2) kesannya. Satu ia akan mengurangkan kesesakan lalu lintas yang berlaku pada masa itu, pertama, kalau kita hanya sekadar mengenakan kompaun dan meletakkannya pada kenderaan tersebut dan meninggalkan tempat tersebut ia tidak akan menyelesaikan masalah. Maklumlah kalau ia merupakan kejadian yang berlaku semasa *rush hour*....(dengan izin). Tetapi yang saya ingin nyatakan di sini adalah mengenakan RM100.00 itu kepada semua kenderaan mungkin tidak begitu adil. Kalau ia melibatkan kenderaan yang dipandu oleh orang-orang kurang upaya, kelainan upaya. Pertama, kalau seseorang itu kalau katakan beliau bukan yang kurang upaya tetapi merupakan warga emas bayangkan warga emas yang tidak mempunyai tempat untuk meletak kenderaan beliau hanya ingin meletak kenderaan seketika untuk turun dan pergi mengeluarkan wang daripada ATM. Saya faham perkara ini banyak berlaku, mungkin berlaku di kawasan Pulau Tikus. Silakan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Kembali kepada cadangan saya berkenaan sistem letak kereta yang lebih matang yang lebih komprehensif. Sistem ini juga haruslah merangkumi tempat letak ataupun tempat berhenti *priority* untuk warga emas ka, untuk OKU ka atau tempat dimana orang nak tapau untuk beli barang 15 minitkah? Ini adalah salah ini menjadi isu kerana kami tidak menyediakan tempat sebegini. Jika anda merujuk kepada pejuang-pejuang hak OKU antarabangsa di merata-rata. Sebenarnya OKU ingin di beri peluang untuk hidup seperti orang biasa. Kita tak perlu, saya rasa orang biasa, orang OKU pun tidak boleh hilang 1,000 kereta biji kereta.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan teruskan kepada isu yang lain sekarang. Terima kasih atas penjelasan.  
*I rise my keys.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah hampir satu (1) jam.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya baru rasa macam 20 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya akan teruskan Dato' Timbalan Speaker. Saya ingin juga menarik perhatian Dato' Speaker tentang isu ini memang telah dibahas. Pertamanya berkenaan dengan penggunaan rokok elektronik, *electronic cigarette*. Pada asalnya saya ingin berbahas

tentang isu ini dulu tapi memandangkan telah dibahas. Tetapi saya mempunyai bukti lah berbanding dengan pembahas-pembahas lain. Ini adalah liputan daripada, ini bukan tembak. Ini ada bukti tahu. Daripada Berita Harian. Satu (1) serbuan yang dibuat di Johor di mana dikesan perisa syabu, ganja dan air ketum. Dato' Speaker dapat lihat?

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagi tahu saja. Nanti orang lain baca diluarlah.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini adalah liputan surat khabar. Agensi Anti Dadah, PEMADAM Johor kesan penuluran cecair yang dicampur dadah dan dijual di negeri itu. Jadi saya di sini pada asalnya bersetuju dengan cadangan untuk mengharamkan penggunaan *electronic cigarette*. Merokok saja sudah pun bahaya. Bila saya lihat *electronic cigarette* ini digunakan, begitu banyak dia punya asap. Sehingga boleh berdengung duduk di tepi-tepi itu. Dan kita lihat juga *electronic cigarette* ini juga mempunyai masalah kerana di pasaran sekarang yang asal itu lebih kurang RM600.00 Lebih kuranglah RM600.00, tapi kalau kita beli yang ciplak, *underwater set*. Dikatakanlah dalam bahasa pasar lebih kurang dalam RM200.00, ia tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Baru-baru ini kita lihat terdapat satu kejadian dalam *facebook* bila dia sedang hisap itu meletup di muka beliau dan di sekolah sekarang ia telah menjadi tabiat dan saya difahamkan guru-guru di sekolah menghadapi masalah untuk mengesan murid-murid yang menggunakan *vape* kerana ia mempunyai ....(dengan izin), *flavor*. Kalau dulu, masa sekolah saya guru akan bau tangan. Maklumlah guru itu pun adalah seorang yang mempunyai tabiat merokok jadi dia boleh tau, Dunhill kah, Marlboro kah, Peter Stuyvesant kan. Tapi sekarang memang tidak boleh sebab *vape* ini digunakan dan kita lihat bahawa *vape* ini boleh disalahgunakan boleh dicampur dengan macam-macam perisa dadah.

Jadi saya merayu kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan supaya lebih tegas kerana kalau kita lihat di Jalan Perak, Perak Road, selepas Balai Polis Jelutong, di sebelah kiri. Terdapat lebih tiga kedai *vape centers* yang semakin lama semakin banyak beroperasi. Dan kebanyakan pengunjung-pengunjung ke tempat ini adalah murid-murid sekolah selepas waktu sekolah. Kita lihat mereka dalam pakaian. Saya risau perkara ini menjadi sebegitu serius...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Pencerahan. Dato' Speaker. Saya cuma nak tahu ataupun memberi maklumat sedikit mengenai *vape* ini. Saya ada buat siasatan dan kajian sedikit dan dengan kajian Boston University baru-baru ini, Amerika Syarikat dan beberapa Negara Eropah mengalami situasi di mana orang muda berkunjung kepada *habit, the habit of vape.....*(dengan izin) dan tahukah Dewan ini ada lebih kurang 7,764 *flavor. Bubblegum* kah, *Cherry Crust, Bacon, Java, Menthol, Hamburger*, roti canai pun mungkin ada pada mereka ini. Dato' Speaker saya juga ini maklumkan kepada Dewan yang mulia ini...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Boleh Yang Berhormat cakap dalam masa Yang Berhormat nanti.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Boleh, tapi ini tersangkut dengan *vape* saya khuatir nanti saya tidak dapat peluang, respon.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Catat sekarang, nanti cakap dalam Kebun Bunga punya. Teruskan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon laluan. Saya nak respon sedikit tentang isu *vape*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memandang berat tentang isu ini. Terutama dengan inisiatif yang telah kita perkenalkan Penang Bebas Asap Rokok, Cuma masalah yang kita hadapi sekarang adalah *vape* ini dia masuk bawah bukan Akta Tembakau, dia di bawah akta racun nikotin. *Flavor* nya, kita tak bercakap tentang *device*, cakap tentang *flavor* yang mempunyai nikotin. Jika *flavor* itu dikatakan tidak mempunyai nikotin, maka dia tidak menjadi kesalahan dari segi undang-undang. Tetapi yang saya kesali sebagai EXCO Kesihatan dan pihak Kerajaan Negeri adalah *e-cigarette* ini bukanlah baru berlaku dua (2) hari atau tiga (3) hari sudah. Ianya sudah di dalam pasaran lebih daripada saya ingat empat (4) tahun dalam pasaran. Tetapi tidak ada satu (1) usaha yang sungguh-sungguh oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk melihat kepada perkara ini dan menyebabkan perkara ini dia menjadi satu (1) sensasi. Sehingga hari ini saya dimaklumkan ada beberapa pengusaha usaha *vape* sedang berdemonstrasi di hadapan Putrajaya.

Jadi, kerana *vape* orang sampai berdemonstrasi. Kalau ada peraturan yang jelas, peraturan yang lengkap dan juga respon yang cepat daripada pihak Kementerian, saya ingat tidak menjadi masalah. Pihak Kerajaan Negeri saya sendiri telah mencadangkan supaya di dalam inisiatif Penang Bebas Asap Rokok ini peraturan yang sama *apply* atau dikenakan terhadap *vape* yang bermakna *vape* tidak boleh dihisap di merata-rata tempat di dalam kawasan George Town tapi hendaklah dihisap di kawasan yang digazetkan di bawah Penang Bebas Asap Rokok. Jadi, kita tengah mengkaji dengan Jabatan Undang-Undang sama ada perkara ini boleh dilaksanakan atau tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan. Ada dua (2) minit lagi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dua (2) minit lagi YB. Dato' Speaker.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat telah mengambil dua (2) pangu. Dua (2) peruntukan.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker hari ini nampak segar.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lagi satu (1) minit setengah ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Dato' Speaker, saya di sini ada dua (2) isu lagi. Pertamanya berkenaan dengan penggunaan *cashless toll* di Plaza Tol di Jambatan Pulau Pinang. Banyak sangat aduan yang diterima di sini saya mempunyai petikan daripada dua akhbar The Star, juga daripada Metro. The People's Paper dengan tajuk *Cashless Toll Kick Off*. Cadangan ini tidak diterima baik oleh rakyat jelata kerana pertamanya, kita sentiasa perlu peka terhadap jumlah yang masih lagi tertinggal dalam kad yang kita bawa.

Kedua, bukan semua yang dapat menampung perbelanjaan untuk *top up*, jumlah *top up* itu adalah sekurang-kurangnya RM50.00 ataupun RM100.00 di mana kita terpaksa *top up* itu untuk satu masa yang begitu lama. Jadi saya ingin meminta EXCO berkenaan kalau boleh berunding dengan pihak pengurusan Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Kedua supaya kaunter-kaunter pembayaran tunai itu boleh diluaskan lagi, ditambahkan lagi. Sekarang hanya tinggal satu (1) kaunter sahaja. Saya minta kalau boleh ianya berbalik kepada seperti asal sekurang-kurangnya tiga (3) atau empat (4) kaunter. Maklumlah sekarang pun bila kita pergi ke kaunter-kaunter *touch n go* ataupun kaunter *scanning*, kadang kala berlaku kejadian di mana kenderaan di hadapan kita itu tidak mempunyai cukup kredit dan tak dapat melalui palang tol, ini menyebabkan kesesakan. Kejadian ini telah berlaku banyakkah, sekarang disebabkan ramai lagi yang masih belum mengetahui bahawa Jambatan Pulau Pinang pertama telah pun mengimplimentasikan *cashless toll* di Jambatan.

Saya ingin menyentuh isu kedua terakhir. Kalau tadi ketiga terakhir, ini kedua terakhir. Keputusan untuk menempatkan semula pelarian Rohingya di Pulau Pinang. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat daripada Seberang sekali lagi. Memang perkara ini adalah sesuatu yang tidak begitu selesa dan saya sendiri di kawasan saya di Sungai Gelugor dan juga di Taman Tun Sardon, terdapat ramai warganegara Bangladesh yang selalu berkeliaran terutamanya di Taman Tun Sardon kita dapat lihat mereka pada hari Rabu semasa pasar malam. Di Sungai Gelugor, maklumlah tiap-tiap hari kita dapat lihat mereka masuk keluar di kawasan tersebut.

Saya ingin hanya mencadangkan supaya dalam Majlis Keselamatan Negeri, bila mesyuarat diadakan di antara wakil-wakil Kerajaan Negeri dan wakil-wakil Kerajaan Persekutuan termasuklah pihak penguatkuasa seperti Imigresen, seperti Polis dan pihak-pihak lain Kementerian Dalam Negeri. Pulau Pinang dibekalkan dengan statistik jumlah warganegara asing yang berada di Pulau Pinang dan juga Kerajaan Negeri dimaklumkan dari masa ke semasa tentang kemasukan warganegara-warganegara asing ini. Saya tidak begitu selesa sebab kalau pendatang-pendatang warganegara asing, pendatang tanpa izin ini ditempatkan di Pulau Pinang kemungkinan besar masalah-masalah sosial juga akan berlaku di Pulau Pinang. Maklumlah terdapat kejadian-kejadian seperti rusuhan yang berlaku di Butterworth, yang berlaku di Bukit Mertajam di mana kita

digemparkan dengan laporan bahawa terjumpanya anggota-anggota badan di sebuah rumah yang dihuni oleh warganegara-warganegara asing. Kejadian-kejadian seperti kejadian jenayah seperti ragut, rogol dan sebagainya juga lebih cenderung untuk berlaku jika warganegara asing ini hanya di hantar ke Pulau Pinang. Jadi, saya berharap dengan membangkitkan isu ini di sini perkara ini akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri juga boleh menggunakan dana supaya mewujudkan perkhidmatan bas sekolah yang percuma. Kalau kita lihat sekarang kita ada perkhidmatan bas daripada Seberang Jaya ke Pulau Pinang yang dibiayai separuhnya oleh Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri boleh juga mempertimbangkan kerana kita telah pun mewujudkan satu (1) sistem di mana daripada permulaan sehingga akhir Kerajaan Negeri memberi bantuan. Kalau Kerajaan Persekutuan mengenakan GST, kita di Pulau Pinang bila lahir dapat RM200.00. Kalau Kerajaan Persekutuan mengenakan GST, kita bila pergi ke darjah satu (1) dapat RM100.00. Kalau Kerajaan Persekutuan naikan tol, kalau kita pergi ke darjah empat (4) dapat RM100.00. Kalau Kerajaan Persekutuan menaikkan minyak, kita pergi tingkatan satu (1), tingkatan empat (4) dapat RM100.00. Kalau Kerajaan Persekutuan menaikkan tambang LRT, kita bila masuk ke universiti dapat RM1,000.00. Kalau tak bekerja, warga emas dapat RM100.00. Bila meninggal, khairat kematian RM1,000.00 diberikan. Saya ingin menyarankan di sini kalau boleh selain daripada itu, kita juga memberi wang kepada penunggang beca, memberikan wang kepada pemandu teksi. Jadi saya ingin cadangkan supaya kita juga ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan. Setengah minit saja. ....(gangguan). Saya nak tanya ini, naik itu, naik ini, naik itu, naik ini. Macam mana yang saya nak tanya Seri Delima ini. Yang Kerajaan Negeri naikan surcaj air ini macam mana?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Itu perlu tanya pada EXCO.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tanya EXCO. Jadi, kalau boleh kita sediakan satu tambang untuk membiayai bas sekolah percuma bermula daripada Balik Pulau tak kiralah walaupun kawasan pembangkang sehinggalah ke George Town mengelilingi Pulau Pinang ataupun dua (2) sistem. Satu (1) di sebelah pagi untuk membawa murid-murid sekolah waktu pagi dan satu (1) lagi di waktu petang kerana maklumlah ini adalah perkara yang menjadi masalah serius kepada keluarga. Di kawasan saya sendiri, saya telah diminta untuk membawa perkara ini, mengangkat perkara ini kepada perhatian Kerajaan Negeri kerana ramai daripada ibu bapa terutamanya yang bekerja seorang di mana isteri merupakan seorang suri rumah menghadapi masalah memandangkan lima (5) atau enam (6) orang anak terpaksa pergi ke sekolah. Sekarang kita dimaklumkan harga minyak sudah naik.

Dimaklumkan bahawa tol pun sudah naik. Jadi, ini menyebabkan banyak masalah kewangan kepada keluarga-keluarga tertentu terutamanya hanya di mana suami saja yang bekerja dan saya percaya kalau kita dapat menyediakan perkhidmatan bas sekolah

percuma ia boleh menyelesaikan masalah dan akan menjadi satu (1) perkara meyakinkan rakyat bahawa Pakatan Harapan ini merupakan sesuatunya Kerajaan yang boleh membela rakyat. Dengan itu ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Pohon penjelasan sikit saja Timbalan Dato' Speaker, saya cuma nak *highlight* tentang bas sekolah ini kerana saya rasa lebih baik kita cadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi subsidi kepada pemandu-pemandu bas sekolah ini supaya lebih sesuai kerana saya nampak kadang-kala kebanyakan budak-budak sekolah sekarang pun kurang mengguna dan menghantar anak mereka dengan bas sekolah. So untuk menggalakkan lebih ramai ibu bapa dan juga keluarga-keluarga yang miskin saya rasa pengusaha-pengusaha bas sekolah itu perlu diberi subsidi daripada Kerajaan Negeri memberi bas sekolah sendiri untuk membawa anak-anak sekolah itu. Saya tidak tahu pandangan macam mana setuju ke cara ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Saya rasa jawapan ringkas boleh mintalah tapi boleh bermimpi saya rasa mustahil untuk dapat apa-apa ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Tapi Yang Berhormat ada RM2.6 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya setuju Yang Berhormat. Saya ingat Pulau Tikus nak lawan dengan saya tadi. Saya setuju Yang Berhormat tapi masalahnya adalah kita telah minta macam-macam. Kita telah minta pelbagai bantuan. Maklumlah umum mengetahui kita sedang mengadu sekarang dalam bajet yang dibentangkan sekarang tidak ada apa-apa yang diberikan. Tidak ada manfaat, kita boleh menghantar permintaan kita tapi saya yakin Kerajaan Pulau Pinang kita yang prihatin yang EXCO-EXCO nya memang berintegriti yang tidak akan menerima rasuah yang tidak menerima sebarang sumbangan yang bekerja untuk rakyat akan terus memberi perkhidmatan untuk rakyat. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):**

*Bismillahirrahmanirrahim*, YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. *Alhamdulillah*, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat *Allah Subhanawataala* dengan limpah

Rahmat dan Inayahnya kita masih terus diberi peluang sekali lagi untuk bersama-sama Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas.

Marilah kita sama-sama memanjatkan doa memohon kurnia dan iradat agar persidangan ini dapat diteruskan, diterjemahkan dalam suasana harmoni, tertib dan memenuhi etika perbahasan sebagai memenuhi tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan. YB. Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu di Dewan yang mulia ini sebagai mewakili rakyat di kawasan DUN Permatang Berangan saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan sekalung penghargaan kepada semua Yang Berhormat khususnya YB. Pembangkang kerana terus komited dalam memperjuangkan nasib rakyat di Pulau Pinang khususnya di Negeri yang kita cintai ini. Tambahan pula dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini.

Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih atas Ucapan Bajet 2016 Negeri Pulau Pinang oleh Ketua Menteri Pulau Pinang yang boleh dikatakan menyeluruh tetapi hasrat rakyat untuk melihat kepada isu rumah mampu milik tidak dinyatakan secara terperinci tetapi sekadar mengulangi jumlah atau projek-projek yang lepas. Walau bagaimanapun saya percaya Kerajaan Negeri melalui EXCO Perumahan iaitu YB. Datok Keramat yang sedang membuka ruang dan pintu untuk berbincang bagi agensi Kerajaan Persekutuan mewujudkan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat Pulau Pinang dan saya amat berharap agar perbincangan ini akan diakhiri dengan kelulusan bagi projek-projek terutamanya kepada PERDA dan JKP.

Saya selaku Ahli Dewan dan juga ADUN Permatang Berangan seterusnya juga sebagai Naib Pengerusi PERDA Ventures Incorporated Sdn. Bhd. mengucapkan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Datok Keramat. Seterusnya sebagai wakil rakyat Permatang Berangan saya merakamkan ada keperluan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan perincian berkaitan jumlah kilang-kilang yang ditutup operasinya atau dikurangkan kadar masa operasi akibat daripada kelembapan ekonomi ini adalah kerana terdapat ramai juga masyarakat Permatang Berangan yang bekerja di kilang-kilang di sekitar Bayan lepas, Bayan Baru, Mak Mandin, Perai dan sebagainya. Walaupun didalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada menyebut tentang peningkatan penyertaan tenaga buruh di Pulau Pinang meningkat sehingga 70.6%, kita juga ada mendengar sebaliknya tentang pekerja-pekerja kilang yang hilang pekerjaan akibat penutupan atau dikecilkan saiz operasinya. Adakah peningkatan kadar penyertaan buruh ini dikuasai oleh buruh asing atau pekerja-pekerja tempatan malas atau tidak layak atau bagaimana? Seterusnya dalam perenggan 8 muka surat 4 bajet yang dibentangkan itu saya mohon agar satu perincian dibuat berkaitan dengan penarikan pelaburan bernilai RM4.33 billion melalui 67 projek yang telah diluluskan dan mohon dinyatakan apakah senarai projek yang terlibat.

Berkaitan dengan keupayaan modal insan. Permatang Berangan mohon agar promosi lebih diberi dengan lebih mengutamakan sekolah-sekolah luar bandar bagi penyertaan program latihan berkembar vokasional Jerman seperti di PSDC. Pihak saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah atas pembinaan beberapa dewan besar sekitar Negeri Pulau Pinang seperti Seberang Perai Arena SPICE dan sebagainya namum rakyat di luar bandar juga seharusnya diberikan keutamaan, sepatutnya diperuntukkan juga sebilangan bajet untuk tujuan pembinaan dewan-dewan orang ramai di kawasan luar bandar bagi kegunaan majlis rasmi dan majlis tidak rasmi.

Seterusnya dibaik pulih dewan-dewan JKKK dan dewan banjir yang terbiar selepas diambil alih oleh Kerajaan yang memerintah barulah boleh dan layak dipanggil kerajaan berjiwa rakyat dan berkebakikan.

Berkaitan dengan tebus guna tanah pula saya memohon Dewan yang mulia ini dimaklumkan dengan laporan EIA dan implikasi secara langsung kepada nelayan-nelayan di Pulau Pinang. Sesungguhnya rakyat Pulau Pinang berhak untuk mengetahui secara terperinci kesan dan implikasi kepada tebus guna tanah ini. Adakah tanah tebus guna ini sesuai untuk dibangunkan sebagai kawasan perumahan dan saya ingin tahu juga apakah kajian dibuat terhadap tanah tersebut kadar *settlement* dan hakisan. Badan manakah yang melaksanakan atau yang melaksanakan pemantauan ini. Kita tidak mahu nanti berlakunya tanah jerlus hakisan yang mengakibatkan keselamatan penduduk tidak terjamin. Kalau tanah bukit perlu dibuat kajian termasuk tanah yang ditambak itu mengapa tidak tanah-tanah yang ditimbus ini diadakan satu kajian yang terperinci.

YB. Dato' Timbalan Speaker, pelancongan adalah merupakan salah satu hasil pendapatan besar kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri berterusan meluluskan pembinaan hotel-hotel *boutique* yang bertaraf lima (5) bintang. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa rakyat luar bandar juga sepatutnya menikmati nikmat kemasukan pelancong ini. Aktiviti pelancongan luar bandar seharusnya menjadi fokus kepada Kerajaan Negeri bagi menambah pendapatan dan menaik taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar. Oleh itu saya memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan promosi kepada kegiatan pelancongan agro atau agrotourism di kawasan sekitar Permatang Berangan terutamanya Lebuh Banting dan juga Pengkalan Machang. Aktiviti *homestay* secara khususnya haruslah di masukkan di dalam peta atau pelan aktiviti tahunan pelancongan negeri. Kerajaan Negeri seharusnya menjadi aktiviti *homestay* sebagai salah satu tarikan baru pelancong ke kawasan Tasek Gelugor. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism seharusnya mempromosikan *homestay* kepada pelancong asing melalui siri-siri promosi yang dijalankan di luar negara, *flyers*, *pamphlet* hendaklah diperbanyakkan. Saya juga mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk membangunkan industri madu kelulut. Oleh itu saya selaku mewakili rakyat Permatang Berangan berharap agar industri madu kelulut ini turut dikembangkan di kawasan Permatang Berangan. Industri ini sesuai juga dijadikan daya tarikan kepada industri agrotourism. Seterusnya saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan perenggan 4 muka surat 20 dalam pembentangan bajet.

YB. Dato' Timbalan Speaker, berkaitan isu rumah mampu milik yang diuar-uarkan oleh Kerajaan Negeri yang telah memperkenalkan konsep rumah mampu milik bernilai RM150,000.00. Jika rumah dan nilai sebegini diperkenalkan apa akan jadi pula kepada konsep Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memansuhkan konsep Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah ini? Apakah justifikasi Kerajaan Negeri dalam memperkenalkan konsep rumah mampu milik ini dan adakah Kerajaan Negeri pasti dengan memperkenalkan rumah mampu milik ini akan mengatasi masalah perumahan rakyat Pulau Pinang secara keseluruhan.

Saya juga terpenggil untuk membangkitkan untuk golongan manakah rumah mampu milik ini dibangunkan? Adakah Kerajaan Negeri telah membina rumah mampu milik ini? Jika ada di manakah pembangunan tersebut? Apakah status pembangunan tersebut? Berapa unitkah yang telah atau sedang dibina? Adakah apabila rumah mampu

milik ini dibina maka pemaju dikecualikan sama sekali daripada membangunkan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Saya juga ingin tahu sama ada konsep rumah mampu milik ini akan terus dikekalkan sebagai polisi Kerajaan Negeri atau hanya sebagai arahan berdasarkan kepada kesesuaian waktu dan *demand*?

YB. Speaker, jika melihat pembangunan di sekitar tanah tinggi dan yang paling terkenal sekali Bukit Botak yang masih botak sehingga sekarang adalah sesuatu yang material bagi Kerajaan Negeri menjelaskan apakah peraturan atau polisi atau dasar Kerajaan Negeri bagi pembangunan tanah tinggi dan adakah masih kekal pada 250 kaki atau 350 kaki atau lebih, mohon dikeluarkan polisi ini agar semua pihak sedar akan polisi tersebut dan ini adalah amat penting kerana kita tidak mahu terdapat *double standard* .....(dengan izin), oleh pihak berkaitan dalam memberikan kelulusan untuk memajukan tanah tinggi.

Jika perlu Kerajaan Negeri seharusnya menjadikan isu tanah tinggi ini sebagai peraturan yang harus dipatuhi oleh semua pihak. Seterusnya pihak Kerajaan Negeri juga seharusnya memberikan dan mengeluarkan polisi yang jelas berkaitan dengan tanah-tanah yang dibuat pengambilan balik oleh PDC, PERDA dan agensi Kerajaan dengan tujuan untuk kegunaan awam. Antara perkara yang seharusnya mempunyai panduan yang jelas adalah tanah yang diambil balik tersebut boleh dijual kepada pihak ketiga untuk dimajukan dan jika boleh dimajukan adakah jenis pembangunan yang dibenarkan adakah hanya Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah sahaja. Ini adalah penting dalam memastikan semua pihak mematuhi polisi atau panduan tersebut tanpa sebarang *double standard*.

Seterusnya YB. Speaker, semua rakyat mengetahui bahawa Kerajaan Negeri mendapat sumber air daripada Sungai Muda sejak daripada dahulu lagi. Adalah sesuatu yang amat membimbangkan sekiranya Kerajaan Negeri tidak memikirkan apakah alternatif yang terbaik selain daripada sumber air Sungai Kuala Muda. Isu air mungkin tidak menjadi isu besar pada hari ini tetapi mungkin akan jadi isu yang besar dalam 20 atau 30 tahun akan datang. Oleh itu seharusnya Kerajaan Negeri memikirkan alternatif selain daripada sumber air Sungai Kuala Muda. Kerajaan Negeri tidak sepatutnya memikirkan menaikkan tarif air akan menyelesaikan masalah air tetapi sewajarnya Kerajaan Negeri merancang alternatif yang terbaik.

Selain itu Kerajaan Negeri juga telah mengenakan surcay dan sudah tentu rakyat berhak untuk mengetahui berapa banyak surcay yang dikutip sejak tahun 2012 sehingga 2015 dan ke manakah surcay ini telah dibelanjakan. Adakah untuk membayar elaun Lembaga Pengarah atau Pengerusi? Yang elaun Lembaga Pengarah dan pengerusi yang begitu ramai 16 orang semuanya.

YB. Speaker, sebagai seorang Islam, adalah merupakan kewajipan setiap individu mengeluarkan zakat dan zakat juga adalah mempunyai jenis-jenis zakat yang tidak diklasifikasikan, tidak kira sama ada berbentuk individu seperti zakat fitrah ataupun berbentuk perniagaan seperti zakat emas dan sebagainya. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri amnya dan pihak Majlis Agama Islam khususnya untuk memperjelaskan kepada pengeluar zakat tentang jumlah kutipan dan menyatakan secara khusus pengeluaran zakat tersebut kepada semua asnaf-asnaf agar tidak timbul spekulasi atau fitnah yang menyatakan bahawa zakat telah disalurkan kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Isu yang selanjutnya adalah penambahan sawah padi yang aktif di kawasan saya. YB. Datok Keramat ada nyatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak akan membenarkan sawah padi yang aktif ditambah. Kenapa polisi ini dilanggar oleh MPSP? Bendang-bendang yang aktif sekarang ditambah secara berleluasa di kawasan Permatang Berangan seperti di Lahar Yooi, di Pekan Darat dan sebagainya.

Semua sedia maklum adalah Masjid di Negeri Pulau Pinang bukan semua baik dan terurus terutama di kawasan luar bandar seperti di DUN Permatang Berangan. Oleh itu saya mohon agar satu peruntukan yang lebih besar harus disalurkan agar masjid-masjid di luar bandar juga mendapat kemudahan sebagaimana masjid-masjid di bandar-bandar. Saya juga ingin mengajukan pertanyaan berkaitan pembentukan jawatankuasa di kariah-kariah terutama berkaitan isu pelantikan tidak selari dengan keputusan mesyuarat kariah. Oleh itu saya berharap agar Majlis Agama Islam dapat memberikan penjelasan dengan kadar yang selengkapnya jadi untuk mengelakkan sebarang isu yang boleh memecah-belah ahli kariah. Sebagaimana umum tahu, awal tahun depan kariah akan bermesyuarat dalam pemilihan mesyuarat membentuk AJK baru. EXCO diminta lebih telus dalam pemilihan jawatan ini. *Be professional* .....(dengan izin), dan utamakanlah demokrasi. Yang menang diambil dan yang kalah akur kepada kekalahan.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyatakan walaupun pembangunan pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan kampung-kampung tradisi terhakis dan tidak dapat beroperasi yang akan datang secara sedar atau tidak merupakan sejarah tradisi Negeri Pulau Pinang. Oleh itu perlu ada satu perancangan Kerajaan Negeri untuk menentang daripada fenomena ini daripada terus terhakis. Oleh itu Kerajaan Negeri seharusnya menjadikan perancangan khusus bagi tujuan ini. Saya mohon menyokong.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bertam.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

*Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam satu Malaysia dan Salam Sehati Sejiwa. Semua manusia kena bersih. *Insyaa-Allah*. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian untuk bersama-sama berbahas dalam Bajet 2016, perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016.

YB. Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya ingin mengucapkan tahniah Y.A.B. Ketua Menteri kerana terus memberi perhatian kepada usaha meningkatkan pengurusan alam sekitar. Walau bagaimanapun di dalam ucapan Bajet 2016 jumlah peruntukan yang diperuntukan untuk pengurusan pemuliharaan dan perbekalan sumber *biodiversity* sebanyak RM2.07 juta. Berbanding dengan keseluruhan jumlah bajet yang dibentangkan iaitu menghampiri jumlah RM1 bilion, saya secara peribadi merasakan jumlah ini agak kecil.

YB. Dato' Timbalan Speaker, saban tahun laporan tahunan Jabatan Alam Sekitar sama ada laporan tahun 2010, 2011 2012, 2013, 2014, dan seterusnya menunjukkan bahawa sungai-sungai di Pulau Pinang masih dirumuskan secara keseluruhannya merosot. Apabila tiada lagi sungai yang boleh dikategorikan sebagai sungai paling bersih. Oleh yang demikian saya percaya satu peruntukkan berterusan wajib diperuntukkan untuk usaha pemuliharaan sungai-sungai di Pulau Pinang. Saya merujuk kepada para 53...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan, bolehkah bagi nama-nama sungai yang lebih merosot daripada tahun 2008.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat merujuk kepada hansard saya sebelum ini, banyak sungai saya dah sebut cuma untuk tahun ini saya menyebut secara umum sahaja. Saya mohon kalau Yang Berhormat berminat saya boleh dapatkan untuk Yang Berhormat. Depan ini secara umum...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Yang ini itu kata kenyataan yang buat hari ini berkenaan, sila bagi satu (1) nama supaya dapat siasat dan boleh bagi jawab pada Ahli Yang Berhormat. Jika kalau umum sat ni bagi jawapan umum sebentar lagi boleh kata tidak khusus pula.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat, saya percaya Sungai Pinang bukanlah sungai yang paling bersih di Pulau Pinang. Saya mohon teruskan. Saya merujuk kepada para 53 ucapan Bajet 2016 dan saya ingin mengucapkan kepada Kerajaan Negeri yang melalui JPS telah melaksanakan projek pemuliharaan pantai dan pembaikan kualiti air *beach arrangement* di Batu Feringghi dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah menyalurkan dana sebanyak RM10.85 juta untuk projek tersebut. Begitu juga dengan usaha pemuliharaan bukit-bukit di Pulau Pinang sekali lagi dengan izin, YB. Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh tentang isu-isu yang berkaitan Bukit Gambir atau yang terkenal dengan gelaran Bukit Botak yang turut disentuh oleh YB. Permatang Berangan.

Merujuk kepada ucapan perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 yang lepas, pada 10 November 2014 saya telah meluahkan rasa ketidakpuasan hati saya terhadap pemuliharaan dan pemulihan tapak tanah bukit yang telah digondolkan secara haram oleh pihak pemaju General Accomplishment Sdn. Bhd. Kebimbangan tersebut dan ketidakpuasan hati itu telah saya bawa dan bahaskan di dalam Dewan ini bermula pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan 2013 lagi sehinggalah ke Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga hari ini.

Sebagaimana YB. Dato' Timbalan Speaker, Yang Berhormat Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 27 Oktober 2015 EXCO YB. Padang Kota telah mengadakan sidang akhbar mengenai kerja-kerja mitigasi di Bukit Botak oleh Tetuan General Accomplishment Sdn. Bhd....(dengan izin), EXCO tersebut, saya memohon



memetik meringkaskan ucapan daripada sidang akhbar tersebut. Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah meluluskan Pelan Mitigasi pada 21 April 2014, siasatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang di tapak menunjukkan bahawa pihak General Accomplishment Sdn. Bhd., telah memulakan kerja-kerja mitigasi pada 22 April 2014 dan kerja-kerja yang telah dijalankan adalah pembinaan parit tanah dan kolam endapan serta menanam rumput secara *hydro-seeding* dan *thirteen*.

Walau bagaimanapun kerja mitigasi tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat kawasan berbatu dan memerlukan permit perledakan batu dari Jabatan Mineral dan Geo Sains serta dari pihak Polis. Kerja-kerja mitigasi ini telah dimulakan semula pada awal bulan Julai 2015 dan skop kerja yang sedang dilaksanakan untuk kerja-kerja mitigasi adalah seperti berikut:

- (i) Menstabilkan cerun dan menanam rumput menggunakan kaedah *hydro-seeding, narration, control maps, sport thirteen* dan *cloth thirteen*;
- (ii) Membina kolam endapan, kerja-kerja membina parit bagi mengawal air larian dipermukaan.
- (iii) Kerja-kerja mitigasi dijangka siap pada bulan Januari 2015 di mana ia agak terlewat sedikit akibat jerebu 2016, Januari 2016 di mana ia agak terlewat sedikit akibat jerebu dan musim hujan;
- (iv) Majlis Bandaraya Pulau Pinang akan terus membuat pemantauan di tapak untuk memastikan kerja-kerja mitigasi disempurnakan.

Soalan bertulis saya pada bertarikh 7 November 2014 yang lepas, “Berapa peratuskah kerja-kerja mitigasi yang telah dilaksanakan setakat 7 November 2014 oleh pemaju yang bertanggungjawab? Jawapan yang saya terima ialah sebanyak 5% setakat 7 November 2014, dan soalan bertulis saya untuk penggal ini berkaitan perkara yang sama setelah setahun berlalu. Saya telah dimaklumkan bahawa peratus mitigasi adalah pada tahap 50%. Di dalam sidang akhbar pada 27 Oktober 2015, EXCO berkenaan menyatakan bahawa proses mitigasi dijangka siap pada Januari 2016. Saya amat berharap agar perkara ini dapat direalisasikan untuk menyiapkan sebanyak 50% kerja-kerja mitigasi. Tempoh selama hampir 18 bulan diambil oleh pemaju dan untuk menyiapkan baki 50% tempoh yang tinggal untuk kita sampai ke tarikh Januari 2016 cuma berbaki satu setengah bulan sahaja lagi. Walau bagaimanapun saya yakin dengan pemantauan yang berkesan usaha yang bertungkus-lumus perkara ini tidaklah menjadi satu tidak mustahil. Saya memohon pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk memberi perhatian kepada perkara tersebut.

YB. Dato' Timbalan Speaker, baru-baru ini berlaku kejadian tanah runtuh di Lebuhraya Karak-Kuala Lumpur. Berbagai teori ditimbulkan terhadap punca kejadian tanah runtuh tersebut. Ada yang mengatakan pembalakkan dan ini dinafikan oleh Y.A.B. Menteri Besar Pahang manakala Menteri Kerja Raya Dato' Seri Fadhilah Yusoff yakin ada aktiviti hutan yang berkemungkinan pembalakan dan ini saya rujuk kepada laporan-laporan di dalam akhbar sebagaimana Timbalan Ketua Menteri. Saya juga baca KOSMO saya juga baca Metro selain daripada surat khabar *The Star*, Utusan dan sebagainya. Izinkan saya, KOSMO yang bertarikh 13 November 2015 Menteri syak pembalakan punca bencana di lenteng, ada yang kata balak, ada yang kata air dan pakar ini pakar pula tegaskan penerokaan hutan punca gelongsoran tanah.

Izinkan saya membaca sedikit, pakar Geologi, Profesor Dato' Dr. Ibrahim Komoo berkata:

“Aliran gelongsoran biasanya berlaku di alur atau anak sungai di kawasan lereng bukit atau pergunungan apabila hujan lebat. Jadi berbagai-bagai andaian dibuat terhadap berlakunya bencana tersebut dan ada lagi satu laporan yang turut merupakan satu teori iaitu yang dilaporkan oleh Harian Metro, Jumaat 13 November. “Binaan takungan pecah, Bentong, struktur seperti binaan takungan di puncak bukit berhampiran hutan simpan kekal Lintang yang pecah dipercayai menjadi punca *incident* banjir lumpur di laluan kilometer 52.4 Lebuhraya Kuala Lumpur Karak di sini. Tinjauan wartawan Harian Metro di lokasi kejadian mendapat satu (1) daripada dua (2) struktur takungan bersaiz tiga (3) meter panjang itu pecah dipercayai akibat rempuhan tanah dan kayu pokok dibawa arus, air hujan petang kelmarin sebelum mengalir ke lebuhraya”.

Maksudnya disebabkan hujan lebat, pokok tumbang, terkena takungan air maka berlakulah kejadian tersebut. Ini adalah merupakan teori-teori yang diberikan dan saya difahamkan bahawa laporan sebenar hanya akan kita dapati dalam tempoh dua (2) minggu daripada laporan tersebut dimaklumkan. Dan hari ini kita tengok kerja-kerja mitigasi di atas Bukit Botak, secara peribadi walaupun saya tidak mengatakan ia tidak betul, tetapi ia amat merisaukan.

Hari ini Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau saya bukan pakar mitigasi tetapi ini pandangan saya sebagai rakyat Pulau Pinang, ini adalah merupakan gambar yang diambil yang saya telah menunjukkan di dalam Dewan ini pada 13 Oktober 2014. Ini adalah Bukit Botak 13 Oktober 2014. Setelah mitigasi berlaku, ini gambar terbaru. Gambar yang sama, ini Bukit Botak tapi hari ini botaknya makin di bawah. Tak apa. Ini cuma kerisauan sebagai seorang...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):**

Foto itu.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ini yang terbaru, ini sebenarnya diambil sebelum persidangan Dewan. Ini yang terbaru, cuma ingin saya kongsi di sini adalah laporan yang mengatakan bahawa kemungkinan berlakunya binaan yang seluas tiga (3) meter ini dilanggar pokok, pecah itu adalah punca. Ini adalah kemungkinan, begitu juga di Bukit Botak hari ini apabila kita melakukan mitigasi berlaku. Dulu Bukit Botak sekadar Botak sekarang kita sudah ada kolam endapan. Dan kolam ini sebesar bukan tiga (3) meter, 60 x 20 meter. Cuma ini cuma kerisauan tetapi saya tidak kata ini bukan plan yang salah sebab plan ini diluluskan oleh Pakar Geologi Teknikal kita sendiri iaitu YBhg. Dato' Ir. Gue See Sew. Dia adalah pakar, dan ini betul, cuma apa yang saya sampaikan ke dalam Dewan ini apabila binaan ini dibina, maka pihak yang bertanggungjawab, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) harus menjalankan pemantauan sentiasa. Itu saja permintaan saya, ringkas. Saya tidak kata ini salah atau betul, tapi kerisauan saya, sebab ini di kawasan Seri Delima. Hari ini Seri Delima sering kali berkata Bertam sahabat beliau dan saya amat risau dengan rakyat di sana. Saya amat risau.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan. Saya tertarik Yang Berhormat yang begitu prihatin dan ucapkan terima kasih dengan kebijakan apa yang berlaku di kawasan Seri Delima tapi untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya YB. Batu Uban boleh mengesahkan ia sebenarnya di kawasan Batu Uban, bukan di kawasan Seri Delima, di kawasan Batu Uban tetapi saya ingin tanya Yang Berhormat, pernahkah Yang Berhormat membuat lawatan sendiri ke kawasan tersebut? Penjelasan yang saya minta. Kedua adakah cuma berpandukan kepada gambar-gambar tersebut kerana saya dengan YB. Batu Uban yang berada di kawasan tersebut memang yakinlah bahawa kerja-kerja mitigasi sedang dilaksanakan tapi masalahnya gambar itu mungkin *the photograph*.....(dengan izin), Timbalan Speaker *can be very deceiving*. Jadi penjelasan yang saya minta pernahkah Yang Berhormat lawat sendiri atau hanya berbahas berpandukan kepada gambar itu sahaja, terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya nak jawab soalan YB. Seri Delima. Secara peribadi, secara fizikal tidak. Tetapi saya selalu memantau, mengambil gambar dan sebagainya. Cuma ini adalah kerisauan. Kalau Yang Berhormat mengikuti ucapan saya, ini adalah kerisauan supaya benda ini dipantau dan supaya tidak berlaku sebarang bencana. Walau bagaimanapun, Seri Delima mengatakan bahawa Seri Delima dan Batu Uban yakin bahawa plan mitigasi ini betul, kita tidak pertikaikan, saya tidak pertikaikan. Cuma saya kata dipantau supaya semuanya berjalan dengan elok, tidak ada elemen yang negatif di sini. Tiada.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan sikit. Sebagai seorang peguam, saya percaya bahawa Yang Berhormat tahu bahawa gambar ini merupakan *secondary evidence*. Dan ia juga merupakan *hearsay evidence*. Minta maaf ya saya bukan *cross examine* ....(gangguan). Saya ingin tanya kalau gambar itu meyakinkan, kalau kata Timbalan Dato' Speaker, ini adalah seorang hakim dan kita ingin meyakinkan beliau bahawa gambar itu adalah gambar keadaan tempat tersebut seperti yang asal, YB. Datok Keramat pun boleh mengesahkan sebagai seorang Peguam, bahawa kita harus mempunyai *primary evidence* seperti negatif gambar itu pertama. Kedua tarikh dalam gambar tersebut dan ketiga, adakah Yang Berhormat sendiri mengambil gambar itu? Kalau terima dari orang lain kemungkinan dari orang lain mungkin ditokok tambah, macam-macam boleh berlaku, kita faham sekarang Yang Berhormat, seperti yang berlaku dalam internet, gambar seseorang itu boleh di *edit* boleh dimasukkan. Jadi saya risau, kalau tiga (3) prasyarat ini tidak dimasukkan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa Yang Berhormat, bagi EXCO jawab.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Gambar itu tidak boleh diterima Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan, saya minta penjelasan kepada Bertam. Saya bukan *lawyer* yang berpakaian hitam dan putih dan saya juga bukan saintis yang berpakaian putih. Saya seorang Jurukur Bahan. Dari gambar itu yang nampak ada pembinaan *concrete road* dalam pembinaan di atas. Dan saya tidak pasti membina konkrit *road* itu adalah sebahagian daripada mitigasi. Yang kedua, untuk menanam rumput bagi menutup kawasan yang terdedah, kawasan tanah itu tidak mengambil selama satu (1) tahun. Enam (6) bulan sahaja sudah terhasil. Ini saya berpendapat bahawasanya memang tidak ada kerja-kerja mitigasi dibuat ataupun diperlahankan dengan tujuan yang lain. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya cuma mengambil sedikit kesempatan untuk menerangkan. Memang kalau ikut gambar yang dekat sebelum rumput itu boleh ditanam, lereng-lereng itu perlu disabitkan dan perlu dipotong dengan kecerunan yang diperlukan. Dan di samping itu parit-parit konkrit memang sudah dibina di bawah lereng-lereng berkenaan. Memang ada *access road* sehingga ke puncak tetapi ada soalan yang dikemukakan sama ada MBPP menerima apa-apa pembangunan, dalam jawapan memang MBPP tak terima apa-apa plan pembangunan untuk memajukan tapak berkenaan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Bertam. Ini juga adalah isu yang saya bangkitkan. Mungkin satu sama isu ini di bawa ke *Public Accounts Committee* (PAC) dan kedua saya minta Padang Kota mengetuai kami semua rombongan melawat Bukit Botak dan Bukit Laksamana untuk kita Ahli Dewan mengenal pasti apakah benar mitigasi dilaksanakan ataupun sebaliknya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Penjelasan. Saya minta pihak MBPP untuk lawat tempat itu, saya beritahu saya kena tulis pemaju di sana. *So I'm to writing ....(dengan izin), permission to go and visit in my kawasan, the place.*

**Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):**

Jabatan Kejuruteraan MBPP memang melakukan pemantauan yang rapi. Membuat lawatan berkala ke tapak.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

*Let's me finish.* Saya bagi kemudian. Terima kasih Batu Uban yang memberi penjelasan. Ini menjawab kepada soalan Seri Delima sama ada saya sendiri pergi ke tapak tersebut. Kalau Yang Berhormat Kawasan pun tidak dibenarkan, apatah lagi orang dari Seberang. Walau bagaimanapun saya harap Seri Delima jangan salah faham. Nak sebut pasal *primary evidence, secondary evidence* memanglah Seri Delima ini dia tak boleh tak pergi mahkamah, sehari pun dia tak boleh hidup, jadi dia dah biasa dah itu.

Jadi sebenarnya sekadar tarikh itu kita boleh print balik, tiada masalah Seri Delima, seperti mana Seri Delima pun merujuk kepada surat khabar, surat khabar, surat khabar. Tiada benda lain..(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi saya merujuk kepada *The People's Paper*, gambar Yang Berhormat adalah gambar sendiri, berlainan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tapi itu adalah *direct evidence*.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Sebenarnya apa yang ditunjukkan gambar itu memang benar. Saya sendiri ada lawatan tapak beberapa kali. Jadi parit memang sudah dibina separuh pada masa itu saya lawat dari sekeliling jiran. Walaupun apa yang dikhuatirkan oleh Bertam, saya bukan, ini satu *fact*, ini *public interest* saya kena cakap *fact* bukan memihak mana-mana pihak. Tapi sebelum itu berlaku, saya sudah jadi mangsa sebab saya botakkan sendiri untuk, jadi ini memang satu perkara serius, jadi saya fikir, saya juga ada mohon jasa baik PAC jugalah ambil siasat kes ini melalui YB. Penanti sebagai Ahli Jawatankuasa PAC juga, melalui emel tapi saya amat kesalilah isu ini tidak disenaraikan dalam PAC untuk disiasat dengan serius. Saya harap ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak menjawab yang saya hantar kepada Pengerusi PAC.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Bertam ada 15 minit untuk membuat kesimpulan kalau tidak akan sambung malam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Isu ini sebagai panas. Walau bagaimanapun saya nak ucapkan terima kasih kepada Tanjung Bunga. Pepatah Melayu pucuk dicita ulam mendatang, kecil tapak tangan nyiru ditadahkan. Tajuk sendiri memohon *documentary evidence* tiba-tiba mangsa yang muncul, sebagai saksi kepada saya, terima kasih kepada Tanjung Bunga.

Di bawah tajuk "Merealisasikan Potensi Sektor Pelancongan dan Warisan." Saya merujuk kepada para 29 ucapan bajet yang berbunyi:

"Peningkatan pelancong ke Pulau Pinang bukan sahaja sekadar menaikkan statistik iaitu peningkatan sebanyak 45% atau seramai 6.8 juta pelancong pada tahun 2014 berbanding 4.7 juta pelancong pada tahun 2013. Ia juga dapat dilihat kepada pembukaan hotel-hotel baru serta *boutique hotel*."

Saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan ini. Walau bagaimanapun, saya merasakan bahawa Kerajaan Negeri perlu di dalam usaha menarik pelancong ke negeri ini memastikan kalau boleh hotel-hotel baru termasuk butik-butik hotel bukan dibina atau sedia ada hendaklah mesra pelanggan atau pelancong beragama Islam. ataupun dalam bahasa Inggeris *Muslim friendly hotel*.

Kalau boleh saya mohon Kerajaan Negeri mewajibkan semua hotel-hotel yang sedia ada dan yang bakal dibina ataupun sedia ada hendaklah mesra pelanggan atau pelancong beragama Islam. Sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong dari luar negara. Saya amat yakin sebuah hotel yang mesra pelancong Muslim, pelanggan Muslim adalah juga merupakan hotel yang sesuai untuk pelanggan-pelanggan yang bukan beragama Islam. Sebagai contoh *coffee house-coffe house*, restoran-restoran yang menyajikan makanan-makanan halal juga boleh dimasuki oleh pelanggan-pelanggan yang bukan beragama Islam. Elok sekiranya hotel-hotel ini digalakkan ataupun diwajibkan untuk memohon sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan sebagainya. Dan paling utama ingin saya sentuh di dalam Dewan ini adalah tandas-tandas di hotel-hotel tersebut. Terutama tandas-tandas di lobi-lobi hotel haruslah mesra pelanggan Muslim. Maksud saya di sini, tandas-tandas tersebut hendaklah diwajibkan untuk menyediakan bilik atau paip air di dalam setiap tandas yang berada di lobi-lobi hotel dan juga di dalam bilik-bilik hotel. Setiap pelanggan Muslim atau pelancong muslim memerlukan air untuk bersuci. Penggunaan *toilet paper* bukanlah amalan orang Islam.

Di dalam jawapan bertulis kepada soalan saya sama ada pihak Kerajaan Negeri mempunyai dasar untuk mewajibkan pemilik-pemilik hotel di Negeri Pulau Pinang menyediakan tandas-tandas yang mesra pelanggan atau pelancong beragama Islam, jawapannya tidak ada. Apa yang saya maksudkan di sini ialah saya percaya setiap orang yang berada di dalam Dewan ini yang beragama Islam melalui kesukaran yang kita alami. Apabila kita masuk ke tandas-tandas yang tidak menyediakan air, ini menjadi kesukaran kepada kita. Saya nampak Pulau Tikus muka dia macam kerisauan, Pulau Tikus *I can put in a direct manner, or I can just put in a polite manner*.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Nama saya dibangkitkan jadi saya kena jelaskan. Kami telah berbincang di dalam satu (1) baris sekurang-kurangnya ada satu (1) ataupun dua (2) yang ada ataupun semualah kalau bukan semua ada sekurang-kurangnya ada tapi kami telah berbincang kerana nak tahu hotel-hotel mana yang tiada sekarang. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Yang Berhormat, soal tandas ini, saya nak minta maaf sikit. Kalau dah senak perut, kalau nak terberak sangat-sangat kita tak sempat nak buka satu-satu yang mana ada pili yang mana tiada pili. Kita buka sahaja, kita masuk, bila kita masuk, tiba-tiba dah syok punya buang. Macam saya kalau buang Dato', bukan satu (1) gram tapi dua (2) kilo saya ini besar, tiba-tiba air tak ada. Ini maksud saya, jadi apabila kita mewajibkan semua tandas mempunyai air, ini sebenarnya adalah kemudahan untuk orang yang bukan Islam pun tidak menjadi masalah sekiranya diadakan pili air dan sebagainya. Itu maksud saya, janganlah kata bab tandas ini, sakit perut ini, saya rasa Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pun berkongsi pengalaman yang sama. Jadi itu sahaja permintaan saya dan untuk pengetahun Yang Berhormat...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Bertam. Saya rasa isu ini walaupun ramai tak mahu cakap, tapi saya rasa inilah hasrat semua, eloklah Ahli Yang Berhormat Bertam membangkitkan perkara ini, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pun mengangguk, sebenarnya Malaysia menjadi tarikan pelacong seluruh dunia, saya ingat antara *top 10* negara yang disukai atau digemari oleh pelancong-pelancong Muslim. Jadi Ahli Batu Lanchang, sebenarnya Negara Jepun pun sekarang sudah menjadi *very Muslim friendly*. Menyediakan restoran-restoran yang menyediakan makanan halal dan hotel-hotel menyediakan makanan halal serta keperluan-keperluan yang diperlukan oleh orang-orang Islam. Jadi saya minta kalau boleh biarlah semua hotel, restoran di Pulau Pinang ini *Muslim friendly*. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Law Heng Kiang):**

Minta laluan, penjelasan sikit, sikit saja. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih bagi jalan. Memang saya sokong cadangan ini dan makluman semua dalam dua (2), tiga (3) tahun kebelakangan ini hotel di Batu Feringghi *beach* dulu yang pertama orang asing yang datang adalah orang Eropah dan England dan sekarang yang pertama datang ke hotel di Batu Feringghi adalah orang Arab. So jadi kalau dalam pelancongan untuk memupuk negara Arab, semua hotel pergi untuk membuat promosi dan saya rasa di hotel Batu Feringghi saya rasa semua ada paip air. Saya tak tahu yang kecil punya mungkin tidak, so kita memang kalau boleh dalam Kerajaan Tempatan untuk hotel yang baru kita pun cadangkan mesti ada paip air di dalam tandas. Itu saya rasa semua orang suka bukan sahaja orang Muslim.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya nak teruskan.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lima (5) mint lagi, kita nak berhenti.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Baik Dato'. Saya sebenarnya untuk isu ini sahaja, saya berterima kasih kepada EXCO kerana prihatin terhadap perkara ini cuma saya juga ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan apa yang disuarakan oleh Dato' Jahara tadi adalah benar sebab surat khabar *The Star*, *Saturday 14 November 2015*, *The People's Paper*. *Malaysia sealed its reputation .....(dengan izin), as a shopping heaven recently when its capital city (maksudnya Kuala Lumpur) was named the second most popular shopping city in the world for Muslim tourists. Kuala Lumpur took the No.2 spot on the overall list of 40 cities in the MasterCard-Crescent Rating Muslim Travel Shopping Index 2015 (MTSI 2015). Dubai topped the list that also saw Singapore, London and Istanbul among the top five.* Dan juga dimaklumkan di sini bahawa *it was revealed that, last year, Muslim travellers* semua pelancong-pelancong Islam. *They spent a total of US\$62 bilion (RM274.21 bilion) globally* tahunan keseluruhannya dan *US\$36 bilion* ataupun *RM159.22 bilion* untuk *shopping* sahaja dan *and US\$26 bilion (RM114.99 bilion) on dining*. Jadi saya harap...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta sikit sahaja penjelasan. Teirma kasih Bertam. Cakap tentang *dining* YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Saya nak mintak Batu Lancang ambil perhatian ada beberapa hotel dan restoran yang menulis logo “No Pork”. Ini mengelirukan, *no pork* dalam restoran mereka. Maknanya dia tak menghidangkan daging khinzir. Ini mengelirukan orang Islam, banyak orang-orang Arab yang tak faham, mereka ingat ini *Malaysia as Muslim country* bila tulis *no pork* is okey. Jadi sebenarnya *no pork* tidak menyediakan daging khinzir ini tidak semestinya halal. Jadi dengan kerjasama Majlis Agama Islam perlu diberi penerangan kepada restoran-restoran dan hotel-hotel ini bahawa mereka perlu menyediakan makanan halal dan bukan *no pork* ataupun tiada khinzir. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Jadi saya sambung, kalau Kuala Lumpur menjadi *number two (2) in the world* untuk *shopping*, saya berharap Pulau Pinang boleh melakukan sesuatu supaya menarik pelancong-pelancong ini untuk datang ke Pulau Pinang mungkin kerana makanannya yang bagus, mungkin pantai kita yang indah dan untuk itu kita kena adakan prasarana yang sesuai untuk pelancong-pelancong Islam. Dan ini berbalik kepada makanan-makanan yang dimaksudkan oleh YB. Telok Ayer Tawar. Sekadar kita letak *no pork* sebenarnya mengelirukan pelancong-pelancong daripada negara-negara Timur Tengah. Sebagai mana kita sekalipun kalau kita ke luar negara, kadang-kadang kita dimaklumkan, kita pergi ke Eropah, London, Paris dan sebagainya *just look for the word suitable for the vegetarian*. Apabila *suitable for vegetarian* bermaksud makanan tersebut tidak ada elemen binatang tetapi mereka lupa nak memaklumkan bahawa walaupun tidak ada elemen binatang, kita kena *be careful about alcohol* itu sahaja. Sebab itu apa yang kami suarakan di sini adalah untuk kebaikan Negeri Pulau Pinang. Kita nak menarik *investment* yang begitu besar daripada pelancong-pelancong yang beragama Islam yang mempunyai duit berbilion-bilion untuk dibelanjakan di dalam bidang pelancongan. Kuala Lumpur menjadi *heaven* untuk *shopping* apakah Pulau Pinang tidak boleh menjadi *heaven* untuk *dining*? Jadi saya nak sambung malam ini, mohon sambung.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sambung malam ini, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan disambung semula pada jam 7:45 malam.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***



***Dewan bersambung semula pada jam 7.45 malam.***

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli Kawasan Bertam untuk sambung.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Terima kasih saya ucapkan kepada YB. Dato' Speaker di atas masa yang diberikan kepada saya untuk menyambung perbahasan pada petang yang mulia ini. Sekali lagi saya, sebelum menyatakan bahawa Pulau Pinang....(gangguan). Ya, silakan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Ya dalam kepala Yang Berhormat masih ada Bukit Botak, silakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Berkenaan Bukit Botak...(gangguan audio tak jelas).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid BinHaji Saad):**

YB. Seri Delima hansard 2013 Disember 10.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sila baca Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid BinHaji Saad):**

Hansard 2013. "Nyatakan bahawasanya YB. Seri Delima, jadi mungkin saya cadangkan Yang Berhormat kita perlu membuat lawatan dengan pihak, .....(dengan izin), Pihak Majlis Perbandaran untuk memastikan bahawa ini bukannya temberang oleh pemaju tersebut".

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya turut mencadangkan kalau boleh bagi memastikan perkara ini diberi perhatian dan apa-apa salah tanggapan, persepsi yang salah, jika wujud pun, kita dapat menyelesaikannya. Saya cadangkan supaya kita bersama-sama dengan Yang Berhormat

EXCO berkenaan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat daripada kedua-dua pihak membuat lawatan ke tapak berkenaan bersama dengan YB. Batu Uban jikalau bersetuju supaya kita dapat memantau, melihat apa yang berlaku dan dapat memuaskan hati supaya perkara ini dapat diperbahaskan, dibahaskan dan diberi perhatian yang lebih baik lagi pada perbahasan yang akan datang. Apa cadangan Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Seri Delima saya mengucapkan terima kasih kerana masih berpegang pada kata-kata YB. Seri Delima pada tahun 2013, saya merasakan cadangan tersebut, pandangan tersebut sangat bernas. Kita sepatutnya mengadakan lawatan ke tapak tersebut bersama-sama dengan EXCO berkenaan kerana selama ini kita sering menuding jari kepada EXCO untuk memberikan jawapan, tetapi hari ini kita minta direkodkan di dalam Dewan supaya kedua-dua pihak termasuk EXCO, ADUN tempatan sendiri, ADUN Batu Uban untuk kita bersama-sama membuat satu lawatan tapak menyaksikan sendiri kerja-kerja mitigasi yang sedang dan dilaksanakan di atas tapak Bukit Botak sebelum proses mitigasi itu disempurnakan. Saya minta diadakan dalam tempoh yang terdekat.

**Ahli Kawasan Batu uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Dengan izin, saya ada satu lagi cadangan, cadangan masuk dalam PAC, masuk ini isu dalam PAC, *hot issue for more than two (2) years*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa PAC....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid BinHaji Saad):**

Saya bersetuju dengan pandangan YB. Batu Uban.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Saya juga bersetuju, terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya juga bersetuju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya juga bersetuju.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Wah, banyak saksi dan kita akan menang di sini *insya-Allah*. Itu sahaja sorotan, dan saya berbalik kepada permintaan saya supaya Pulau Pinang sekali lagi menyediakan fasiliti-fasiliti di hotel-hotel terutama di tandas-tandas yang mesra pengguna Muslim sebab sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, Kuala Lumpur

menjadi destinasi kedua di dunia untuk pelancong-pelancong yang beragama Islam membeli-belah. Jadi kita kena ambil peluang ini untuk menarik pelancong-pelancong ini datang ke Pulau Pinang dan jadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pertama mereka untuk makan, pantai dan sebagainya, dan untuk pengetahuan semua, bagi pelancong Muslim, pada awal tahun ini, Malaysia,.....(dengan izin), Yang Berhormat, *Malaysia was name as number 1 destination across the globe, across the globe, in the Muslim travel market according to the report.* Jadi saya minta sangat supaya perkara ini diambil pertimbangan yang sewajarnya.

Di bawah menambah baik kemudahan awam, iaitu di bawah para 62, bagi menyediakan kemudahan untuk OKU, kedua-dua Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai diperuntukkan RM0.5 juta dan RM0.15 juta masing-masing. Majlis Bandaraya Pulau Pinang mendapat RM500,000.00 untuk Bajet 2016, manakala Majlis Perbandaran mendapat RM150,000.00. Saya ingin mendapat maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri. Apakah kemudahan-kemudahan untuk OKU seperti yang akan diperuntukkan di dalam bajet tersebut memandangkan jumlah yang diperuntukkan tidak pun sampai RM1 juta? Saya juga ingin mendapatkan pengesahan daripada Kerajaan Negeri sama ada Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menyediakan kursus-kursus bagi membantu rakyat Pulau Pinang yang berstatus OKU untuk mendapat latihan dan seterusnya dibantu untuk mencari pekerjaan yang bersesuaian. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melibatkan OKU-OKU ini dalam Program Latihan Berkembar, Vokasional Jerman di Pusat Pembangunan Kemahiran di Pulau Pinang dan sebagainya. Saya berpendapat, ianya patut memandangkan OKU ini walaupun ada kekurangan mereka juga mempunyai berbagai-bagai kelebihan. YB. Dato' Speaker. Ya, sila.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin menarik Yang Berhormat atas isu ini, berkenaan dengan kekurangan kemudahan-kemudahan seperti tempat untuk berjalan kaki terutama bagi orang-orang kurang upaya yang kurang penglihatan ataupun yang buta. Walaupun di Pulau Pinang sekarang ini disediakan tempat-tempat untuk berbasikal. Kalau kita lihat di George Town, terutamanya di George Town dan juga di luar bandar, kemudahan-kemudahan bagi pengguna-pengguna yang kurang upaya, bukan sahaja yang saya maksudkan berkerusi roda tetapi yang terutamanya yang kurang penglihatan yang seringkali terpaksa dipapah dan dibimbing oleh orang-orang lain. Saya mahu menarik perhatian Yang Berhormat sama ada wajib untuk Pihak Berkuasa Tempatan juga peka terhadap kemudahan-kemudahan ini untuk disediakan di merata-rata tempat. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya garis panduan Majlis Bandaraya Pulau Pinang sekarang bagi penambahbaikan mana-mana siar kaki yang ditambah baik akan merangkumi bukan sahaja aspek-aspek untuk membolehkan pengguna berkerusi roda memasuki siar kaki tersebut daripada mula ke *exit* tetapi juga merangkumi *tect tar* iaitu tar berwarna kuning untuk membantu orang kurang penglihatan untuk mengorientasikan diri. Namun untuk sambung dengan apa yang dikatakan oleh YB. Pulau Betong tadi, untuk memberi orang kurang upaya latihan Vokasional tidak susah sangat, namun yang lebih sukar adalah apabila mereka sudah pun ada kemahiran, nak cari tempat pekerjaan adalah susah kerana banyak bangunan terpaksa diubah suai untuk

membolehkan orang kurang upaya tersebut berasa selamat dan selesa menggunakan bangunan. Jadi cadangan saya, susulan daripada itu adalah agar insentif diberi kepada pihak swasta untuk membuat pengubahsuaian jika perlu kepada bangunan mereka agar lebih mesra kepada semua termasuk orang kurang upaya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Pandangan yang baik daripada YB. Pulau Tikus sebab saya setuju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Pulau Tikus sahaja?

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

YB. Seri Delima, terima kasih YB. Seri Delima, disebabkan kekangan tempat-tempat untuk OKU ini bekerja. Apabila tidak ada fasiliti yang sesuai disediakan di mana-mana bangunan, maka majikan tidak mahu ambil risiko mengambil pekerja-pekerja ini memandangkan mereka berada dalam kerisauan, mereka terpaksa mengeluarkan kos yang besar untuk menyediakan fasiliti-fasiliti untuk golongan OKU.

YB. Dato' Speaker, di bawah tajuk mengupayakan modal insan, saya rujuk para 23, Ucapan Bajet 2016, di mana yang berbunyi “Kerajaan Negeri bercadang untuk membina satu (1) lagi dewan orang ramai yang sekali ganda lebih besar di Ampang Jajar, Butterworth. Dewan yang bertaraf antarabangsa ini boleh menampung 300 buah meja, akan dibina dengan anggaran kos RM60 juta termasuk sebuah kolam renang antarabangsa. Adalah diharapkan pembinaan dewan orang ramai yang terbesar di Seberang Perai ini boleh bermula pada tahun hadapan”. Dan saya juga ingin merujuk kepada paragraf 61, ucapan Bajet, di mana bagi kemudahan awam di Seberang Perai pula Kerajaan Negeri melalui MPSP akan memperuntukkan sejumlah RM5.13 juta bagi tujuan penyediaan kemudahan infrastruktur seperti menaik taraf kompleks makanan pasar awam, tempat permainan dan rekreasi serta penyediaan kemudahan awam yang lain kepada warga Seberang Perai.

Kerajaan Negeri juga akan menyediakan peruntukan kepada PDC iaitu sejumlah RM5.0 juta untuk projek membina kolam renang awam di sebelah Seberang Jaya, jadi saya cuma ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan, setahu saya di Seberang Jaya kita telah pun ada sebuah kolam renang awam dan di dalam bajet ini dikatakan PDC diperuntukkan sebanyak RM5.0 juta untuk dibina sebuah kolam awam juga di Seberang Jaya dan sebuah kolam bertaraf antarabangsa akan dibina di Ampang Jajar. Ampang Jajar dengan Seberang Jaya, satu jarak yang cukup dekat, jadi soalan saya apakah ada keperluan untuk menyediakan begitu banyak kolam renang di Seberang Perai? Itu sahaja soalan saya. Sekiranya tidak ada keperluan, saya mohon supaya perkara ini dikaji semula supaya YB. Balik Pulau minta di bawa balik ke Balik Pulau sebab dia dah lama tidak berenang, minta dikaji semula sebab di Seberang Jaya sudah ada, diperuntukkan lagi RM5.0 juta nak bina satu lagi kolam renang dan di Ampang Jajar nak bina lagi sebuah kolam bertaraf antarabangsa di Ampang Jajar, itu sahaja soalan saya. Ya... (gangguan),

Di Seberang Perai Selatan juga tiada kolam renang, ramai yang minta kolam renang. Jadi saya mohon supaya benda ini dikaji semula dan saya juga ingin merujuk kepada percakapan YB. Machang Bubuk semalam yang merujuk kepada Kerajaan Denmark di dalam menyelesaikan masalah banjir, mereka membina kolam takungan banjir tetapi digunakan sebagai kolam renang, *if im not mistaken*, di Denmark, suatu yang baru kalau *we can kill two bird with one stone* kenapa tidak, mungkin boleh buat di Jawi.

Saya juga hendak sentuh tentang denggi di Pulau Pinang, di mana kes-kes kematian, walaupun berbanding dengan jumlah penduduk kita, nampak kecil, di mana pada tahun 2014 mencatatkan sebanyak 11 kematian, 2015 mencatatkan 13 kematian, ini menunjukkan *trend* yang meningkat bukan menurun. Ini membimbangkan setiap kita memandangkan, saya difahamkan oleh Pejabat Kesihatan dan sebagainya, denggi adalah satu penyakit yang belum diisytiharkan hapus, masih wujud selagi ada nyamuk. Dia bukan macam penyakit-penyakit lain yang boleh diisytiharkan bebas, Malaysia tidak pernah bebas daripada denggi. Memandangkan Malaysia tidak pernah bebas daripada denggi, maka usaha haruslah ditingkatkan untuk memastikan denggi ini dibasmi bukan sahaja setakat kemampuan yang ada tetapi haruslah berterusan.

Oleh yang demikian saya mohon, satu peruntukan daripada Kerajaan Negeri supaya program-program pembasmian denggi dapat dilaksanakan sebab musuh utama kepada nyamuk ini adalah *attitude*, sikap masyarakat. Kalau kita mengamalkan sikap yang bersih, kita mengamalkan sikap yang prihatin, kita adalah musuh kepada nyamuk sebab denggi dia berbeza dengan nyamuk lain, dia mendiami kolam-kolam yang air bersih. Dia tidak bertelur di dalam air yang kotor, YB. Batu Uban boleh sahkan, terima kasih.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang tebatan iaitu masalah banjir kilat di Kampung Datuk dan Lahar Ikan Mati, di dalam kawasan saya. Saya telah bertanya kepada pihak Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah sama ada mereka menerima aduan tentang banjir kilat di Kampung Datuk dan Lahar Ikan Mati. Untuk pengetahuan semua, kejadian banjir kilat yang disebabkan oleh perparitan sering berlaku di kedua-dua kawasan ini dan banyak laporan yang telah dibuat tetapi sampai hari ini belum ada tindakan yang diambil walaupun jawapan yang saya terima menyatakan bahawa Kerajaan Negeri dengan kerjasama JPS telah merancang beberapa projek menaik taraf berkaitan bagi menangani masalah banjir di kawasan tersebut. Memandangkan ini merupakan rungutan dan juga aduan oleh penduduk di kedua-dua kawasan tersebut, saya minta supaya pihak JPS dapat membantu menyegerakan urusan perparitan di kawasan tersebut bagi membolehkan aliran air berjalan dengan lebih elok. Di dalam jawapan ini menyatakan bahawa banjir yang berlaku adalah sekali pada tahun berkenaan, saya rasa ini tidak berapa tepat sebab dimasukkan juga angka jumlah rumah yang terlibat mengikut tahun iaitu tahun 2012, 10 rumah yang terlibat, 2013, 7 rumah, dan 15, 20 dan 15. Jadi maksudnya kejadian ini berlaku berulang-ulang kali.

Jadi kepada semua, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua penjawat-penjawat awam di dalam KADUN Bertam yang telah banyak membantu saya, semua pihak dan agensi-agensi yang terlibat yang memudahkan urusan saya di dalam kawasan dan dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

## **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, YB. Ahli Kawasan Bertam. Sila, YB. Ahli Kawasan Batu Uban.

## **Ahli Kawasan Batu uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

YB. Dato' Speaker. Terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Mesyuarat Kedua Pembukaan Persidangan Penggal ketiga Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ke-13. Dengan ini saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri kerana sekali lagi mencatat pengurusan kewangan yang berhemah dan cekap serta mempertingkatkan jumlah rizab Kerajaan Negeri daripada RM373.59 juta pada akhir tahun 2007 kepada RM880.70 juta pada akhir tahun 2014. Peningkatan sebanyak RM507.16 juta atau 135.75%. Pencapaian urus tadbir baik dan denda terbuka sekali lagi menunjukkan kerajaan yang bersih adalah penting untuk memastikan hasil negeri tidak disia-siakan melalui ketirisan, pembaziran atau rasuah. Dalam keadaan ekonomi dunia yang lembab, kejatuhan nilai mata wang ringgit serta krisis kepimpinan B, Kerajaan Persekutuan telah menjadikan prospek pembangunan ekonomi untuk Pulau Pinang amat mencabar. Tambahan pula, pelaksanaan cukai yang menzalimi rakyat iaitu GST, kos sara hidup rakyat biasa bertambah berat dan menjadi cabaran untuk pekerja miskin.

Saya telah pilih beberapa isu yang saya ingin perengarkan iaitu yang pertama, YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan keselamatan bangunan tinggi ini mustahak. Setahu saya juga, KOMTAR juga masih belum mempunyai keselamatan bangunan yang terjamin. Pada masa kini, bangunan-bangunan pangsapuri pencakar langit tumbuh seperti cendawan selepas hujan di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk di kawasan DUN Batu Uban saya. Keruntuhan sebahagian struktur bangunan di bangunan Menara UMNO, Jalan Macalister, Pulau Pinang pada 13 Jun 2013, pukul 6.30 petang, Bangunan Menara UMNO, 21 tingkat yang mengandungi 2 tingkat ruang perdagangan, 3 tingkat ruang meletak kereta di paras 5, 1 tingkat ruang mesyuarat di paras 6 dan 15 tingkat ruang pejabat sehingga di paras 21, di atas Lot 912, Seksyen 16, DTL, George Town, Pulau Pinang. Bangunan Menara UMNO ini adalah milik Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang mana kini telah dipajak selama 99 tahun kepada Tetuan JKP Sdn. Bhd. Pada 13 Jun 2013, pada jam 6.30 petang, sebahagian struktur bangunan di bahagian atas bangunan UMNO yang beralamat nombor 128, Jalan Macalister, Pulau Pinang telah runtuh dan jatuh ke atas jalan dan mengakibatkan kerosakan harta awam dan kematian. Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan...(gangguan).

## **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat, saya difahamkan dalam susulan persidangan telah pun diberikan laporan khusus tentang ini.

## **Ahli Kawasan Batu uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey. Ini dari *Commissional Enquiry*. Okay next, kepada kejadian jambatan kedua sepanjang 24 kilometer itu yang menghubungkan Pulau Pinang dengan sempadan Malaysia, kini terbentang dengan megah sebagai jambatan terpanjang di Asia Tenggara. Namun disebalik lambang kejayaan kejuruteraan moden ini terdapat bukan sahaja

keringat dan penat lelah bahkan juga titisan air mata dan tragedi Jambatan Kedua Sdn. Bhd. (JKSP) ialah memegang konsesi Jambatan Kedua Pulau Pinang. Projek tersebut dibahagikan kepada pakej yang berlainan dengan beberapa perundingan.

Ini satu lagi tragedi yang boleh dikawal. Insiden keruntuhan span antara 6 hingga 7 ram di Batu Maung, berlaku kira-kira pada 6.50 petang, membentuk sebuah pasukan siasatan sendiri pada 10 Jun 2013 untuk menjalankan audit sendiri dan siasatan mengenai kejadian. Oleh kerana siasatan yang sedang dijalankan oleh Jabatan Keselamatan Pulau Pinang (JKKP) dan akses dan pemilikan pada dokumen penting, perlembagaan mana pun, pembentukan pasukan untuk menangani secara khusus mengenai isu-isu yang secara langsung memberi kesan kepada prestasi JKSP pada masa sekarang diperlukan daripada projek ini. Membuat pemeriksaan kerana bukan kompromi...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Perkara itu pun kalau boleh dipendekkan ....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Batu uban (YB. Dr. T Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey boleh. Bagi memastikan keselamatan bangunan dan pengguna sistem keselamatan dan peralatan perlu selari dengan standard keperluan dan mempunyai pelaksanaan serta pemantauan yang baik. Walaupun bangunan-bangunan pencakar langit ini dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan, jaminan keselamatan kepada penghuni bangunan masih belum boleh kompromi. Keselamatan yang perlu diambil kira dalam bangunan-bangunan ini adalah penyelenggaraan dan kerja pemeriksaan dari semasa ke semasa, peralatan keselamatan, reka bentuk dan struktur bangunan serta lif-lif bagi setiap bangunan-bangunan tinggi.

Soal ini saya bangkitkan kerana melalui tinjauan secara rambang yang telah dilakukan di kawasan KADUN saya, juga dengan melalui program-program yang saya hadiri mendapati bahawa ada pangsapuri yang tidak mempunyai tempat parkir yang sesuai bagi meletakkan kenderaan di mana berlaku halangan kepada agensi-agensi kecemasan seperti Bomba, Ambulans dan Polis untuk memasuki kawasan tersebut. Disiplin dan kerjasama daripada penduduk-penduduk juga amat mengecewakan, terdapat juga sesetengah pangsapuri yang langsung tidak mempunyai alat pemadam api di setiap tingkat. Keadaan lebih teruk apabila kita membuat pemeriksaan terhadap *rubber host* yang amat penting jika ketika berlaku kebakaran telah rosak atau dicuri akibat vandalisme. Tahap kesedaran sivik yang rendah dalam kemalangan penghuni telah menyaksikan perabot buruk dibiarkan di koridor-koridor yang boleh menghalang ganggu Bomba menjalankan tugas ketika berlakunya kebakaran.

Apakah mekanisme yang boleh kita lakukan untuk menangani masalah tersebut? Pada kebiasaannya perbadanan pengurusan skadar memberikan notis tetapi cara ini tidak berkesan memandangkan masyarakat penghuni rata-rata bersikap cuci tangan atau lepas tangan. Keadaan dan suasana yang tidak memberangsangkan ini telah menyebabkan penghuni tidak sudi membayar yuran penyelenggaraan atau *maintenance fee* sehingga mengakibatkan keadaan, ....(dengan izin), *from bad to worst*. Satu flat PDC yang ditubuh oleh PDC yang sekarang ini hantar ke TNB, kita dipanggil untuk mendengar masalah sumbat septik tank sampai penghuni-penghuni di sana mempunyai masalah yang besar. Apabila kita pergi buat siasatan, kita nampak dekat 10 tahun najis dengan

semua-semua barang dekat 10 tahun tidak diambil keluar. Fahaman penghuni di sana, fahaman penghuni ini bermakna, ini bukan *close system*, dia ingat ini *open system*, ini semua najis mesti keluar ke laut tetapi apabila ada masalah kita kena gunakan peruntukan. Saya kena gunakan peruntukan untuk mengelakkan masalah ini.

Lagi satu, tempat pangsapuri macam itu juga, apabila kita tanya JMB, JMB masalah dia ini *maintenance fees are not paid, ....*(dengan izin), *are not paid and there for we cannot provide the services cycle*. Ini, *this is sevices cycle*, ini satu *services cycle*. Orang yang bayar *maintenance fee*, masalah dia apabila dia nampak *sevices* tidak berapa, penyelenggaraan tidak berapa, *services* tidak berapa bagus, dia pun tidak hendak bayar. *So it become ....*(dengan izin) *it become a big headadce and then is time we force to going and do a clean up, which is not our job*. Walaupun ada skim dari YB. Datok Keramat, untuk menubuhkan satu organisasi ataupun satu mekanisma di mana ia adalah satu pendekatan tetapi, ia bukanlah penyelesaian kepada masalah, bukannya cara-cara konsep dan pendekatan.

Selain itu pihak Perbadanan Pengurusan diwajibkan untuk memastikan tahap aspek keselamatan di kawasan selia mereka sentiasa berada dalam keadaan yang sempurna. Pihak Perbadanan Pesuruhjaya Bangunan MBPP dan pegawai daripada Jabatan Bomba menjalankan pemeriksaan secara mengejut tanpa notis atau beri amaran kepada pihak perbandaran pengurusan serta penduduk-penduduk di setiap pangsapuri secara berkala bagi memastikan ciri-ciri keselamatan seperti pemadam api masih dapat berfungsi atau sebaliknya. Adakah setiap tingkat di pangsapuri perlu dilengkapi dengan alat keselamatan. Ini memang mustahak, kenapa, selepas kejadian *there is no escaping*, lepas kejadian, *there's no escaping, damage to property and damage to life....* (gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit penjelasan. (Gangguan sistem audio). Adakah cara dari semasa ke semasa perlu memantau bukan saja pengurusan penyelenggaraan bangunan ini dan juga untuk pegawai-pegawai daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk memantau dan memastikan bahawa mereka mempunyai kepakaran kerana kalau kita lihat pembinaan yang terlibat di Jalan Yap Chor Ee melibatkan pangsapuri iaitu lebih kurang 23 tingkat, lebih kurang 20 tingkat dibina dengan begitu cepat sekali. Jadi kita risau jangan, kita juga telah maklum tentang kejadian di Highland Towers. Jadi saya ingin menjemput pendapat Yang Berhormat dan juga membuat rumusan sama ada kita perlu tiap-tiap pembinaan yang berlaku itu diberi perhatian kerana kita tidak boleh sehingga sesuatu berlaku dan selepas itu mengambil langkah-langkah untuk berjaga-jaga. Sewajarnya perkara ini harus diberi perhatian pada masa sekarang, dengan izin. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Pihak Perbadanan Pengurusan perlu memantau tahap keselamatan dan kebolehgunaan lif terutama sekali di rumah pangsa yang mencecah usia lebih 20 tahun. Kos untuk menaik taraf lif cukup membebankan pihak perbadanan pengurusan dan penghuni. Jadi berapa banyakkah peruntukan Kerajaan Negeri untuk membantu penghuni menanggung kos pembaikan lif?



Yuran dan perkhidmatan penyelenggaraan bangunan pangsapuri di Pulau Pinang. Setiap rumah flat tidak kira yang berkos rendah, mahupun yang berkos sederhana rendah. Maaf ada masalah dengan bibir, *excuse me*. Adalah aktiviti-aktiviti utama di kebanyakan negara penyelenggaraan boleh ditakrifkan sebagai sesuatu kerja yang perlu dilakukan untuk memelihara atau memulihkan kerosakan dan kekurangan setiap bahagian bangunan kepada piawaian (*standard*) yang boleh diterima. Penyelenggaraan bangunan seharusnya diberi tumpuan yang serius sebelum pihak pemaju menyerahkan kunci kepada penghuni. Tujuan utama penyelenggaraan bangunan adalah untuk mengekalkan sesebuah bangunan dalam keadaan efektif sejak mula supaya para penghuni mendapat pulangan yang tinggi daripada pelaburan pembinaan yang telah dikeluarkan dan juga bangunan mereka kelihatan indah, tahan lama serta menyediakan persekitaran dalaman yang tenteram dan efisien.

Dalam masyarakat Pulau Pinang, budaya penyelenggaraan masih lagi pada peringkat yang sangat rendah. Keadaan sebegini mencerminkan bahawa rakyat Pulau Pinang hanya mampu membina sesebuah bangunan atau infrastruktur tetapi tidak mempunyai kesedaran terhadap penyelenggaraan bangunan atau infrastruktur tersebut. Mengenai pembayaran yuran pengurusan, Perbadanan Pengurusan (*Property Management*) mendakwa bahawa mereka tidak dapat menyediakan perkhidmatan pengurusan yang baik jika peminjam enggan membayar tunggakan disebabkan oleh kekurangan dana pengurusan.

Selain menjadi tidak puas hati dengan Perkhidmatan Pengurusan yang disediakan, penduduk merasakan bahawa isu peminjam adalah disebabkan oleh kekurangan profesionalisme dalam pengurusan hartanah. Kebanyakan Perbadanan Pengurusan (*Property Management*) sama ada berdaftar atau tidak, hanya bertindak ke atas masalah apabila terdapat aduan daripada penduduk. Mereka tidak mempunyai rancangan untuk meningkatkan taraf kualiti hidup yang lebih bagi penduduk-penduduk untuk meningkatkan nilai hartanah di bawah pengurusan mereka. Oleh itu, tidak hairanlah jika aktiviti seperti kempen kebakaran dan keselamatan tidak diadakan di kompleks kediaman bangunan tinggi walaupun kempen tersebut adalah sangat memberi manfaat kepada semua penduduk-penduduk.

Peratusan tunggakan yuran penyelenggaraan di kompleks kediaman bangunan tinggi seolah-olah menjadi semakin meningkat dan dalam beberapa kes, sebagai contoh di Pulau Pinang, ia melebihi jumlah 60% yang tinggi seperti tunggakan adalah membimbangkan kerana ia memberi kesan kepada kualiti perkhidmatan pengurusan yang disediakan. Oleh Pengurusan Pengurusan disediakan oleh Perbadanan Pengurusan. Kebanyakan Perbadanan Pengurusan seolah-olah menjadi prihatin untuk mendapatkan kembali tunggakan tersebut. Mereka cenderung untuk mengambil jalan pintas dengan hanya mengeluarkan surat amaran kepada peminjam atau dengan menyiarkan senarai nama-nama peminjam pada papan notis.

Jika pendekatan ini gagal, pihak pengurusan biasanya tidak mengambil sebarang tindakan lanjut walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang membolehkan Perbadanan Pengurusan untuk mengenakan tindakan undang-undang ke atas peminjam. Seksyen 53(2) dalam Akta 1985 membolehkan Perbadanan Pengurusan untuk menfailkan saman terhadap peminjam dan mendapatkan semula jumlah wang yang tertunggak. Sebaliknya, cara yang paling mudah untuk pihak Perbadanan Pengurusan adalah dengan menggunakan .....(dengan izin), *sinking fund* untuk menampung

perbelanjaan pihak pengurusan tanpa mendapat persetujuan daripada penduduk-penduduk. Ini adalah salah satu sebab mengapa *sinking fund* sering berkurangan tanpa pengetahuan penduduk-penduduk. Penduduk-penduduk ini tidak dimaklumkan tentang penggunaan *sinking fund* mereka dan mereka tidak mengetahui apa-apa tindakan kerana terdapat kekurangan, ketelusan dalam pihak pengurusan. Bagaimanapun terdapat beberapa pihak Perbadanan Pengurusan yang mengambil beberapa langkah tambahan terhadap pihak peminjam untuk mendapatkan kembali....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Batu Uban, apa isu lagi yang ada?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Tiga (3) empat (4)

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tiga (3), empat (4) isu. Ini dari tadi semua JMB juga belum habis.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey, *find the shortest*. Sebaik pengurus harta perlu telus dan bertanggungjawab daripada tindakan mereka sendiri terutamanya sebelum pengeluaran hak milik strata.

Dato' Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah mengenai .....(dengan izin), *the hazardous emergency response plan* atau pelan tindakan kecemasan. Ini yang mustahak apabila ada kebakaran atau apa-apa situasi, *hazardous situation* yang mustahak. Ini tindakan kena dikuat kuasa dan JMB *must be* .....(dengan izin), *familiarize with this emergency respond plan*. Kenapa *emergency respond plan* mustahak? Kalau ada kebakaran, pelan ini boleh *insure* .....(dengan izin), *were insure proper evaluation, proper evaluation of people*. Kajian saya walaupun kajian yang tak berapa, *it just small* kajian saya nampak tak ada di seluruh tempat selepas saya dikaji, saya tak nampak *evaluation plan, emergency respond plan high rise building*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*No, no*, belum, *I finish with that and move to next one. Pressure from the Speaker....*(ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tarik balik.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Isu yang seterusnya adalah mengenai rokok elektronik atau *vape* semakin popular di kalangan perokok-perokok di Malaysia. Rokok elektronik adalah nama panggilan kepada alat yang membekalkan *Dos Nikotin* yang boleh diubah serta dipilih oleh pengguna *vape* dalam bentuk wap dengan memanaskan cecair campuran yang menggunakan bahan kimia *propylene glycol*, *glycerol*, perasa makanan dan nikotin menjadikan berbentuk wap dan disedut oleh pengguna. Alat ini memberikan perokok yang ingin membuang tabiat merokok tetapi masih lagi mendapatkan *Dos Nikotin* dan juga masih lagi menikmati aktiviti merokok kerana wap yang dikeluarkan adalah kelihatan seumpama asap rokok. Terdapat beberapa nama panggilan...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban. Saya nak bagi peringatan, tolong semak siapa punya telefon bimbit yang selalu ganggu saya. Tolong matikan bunyi ataupun *silence mood*. Sila YB. Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Kelihatan seumpama asap rokok. Terdapat beberapa nama panggilan untuk rokok elektronik ini termasuklah e-rokok, *vapor* dan *e-cigarettes*. Okey, namun oleh kerana panggilan rokok elektronik masih menggunakan perkataan rokok, ianya masih lagi memberikan stigma kepada masyarakat yang tidak arif mengenainya. Panggilan *vapor* yang bermaksud wap adalah lebih mudah diterima oleh masyarakat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan. *Scientific vape* ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*I coming to that.* Rokok elektronik pertama sekali diperkenalkan oleh Herbert A. Gilbert pada tahun 1963, namun tidak dikomersialkan dan kemudian senyap pada tahun 1967. Rokok elektronik yang pertama yang digunakan pada masa kini berasal dari ciptaan Ahli Farmasi dari Negara China, Hon Lik pada tahun 2003, yang mengewapkan nikotin yang dilarutkan dalam cecair *Polypropylene Glycerol*. Wap ini sebagai agen pembawa nikotin yang disedut ke dalam paru-paru dan kemudiannya masuk dalam aliran darah. Ini adalah pandangan doktor *simulation* dan bukan doktor simulation di seluruh dunia. Keputusan mereka adalah berpandu kepada hasil kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Jurnal-jurnal Perubatan Dunia berautoriti lain yang begitu banyak membangkitkan isu *vape* dan penagihan nikotin. Penyalahgunaan alat *vape* untuk menghisap dadah tanpa dikesan serta kesan jangka panjang *vape* yang mengandungi *formaldehyde* yang dikategori merupakan agen *carcinogenic*, *the formaldehyde that is found in this vape is carcinogenic and therefore, it is right as on the part of the pharmaceutical board to say that it is chemical and it is* bahan yang bahaya. *So, the question doesn't the raise no such things as it being said because* selain dari nikotin, *you* ada bahan kimia yang *is carcinogenic*. *So the issue is no authority can ever say.*

Gejala *vape* ini juga menambahkan lagi jumlah penagihan nikotin dan malah membudayakan perbuatan ini sebagai aspirasi anak muda hingga kanak-kanak dan wanita muda juga menggunakannya. Apakah yang sedang kita cuba lakukan? Gejala *vape* ini patut disekat pada peringkat awal ini sebelum terlambat. Nikotin adalah merupakan antara dadah yang termaktub di bawah Akta Racun. Membenarkan penggunaan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingin tanya....(gangguan audio).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ini memang ada masalah, memang betul. Ini adalah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Saya fikir bukan sahaja dari segi kimia, mungkin satu *anger* bahawa dia akan memberikan ramai orang satu *addiction* yang tak disedari. Semakin ramai yang akan terjatuh dalam perangkap ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, saya ingin buat satu aduan....(gangguan audio). Bila saya berbahas tadi semua wartawan tak dengar apa yang saya bahaskan. Saya risau esok tak akan dapat liputan dalam surat khabar The Star, New Straits Times. Jadi ini saya ingin buat aduan dan saya juga risau kerana dari semasa ke semasa ada di sebelah kiri sebelah kanan tiba-tiba, ya, jadi kita pun....(gangguan), bukan sabotaj, tetapi *mic* di sebelah sana semua okey berfungsi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey terima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta pihak teknikal supaya...(gangguan), ini langsung tak ada bunyi (ketuk mic)....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang di-Pertua, kerana saya pun maklum balas tadi bahawa perbahasan saya terlalu kuat dan mengganggu pendengaran mereka yang di luar. Jadi, tapi saya tak tahu, tapi dari dalam sini saya tak tahu kekuatan di sana. Jadi saya rasa mungkin perlu seorang untuk menyelaraskan bunyi mengikut pengucapan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Dato' Speaker, saya memang tak puas hati. Saya minta, *mic* ini tak berfungsi langsung. Jadi saya minta kalau boleh diberi peluang esok untuk berbahas sekali lagi.

Saya juga lihat draf verbatim memang dicatitkan audio tak boleh dengar banyak kali. Tak boleh dengar. Boleh Dato' Speaker benarkan saya berbahas esok sekali lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban, sambung dengan rokoklah, vape.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta sahkan bahawa tabiat *vape* ini akan menyebabkan...(gangguan audio).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kerana itulah saya, kerana itu sila Batu Uban jawab.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*More evidence are sent it to you.* Justeru itu....(gangguan), boleh.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya nak tanya dari segi *chemical*, vape ini dia macam-macam *chemical*. Apakah persamaannya dengan rokok? Apa beza dia dengan *chemical* rokok? Sebab rokok pun ada 1,000 lebih *chemical* yang ada dalam itukan? *Percentage* persamaan dari segi *chemical*?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ya, betul di jawab oleh 7,000 lebih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Haedan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang mudarat itu apa?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Itu nikotin. Lagi satu *formaldehyde*. Bahan toksik *formaldehyde*.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Panjang lagi.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Habis...(ketawa). *Just like*, macam kita di seluruh George Town Heritage Building, *so no vaping in this heritage as a start subsequently ban vape through all the whole of Penang, and cigarette too.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Satu lagi Yang Berhormat, sikit sahaja. Adakah Yang Berhormat bersetuju... (gangguan audio). Tapi tak berbunyi juga. Adakah Yang Berhormat setuju salah satu kaedah itu menahan pemuda-pemuda kita untuk menyekat dengan tabiat ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Atas paket rokok *doesn't deter smokers*, tak kesan. *So I think this also* memang tak kesan. *There must be regularity and enforcement issues related to. I don't think it's going to work with just sensitizing the people.* Isu yang seterusnya adalah mengenai ... (gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

*For vape* habis. Lagi dua (2), tiga (3) isu. Isu yang seterusnya adalah mengenai TPPA atau Trans-Pacific Partnership Agreement. Dalam usaha untuk meninggalkan legasi, Presiden Amerika Syarikat, Barrack Obama telah menubuhkan suatu perjanjian yang dikenali sebagai TPPA atau Trans-Pacific Partnership Agreement. Pagi ini, Presiden Filipina dalam media BBC, dia rujukan untuk Filipina termasuk dalam TPPA kerana ini satu *exclusive* bukan *inclusive agreement*. *So* bermakna *it is exclusive to all those who are signify*. Siapa yang *signatory*? Perjanjian perkongsian Trans-Pasifik adalah perjanjian *multilateral* terikat yang sedang dalam perundingan oleh 12 buah negara anggota iaitu Jepun, Australia, Peru, Malaysia, Vietnam, New Zealand, Chile, Singapura, Kanada, Mexico, Brunei dan diterajui oleh Amerika Syarikat. Perjanjian ini berkait dengan liberalisasi pasaran secara terbuka tanpa sempadan di kalangan negara-negara anggota sesuai dengan konsep globalisasi. TPPA menjadi perbualan hangat bukan sahaja di Malaysia bahkan dalam kalangan rakyat negara-negara anggota yang lain dan terdedah kepada berbagai spekulasi kerana segala rundingan di antara pemimpin-pemimpin negara anggota dibuat secara tertutup. Walaupun dalam tiga (3), empat (4) hari dulu ada keluarkan draf, Malaysia ada keluarkan draf itu, draf itu bukan senang di fahami.

Di New Zealand misalnya, rakyat mereka meluahkan segala kebimbangan dan ketidakpuasan hati mereka kepada kerajaan melalui laman web. Laman web tersebut juga menyatakan wujud kebocoran draf rundingan TPPA yang menyentuh hal ehwal sistem perubatan negara mereka. Mereka membuat kesimpulan dari draf tersebut seperti berikut:

- (i) Badan Pengurusan di pihak kerajaan, Pharmacy di New Zealand yang bertanggungjawab menguruskan pembekalan ubat-ubatan tidak boleh lagi mendapat diskaun melalui pembelian secara pukal.
- (ii) Badan Pengurusan tersebut juga mesti memberi tunjuk sebab secara terperinci kepada semua syarikat pembekal setiap perlantikan tawaran untuk pembekalan ubat-ubatan. Setiap syarikat pembekal mempunyai hak

untuk mencabar keputusan badan pengurusan tersebut dalam setiap tawaran pembekalan ubat.

- (iii) Badan Pengurusan yang terlibat mesti mengisytiharkan jabatan-jabatan dan nama kakitangan-kakitangan yang menjadi pembuat keputusan dalam proses penawaran ubat-ubatan. Jika kenyataan ini benar, sudah tentu Malaysia juga tidak terkecuali demi keadilan global pada setiap negara anggota.

Dibimbangi pihak kementerian di Negara kita yang terlibat dengan tender pembekalan ubat dan peralatan perubatan akan menerima tekanan yang besar untuk memuktamadkan sebarang keputusan. Syarikat-syarikat *pharmaceutical* gergasi dari negara-negara TPPA yang sudah tentu berorientasikan keuntungan akan cuba bersaing sesama mereka untuk menembus masuk dan mendominasi setiap keputusan kerajaan. Tidak menjadi kejutan jika ada yang sanggup mengheret Kerajaan Malaysia itu sendiri ke pengadilan antarabangsa sekiranya tidak berpuas hati. Perkara ini tidak mustahil kerana ada syarikat-syarikat *pharmaceutical* gergasi ini berkemampuan besar dari segi kewangan dan pengaruh di peringkat antarabangsa.

Apabila ada beberapa kes berlainan dicabar ke pengadilan antarabangsa, sudah tentu menelan perbelanjaan yang besar sama ada menang atau kalah bagi menanggung kos percabaran. Sampai bilakah kerajaan mampu bertahan dengan permainan seperti itu? Jika kerajaan akur dengan telunjuk mereka, maka kos penjagaan kesihatan akan melambung tinggi dan subsidi ataupun perkhidmatan percuma hanya tinggal kenangan. Pembekal-pembekal barangan perubatan tempatan mungkin banyak yang terkubur begitu sahaja.

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit laluan. Saya ingat lagi tentang AFTA tahun lalu janji di buat Kerajaan Persekutuan bahawa selepas menandatangani perjanjian tersebut harga kenderaan-kenderaan seperti BMW, Mercedes, Volvo, kenderaan-kenderaan import akan kurang dan ini akan membenarkan rakyat Malaysia mampu memiliki kenderaan-kenderaan ini yang sekarang hanya mampu dimiliki oleh golongan tertentu tetapi selepas lebih kurang lima (5), enam (6) tahun kita menandatangani perjanjian tersebut kita lihat bahawa tidak ada sebarang perubahan dalam harga kenderaan ini. Jadi saya risau bahawa apa-apa persepsi atau janji kosong yang di buat oleh menteri-menteri berkenaan dengan AFTA juga akan melibatkan masalah yang sama malahan akan menyebabkan masalah perubatan ataupun bekalan-bekalan perubatan ini makin meningkat harganya dan AFTA adalah satu kesimpulan yang begitu baik di mana janji yang di buat untuk beri alasan kita memasuki perjanjian tersebut pada akhirnya tidak dikotakan malahan kenderaan-kenderaan import sekarang jauh lebih tinggi harga berbanding dengan kenderaan-kenderaan yang diperbuat dalam negeri. Terima kasih. Ini pandangan saya.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Dalam perjanjian *World Trade Of Organization* di *chapter* dua (2) ada satu kecualian berkenaan dengan *public health sensitivity*. Dalam itu ubat-ubat *generic* dengan alat-alat *generic are not included in the agreement because of public health sensitivity but* dalam TPPA ini tidak ada *you don't have to short of complicated sensitivity issued. That's why exclusive its main for the rate pharmacy.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit saja Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri isu ini. Di sini kita lihat tentang keadaan di Pulau Pinang lebih unik sebab hospital-hospital swasta kita lihat sudah pun penuh dengan warga negara asing. Terutamanya daripada negara jiran yang datang selalu seperti Lam Wah Ee, Adventist, Gleneagles semua hospital-hospital ini pada hari minggu banyak sangat dikunjungi oleh orang-orang daripada Indonesia. Sebab itu kita lihat mereka dapat juga bayar dan kadang kala kita lihat mereka dapat bayar dengan wang tunai. Mereka datang pada hari minggu untuk mendapatkan rawatan dan ini menyumbang juga kepada kecenderungan hospital-hospital memberi rawatan dan tumpuan, layanan yang lebih baik kepada warganegara asing. TPPA ketika ini akan secara langsung memberi kesan sebab itu orang-orang di Pulau Pinang tidak ada pilihan lain di mana mereka terpaksa pergi ke hospital kerajaan, bukan kata rawatan di hospital Kerajaan itu kurang memuaskan, kurang menyakinkan, tetapi saya berpendapat bahawa TPPA ini akan beri satu impak yang begitu negatif kepada industri ini di mana rakyat di Pulau Pinang akan di paksa untuk menerima rawatan-rawatan daripada klinik dan hospital. Itu adalah pandangan saya. Saya minta pandangan Yang Berhormat atas perkara ini juga. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban saya setuju TPPA itu ada implikasi yang jauh yang besar, tapi isu di sini dalam skop perbahasan Parlimen, Kementerian masih dalam rundingan kalau boleh respon pada Seri Delima dan juga tolong pendekkan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Saya cadangkan penggal depan kita cadangkan Seri Delima pergi Parlimen. Isu ini di bawa oleh Parlimen. Itu cadangan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Ini bukan masalah di Parlimen saja, keadaan di Pulau Pinang, di Hospital Pulau Pinang masalah ubat-ubatan, *it is universal problem* ini ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Ya.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Terima kasih. TPPA, saya juga bangkit dalam Dewan ini. TPPA bukan saja melibatkan ubatan juga ada beberapa bidang *patern* harta intelek atau penyelesaian pertikaian antara pelabur dan negara, alam sekitar, hak pekerja dan pertanian dan juga kemungkinan akan di dakwa di mahkamah USA.



**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Ini alat-alat yang digunakan tadi ada *mammogram* you tahu ini alat untuk *pattern protected* kalau alat baru masuk dalam *you* kena guna alat baru *you* tidak boleh pilih *because* alat AES *also febrile* kosnya sekarang ini antara RM9,000 ke RM12,000, lepas *pattern* dah over alat baru *you cannot afford to buy this* alat baru *which is the requirement for health. To do in Penang.*

Ubat *generic* yang kita sebut adalah 60% lebih murah kerana fasanya terbuka kepada persaingan dan tidak lagi dimonopoli oleh syarikat asal yang *paternkan* itu. Ini masalah lepas TPPA. *Patern regime will be extended*, dapat 25 tahun bermakna *generic* tidak boleh dikeluarkan oleh syarikat di sini. *You cannot bring out there I mean again there industries main land to big generic manufactures, Penang the one big generic manufacture, so how can it be safe that better we debate in Parliament. Its complicated.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban, saya dengar dengan begitu fokus, tapi sehingga sekarang saya tidak tahu apa cadangan soalan yang hendak tuju kepada EXCO.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Fahaman saya Kerajaan Pulau Pinang belum ambil *position on* TPPA. Saya minta Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng minta dia cakap *we have to support* TPPA *because of industry in Penang. So* cadangan saya Kerajaan Pulau Pinang *must be one voice opposes* TPPA. Itu cadangan saya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang Berhormat, kaedah lain TPPA juga ada kebaikannya sebab punya barangan kita punya produk juga boleh masuk ke negara maju *so ada pro and con.* Kita ingat ini peringkat *study* lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Telok Bahang, Batu Uban bahas sampai mana pun untuk terima untuk tandatangani TPPA bukan dalam bidang kuasa Negeri juga, tetapi seboleh-bolehnya kalau ada pandangan yang hendak meminta Kerajaan Negeri untuk dengar ataupun untuk tanya apa-apa daripada Kerajaan Negeri itu saya benarkan yang lain saya rasa... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya malam baru hendak aktif tadi saya diam saja. Bagi *chance.* Saya tahu 2%, dok kata TPPA ini ada *advantage* juga.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya bagi tadi Telok Bahang tadi Telok Bahang cadang supaya Batu Uban pergi ke Parlimen, nanti saya cadang Telok Bahang esok pun tanding Parlimen.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Amin, amin.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah. Batu Uban habis. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A.Thambyappa):**

Lagi sikit saja. Mengenai isu ketiga lepas TPPA ialah isu berkenaan laporan. Ini laporan pun *only the draft of what we are support instrument, we are suppose to investigate that what draft, the things is why it is submitted for our improvement*, mana ada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Batu Uban. Saya bersetuju sebab kita berjumpa selama dua (2) atau tiga (3) kali tentang laporan ini. Selepas perbincangan, tidak dirujuk semula. Jawatankuasa berbincang tentang keputusan laporan tidak sepatutnya pengerusi di hantar untuk membentangi di dalam Dewan ini. Saya minta supaya tarik balik. Ada banyak perkara *address* dalam itu dan kita akan berbincang lagi memperhalusi dalam laporan itu. Minta Dewan menarik balik laporan yang telah pun dibuat tanpa persetujuan jawatankuasa di sini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya sebagai Ahli Jawatankuasa PAC juga ingin mengatakan yang laporan ini hanya sebuah laporan yang ditulis bagi pihak Kerajaan bukan dari pihak PAC. Dalam mesyuarat PAC kami telah menyoal berkenaan dengan 350 juta kos *feasibility study* dan laporan *feasibility study* dan juga menanyakan seterusnya kos RM6.8 bilion projek ini, tapi kalau kita tengok dalam laporan ini, ini hanya seperti satu nota *summary* tidak langsung memberi laporan apakah yang dinyatakan oleh jawatankuasa itu sendiri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terima apa yang telah pun dikemukakan oleh Penanti, Pulau Betong dan tambahan pula dengan Batu Uban. Bagi saya walaupun saya anggap ia telah pun selesai di peringkat jawatankuasa PAC sebelum ia di hantar, tetapi mendengar daripada ahli-ahli yang juga dalam Jawatankuasa PAC yang menyatakan ada pandangan yang berbeza, saya rasa selepas saya baca laporan yang telah dikemukakan itu, saya juga rasa laporan ini seelok-eloknya dibentangi dalam mesyuarat yang akan datang supaya ia tidak menimbulkan kekeliruan. Tambahan Ahli-ahli Berhormat yang dalam jawatankuasa, so saya minta PAC Jawatankuasa Kira-kira supaya membentangi satu (1) laporan yang lebih sempurna dan lebih teratur dan selepas satu (1) ataupun mesyuarat yang nanti anda akan bersidang supaya tidak timbul kekeliruan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Saya minta tarik balik. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Untuk ditarik balik saya rasa pun tidak perlu. Satu telah pun pertanyaan ini dibentang dalam urusan mesyuarat seawal hari yang pertama. Yang kedua mengikut peraturan mesyuarat pun cuma dinyatakan dalam Peraturan 109A (7) Jawatankuasa itu bermaksudnya Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan ini hendaklah membuat laporan dari suatu masa ke suatu masa dan membentangkan di atas meja sebagai laporan untuk Dewan, tapi memandangkan ada pandangan yang berbeza, elok PAC untuk menyempurnakan satu (1) laporan yang lebih sesuai untuk di terima oleh Dewan nanti, so itu perintah saya yang saya minta kepada PAC.

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan. Adakah baik kalau laporan ini juga ada pengesahan selepas bentangkan, dalam ini tidak ada pengesahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya rasa untuk bab ini Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Jawatankuasa PAC nanti bermesyuarat sekali lagi dalam jawatankuasa anda menentukan, tidak perlu lagi bincang dalam Dewan ini memandangkan laporan ini diterima sebagai laporan awam setakat itu dan anda mempunyai masa lagi untuk bermesyuarat dalam Jawatankuasa PAC nanti bincang dalam jawatankuasa pilihan itu.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri agar untuk perelaskan kepada Setiausaha sekiranya tiada apa-apa yang tidak jelas. Sebenarnya semasa mesyuarat kami telah membangkitkan soalan-soalan tertentu dan tengah menunggu jawapan dan saya berharap bahawa Setiausaha itu akan memastikan jawapan itu ada dan memanggil mesyuarat.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya minta penjelasan sikit, berbanding kepada isu yang YB. Pulau Tikus baru bangkitkan, maksudnya di dalam PAC walaupun soalan ditanya untuk menjelaskan supaya laporan ini disediakan. Walau bagaimanapun bila tak disediakan....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya faham. Apa-apa laporan yang nak dibentang ke Dewan sepatutnya telah pun dipersetujui dalam jawatankuasa anda masing-masing. Itu fahaman yang semua kena ikut. setakat itu, sila YB. Batu Uban.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya minta maaf atas isu ini, saya minta satu *rolling*. Apakah kalau peruntukan yang dirujuk oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana peruntukan yang terpakai adalah 106 dan saya merujukan Dewan yang mulia ini dengan peruntukan 106, kerana 106 berbunyi seperti berikut:

“Laporan tiap-tiap jawatankuasa pilihan itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusinya ataupun jika beliau tidak hadir laporan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang ahli yang ditugaskan oleh jawatankuasa itu dan juga oleh tiap-tiap ahli jawatankuasa itu yang bersetuju dengan isi kandungan”.

Di sini kita lihat laporan ini telah ditandatangani oleh pengerusinya, jadi saya berpendapat menurut peruntukan 106 laporan ini adalah laporan yang sempurna tidak perlu tandatangan dan telah pun dipersetujui. Jikalau pengerusinya tidak hadir dan telah memberikan mandat itu kepada ahli-ahli jawatankuasa lain untuk menandatangani ia berbeza tapi di sini sepatutnya diterima, itulah pandangan saya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seri Delima, saya faham tetapi keadaan sekarang adalah ahli-ahli dalam jawatankuasa tersebut sendiri yang pertikaikan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Mereka tidak boleh membantah Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri kerana peruntukan adalah begitu jelas...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima. Saya tahu.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Jangan salah anggap maksud saya...(gangguan), Peruntukan 106 sahaja...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya faham, sila duduk, saya faham peraturan yang dikemukakan oleh YB. Seri Delima tetapi untuk saya tidak meminta PAC untuk tarik balik, saya anggap dia sebagai satu laporan yang dibentang kepada Dewan setakat itu, tetapi memandang ada ahli-ahli dalam jawatankuasa mempertikaikan, itu eloklah jawatankuasa itu bermesyuarat sekali lagi dan menyempurnakan satu (1) laporan sendiri yang diterima oleh Ahli-ahli Jawatankuasa itu saja, dalam bab ini saya rasa ini jelas, YB. Batu Uban sila.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dengan ini saya pohon sokong. (ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, sila Ahli-ahli Yang Berhormat sapa yang ingin, YB. Sungai Dua.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia, YB. Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang mulia, Ketua-Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB. Dato' Yang di-Pertua kerana mengizinkan Sungai Dua untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan Negeri 2016 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari Jumaat yang lepas.

Y.A.B. Ketua Menteri sekali lagi yang ke-8 sejak Pakatan Rakyat ataupun sekarang ini Pakatan Harapan mengambil alih kerajaan pada tahun 2008, membentangkan bajet defisit. Tapi yang baiknya di akhir setiap tahun kewangan, bajet defisit akan bertukar menjadi *surplus* ataupun lebihan, maka Y.A.B. Ketua Menteri akan mendabik dada mengatakan bahawa beliau berjaya menguruskan kewangan negeri dengan baik. Ini untuk menunjukkan bahawa pada rakyat Pulau Pinang bahawa pengurusan Kerajaan Negeri hebat dan cekap. Kalau kita lihat dari satu (1) sudut kalau sudah enam (6) kali *surplus* tapi bajet masih defisit, kalau satu (1) atau dua (2) kali kita boleh maafkan, tapi sampai enam (6) kali mungkin tujuh (7) kali tahun ini ada perkara yang tersirat dan ini menunjukkan kelemahan dalam penyediaan bajet.

Saya setuju dengan cadangan YB. Machang Bubuk supaya penyediaan bajet ini boleh kita libatkan. Dengan kaedah-kaedah dengan mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak masyarakat, rakyat profesional supaya pandangan ini diambil kira dalam penyediaan bajet Kerajaan Negeri. Dalam bajet yang dibentangkan disebut faktor kejatuhan nilai ringgit secara teknikal tidak menjadikan Pulau Pinang sebuah ekonomi berpendapatan tinggi tahun ini, sebahagian Ahli Dewan juga telah menyentuh mengenai kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada 1MDB.

Kebanyakan negara kita sedia maklum mengalami masalah ini mengalami kejatuhan nilai mata wang, sesungguhnya kejatuhan nilai ringgit bukan berpunca daripada 1MDB tetapi ianya berpunca daripada banyak lagi perkara-perkara yang lain seperti kejatuhan harga komoditi utama seperti minyak, sawit dan sebagainya juga ada kaitan dengan ekonomi Negara China, yang telah menurunkan nilai mata wang Negari China dan mungkin spekulasi tentang harga minyak dan sebagainya. Ini kita perlu lihat bersama-sama supaya tidak menyebabkan mencari punca kejatuhan nilai ringgit berpunca daripada 1MDB.

YB. Dato' Yang di-Pertua, dalam Parlimen pihak pembangkang membidas dan mempertikaikan Bajet Kerajaan Pusat berkaitan pemberian tunai BR1M dan juga lain-lain. BR1M dikatakan merupakan satu pembaziran dan tidak memberi kesan dan menyelesaikan masalah, rasuah, tapi dalam bajet yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, saya lihat Pulau Pinang masih lagi meneruskan kaedah yang hampir sama pemberian bantuan sumbangan sebanyak RM100.00 dan sebagainya dalam bajet 2014, 2015 dan juga bajet terbaru 2016. Kaedah pemberian kepada warga emas, anak emas dan sebagainya tapi tidak begitu menyeluruh dan juga mempunyai syarat-syarat tertentu seperti pengundi dan sebagainya itu kita perlu lihat semula.

Nilai pelaburan asing FDI disebutkan dalam bajet bagi tahun 2001 hingga 2007 hanya RM2.49 billion, manakala bagi tahun 2008 sehingga 2014 sebanyak RM48.2 billion. Ini dibuat perbandingan tahun 2001 sampai 2007 cuma RM24.9 billion, 2008 hingga 2014 RM48.2 billion untuk menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berjaya menambahkan FDI, menarik pelaburan asing sebanyak sekali ganda, hampir-hampir sekali ganda. Tapi ini merupakan manipulasi angka di sini untuk membentuk persepsi baik dibandingkan dengan kedua-dua tempoh berkenaan. Nilai FDI dalam RM tidak memberikan gambaran nilai sebenar untuk tempoh masa tersebut, nilai perbandingan yang dibuat tanpa mengambil kira kadar tukaran wang untuk tempoh masa tersebut. *Time value of money*, perlu diambil kira untuk perbandingan yang lebih adil dan tepat. Dalam jangka masa 13 tahun sudah semestinya nilai tanah pengurusan, mesin, gaji, barang mentah turut meningkat. Jadi mungkin nilai FDI itu tak sama banyak, nilai itu mungkin lebih tinggi sebab jangka masa yang lebih panjang dengan nilai tanah, kos dan sebagainya mungkin meningkat dalam tempoh berkaitan. Ini tidak menunjukkan satu (1) anggaran ataupun satu persepsi yang tepat dari segi tambahan ataupun peningkatan FDI diperingkat nilai Pulau Pinang.

Dari segi mengukuhkan modal insan dari segi pendidikan, penekanan kepada pendidikan vokasional, kemahiran adalah satu penekanan atau tindakan yang baik. Pihak Kerajaan Pusat juga banyak menyediakan tempat untuk pendidikan kemahiran seperti Kolej Komuniti, Kolej Vokasional, Giat Mara, Perdatech dan sebagainya yang boleh meletakkan hampir 1,500 pelajar pada satu masa. Untuk menunjukkan tenaga kerja mahir yang amat diperlukan oleh industri dan juga kilang-kilang kita perlu lebih banyak mewujudkan Pusat-pusat Latihan Kemahiran. Saya mengharapkan Kerajaan Negeri dapat menambah lagi Pusat-pusat Vokasional dan kemahiran ini untuk tujuan ini dan kita tidak cukup hanya mempunyai dua (2) atau tiga (3) tempat sahaja.

Dalam pelaksanaan pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi sudah tentu terdapat kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang timbul tidak semesti sempurna, jadi diharapkan segala teguran yang kita bangkitkan laporan Ketua Audit Negara perlu diambil tindakan pembaikan sepertimana yang dibangkitkan oleh YB. Pulau Betong terdapat teguran dalam Audit Negara dalam laporan MBPP, Jabatan Perhutanan, PiHH Development Sdn. Bhd. Jadi kita harap dapat diselesaikan dan tidak timbul lagi dalam Laporan Audit.

Dalam memantapkan dari segi halal langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan dan memantapkan industri halal melalui pelaburan dalam Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang amat dihargai. Penekanan pada pensijilan halal semata-mata tanpa melihat punca penghasilan produk halal, sumber halal, peralatan halal, amat penting, pelaksanaan aktiviti melalui PiHH Development Sdn. Bhd. perlu dipandang serius terutamanya dalam projek gelatin halal. Saya rasa masih lagi tertangguh agak sekian lama dan kita harap dapat disegerakan. Mewujudkan projek gelatin halal kerana kita sedia maklum yang halal dalam Negeri yang kita mungkin tidak sampai 20% jadi kita perlu mempertingkatkan projek menghasilkan gelatin halal bagi kegunaan masyarakat di Negeri Pulau Pinang.

Melestarikan pembangunan sektor pertanian. Jadi saya tidak nampak sebarang bentuk cadangan yang berupaya melestarikan sektor pertanian, semua projek yang dicadangkan masih tertumpu pada projek yang sedia ada, projek-projek yang baru kecuali kelulut saya nampak dalam laporan bajet projek madu kelulut yang dicadangkan

untuk dilaksanakan pada tahun hadapan yang lain-lain semua projek lama termasuklah tanaman sayur-sayuran pertanian dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan semoga pihak Kerajaan Negeri memikirkan sama dengan agensi pertanian di bawah Jabatan Pertanian dan mungkin Jabatan Veterinar untuk memikirkan satu bentuk projek pertanian yang lebih canggih, yang lebih moden yang mungkin tidak memerlukan kawasan tanaman tanah yang luas untuk menghasilkan produk pertanian seperti sayur-sayuran dan sebagainya dalam kawasan yang kecil tapi boleh menghasilkan, hasil yang kualiti dan banyak.

Konsep *hectare equivalent* tanpa menggunakan tanah yang luas, tapi kita memberikan projek ini kepada petani-petani atau masyarakat. Satu-satu kampung kita berikan mengikut rumah dan sebagainya. Saya buat di kawasan Sungai Dua kita buat pokok amra kepada petani, melalui Jabatan Pertanian kita berikan kepada 20 orang, satu orang 20 pokok, kita ada 200 pokok dan hasil jualan amra ini, kita buat *agreement* dengan syarikat jeruk Pak Ali untuk dia beli balik hasil. Ini memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk kepada masyarakat dan juga boleh mengurangkan pembelian bahan-bahan itu daripada luar. Projek tukun tiruan yang akan dilaksanakan dan saya harap pelaksanaan yang lepas dibuat dulu, tahun lepas saya bentangkan masih belum dilaksanakan, dibuat Tukun Tiruan di dua (2) kawasan dan kita harap dah dilaksanakan dan ini juga perlu disegerakan pelaksanaan.

Dari segi mengurangkan kadar jenayah dan mengekalkan bandar selamat, aspek keselamatan rakyat boleh dipolitikkan tidak perlu Kerajaan Negeri memaklumkan bahawa BPS mampu mempertingkatkan aspek keselamatan rakyat. Aspek keselamatan bukan hanya satu badan saja dapat menyelesaikan segala masalah, kita perlukan penglibatan dan kerjasama antara semua NGO dan Badan keselamatan dalam sebuah kawasan kampung mahupun taman, dan kita sedia maklum bahawa banyak lagi badan-badan yang terlibat dari segi keselamatan termasuklah KRT, SRS, JPAM, RELA dan sebagainya, yang perlu diselaraskan antara BPS juga badan-badan yang lain perlu diselaraskan dari segi pelaksanaan kerja-kerja keselamatan, kita tak boleh mengharapkan satu badan saja dan kadang-kadang ia akan menimbulkan satu bebanan yang berat kepada satu-satu badan. Kita.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat sikit, saya cuma nak tanya penjelasan maksudnya Yang Berhormat setuju bahawa Badan Peronda Sukarela (BPS) ini harus diwujudkan semula itukah Yang Berhormat cuba sarankan saya cuma nak minta penjelasan.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Seri Delima, saya amat mengalu-alukan supaya aspek keselamatan ini dipertingkatkan dan kita tak kira melalui badan mana yang penting kita sekalian sebab ada banyak badan kita ada KRT, JPAM, RELA dan sebagainya kalau boleh kita selaraskan sama dengan BPS lah di bawah JKPP, di bawah JKPP juga ada, JPAM juga badan keselamatan, di bawah KRT juga ada, kita tak mahu ada unsur politik, dia akan jadi satu pencanggahan dan menimbulkan satu masalah. Kita nak benda berkaitan dengan politik, sosial kita jangan politikkan dan kita laksanakan secara bersepadu supaya isu keselamatan di kawasan taman yang sekarang ini kita nampak memang jadi satu masalah di kampung mahupun taman kes-kes kecurian, kes-kes ragut,

berlaku diwaktu siang, pukul 10.00 pagi berlaku ragut di kampung, penyamaran, macam-macam dia mai menyamar jadi orang TNB, orang Telekom, *time* pukul 10.00 pagi dia tahu, orang lelaki tidak ada di rumah, ini akan berlaku kecurian pada waktu itu. Ini yang berlaku di kampung-kampung semakin bertambah, ragut rantai dan sebagainya ini yang berlaku di kampung-kampung dan semakin bertambah dan itu dari bajet sikit sebanyak.

Dari segi isu-isu yang hendak dibangkitkan. Ini isu pertama ialah tentang isu PBA, isu Ahli Lembaga Pengarah saya sudah sebut celahan saya yang lepas semalam, saya bangkitkan dan saya bangkitkan isu ini saya lihat PBA Holding Sdn. Bhd. pada zaman dahulu zaman Koh Tsu Koon hanya mempunyai lapan (8) Ahli Lembaga Pengarah. Selepas diambil alih pada 2008 masih kekal lapan (8) lepas itu ditambah menjadi 15 ataupun 16 orang Ahli Lembaga Pengarah. Saya tidak nampak dari sini timbul isu dari segi pembelanjaan mungkin bertambah dari segi kecekapan Kerajaan Negeri mungkin kita nampak di situ. Kenapa perlu sampai 15 hingga 16 Ahli Lembaga Pengarah. Sedangkan syarikat-syarikat lebih besar Puncak Niaga sebagainya hanya ada sembilan (9) orang Ahli Lembaga Pengarah berbanding dengan PBA Holding....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Ahli Kawasan Sungai Dua. Boleh saya tahu dalam pengetahuan Ahli Kawasan Sungai Dua berapakah jumlah yang diperuntukkan yang dibayar elaun kepada semua Ahli Lembaga Pengarah yang ramai ini? Adakah ada dalam pengetahuan YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Minta maaf saya tiada maklumat dalam senarai. Mungkin Ahli Kawasan Air Putih boleh jawab. Itu isu PBA, saya minta perlu dikaji semula, dikaji semula dari segi senarai Ahli Lembaga Pengarah yang begitu ramai. Kedua isu pembinaan rumah kos rendah.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit sahaja, walaupun Lembaga Pengarahnya ramai, setuju dengan saya berbanding dengan Syarikat 1MDB Pengarahnya satu (1) atau dua (2) orang sahaja. Tidak ada apa-apa kerugian yang dialami oleh PBA yang mencecah kerugian yang dialami oleh 1MDB. Yang Berhormat setuju atau tidak setuju? Kita buat perbandingan dengan syarikat-syarikat yang diamanahkan kepada Kerajaan Persekutuan dan perbandingannya dengan Kerajaan Negeri. Saya minta pandangan Yang Berhormat terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

1MDB tidak rugi pun. Saya cuma melihat dari segi syarikat yang lebih besar. Bukan 1MDB yang lebih besar seperti Khazanah ataupun Puncak Niaga untungnya lebih besar. Bidang skopnya kalau Khazanah ini lebih luas lebih banyak anak syarikat berbanding dengan PBA, Puncak Niaga lebih kurang sama dengan PBA dia bidang yang sama dari segi pengurusan air dan sebagainya. Satu bidang sahaja. Tapi untungnya Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) untungnya lebih tinggi. Datanya tiada tetapi yang saya tahu maklumat untungnya tinggi daripada PBA Pulau Pinang.



**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Setuju dengan saya juga PBA bahawa kerugian tidak ada sebarang laporan rasuah dibuat terhadap PBA berbanding dengan syarikat seperti MARA di mana baru-baru ini melibatkan skandal melibatkan pembelian hartanah di Australia berjuta-juta ringgit saya minta pandangan Yang Berhormat. Saya boleh tambah lagi Tabung Haji banyak saya boleh tambah. Kalau kita buat perbandinganlah. Kita berbahas mana ada laporan rasuah, ketirisan. Itu saya katakan jangan kita buat perbandingan ini kita harus jelas, telus, ikhlas, setuju dengan saya? Berbanding dengan Syarikat MARA dan sebagainya yang terdapat aduan mengenai pembelian hartanah di luar negara di Australia yang melibatkan berjuta-juta ringgit kerugian yang dialami. Tidak ada apa-apa kejadian sebegitu melibatkan PBA. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua balik ke airlah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tidak jawablah. Isu pembinaan rumah kos rendah atau LMC. Walaupun rintangan dan masalah yang wujud kos tanah, tinggi dan sebagainya. Rumah low cost dan LMC amat perlu dan wajib, amat wajib diberi perhatian. Rakyat akan tanya tak mampu membeli rumah mampu milik yang harganya RM200,000 ke atas. Pendapatan yang kecil bawah RM3,000 tidak membolehkan mereka membeli rumah mampu milik yang mampu mungkin RM100,000 ke bawah apa yang saya nak cadangkan kalau boleh kita cuba fikirkan untuk melaksanakan pembinaan rumah secara skim sewa milik ataupun *rent to own* ....(dengan izin) oleh Kerajaan Negeri atau PDC.

Cuba laksanakan konsep sebegini untuk membolehkan mereka membeli rumah *low cost* ataupun *low medium cost* yang harganya mungkin agak RM100,000 yang mampu untuk beli skim sewa milik ataupun *rent to own*. Kerajaan negeri juga dilihat langsung tidak membina rumah PPR, dulu kerajaan Barisan Nasional ada juga membina rumah PPR rumah Projek Perumahan Rakyat untuk orang miskin. Jadi kalau boleh projek-projek macam ini juga diberi tumpuan dan penekanan kalau boleh dibina rumah PPR yang baru untuk kemudahan masyarakat membeli atau menyewa rumah berkenaan kalau dia tidak mampu beli dengan harga rumah yang mahal kerana rumah-rumah PPR ini boleh meringankan beban dan memberi kemudahan kepada penduduk yang memerlukan rumah untuk tinggal.

Seterusnya tentang isu Turf Club atau Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang. Saya cuma mendengar khabar-khabar ini tak semestinya saya tahu. Khabar-khabar yang mengatakan, tak semestinya, saya beritahu awal-awal yang mengatakan Kelab Lumba Kuda Pulau Pinang ini telah diserahkan atau dijual kepada satu (1) kumpulan pada Berjaya Group kalau tidak silap untuk dibangunkan dengan projek-projek lain komersial atau projek pembangunan. Dan akan dibina Thuf Club yang baru di SPS kawasan Batu Kawan, jadi untunglah orang Sungai Acheh dengan Sungai Bakap. Boleh bela kuda. Jadi cuma saya nak pengesahan kalau tiada tiadalah Kerajaan Negeri. Tentang isu khabar-khabar dalam *facebook*.

Isu tambakan laut perkara yang menjadi isu panas dalam persidangan Dewan pada kali ini. Semua pihak mempertikaikan aktiviti tambakan laut. Sesuatu perlu dilakukan untuk mengelakkan berlakunya aktiviti penambakkan dan merosakkan aktiviti ekosistem dan sebagainya. Soalan saya ada atau tidak satu dasar ataupun garis panduan Kerajaan Negeri sekarang dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini kalau tidak ada saya mohon untuk ditangguhkan dulu semua kerja-kerja penambakkan sehingga garis panduan disediakan.

Seterusnya tentang isu Kerajaan Negeri pemimpinnya asyik menyalahkan Kerajaan yang lalu setiap isu yang dibangkitkan. Barisan Nasional dahulu macam ini. Dulu mereka macam ini. Semua punca dahulu. Jadi tak akan selama lapan (8) tahun masih menggunakan alasan ini. Dah lapan (8) tahun lepas. Dah lepas lama dah. Tak perlu guna alasan-alasan macam ini....(gangguan). Kalau isu tambakan laut, isu pembangunan bukit botak kalau benda itu sudah tidak ekonomik, tak boleh buat bahaya dan merosakkan alam sekitar *cancel*. Tidak payak kita teruskan isu-isu ini. Kuasa ada ditangan tuan-tuan, sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan PBT *cancel*. Kalau bukit botak tak boleh buat rosak alam sekitar *cancel*. Tak perlu kita teruskan, jangan cari isu dulu Barisan Nasional lulus, semua lulus zaman itu. Kami teruskanlah takan nak teruskan hak Barisan Nasional? Sudah ada idea baru, ada benda baharu, buat baharu. Lagi isu tentang anak tiri....(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Duduklah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Penjelasanlah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Hendak jelaskan, macam mana kertas kerajaan dahulu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah, sudahlah.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Menghantui sampai hari ini. Siapa yang mengakibatkan semua banjir ini, siapa yang meluluskan semua ini. Maaf, bagi, bagi saya boleh jelaskan.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okeylah Sungai Dua sambung.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Isu seterusnya isu tentang anak tiri. Semua sebut Negeri Pulau Pinang dianaktirikan oleh Pusat. Saya pun di Sungai Dua dianaktirikan. Orang Sungai Dua juga bayar cukai pintu. Cukai semua bayar tetapi projek-projek pembangunan di Sungai Dua daripada Kerajaan Negeri tidak banyak. Pusat yang bagi kepada Negeri pun ada. Jangan tidak mengaku Batu Maung. Nanti saya baling pen ini nanti....(ketawa). Pusat bagi banyak, jangan tidak mengaku. MARRIS bagi, banyaklah. Projek bendang semua Pusat bagi. Sistem pengairan dan saliran, samalah Sungai Dua pun. Cukai bayar juga, cukai pintu berapa puluh, berapa ribu rumah. Tetapi tidak banyak pembangunan turun pun, sedikit sangat. Tinggal selalu. Kutip sampah tiga (3) hari sekali, dua (2) hari sekali. Banyak masalah. Saya panggil MPSP turun *meeting*, tidak turun. Panggil mesyuarat takut apa? Tidak turun.....(ketawa). Jadi kita pakat-pakatliah. Kita pun ada Pusat yang sumbangkan banyak, kalau saya hendak senaraikan YB. Dato' Jahara, Telok Ayer Tawar pun dah senaraikan. Pulau Betong pun sudah bagi apa yang Pusat sudah beri kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, banyak.

### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Penjelasan. Saya hairanlah tiba-tiba Dewan ini aktif apabila YB. Air Putih ada. Tadi semua diam sahaja.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Bagi soalan, nak habis dah. Bagi soalan bertulis, saya hendak buat cadangan, soalan bertulis nombor 16 tentang IKS. Saya tanya tentang apakah sumbangan Kerajaan Negeri dalam membantu IKS dan senaraikan kawasan IKS yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri di Seberang Perai. Jadi di Seberang Perai Utara memang tiada kawasan IKS, tiada langsung. Tidak mempunyai kawasan IKS yang diwujudkan di kawasan Seberang Perai Utara, cuma di kawasan sebelah Pulau Pinang, di Batu Kawan. Cuma saya kalau boleh kita hendak tambah di sini minta tindakan daripada pihak Kerajaan Negeri untuk melibatkan dalam aktiviti pemasaran. Saya tekan banyak kali dari segi pemasaran produk. Pemasaran hasil IKS. Jadi hasil IKS banyak dihasilkan di peringkat kampung, di peringkat kawasan tetapi timbul masalah dari segi pemasaran. Tiada satu pun tindakan drastik yang dibuat untuk menyelesaikan masalah pemasaran untuk membantu memasarkan produk. Saya kena buat sendiri pula di Sungai Dua. Panggil orang yang boleh jual kuih, dia buat pembekalan kuih basah kepada semua hotel, sekolah-sekolah, dia buat kilang dan sebagainya. Jadi panggil dia pula, bincang dengan pengusaha kuih, ibu tunggal di kampung. Jadi kita minta ibu tunggal ini bekalkan kepada dia, dibayar dengan RM0.27 sebiji. Jadi kita boleh membantu industri orang kampung, industri ibu tunggal yang buat produk-produk kampung. Jadi kita kena cari, Kerajaan Negeri tidak tolong cari pun. Minta pun tidak bagitahu. Minta sahaja, boleh cakap sahaja.

Yang keduanya tentang kerja-kerja haram tanpa kelulusan kebenaran, soalan nombor 17. Di SPU ini tidak ada langsung, pada hal saya nampak kerja-kerja haram ini berlaku. Di kawasan bendang, di tanah-tanah sawah dan juga sebagainya. Tetapi tidak ada langsung kes Daerah SPU. Mungkin selesai di bawah meja ke saya tidak tahu. Tidak nampak tindakan-tindakan yang drastik di kawasan SPU, dari segi tanah-tanah sawah yang ditambun, di kawasan pengairan dan sebagainya. Jadi tolong tengok balikkah. Saya ulang banyak kali tentang isu penambakan tanah sawah yang berlaku dalam kawasan warta tali air ini kalau boleh diberi perhatian balik, dilihat balik dan ditegaskan supaya tidak berlaku penambakan tanah sawah secara berluasa.

Soalan nombor 8 ini ialah tentang perlepasan ikan keli Afrika. Jadi masih ada lagi, masih berlaku lagi pelepasan ikan keli di dalam sungai. Jadi kalau boleh kita minta tukar ikan lain. Ikan keli ini lepas dalam sungai sebagai, ini saya tidak menyentuh tentang mana-mana pihak, dia sebagai hendak lepas nazar. Dahulu lepas burung merpati, ini sebagai adat agama lain. Kita menghormatinya tetapi kalau boleh ikan keli itu, dia siap ada tempat lepas, tempat meluncur ikan, lepaskan ikan masuk dalam sungai. Ikan keli ini bila masuk dalam sungai, dia makan anak udang, anak ikan dan sebagainya. Kita, Seberang Jaya lepas 100,000 pun habis. Saya pun lepas 100,000 200,000 pun habis juga. Ugang-ugang dan ikan, udang galah. Sebagai sungai itu kaya dengan udang galah. Belah Permatang Pauh sebelah, belah Sungai Dua. Ugang galah banyak. Kita bagi udang galah dekat Permatang Pasir, bukan rasuah, sumbangan, persahabatan. Dia bakal hendak masuk ke sini, persahabatan. Jadi kita bagi kemudian. Jadi kalau boleh tolonglah ambil tindakan balik. Nelayan merungut sebab tidak ada ikan, selain daripada pencemaran, pencemaran itu bermusim atau dia tidak begitu teruk sangat, cuma perlepasan ikan yang terlampau banyak sangat.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Sungai Dua. Saya kurang faham, ikan keli yang dimaksudkan kerana setahu saya ikan keli yang biasa ini, dia tidak akan makan. Ini ikan keli yang besar?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ini ikan keli Afrika?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Oh, Afrika.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ini ikan keli Afrika yang besar. Dia makan anak udang. Itu isu. Boleh orang Bangladesh. Jadi tolong tengok balikkah tentang isu ini. Seterusnya tentang isu sekolah agama rakyat, soalan nombor dua (2). Jadi saya cuma terkilan di sini, tidak disebutkan, mungkin saya tidak minta penjelasan. Kalau boleh diberikan penjelasan sedikit tentang sumbangan Kerajaan Pusat dalam membangunkan masjid dan juga sekolah agama rakyat yang baru ini, yang telah disenaraikan 12 masjid dan juga 10 sekolah agama. Berapa nilai sumbangan Kerajaan Pusat dalam setiap projek tersebut. Pusat dan Negeri, dibentangkan negeri. Saya minta sumbangan Pusat juga dimasukkan.

Saya ingat itu tentang soalan bertulis dan akhir ini tentang isu-isu dalam kawasan Sungai Dua. Pertamanya tentang isu kehadiran wakil Pejabat Daerah, Penghulu di kawasan DUN Sungai Dua. Ini semua teguran, jadi jangan ambil tindakan terhadap saya. Ada satu (1) Pejabat Penghulu di kawasan Sungai Dua, dekat *market*. Masyarakat selalu pergi di situ cari, kadang nak cop borang dan sebagainya. Sering tidak ada, sering Penghulu ini tidak ada di kawasan kompleks Pejabat Penghulu itu dan ini menimbulkan masalah kepada masyarakat. Kadang-kadang dia memerlukan tandatangan Penghulu untuk dokumen-dokumen sekolah dan sebagainya. Jadi dia banyak datang kepada sayalah. Saya tidak mahu nanti mereka kata saya pula jadi Penghulu. Saya turun pangkat jadi Penghulu. Dulu berminat jadi Penghulu tetapi tidak jadi.

Kedua tentang isu pembinaan gerai peniaga di kawasan Sungai Dua. Jadi sepanjang dua (2) tahun setengah ini tiada langsunglah pembinaan gerai-gerai baharu cuma satu saya dapat tahun lepas, duit daripada KPKT turun untuk pembaikan *market* dan naik taraf gerai di kawasan Medan Selera Sungai Dua. Jadi kalau boleh kita lihat balik dari segi pembinaan pihak MPSP, PBT membina balik gerai-gerai niaga di kawasan Sungai Dua yang memerlukan satu (1) penempatan peniagaan yang strategik. Kawasan Sungai Dua ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kawasan makanan. Dia ada masuk-masuk tol itu, kita tengok kedai makan banyak, kedai makan dan sebagainya. Cuba kita bincangkan balik untuk kita *upgrade* kan kawasan-kawasan kedai, *parking* dan sebagainya. Kalau boleh kita bantu dari segi itu untuk memastikan peniaga ini dapat meniaga dengan baik, dengan sempurna.

Ketiga pembersihan parit tali air sungai. Jadi ini kerja-kerja pembersihan di bawah JPS. Rungutan daripada petani, masih berlaku ketidakpuasan hati dari segi pembersihan terutamanya bila hendak masuk air buat bendang, dia kena bersihkan tali air tetapi masih berlaku kerja-kerja pembersihan ini tidak dilakukan mengikut pusingan. Kadang-kadang kontraktor yang dapat itu dia sub kepada orang lain, orang lain ini tidak buat. Ada juga kontraktor bukan tempatan, kontraktor dari Selangor dapat, saya pun hairan juga. Dia duduk di Selangor, dia dapat kerja di sini, mungkin Kerajaan Negeri dia terbuka, dia bagi semua. Jadi dapat dari Selangor, dia tidak buat. Dia bagi, dia serah pula kadang-kadang kepada Bangladesh buat. Warga asing buat, dia sub terus. Warga asing pun sudah pandai sekarang, dia sub terus kerja itu. Jadi kerja-kerja dia tidak puas hatilah, bermasalah. Ini yang berlaku tetapi saya ucapkan terima kasihlah kepada pihak JPS. Sungai Dua...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan YB. Sungai Dua, saya hendak tanya. Siapakah agensi pelaksana yang kata bagi kontrak kepada kontraktor Selangor, orang Bangla, siapa agensi pelaksana?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ya, kerja-kerja pembersihan parit, tali air, JPS lah. Dia menggunakan dua (2) sumber, duit Negeri ada duit IADA pun ada, IADA pun kadang-kadang dia akan salurkan kepada JPS untuk pelaksanaannya. Jadi kalau boleh, kerja itu buat, kadang-kadang tidak puas hati, dia tidak ikut pusingan, mungkin peruntukan tidak mencukupi. Jadi ia menimbulkan masalah. Kalau boleh yang penting masa kroniknya masa hendak masuk air, masa hendak buang air, itu kena pastikan bersih betul. Dua(2) ketika ini, masa masuk air, tali air itu kena *clear*. Masa hendak buang air, parit ke *clear*. Jangan waktu itu

tidak *clear*, air boleh masuk cepat, dia lambat, nak buang air pun masalah, dia akan jadi banjir dan sebagainya.

Saya ucap terima kasih kepada pihak JPS yang menguruskan peruntukan MARRIS yang telah melaksanakan projek tebatan banjir di kawasan Tasek Gelugor dan juga Sungai Dua. Sekarang saya tidak payah susah hati dah. Permatang Berangan pun tidak susah hati dah. Bila hujan lebat, Sungai Dua pun, saya akan telefon kawasan *benchmark* saya ini, kawasan penanda arah saya ini. Kawasan Lahar Yooi, Seberang Tok Doi, kawasan itu kalau telefon tidak banjir, okey. Kawasan lain pun tidak akan banjir. *Alhamdulillah* dalam setahun ini, hujan turun pun tidak banjir dah sebab kerja-kerja tebatan banjir dilaksanakan di Sungai Kereh, Seberang Tok Doi dan kawasan. Jadi terima kasihlah. Jadi tebatan banjir ini sangat-sangat berkesan, sangat perlu dibuat. Jadi di kawasan Penanti pun kena buat tebatan banjir, buat tebatan banjir *Alhamdulillah*. Banjir kuranglah berlaku di kawasan-kawasan yang rendah ini, yang terlibat dengan sungai. Tebatan banjir perlu dibuat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan, soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Penanti punya pasal okey.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Bagi Penanti, kita ada banyak projek-projek *Alhamdulillah* yang saya dapat dari Padang Kota dan yang telah membantu Penanti sebab Penanti memang ada sembilan (9) kawasan banjir yang sangat teruk. Macam dia, dia kata sikit sajakan, Penanti memang teruk. Jadi saya nak tanya soalan Kerajaan Pusat bantu kawasan macam mana bila sebut kena ada Tebatan Banjir itu? Apa projek yang Kerajaan Pusat buat? Sebab Kerajaan Negeri ada untuk penambahbaikan parit-parit kampung, pembesaran sungai dan juga beberapa *high impact project*, tapi setakat ini saya mungkin belum mula lagi *high impact project* seperti di *collector drain* di Tanah Liat, saya belum nampak lagi. Jadi nak tanya dari segi Sungai Dua dah menyelesaikan banyak dah tak ada masalah banjir. Macam mana ia diselesaikan? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tanya pun lembut sangat aih....(ketawa). Jadi tentang isu tebatan banjir ini, projek di bawah MARRIS kita ada projek tebatan banjir dan juga projek di pohon *direct* daripada JPS Pusat, JPS Malaysia...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, sikit saja. Terima kasih Permatang Berangan, *sorry*. Dato Speaker saya rasa ini dah makin lewat sangat dah ini kita semua dah mengelamun dah ini. Tidakkah Permatang Berangan...(ketawa), eh Sungai Dua macam mana dok teringat Permatang Berangan tak tahu. Penanti, sebenarnya kawasan-kawasan Permatang Berangan dan Sungai Dua serta juga Kepala Batas, Pinang Tunggal dan sebagainya

dulu memang kawasan yang cukup banjir, sikit sahaja hujan dah naik. Betui ya? Dan bila Kedah banjir, kita di sini dah bersedia dah dengan botnya dengan apanya semua, kerana 24 jam bila Empangan Beris dan sebagainya, di Pedu air akan sampai ke Pulau Pinang. Tetapi *Alhamdulillah*, saya rasa lebih 10 tahun dahulu peruntukan besar diberi oleh Kerajaan Pusat untuk mengadakan projek Tebatan Banjir Sungai Muda dan projek itu merangkumi sampai ke Sungai Perai, Sungai Kereh dan semua banyak-banyak anak sungai. Kita gembira masalah yang besar ini telah pun diselesaikan kecuali sedikit-sedikit macam yang disebutkan oleh YB. Sungai Dua tadi bila parit-parit tersumbat dan sebagainya dan masih lagi ada sedikit banjir. Projek Tebatan Banjir ini mungkin tak sampai ke Penanti lagi, perlu diteruskan oleh Kerajaan Negeri untuk sambungan. Masalah yang besar dahulu telah pun diselesaikan bahkan bila berlaku banjir besar sebelum itu, pusat-pusat kita panggil Pusat Penempatan Banjir yang banyak dibina, tinggi-tinggi semua sudah tak digunakan lagi dan dah ditukar guna untuk jadi kelas agama, aktiviti masyarakat dan kita gembira dan minta diteruskanlah.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Penjelasan, tadi terima kasih Dato' Speaker, saya tertarik dengan perbincangan ini sebab ia melibatkan kawasan saya Penaga. Saya rasa memanglah, disebabkan projek tebatan banjir ini, Penaga tidak banjir lagi sekarang. Pada satu ketika dahulu, semasa yang Mantan ADUN Penaga, Dato' Azhar Ibrahim. Pada masa itu memang teruk. Saya nak beritahu bahawa, kadang-kadang tak hujan di Pulau Pinang, tetapi hujan lebat di sebelah Kedah, tiba-tiba panas terik di belah Penaga tetapi banjir, ini yang berlaku pada masa itu. Perbelanjaan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat, untuk Pakej II berjumlah RM402 juta RTB Sungai Muda, dan untuk RTB Tasek Gelugor berjumlah RM41 juta, dan RTB Sungai Kerian 46 juta.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Siapa bagi?

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Datuk Haji Mohd Zain Bin Ahmad):**

Kerajaan Pusat, Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional. Itu sahaja Yang di-Pertua, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Satu saja. Bukankah projek *World Bank*? *It's the World Bank project*?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*No, no, okay*, Sungai Dua sambung.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingin tanya mungkin kita boleh minta Ahli-ahli Dewan Undangan Pembangkang di sini, kerana tadi ucapan saya petang semua tak ada, Kerajaan Negeri kita boleh tengok bajet yang dibentang oleh Ketua Menteri muka surat 24, Kerajaan Negeri memang ada minta daripada Y.A.B. Perdana Menteri untuk

kelulusan projek mitigasi banjir di Pulau Pinang sebanyak RM805 juta, tetapi sampai hari ini tidak ada sebarang maklum balas dan juga ini adalah yang telah dijanji oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam semasa sambutan Hari Raya Haji. So, mungkin tadi Ketua Pembangkang kita Telok Ayer Tawar, dan juga Sungai Dua, dan juga banyak punya ADUN yang mengatakan bahawa memang dahulu projek yang besar dan peruntukan yang besar disalurkan oleh Kerajaan Pusat untuk bantu menyelesaikan masalah-masalah banjir. So, disinilah mungkin satu bukti yang bagus di mana selepas pemerintahan Pakatan Harapan di Negeri Pulau Pinang, Bajet Pusat abaikan rakyat Malaysia di Pulau Pinang, so adakah setuju Sungai Dua?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya mungkin tidak bersetuju bila kita kata abaikan. Tak setujulah bila kata abaikan, sebab permintaan di tempat lain juga banyak, di Perak pun minta untuk tebatan banjir kawasan Alor Pongsu, jadi mungkin permintaan itu mengikut *priority*, mengikut keutamaan. Okey, jadi Penanti boleh permohonan ini dengan Kerajaan, dengan JPS, jadi kita boleh mohon Sungai Dua boleh bantu *insya-Allah*, untuk masyarakatlah, untuk rakyat. Janji tak tahu lagi dapat atau tak dapat, janji bantu. Sekejap lagi Seri Delima dia unkit Sungai Dua janji, okey, tentang yang seterusnya tentang isu penjagaan dewan-dewan terbiar saya bangkitkan banyak kali juga. Di Sungai Dua, ada dua (2) buah dewan yang langsung terbiar, yang langsung tak diuruskan, yang langsung tak dijaga. Jadi tempat pusat penagih-penagih dadah, habis besi-besi dia curi dah yang tinggal bangunan kosong dan tempat dia menagih dadah di situ. Dan saya akan buat *ambush* dengan AADK minggu depan di kawasan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Penjelasan Sungai Dua, saya juga bersetuju bahawasanya terdapat bangunan-bangunan yang telah pun dibina tetapi dibiarkan tidak digunakan, antaranya adalah bangunan milik Pulau Pinang di Medan Fair. Ia telah pun dibina dengan begitu cantik sekali tetapi tidak digunakan. Mungkin Batu Maung boleh bagi penjelasan adakah Penang akan mengambil bahagian dalam Medan Fair, tahun depan atau dibiarkan bangunan itu dalam keadaan yang usang yang tidak digunakan dan pembaziran daripada pihak Kerajaan Negeri. Mohon penjelasan Batu Maung itu nanti. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih, Batu Maung akan jawab. Kena mengena dengan terbiar. Dan, baru ini berlaku pula bila tukar Kerajaan Harapan, Pakatan Harapan baru ini orang PAS datang dekat saya, dia kata Dewan Kompleks Penghulu itu, dewan dalam Pejabat Penghulu itu, Pakatan Harapan datang potong pedal ayam rampas dewan, saya kata itulah kamu rasa pula, dulu kami rasa, kamu rasalah pula. Baru ada akal, sungguh ini bukan tipu nama dia Encik Johari orang Sungai Dua, dia pun Pengerusi JKKN kena pecatlah, dia PAS.... (gangguan). Jadi ini masalah JKKN, saya tengok JKKN ini tukar Pengerusi ini, tukar Setiausaha Pengerusi kerap sungguh. Saya ingat setahun, dua (2) kali tukar, ini tukar lagi sekali ini *last*, tukar pula kawasan-kawasan yang PAS jadi Pengerusi semua tukar... (gangguan).



**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Pasal apa? Naik pangkatkah?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Naik pangkatkah apatah tak tahu. Bila pertukaran terlampau kerap, ia akan menyebabkan...(gangguan) tukar pengerusi, jadi ini kalau boleh lihat baliklah kekerapan pertukaran pemimpin. Dapat pemimpin baru pula, dia nak *study* tak sempat nak buat kerja, jadi mungkin akan melemahkan JKK lah.

Seterusnya isu *homestay* di Sungai Dua di kawasan Lahar Yooi, baru ini YB. Batu Lancang datang ke kawasan saya pun tahu *last minute*, minta maafлах tak pergi. Tapi bila tahu *last minute* saya ada program lain, saya tak dapat hadir bersama, tak dapat makan tengahari bersama. Cuma saya nak *homestay* itu *homestay* yang terbaru diwujudkan, *homestay* ini saya nampak banyak Kerajaan Pusat yang main peranan. Bawah *focus group* bawah PERDA, ada 10 *homestay* sebelum ini, satu (1) yang terbaru di Lahar Yooi. Peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri saya tak nampak lagi. Saya tak nampak apa yang diberikan, apa yang disalurkan. Kalau kita itu di bawah *focus group* bagi banyaklah...(gangguan). Bagi banyak bagi macam-macam apa kemudahan, rumah dan sebagainya, *air cond*, basikal macam-macam, kita sediakan macam-macam. Cuma kita minta kalau dah penglibatan bersama Kerajaan Negeri dengan EXCO Pelancongan dengan Batu Lancang, cuba salurkan sesuatu untuk kemudahan, untuk pembangunan. Ya.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Haji Mahmud Bin Zakaria):**

Minta sikit boleh tak. Lenguh lutut lama. Cuma nak dapat penjelasan daripada Sungai Dua. Saya sebenarnya masih samar-samar tentang definisi *homestay* itu. Adakah rumah batu pun *homestay*, rumah tradisional pun *homestay*, adakah rumah itu ada orang duduk dipanggil *homestay* atau rumah itu tiada orang duduk dipanggil *homestay*. Sebab banyak di taman-taman saya pun *homestay*. Saya hairan. Katanya jikalau di Korea pengertian *homestay* berbeza. Saya tak tahulah mengikut EXCO Pelancongan ini apa maksud *homestay* ini? Mungkin Sungai Dua tahu, itu saja saya nak tanya. Soalan itu. Itu soalanlah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Konsep *homestay* yang saya faham di peringkat kita lah, EXCO akan jawab lain, itu Kerajaan Negeri punya. Yang saya nak jawab ini konsep kita buat. Kita nak rumah kampung, penglibatan 10 buah di kampung. Rumah kampung itu dia ada satu (1) bilik untuk dia buat *homestay*. Satu (1) bilik, Dia ada empat (4) bilik contohnya, tiga (3) bilik dia duduk dengan suami isteri, anak-anak kerja semua dah. Tinggal dia di rumah ataupun tiada orang dah. Dia buatlah bilik itu sebagai *homestay* untuk tambah pendapatan. Yang pentingnya penglibatan masyarakat kampung itu dalam program *homestay* ini. Nak buat program, aktiviti, sambutan dan sebagainya pergi bendang dan semualah. Jadi tak boleh kita buat *homestay* cari rumah batu sebiji. Yang itu *homestay* kah. Yang itu *homestay* macam yang buat sekarang ni.

### **Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Penjelasan. Sikit saja. Sikit saja. Saya jelas sini apa itu konsep *homestay*. Sebenarnya *homestay* dia perlu 10 rumah di kawasan itu baru boleh dapat kelulusan dari Kementerian Pelancongan. Kalau satu-satunya tiada. Di Pulau Pinang hanya 11 kawasan sahaja ada dapat kelulusan dari Kementerian Pelancongan. Yang lain itu minta satu-satu bilik itu lain. Tiada itu telah menyalahgunakan itu *homestay* itu perkataan. Sepatutnya mereka pakai hostel ke, apa yang lain ke, motel ke.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey. Saya teruskan. Tentang isu tanah TOL untuk nelayan di kawasan Taman Desa Murni. Saya bangkitkan dalam mesyuarat di peringkat sama-sama dengan Pejabat Daerah, kita dah buat jeti sebenarnya. Kita Kerajaan Pusat ini dah buat jeti untuk nelayan. Ada tiga (3) kawasan jeti untuk nelayan sungai dan mungkin kita akan libatkan *agrotourism* di situ dari segi, .....(dengan izin), *cruise* sepanjang sungai itu. Cuma isunya tanah TOL, tanah bawah JPS dibangunkan jeti tersebut. Jadi kita dah minta permohonan TOL dengan pihak Pejabat Daerah, Pejabat Tanah, kalau boleh kita minta kerjasama untuk kita luluskan supaya tidak menjadi masalah kepada nelayan di kawasan tersebut. Dan...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan Sungai Dua. YB. Dato' Speaker, bercakap tentang TOL ini. Kerajaan Pusat telah pun membina sebuah jeti nelayan di Bagan Ajam dengan perbelanjaan sebanyak RM40 juta. Sekarang digunakan oleh nelayan dan boleh muat kapasiti 200 bot nelayan. Bila proses pembinaan ini, penambakan dibuat di pengkalan jeti tu lebih kurang empat (4) ekar tanah telah pun ditambun. Dan permohonan yang dibuat oleh Persatuan Nelayan melalui Unit Nelayan Bagan Ajam telah ditolak oleh Kerajaan Negeri. Sebenarnya Persatuan Nelayan ini bila ada jeti ada ikan naik, dia perlu banyak kemudahan-kemudahan lain seperti bilik sejuk, *cold room*, tempat untuk mengumpul pukat-pukat, kemudahan untuk menjual ikan terus dari nelayan, pasar nelayan dan sebagainya. Jadi saya rasa setelah pihak LKIM membuat permohonan dan Kerajaan Pusat melalui Kementerian dah meluluskan begitu banyak peruntukan, perlulah kerjasama Kerajaan Negeri untuk membantu nelayan memberi kelulusan untuk tapak, *head land* ini yang telah ditambun supaya boleh ditambah kemudahan-kemudahan untuk industri perikanan ya, untuk membantu lebih 200 nelayan yang akan mendarat ikan di situ. Kita harap kerjasama yang seiring dengan hasrat Pusat untuk membangun kemudahan untuk nelayan.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff bin Mohd Noor):**

Okey terima kasih. Seterusnya isu JKM. JKM ini bukan isu apa. Isu ni macam yang dibangkitkan oleh YB. Berapit. Isu bila kita isi borang, borang itu hilang. Penduduk ini tunggu sampai tiga (3) hingga enam (6) bulan setahun tak dapat apa-apa bantuan. Ini mungkin kerana staf itu staf kontrak. Ada staf kontrak JKM. Yang buat siasatan ini. Bila dia tamat kontrak, dengan dia-dia, dengan borang-borang itu sekali dia bawa pergi. Ini masalah yang berlaku, yang sering orang kampung datang jumpa saya. Dia kata dah isi lama dah, setahun, dua (2) tahun, tapi masih belum dapat apa-apa jawapan. Bila saya cek balik memang borang dia hantar tapi tiada. Mungkin kerana staf tu kontrak, dan borang tu dah, jadi dia tamat kontrak dia bawa pelari dengan borang-borang sekali. Mungkin lah. Bukan kita tuduh.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan. Siapakah bagi kontrak. Siapakah bagi kontrak di sana. Yang penting itu?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ulang balik pula. Kontrak untuk staf. JKM, Kementerian.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya. Kementerian. Mengapakah Kementerian tidak percaya kepada staf-staf JKM. Terpaksa letak satu (1) wakil daripada UMNO, satu wakil dari MCA, satu wakil daripada MIC, ditarafkan sebagai eKasih. Dan selepas tu pi mai, pi mai tang tu tiada hasil, kontrak tidak dilanjutkanlah. Dan di sana selalu juga depa dok mai pun letih, sudah buat membuat rayuan. Kebajikan jangan terlibat politik. Kalau kontrak itu dia sudah bawa borang itu lari, itulah Barisan Nasional.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhammad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dia bukan Barisan Nasional yang saya jumpa ni. Parti itu nak habaq pun tak tahu. Tapi bukan maksud itulah. Bukan politik maksudnya. Kita nak kalau boleh data itu diperkemaskan. Contohnya yang kes-kes daftar semula. Saya faham masalah ini berlaku bila kita tak buat pendaftaran semula, berlaku kematian kadang-kadang bantuan itu masih bagi lagi. Itu yang buat setahun sekali kena buat isi borang semakan balik. Cuma kadang-kadang itulah yang lama. Yang sekarang itu saya ingat tiada masalah. Yang itu cuma data saja, kita perkemaskan data, lepas ini boleh *check* balik, isi balik borang dan *check* balik. Yang daftar baru ini kadang-kadang bermasalah.

Okey, dan satu (1) lagi peningkatan pendapatan penduduk di kawasan luar bandar. Saya harap benda ini menjadi satu agenda. Agenda saya di Sungai Dua. Kalau boleh agenda Kerajaan Negeri juga untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk. Biar dia ada pendapatan sampingan. Saya cuba untuk mendapatkan pendapatan sampingan kepada penduduk. Selain daripada dia buat bendang, dia ada pendapatan lain. Selain daripada dia kerja kilang, dia ada pendapatan lain. Kalau boleh permohonan pasar tani. Saya nak wujudkan tiga (3) Pasar Tani. Dua (2) pasar tani di Sungai Dua. Tapi kedua-duanya ditolak. Bukan ditolak oleh FAMA tapi ditolak oleh Majlis. Pihak MPSP tak setuju, tolak ataupun tak lulus lagi sampai sekarang. Jadi kalau boleh benda-benda macam ini untuk meningkatkan pendapatan penduduk kita cuba bantu. Kita boleh bantu bersama untuk selesaikan masalah yang berlaku.

Jadi saya ingat itu sahaja. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua Jabatan dan agensi yang terlibat yang banyak membantu. Semua agensi *alhamdulillah* di Sungai Dua banyak membantu menyelesaikan masalah penduduk, masalah kawasan. Cuma adalah dua (2) hingga tiga (3) agensi yang kadang-kadang tak mahu mai mesyuarat. Dia takut mai mesyuarat tidak tahulah kenapa. Jadi kalau boleh kita nakkan satu kerjasama untuk kita membantu rakyat, membantu masyarakat bukan nak bantu individu tertentu. Kita nak bantu semua masyarakat, semua rakyat. Terima kasih kepada semua jabatan agensi dan dengan ini saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Sungai Dua. Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Belum sedia atau sudah habis.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya. Kertas. Satu (1) minit sahaja. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya mengucapkan terima kasih kerana berpeluang membahaskan bajet tahun 2016. Pertama sekali saya ingin mengatakan bahawa saya membaca dokumen-dokumen bajet termasuk ucapan bajet diberi kepada saya dan umumnya *generally* saya menyokong bajet ini. Walau bagaimanapun, saya harap pada tahun yang akan datang, tumpuan sumber wang ataupun bajet boleh ada tumpuan lebih *percentage* terhadap pembangunan dan bukan lebih kepada pengurusan. Jadi .....(dengan izin), mohon bajet sumber *should be put on development of the state rather than administration course*. Ini perkara pertama.

Dato' Speaker, Kerajaan Pulau Pinang adalah satu Kerajaan bersama rakyat negeri kita menjadi antara satu (1) Negeri yang mengalami transformasi yang paling cepat di Malaysia. Kebaikan dinikmati oleh rakyat Pulau Pinang bukan hanya dari segi peningkatan kemudahan awam dan kemajuan fizikal, tetapi juga peningkatan semangat sosial dan komuniti yang jadi makin positif dan bersatu kerana rakyat telah tambah keyakinan kepada Kerajaan Pakatan. Ini saya dengar diberitahu kepada kita dari rakyat jelata. Negeri kita sudah mencapai satu (1) tahap semakin ramai rakyat Pulau Pinang dapat dimanfaatkan oleh program-program yang telah disediakan oleh Kerajaan Pulau Pinang. Saya nampak Kerajaan Pulau Pinang tidak bukan sahaja kerja kuat sentiasa memberikan sokongan dan keutamaan kepada rakyat. Terima kasih kepada EXCO-EXCO, Ahli-ahli *backbenchers* agensi-agensi kerajaan kerana tungkus lumus untuk mencapai satu kejayaan membantu masyarakat dan Rakyat Pulau Pinang.

Selain itu saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana dapat mewujudkan pembangunan berterusan di Negeri Pulau Pinang contohnya membuat program-program seperti memberi biasiswa kepada mahasiswa mahasiswi dengan memperkenalkan *Penang Future Foundation* dan program yang lain. Kerajaan kita juga tidak lupa sumbangan banyak kepada golongan dan kepentingan wanita dari segi pembangunan negara dan keluarga Kerajaan Negeri sentiasa menyediakan program-program untuk kaum wanita berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan kebajikan wanita termasuk Program Memogram, Program Anti Keganasan Rumah Tangga, *Penang Orange*, Program Kebajikan Ibu Emas, Program Kebajikan Anak Emas dan lain-lain. ini dapat memanfaatkan golongan wanita dengan memperkenalkan juga kita ada program memanfaatkan golongan wanita yang dinamakan sebagai Briged Wanita yang bermula dari segi pemberian segala sokongan, inisiatif, latihan yang diperlui oleh wanita termasuk sesi latihan *Organization Counseling* dan sebagainya.

Kedua- dua contoh di atas merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa kumpulan utama dan juga minoriti di masyarakat setempat dapat menikmati program-program pembangunan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pemberian bantuan kewangan dan sokongan untuk mengatasi masalah-masalah seperti miskin tegar dan juga menaiktarafkan servis-servis awam dengan mengadakan program bantuan khas dan bantuan kaunseling yang lain dan semasa ke semasa. Ini merupakan Dato' Speaker ini merupakan satu .....(dengan izin), *Sustainable Development*, Pembangunan Lestari, usah dikatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mendapat lagi mempertingkatkan kualiti dan mutu servis yang dipekenalkan dalam bajet ini, Bajet 2016. Sekali saya harap *percentage* ataupun tumpuan pada masa yang depan akan lebih boleh berkunjug atas pembangunan dan kurangkan di atas administrasi walaupun adalah juga penting upahan sederhana kepada *administration*.

YB. Dato' Speaker negara sedang menghadapi cabaran unsur-unsur seperti ekonomi global yang bergelora, kekurangan keyakinan dalam ekonomi negara kerana pengurusan Kerajaan Persekutuan yang kadang-kadang nampak tidak telus dan buruk seperti nampak dalam kes-kes seperti 1MDB. Tambahan pula dengan *tourism* antarabangsa persaingan kritikal dari negara asing, kelemahan persaingan institusi pendidikan kita dengan persaingan dunia, hutang domestik dan antarabangsa yang tinggi, kelemahan sumber manusia dan lain-lain yang menyebabkan ekonomi negara yang lambat dan penderitaan rakyat jelata. Lebih buruk lagi macam jatuh ditimpa tangga sekarang dibeban pula oleh GST dan kejatuhan nilai mata wang ringgit.

YB. Dato' Speaker, semalam saya dengar dari Ketua Pembangkang YB. Telok Ayer Tawar mengenai satu *statement* saya harap saya tidak silap mengulangkannya diberi tahu kepada Dewan ini ekonomi yang dibangunkan dengan sebegitu pesat pun kena turunkan mata wangnya dirujukan adalah di Negara China mengenai keturunan ataupun *devaluation*...(dengan izin), mata wangnya tapi bagi saya, saya ingin gunakan peluang ini untuk menjelaskan bahawa ini kedua-dua kes yang tak sama. di Negara China di mana *devaluation*....(dengan izin), kejatuhan atau keturunan nilai mata wang dia adalah kerana satu tindakan yang sengaja ataupun *intended control drop* .....(dengan izin), *intentionally allow the drop of devaluation of it's two percent currency value* kerana *over heated* sebaliknya dalam pemantauan saya mata wang Malaysia jatuh bukan kerana polisi kawalan wang Kerajaan Malaysia dengan sengaja tetapi merupakan satu undi tidak percaya kepada pengurusan ekonomi dengan pasaran *currency* awam yang tidak lagi merasa berkeyakinan dengan Kerajaan Pusat atas pengurusan ekonomi negara yang dianggap korupsi dan tidak berakauntabiliti.

Dengan pengurusan Kerajaan Pusat yang semakin merosot dan membebankan rakyat saya rasa bertuah dan bernasib baik kerana Kerajaan Pulau Pinang tidak turut serta dengan amalan yang tidak cekap ini, sebaliknya kita di Kerajaan Pulau Pinang telah dengan bersungguh-sungguh membina di dalam tujuh (7) tahun ini infrastuktur negeri dengan langkah demi langkah memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi dan beri kapasiti kepada rakyat supaya kita boleh ada daya saingan. Dengan bersimpati dengan rakyat Kerajaan Pulau Pinang ditanya kepada rakyat Pulau Pinang kerana membandingkan atau membuat pemantauan di atas kesukaran rakyat dalam musim ekonomi yang sangat cukup susah ini. Oleh itu Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi Negeri kedua yang mengumumkan bahawa kita akan menyerap cukai barangan dan perkhidmatan GST yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ekoran titah Sultan Johor yang mengarahkan Kerajaan Negeri berhenti mengutip cukai GST. Selain

daripada perkara yang lain di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjaga kepentingan dan prihatin kepada kesusahan rakyat salah satu polisi Kerajaan adalah untuk mengecualikan cukai pintu kepada golongan miskin yang duduk Rumah Kos Rendah dan dalam Rumah Kos Sederhana Rendah ini banyak usaha Kerajaan Pulau Pinang.

Dalam tempoh pimpinan Kerajaan Pulau Pinang banyak usaha merancang dan memajukan dan pemajuan telah dijalankan demi kebaikan Rakyat Pulau Pinang contohnya saya tanya soalan di dalam sesi ini dan soalan diberitahu mengenai perkembangan lapangan terbang baharu. Saya dimaklumkan oleh EXCO bahawa Kerajaan Negeri juga berhasrat mengadakan lapangan terbang antarabangsa yang lebih besar supaya lebih banyak Rakyat Negeri Pulau Pinang dimanfaatkan saya mengalu-alukan perkembangan ini walaupun lapangan terbang masih belum dibuat lagi saya juga dimaklumkan bahawa cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang baru ini di utara Malaysia sedang dijalankan kajian dan hasrat ini telah disuarakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 sebanyak RM600 juta. Pembinaan dan penyelenggaraan sebuah lapangan terbang antarabangsa terbesar di utara Malaysia adalah amat strategik bagi Malaysia YB. Dato' Speaker membandingkan Negeri kita Pulau Pinang merupakan satu pusat perlancongan perindustrian dan perdagangan antarabangsa yang diminati oleh pelabur pelancong dirantau.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini menurut statistik *World Trade Organization*, WTO tahun 2014 Asia merupakan....(dengan izin), *trading entity* yang kedua besar di dunia selepas Eropah. Anggaran sebanyak 31% iaitu RM5,773 billion dari RM18,301 billion iaitu angka seluruh dunia. 31% dari ini iaitu RM5,773 billion adalah di Asia dan Pulau Pinang dianggap sebagai satu (1) strategik lokasi, lokasi strategik di mana perdagangan, perlancongan, perindustrian diposisikan. Negara jiran kita YB. Dato' Speaker, negara jiran kita pada peringkat ini juga makin beraktif Singapura, Thailand, Indonesia kita mesti tahu dan kita memang tahu mereka banyak aktif dan merupakan jiran persaingan dengan kita dari banyak bidang dan negara seperti Myanmar, Vietnam, Cambodia dan lain -lain juga makin mantap dan berada daya saingan dengan kita.

YB. Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga usaha-usaha Kerajaan Pakatan bukan sahaja memberikan tumpuan kepada pembinaan lapangan terbang yang lebih besar tetapi juga memberi tumpuan ataupun memfokuskan atas penambahan penerbangan terus atau *direct flight* dari negara atau dari negeri lain ke Pulau Pinang. Usaha pejabat EXCO Perlancongan YB. Danny Law Heng Keang dan juga sorry Batu Lancang juga agensi-agensi kerajaan yang membantu syarikat atau sektor swasta sudah menjalankan banyak *task force* untuk memperolehi penerbangan terus atau *direct flight* ke Pulau Pinang. Inisiatif banyak telah di buat dan diberitahu kepada saya *direct flight* yang berkemungkinan akan datang...(dengan izin) *coming soon* adalah di antara Pulau Pinang ke Yangon, Pulau Pinang ke Seoul, Pulau Pinang ke Bandung dan beberapa lagi. YB. Dato' Speaker, saya mengalu-alukan kejayaan yang akan datang ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Pejabat EXCO tersebut dan pasukan beliau.

YB. Dato' Speaker, isu jerebu yang saya sentuh pagi tadi, saya minta untuk memberitahu sedikit lagi di dalam Dewan ini. Antara isu-isu yang perlu dibincangkan yang telah dibincang tadi ialah mengenai isu jerebu. Tindakan Kerajaan Persekutuan nampaknya lembab, ada dari Pejabat Timbalan Perdana Menteri pernah meminta rakyat Malaysia jangan mengambil tindakan atau tidak *responsive* kepada menyelesaikan

masalah ini, tetapi bagi kita di Negeri Pulau Pinang dan sebagai Kerajaan Pulau Pinang, saya rasa adalah penting Kerajaan Pulau Pinang sebagai satu *team* kena ada cara, solusi atau strategi yang lebih proaktif. Di sini saya hanya ada cadangan, mungkin boleh cadangkan kepada EXCO dan mungkin kita boleh ambil tindakan untuk menyelesaikan perkara ini.

Baru-baru hari ini ada berita memberitahu ada percanggahan di antara Presiden Jokowi dan Menteri Pertanian Indonesia mengenai polisi menghentikan kebakaran tanah, *pit land*,.....(dengan izin). Menurut laporan, polisi Presiden Jokowi dari Indonesia adalah untuk menghentikan kepakaran tetapi dari satu sudut lagi, pihak yang advokasi atau mahu pertanian masih ingin meneruskan kebakaran. Pada peringkat ini jikalau tidak silap maklumat saya, Kerajaan Indonesia masih tidak membuat polisi menghentikan kebakaran untuk tahun hadapan. Cadangan saya adalah untuk, bukan sahaja kita beri memorandum atau protes dan sebagainya tetapi inisiatif kita sebagai Kerajaan Negeri atau meminta Kerajaan Persekutuan untuk mendesak supaya Negara Indonesia ataupun Pejabat Presiden Negara Indonesia membuat satu keputusan. Adakah pejabat beliau akan membuat polisi yang tidak membenarkan kebakaran pada tahun yang akan datang? Kita perlu mengambil inisiatif yang lebih proaktif. Ini cadangan saya.

Saya masih ingat pagi ini YB. Seri Delima menyentuh mengenai *class action*. Dari segi sudut ini saya ingin menambah sedikit mengenai ...(dengan izin) *public international law*. *Public international law* ini adalah mengenai jikalau ada tidak persetujuan di antara dua negara, sistem undang-undang yang digunakan adalah *public international law* di mana di antara satu (1) negara ke satu (1) negara kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya. Dengan tindakan yang lebih konkrit kita mungkin, saya rasa kita boleh,.... (dengan izin), *compelled Indonesia Government to make a decision*.....(dengan izin). Adakah mereka akan teruskan polisi membakar atau tidak.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa):**

Penjelasan. Apakah perbezaan *between class action and state to state dispute*?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Bagi saya ini cerita panjang tetapi boleh kita...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa):**

Pendekkan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

*State to state dispute* mungkin hanya *generally* hanya nama, jikalau *private individual* bergaduh sebuah dengan *state entity*, ini merupakan *private international law* ataupun *private* dengan *private* adalah *private international law* tetapi sebuah negara dengan sebuah negara lain *public international law*. Itu memang protokol dan undang-undang,...(dengan izin), YB Dato' Speaker, ini isu yang *detail*. Saya rasa saya ada banyak lagi isu ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L Thambyappa):**

*You haven't answered my question, class action.*

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker, untuk definasi *class action* adalah satu tindakan di dalam sisi undang-undang oleh sekumpulan orang dengan,....(dengan izin), *common interests*, dengan kepentingan yang sama. Falsafahnya sama, bila saya *mention, international law, public international law* hanya *the structure of it*. Masih *class action*,.....(dengan izin).

Saya teruskan YB. Dato' Speaker. Rakyat kita menghadapi isu-isu yang sama setiap tahun mengenai jerebu. Baru-baru ini saya mendapat beberapa aduan dari kawasan DUN saya. Satu hari saya berada di Padang Tembak, seorang pemuda dia datang membuat aduan mengenai jerebu. Saya perlu berkongsi satu kenyataan di dalam Dewan ini. Pemuda ini menyatakan Yang Berhormat, saya minta kamu pergi buat protes di Kedutaan Indonesia kerana jerebu ini telah menyebabkan ibubapa beliau sakit. Dia kata tahukah Yang Berhormat di Pulau Pinang sekarang ada empat (4) musim. Saya tanya kepada ada empat (4) musim, setahu saya ada dua (2) musim sahaja. Pemuda itu mula memberitahu saya Pulau Pinang ada empat (4) musim, satu (1) musim kemarau, satu (1) musim hujan, musim durian dan musim jerebu. Ini empat (4) musim di Pulau Pinang, musim banjir tidak ada dalam kawasan saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta penjelasan Yang Berhormat. Berkenaan jerebu ini saya minta pandangan Yang Berhormat, tadi saya memang tertinggal untuk mencadangkan supaya kita mengambil tindakan yang lebih agresif, kalau boleh kita lihat....(dengan izin), *summon the ambassador* atau pegawai-pegawai di kedutaan untuk datang ke KOMTAR bagi menyatakan bantahan kita kerana tiap-tiap tahun perkara ini berlaku. Kita lihat kaedah ini digunakan apabila berlaku masalah diplomatik, *diplomatic problems*, ..... (dengan izin). Dalam kes ini saya minta pandangan Yang Berhormat Kerajaan Negeri atau EXCO berkenaan boleh sebagai Menteri di Pulau Pinang mengeluarkan satu arahan supaya pegawai-pegawai di Kedutaan Indonesia disaman untuk menyatakan bantahan kita, sekurang-kurangnya perkara itu akan memberi persepsi bahawa Kerajaan Pulau Pinang memang prihatin dengan masalah rakyat Pulau Pinang yang tiap-tiap tahun terpaksa mengharungi masalah jerebu ini. Kita lihat ini sebagai satu (1) perkara yang amat serius, saya pernah lihat Yang Berhormat sendiri pernah pergi ke kawasan untuk mengedarkan *face masks*, tiap-tiap tahun kita melakukan perkara ini. Beban kewangan Kerajaan Negeri setiap tahun meningkat, permintaan *face masks* pun meningkat setiap tahun. Perkara ini harus diberi perhatian dan mungkin EXCO berkenaan boleh mengambil cadangan kita untuk mengambil tindakan yang lebih agresif lagi seperti menyaman pegawai kedutaan ke KOMTAR untuk memberi penjelasan dan tindakan yang akan diambil untuk memastikan perkara ini tidak berulang.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih Seri Delima. Mengenai penjelasan dari kedutaan atau wakil dari pihak Negara Indonesia, sebenarnya Kerajaan Pulau Pinang sudah ada satu pertemuan dan perjumpaan dengan wakil Indonesia, Konsulat Indonesia. Penjelasan telah diberi



kepada Kerajaan Pulau Pinang, khasnya maklumat yang diberi kepada kita adalah bahawa Kerajaan Indonesia sedang mengusahakan untuk memadam api dan *control the situation* ...(dengan izin) keadaan tetapi saya rasa tindakan yang lebih lagi agresif perlu ada kerana ini mengancam keselamatan dan kesihatan orang. Di kawasan saya pun banyak, saya rasa bukan sahaja di kawasan saya tetapi di seluruh Malaysia dan di rantau negara-negara seperti Thailand, Singapura juga dipengaruhi dan terancam dengan jerebu. Tindakan memang perlu diambil.

YB. Dato' Speaker, saya ingin sentuh satu lagi perkara mengenai *vaping*. Saya buat satu kajian dan saya rasa perlu berkongsi dengan Dewan yang mulia ini. Kajian saya atas dasar beberapa kajian, salah satu dari Boston University lebih kurang lima (5) tahun di mana saya akan pendekkan kajian ini.....(dengan izin), *basic information* adalah *vaping* ini *evolve* dengan *electric cigarette*. Saya tidak akan panjang lebar tetapi cukup dikatakan ada lebih kurang 7,764 *flavor* yang telah di *develop*, dimajukan oleh *entrepreneur* dan penjual. Saya akan bacakan satu,....(dengan izin), satu paragraph dalam Bahasa Inggeris, *Boston University's research. Today, seller of synthetic vapes are aggressively marketing liquids forms of same chemical used in traditional synthetic hoards dadah under new names of liquid synthetic cannabinoid, also using brands like cloud nine, hookah, relax, crown, bizzaro, shisha and mad hatter. By selling under new names, spice merchants bypassed the increasing awareness of the dangerous smoking synthetic hoards. For example, they did not see the bad effect, harsh withdrawal and addictive nature. The second reason for confusion is the simple fact that most e-liquid drug don't tell you what their active ingredients is.*

Ini dan juga di dalam laporan ini mengatakan bahawa banyak pemuda-pemuda, pemudi orang kanak-kanak juga tertarik kepada *e-cigarette* ataupun *vaping* itu. Kekeliruan banyak masih ataupun ketidaksetujuan di antara *professional lawyers* mengenai *legal standing* semua ini masih ada tetapi sebagai Kerajaan Pulau Pinang, saya rasa kita kena sentiasa ingat bahawa ada satu lobi yang besar mereka merupakan syarikat *tobacco* yang besar sedang membuat gelombang untuk *push up the sale*..... (dengan izin) ini, jadi *health of*....(dengan izin) *health of officer policies maker* dan *researcher scrambling to keep up with the rapid outstanding*. Maksudnya dia memang ada beribu-ribu *flavor* sekarang dia sedang masuk pasaran bersangkut dengan pemuda-pemudi dan juga perokok yang tradisi, orang yang merokok tradisi.

Walaupun saya berpeluang saya bermesyuarat dengan beberapa doktor tetapi ada professional masih tidak ada cukup kajian untuk mengenal pasti mengenai *canister* kecil ataupun *content* ataupun *chemical* di dalam *canister*. 7,000 lebih *canister* itu. *Flavor-flavor* termasuk *flavor tobacco*, *flavor vanilla*, *flavor chocolate*, saya dengar ada daun ketum, marijuana, dadah sintetik, mungkin ada *banana* juga. Tapi 7,000 lebih *flavor* walaupun ada satu satu kajian mengatakan ada orang yang mengatakan dia takkan kena kanser tapi kerana *vaporization* ada yang mengatakan air boleh masuk paru-paru juga. Tapi saya bukan doktor. Tak dapat kanser kena *pneumonia*, doktor boleh *confirm* ini. Jadi pendek kata ada *cannibals flavor* juga.

Jadi kawalan ini memang mungkin pejabat kesihatan boleh buat ataupun *the drug sorority* yang mengawal makanan boleh masuk bercampur tangan mengawal situasi tetapi di dalam Dewan yang mulia ini saya rasa datangnya malam ini peringkat bagi Kerajaan Pulau Pinang kita sebagai kerajaan memantau perkara ini dalam melalui perbincangan malam ini juga. Kita memantau sebagai.....(dengan izin) *legislature*

mungkin kita boleh kemudiannya ada polisi yang baru terhadap perkara ini. Ada juga pengkaji atau profesor di universiti mengatakan ini satu....(dengan izin) *new opium war* kerana di antara beribu-ribu *flavor canister* yang pemuda-pemudi di tagih itu akan menyebabkan satu gelombang ketagihan yang akan menghancurkan struktur *society*. Tapi ini mungkin satu *over excretion* ataupun satu kes yang benar-benar akibat *causing* .....(dengan izin) mewujudkan ke tidak selamat dan ke tidak sihat kesihatan untuk masyarakat...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat sudah habis?

### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker, dua (2) isu lagi saja. Dua (2) saja, dua (2) lagi. YB. Dato' Speaker, bukan baru-baru ini saja tetapi sejak sejak sebagai seorang kanak-kanak saya tahu di kawasan saya mengalami isu keselamatan. Saya mengambil kesempatan ini dalam pembahasan bajet saya dapat tengok dalam ucapan Bajet 2016 mengenai keselamatan masyarakat komuniti di dalam kawasan ADUN saya di Kebun Bunga bukan sahaja baru-baru ini selama ini ada masalah *gangsterism*.

YB. Dato' Speaker, di dalam bertahun sebagai ADUN Kebun Bunga saya pernah mengambil tangan yang putus dari lantai untuk seorang pemuda yang bergaduh dan dipotong dan ditetak oleh parang. Tangan dia di sana orang dia di sini. Saya *stop* perlawanan ini dua (2) tahun dulu ada keluar surat khabar dan kembali balik tangan beliau dengan ambulans. Tangan sudah diselamatkan, orang sudah mati. Dia ditetak banyak tempat sampai boleh tengok lemak-lemak beliau dan tak ada orang bantu dia. Dia sedang, ini saya datang dengan anjing kemudiannya. Ini satu (1) kes apabila saya menjadi ADUN. Saya rasa cukup sedih kerana sebenarnya pergaduhan ini di Botanical Garden yang saya sudah berhentikan kemudiannya mereka mula sekali lagi. Saya bukan mengesyaki tapi saya tahu mereka mengambil dadah. Jadi ini satu (1), tetapi satu (1) minggu yang lalu saya ada video tapi tidak boleh tengok. Video yang cukup seram. *Horror, horrible*. Di tempat kawasan saya juga dengan lebih 100 pemuda mat rempit bukan mat rempit lah, dengan motosikal datang berlawan dengan sekumpulan 100 lebih pemuda dari geng-geng yang tidak sama.

YB. Dato' Speaker, mereka datang dengan parang sepanjang ini. Saya ada video semua ni. Saya hendak berjumpa dengan pihak Polis. Berbincang dengan beberapa kali G7,G9 semua pergi dengan apa semua ini. Pendek katalah, cukup boleh disenaraikan dengan banyak kali di kawasan saya. Saya boleh tengok nombor plat yang tidak sama dari Kedah, dari Ipoh, dari Selangor. *You* boleh *cam* sikit sekarang saya sudah berpengalamanlah., boleh *cam* sikit bila dia punya kereta datang kalau tengok *gangster* mungkin Kedah, Sungai Petani slow sikit. Macam ikut lembu di belakang *slow* sikit ataupun ia ini benar, 100 lebih *gangster*, 100 lebih *gangster*. *Motorbike* dia datang dari Ipoh dia tak tahu, Ipoh mari atau Ipoh datang, Ipoh keluar. Ini *gangster* dari mana ni. Dari Kepong, dia tak sama. Dia datang bukan saja dengan parang, dia datang dengan GPS, Whats app semua ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):**

YB. Dato' Speaker, boleh tolong *check* balik hansard yang dulu YB. Kebun Bunga yang dia bagi tentang cerita lama pernah dengar. Sudah, ini tangan potong sudah cerita lama, kata cerita yang baru.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker. Saya bukan, bukan. YB. Dato' Speaker. Saya menceritakan, cerita yang lama dan baru ini kerana saya nak wujudkan satu situasi yang berita.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ceritakah, fakta?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Fakta. Saya ada saya sebenarnya semua yang ada. Saya sudah beri kepada pihak Polis, rakamkan. *You* ada tengok YB. Seri Delima ada tengok dan YB. Penanti juga ada tengok dengan parang yang cukup panjang datang tetak. Banyak-banyak kes, 100 orang. Jadi saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Yang Berhormat ada beritahu saya, saya sangat gembira. Saya bukan ADUN Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apalah berapa minit saja lagi ada saya tahan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya kena sokong kerana kesudahannya Kebun Bunga adalah kawasan sempadan Pulau Tikus. Cerita yang diceritakan ada unsur-unsur kebenaran walaupun ada sensasi dan *suspend* sikit tapi memang adalah perkara *serious*.

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya nak tambah sedikit Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokong.

**Ahli Kawasan Sri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya sokong kawasan YB. daripada Kebun Bunga kawasan yang terdapat banyak sangat kongsi-kongsi gelap daripada dulu. Jadi dan saya percaya apa yang cuba disampaikan adalah untuk cuba menyelesaikan masalah ini. Itu yang maksud Yang Berhormat. Saya juga mengesahkan pernah lihat video tayangan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker. Ada datang dengan 60 orang, ada datang pada malam dengan 100 orang. Mereka ada khemah dan ada parti. Di dalam YB. Dato' Speaker, lelaki mesti 99%. ada yang kes yang berkaitan dengan perempuan saya tak nak cerita di sini. Ini lebih tapi kes-kes saya belum lagi sentuh atas kes *gengster* warga negara asing di kawasan saya juga. YB. Dato', saya juga ada satu (1) kes di mana kes warga asing kumpulan orang-orang asing masuk rumah di kawasan sempadan Tanjung Bunga dan Kebun Bunga merompak. Beberapa kes tapi satu kes yang saya pernah pergi juga. Tapi saya sudah ada ceritakan. Ya, ya. Bukan anjing ini saya pergi dengan seorang lagi pegawai Polis tanpa senjata. Kedua-dua orang di luar. Ini kes pukul tiga, satu pagi di kawasan saya tapi saya tak mau panjang lebar. Ini kes warga asing lima (5), enam (6) orang sentiasa berada di kawasan di bukit di antara Botanical Garden dan Tanjung Bunga dan Kebun Bunga dan View Hotel. Masuk banyak rumah, sudah banyak rumah. Sebab saya.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):**

Sedarkah Kebun Bunga jam sekarang sudah jam 11 malam.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Dato' Speaker. Boleh saya pohon sambung.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habiskan bahagian sini dan kalau ada isu lagi. Kah?

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Baru ini kes seorang pemuda...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa, ada *injury time* lagi.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Hanya kes yang minggu yang lalu seorang pemuda juga dipotong hidungnya. Satu hidung jatuh di atas kena *stitch bag*. Tanya Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang ini betul. Sebenarnya saya sakit hati kerana ini memang kes *serious* memang itu hidung dia dipotong. Ini masalah di sini cara yang diceritakan oleh ahli Yang Berhormat sahaja. Tetapi cerita-cerita yang diceritakan adalah benar. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*He got a supporter.*

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Kerana YB. Dato' Speaker, saya ada penyokong kerana saya cerita benar. Cerita saya benar. Saya berhubung dengan pihak Polis sentiasa, *serious crime* dan semua tumpuan kita sebagai Kerajaan Negeri mungkin kita boleh mendapatkan satu cara bagaimana saya belum tahu lagi saya sedang berusaha ada rancangan atau strategi atau tidak tapi ini bukan kerja sayalah. Kerja kita sebagai kerajaan mungkin boleh membantu membentuk satu sistem yang menyelamatkan komuniti kita. Pada peringkat ini saya siap dengan isu ini lah tapi mungkin esok saya boleh sambung esok dengan isu yang...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, Kebun Bunga sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kita perlu tangguhkan mesyuarat untuk hari ini kita akan sambung pada esok jam 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 malam.***